

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SERTI SERDANG)**

TAJUK : PENASIHAT EKONOMI SELANGOR

1. Kerajaan Negeri telah melantik Dato Seri Anwar Ibrahim sebagai Penasihat Ekonomi Negeri Selangor sejak tahun 2009.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pencapaian penting Penasihat Ekonomi dalam memajukan negeri setelah 3 tahun pelantikan?
- b) Apakah perancangan Penasihat Ekonomi Negeri bagi tahun 2012 untuk meningkatkan ekonomi negeri?
- c) Apakah prospek ekonomi negeri Selangor pada tahun 2012 setelah usaha dilakukan Penasihat Ekonomi Negeri tahun lalu?

JAWAPAN:

- a) Penasihat Ekonomi telah menjelajah ke Seluruh PBT di Selangor bagi menyampaikan Wacana Maqasid Syariah dan Masyarakat Majmuk dalam usaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negeri dengan penekanan terhadap keadilan sosial agar jurang kemiskinan dapat dirapatkan sebagai prinsip pemeliharaan harta.

Selain itu beliau mengusulkan Projek Khas Infrastruktur Daerah Negeri Selangor 2011 dengan peruntukan khas berjumlah RM100 juta kepada sembilan (9) Daerah. Fokus pelaksanaan projek adalah tertumpu kepada projek-projek yang kritikal di kawasan luar bandar dan kampung-kampung tradisi.

- b) Selain menitikberatkan program-program yang memberi manfaat kepada rakyat terbanyak, beliau akan terus memberi nasihat bagi memastikan pengurusan kewangan negeri diurus dengan berhemah, cekap dan telus tanpa di belenggu masalah ketirisan yang amat ketara dalam pentadbiran pusat sepertimana yang beliau utarakan dalam wacana beliau kepada pada diplomat bertajuk "Debunking ETP".
- c) Prospek ekonomi Selangor 2012 akan meneruskan bajet berimbang, mengukuhkan kedudukan kewangan negeri termasuk rizab namun tanpa kompromi terhadap program-program kebajikan buat rakyat terbanyak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: SELANGOR *AUTOMOTIVE BELT*

2. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah cadangan kerajaan bagi kawasan fokus seperti *Selangor Automotive Belt* supaya dapat membantu pertumbuhan ekonomi negeri bagi tahun 2012 ?

JAWAPAN:

- a) Aktiviti ekonomi utama di Daerah Hulu Selangor ialah perindustrian. Aktiviti ini tertumpu di Sungai Choh, Bandar Baru Batang Kali, kawasan Perindustrian Hulu Yam, Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, Kundang, Batang Kali, Kerling, Serendah, Pusat Perindustrian Zurah, Mukim Rasa

Hasil dari pertumbuhan sektor perindustrian menyebabkan beberapa kawasan mengalami pembangunan komersil yang memberangsangkan seperti Ulu Bernam, Kalumpang, Batang Kali, Serendah, Ulu Yam, Kerling Sungai Choh.

Pembangunan daerah Hulu Selangor memberi penekanan pada pembangunan fizikal daerah dimana sektor perindustrian, perkhidmatan dan projek berskala besar diberi tumpuan. Antara kawasan yang terlibat:

- i. Lingkaran Pembangunan Hulu Selangor – Tanjung Malim – Slim River telah dikenal pasti sebagai zon pembangunan campuran dan industri. Tumpuan pembangunan adalah di Kalumpang, Batang Kali, Ulu Yam Baru, Kerling dan Sungai Choh.
- ii. Pembangunan ini menyebabkan berlaku transformasi pembangunan guna tanah yang beralih daripada pertanian kepada perbandaran. Wujud beberapa pusat pertumbuhan baru seperti:
 - Bandar Baru Bukit Beruntung – Bukit Sentosa
 - Bandar Baru Lembah Beringin
 - Bandar Baru Sungai Buaya

Bandar Kuala Kubu Bharu yang terletak di Koridor Serendah Batang Kali – Kuala Kubu Bharu – Tanjung Malim menjadi pusat daerah, Batang Kali dan Ulu Yam

Baru menjadi pusat perkhidmatan utama. Selain itu, perumahan juga akan wujud di sekitar koridor ini.

- Kerajaan Negeri menggunakan beberapa pendekatan dalam membangunkan daerah Hulu Selangor seperti;-
- Corak pembangunan berpusat iaitu memberi penekanan pada pembangunan dalam dan sekitar kawasan pusat pertumbuhan bagi menggalakkan pembangunan yang cepat dan bersepadu di samping menggalakkan pembangunan beberapa pusat pertumbuhan baru.
- Meningkatkan kelengkapan infrastruktur di semua kawasan khususnya kawasan pembangunan industri.

Kawasan Serendah, Hulu Selangor telah dikenal pasti sebagai kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai Selangor Automotive Belt. Kebanyakan syarikat-syarikat pembuatan barangan peralatan kenderaan beroperasi di Serendah dan sekitar Hulu Selangor yang merupakan vendor kepada Perodua, Nissan dan Proton. Selain itu ia juga merupakan pelengkap kepada Proton City di Tanjung Malim.

Kerajaan Negeri Selangor melalui SSIC Berhad sedang giat mempromosikan kawasan-kawasan industri yang masih ada di kawasan tersebut kepada pelabur-pelabur yang berpotensi.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut meluluskan pemberimilikan tanah secara pajakan kepada syarikat Tan Chong Motor untuk mereka membuat penambahan pelaburan dan pembesaran kilang mereka dan menjadikan kilang di Serendah sebagai kilang utama bagi pemasangan kenderaan jenis Nissan.

Bagi menggalakkan pertumbuhan sektor perindustrian, infrastruktur kawasan-kawasan industri sentiasa dipertingkatkan agar para pelabur berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : MASALAH BEKALAN AIR BERSIH.

3. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Adakah benar, terdapat khabar angin mengatakan bahawa rakyat di Negeri Selangor bakal menghadapi masalah bekalan air bersih dalam tempoh terdekat ini?
 - b) Jika benar terjadinya situasi sebegini, apakah langkah-langkah proaktif yang bakal diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi masalah bekalan air bersih tersebut kelak?
 - c) Dimanakah kawasan-kawasan di Negeri Selangor yang dikenal pasti masih belum menikmati bekalan air bersih (100%) pada masa kini?

JAWAPAN:

- a) Isu tidak cukup air ini telah dibangkitkan oleh SYABAS kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor semenjak tahun 2005 lagi. Pada masa ini, kapasiti air dari 33 Loji Rawatan Air adalah sebanyak 4,326 Juta Liter Se Hari. Dari jumlah itu, masih ada Loji yang tidak mengeluarkan air mengikut kapasiti reka bentuk.

Ada juga Loji yang mampu mengeluarkan air melebihi kapasiti reka bentuk, namun disebabkan tidak ada *inter connectivity* yang lengkap, maka lebih air dari Loji tersebut tidak dapat disalurkan ke kawasan permintaan tinggi, contohnya Loji Sungai Selangor Fasa 3 boleh mengeluarkan air sebanyak 800MLD, tetapi jumlah yang diminta oleh SYABAS untuk diagihkan kepada pengguna hanya dianggarkan sebanyak 600MLD. Begitu juga Loji Air Rasa boleh mengeluarkan air sebanyak 250MLD tetapi permintaan hanya setakat purata 150MLD sahaja.

Keperluan air di Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya bagi bekalan air awam adalah 4,037 JLH, pengairan padi adalah 1,973 JLH, pertanian adalah 99 JLH dan penternakan adalah 23 JLH maka berjumlah 6,132 juta liter sehari. 10% bagi keperluan '*environmental flow*' iaitu 1,700 juta liter sehari. Jumlah keseluruhan keperluan air adalah 7,832 juta liter air sehari.

Actual Metered Consumption setakat tahun 2011 adalah sebanyak 2,808MLD. Kadar NRW yang tinggi mempengaruhi permintaan air dan

anggaran yang diberikan oleh SYABAS adalah mengambil kira *buffer* sebanyak 10% dan keadaan ini menyebabkan permintaan air dilihat meningkat secara mendadak.

Ini bermakna Negeri Selangor masih lagi mempunyai 9,168 juta liter sehari air larian permukaan yang masih belum dimanfaatkan, ini termasuklah air di dalam kolam tadahan banjir dan bekas lombong yang mana sebahagiannya terus mengalir ke laut. Manakala bagi sumber air bumi masih belum dimanfaatkan sepenuhnya.

Unjuran purata permintaan bekalan air dikira berdasarkan kepada pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi serta industri dengan mengambil kira zon penampungan sebanyak 10% dalam unjuran permintaan dan pengeluaran bekalan air bersih. Purata permintaan bekalan air semasa adalah sebanyak 4,113 JLH, manakala purata penggunaan sebenar mengikut rekod SYABAS adalah seperti berikut:

TAHUN	PURATA (JLH)
2005	2,296
2006	2,392
2007	2,489
2008	2,575
2009	2,650
2010	2,747
2011	2,808

Unjuran yang dibuat oleh SYABAS mengambil kira faktor pertumbuhan permintaan pada kadar 6.0% dan *buffer* sebanyak 10% setahun. Manakala pertumbuhan permintaan sebenar adalah pada kadar 1.5% - 2% setahun. Kadar pertumbuhan penggunaan air melalui pembilan adalah sebanyak 4% setahun.

Untuk tempoh 20 tahun akan datang, dijangkakan akan berlaku pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi. Pertambahan penduduk serta pertumbuhan ekonomi yang rancak secara langsung akan mendorong kepada permintaan air bersih yang lebih tinggi manakala pembekalan air tidak berubah.

Berdasarkan maklumat rasmi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), penggunaan per kapita nasional untuk penggunaan domestik bagi Semenanjung Malaysia bagi tahun 2007 dan 2008 adalah **226 liter/orang/hari**.

Kadar penggunaan per kapita nasional sebanyak 226 liter/orang/hari ini adalah jauh lebih tinggi dari Singapura sebanyak 170 liter/orang/hari, dan usaha-usaha boleh dijalankan bagi mengurangkannya.

- b) Untuk tempoh 20 tahun akan datang, dijangkakan akan berlaku pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi. Pertambahan penduduk serta pertumbuhan ekonomi yang rancak secara langsung akan mendorong kepada permintaan air bersih yang lebih tinggi manakala pembekalan air tidak berubah. Sama ada khabar angin mengenai Selangor akan menghadapi masalah bekalan air itu benar atau sebaliknya, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil langkah positif untuk memastikan rakyat Selangor sentiasa mendapat bekalan air yang mencukupi.

Beberapa projek sumber air tambahan telah pun dilaksanakan bagi memastikan sumber bekalan air adalah mencukupi, antaranya adalah seperti berikut:-

i) Loji Rawatan Air Sg Labu / KLIA Alternative Water Supply Scheme

Projek ini dikendalikan oleh Pengurusan Aset Air Berhad. Kapasiti nominal Loji Rawatan Air adalah **105 Jlh**.

ii) Membaik pulih Kapasiti Loji Rawatan Air Sg Selangor Fasa 1 (SSP1)

Kerja-kerja membaik pulih kapasiti pengeluaran Loji Rawatan Air Sg Selangor Fasa 1 (SSP1) dapat meningkatkan pengeluaran dari Loji SSP1 dari 760 Jlh sedia ada kepada 950 Jlh, iaitu peningkatan sebanyak **190 Jlh**.

Pada ketika ini, semua data berkenaan dengan permintaan dan pembekalan air adalah dipegang oleh SYABAS. Dari data yang telah di analisa, didapati unjuran yang dibuat oleh SYABAS adalah agak tinggi. Rawatan air pula dikendalikan oleh operator yang berlainan. Namun demikian, sekiranya berlaku krisis bekalan air, dalam apa keadaan sekalipun, Kerajaan Negeri Selangor akan dipersalahkan.

Oleh itu, salah satu tujuan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor adalah untuk memastikan industri perkhidmatan air di Selangor dikendalikan secara holistik oleh satu operator bermula dari proses rawatan proses hinggalah pengagihan kepada pengguna. Model Holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air

secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak membebankan rakyat keseluruhannya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Kerajaan Negeri Selangor menyedari kepentingan pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air. Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan pengambilan balik tanah bagi untuk pelaksanaan Projek ini dan bagi tanah-tanah kerajaan yang telah dirizabkan untuk tujuan tertentu, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan pajakan selama 20 tahun.

Proses pengambilan balik tanah bagi Projek LRA 2 telah bermula semenjak tahun 2007 lagi. Keseluruhan tanah yang terlibat untuk Projek LRA 2 adalah sebanyak 462.776 hektar. Dari jumlah tersebut, 86.44 hektar adalah tanah kerajaan. Namun demikian, Kelulusan Pelan Pembangunan masih ditangguhkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sehingga persefahaman bersama dapat dicapai dengan Kerajaan Persekutuan mengenai penstrukturan semula Industri Perkhidmatan Air di Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Negeri Selangor hendaklah dibincangkan bersekali supaya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mencapai persefahaman di dalam memuktamadkan dengan segera penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor berdasarkan kepada Model Holistik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mencapai kadar tarif yang munasabah yang tidak membebankan rakyat dan pada masa yang sama tidak membebankan operator air.

Kerajaan Negeri Selangor sedia untuk mempertimbangkan kelulusan kepada pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 tertakluk kepada:-

- a. Penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor dimuktamadkan;
- b. SPV milik Kerajaan Negeri Selangor dilantik sebagai operator bagi operasi dan penyelenggaraan Loji Rawatan Air Langat 2, Loji Rawatan Air Sungai Labu dan semua loji rawatan air baru di masa hadapan; dan
- c. Pelawaan kepada syarikat milik negeri untuk menawarkan pembinaan kemudahan perawatan air Langat 2.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa bekerjasama dengan operator loji pembersihan air seperti Splash, Abass dan Puncak Niaga serta agensi yang terlibat dan Suruhanjaya Air Negara (SPAN) langkah-langkah mitigasi telah dilakukan seperti berikut:

- i) Hanya melepaskan air dari empangan berdasarkan keperluan optimum loji sahaja.
- ii) Menjalin persefahaman yang mantap bagi semua pihak berkepentingan dalam mengurus sumber air supaya bekalan air bersih tidak terganggu.
- iii) Memantau paras air di muka sauk bagi memastikan kuantiti air yang dipam adalah mencukupi dan tidak memberi kesan ke atas operasi pam air mentah hingga mengakibatkan kegagalan.
- iv) Sentiasa memantau dan bertindak sewajarnya sekiranya simpanan air mencapai tahap 50%.
- v) Masyarakat umumnya sentiasa diminta berjimat cermat terhadap penggunaan air sewaktu musim kemarau.

Selain itu, LUAS sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan air di Negeri Selangor turut mengambil kira beberapa langkah yang perlu di ambil sekiranya berlaku masalah air di Negeri Selangor. Salah satu penyelesaiannya adalah penggunaan **sumber air alternatif** iaitu menggunakan air permukaan seperti air tasik, lombong dan sebagainya untuk keperluan harian. Sumber air bumi juga merupakan penyelesaian terhadap kekurangan bekalan air di Negeri Selangor. Walaubagaimanapun, sumber air bumi masih belum meluas penggunaannya dan perlu dikomersialkan.

- c) Di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS, liputan bekalan air untuk kawasan luar bandar yang perlu dicapai oleh SYABAS adalah sekurang-kurangnya 98% pada tahun 2010. Sehingga akhir tahun 2009, SYABAS telah mencapai liputan 99% bekalan air ke kawasan luar bandar. Selain SYABAS, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) juga mengadakan program untuk bekalan air ke kawasan-kawasan ladang.

Mengikut rekod SYABAS, kawasan-kawasan yang masih belum ada bekalan air di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

Wilayah Gombak

1. Kg Sg Chincin, Batu 7
2. Kg. Tengah Tambahan MRR2
3. Kg. Belengkong
4. Kg. Kemensah, Hulu Klang
5. Kg. Nakhoda
6. Taman Ampang Utama
7. Taman Desa Pendidik, Hulu Klang
8. Kg. Laksamana

Wilayah Klang

1. Bagan Hailam
2. Pulau Ketam
3. Sungai Lima
4. Kg. Sg. Sireh Tambahan 2
5. Kg. Sg. Sireh Utama
6. Kg. Keretapi

Wilayah Kuala Selangor

1. Ladang Sg. Tenggi
2. Bukit Minyak
3. Ladang Bukit Talang-Kg. Baru Division
4. Ladang Bukit Ijok
5. Kuil Sri Mariaman-Jalan Kepong Batu 26
6. Batu 24, Jalan Rawang, Kg Sg Darah, Bestari jaya
7. Gerai Puncak Alam Fasa 3

Wilayah Kuala Langat

1. Kg. Org Asli Bukit Kecil

Wilayah Hulu Selangor

1. Ladang Changkat Asa-Ulu Bernam
2. Ladang Bukit Tagar
3. Ladang Nigel Gardner
4. Ladang buah-buahan Felda (Hulu Selangor)
5. Lembah Beringin

Wilayah Hulu Langat

1. Jalan Rahmad, Sungai Jai
2. Jalan Tanah Wakaf, Teras Jernang
3. Jalan Teratai, Batu 3, Jalan Semenyih
4. Kampung Bukit Kepong
5. Lorong Sungai Serai 1, Kg Sungai Serai

6. Lorong Sungai Serai 10, Kg Sungai Serai
7. Lorong Kubur, Batu 16 Dusun Tua
8. Jalan Sungai Mampir, Batu 19, Sungai Lui
9. Lorong Sebelah Masjid, Kg Jawa

Wilayah Sabak Bernam

1. Parit 9 Hala Laut, Sekinchan
2. Kg. Batu 23, Jalan Rezab Hala Laut

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : METER AIR PUKAL

4. Penghuni di kawasan rumah flat tidak menikmati bekalan air percuma kerana menggunakan meter pukal.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah penghuni rumah flet yang masih menggunakan meter pukal di Selangor?
- b) Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk membantu penghuni flat bertukar dari meter pukal ke meter individu?
- c) Berapakah tambahan kewangan untuk program air percuma jika sekiranya semua penghuni bertukar ke meter individu?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan rekod Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS), jumlah pangsapuri yang masih menggunakan meter air pukal di negeri Selangor **setakat 27 Januari 2012 adalah sebanyak 2,273 kawasan (termasuk di kawasan Kuala Lumpur dan Putrajaya)**. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri perlu membuat semula penyelarasan data ke atas rekod SYABAS bersama Unit Pesuruhjaya Bangunan di semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan negeri Selangor kerana terdapat pangsapuri di Kuala Lumpur yang berada dalam sempadan negeri Selangor. Selain itu, Kerajaan Negeri juga dapat mengenal pasti jumlah penghuni atau pembeli terlibat memandangkan SYABAS hanya mempunyai rekod penama meter air individu bagi kawasan pangsapuri yang telah melaksanakan migrasi meter air individu sahaja.

Namun begitu, hasil daripada semakan semula data yang dibuat bagi **pangsapuri kos rendah yang menggunakan meter air pukal di bawah kod 18 dan 17**, didapati jumlah kawasan yang terlibat adalah **234 kawasan melibatkan seramai 65,983 pembeli bagi unit kediaman** seperti berikut:

BIL.	NAMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH KAWASAN
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	35 (5,394 unit)
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	23 (16,974 unit)
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	28 (11,824 unit)
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	54 (14,964 unit)
5.	Majlis Perbandaran Klang	47 (5,910 unit)
6.	Majlis Perbandaran Selayang	20 (6,086 unit)
7.	Majlis Perbandaran Kajang	19 (2,978 unit)
8.	Majlis Perbandaran Sepang	1 (125 unit)
9.	Majlis Daerah Kuala Langat	4 (388 unit)
10.	Majlis Daerah Hulu Selangor	1 (300 unit)
	JUMLAH	234 (65,983 unit)

- b) Untuk membantu pelaksanaan migrasi meter air individu, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mengadakan rundingan beberapa kali dengan SYABAS untuk memudahkan syarat-syarat kelulusan migrasi meter air individu. Selain itu, LPHS juga mengadakan **Mesyuarat Jawatankuasa PRIHATIN (Pemudah Isu-isu Hartanah Bertingkat) yang bersidang pada setiap minggu** bersama SYABAS dan Pemaju, Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) kepada pangsapuri yang menghadapi masalah dalam melaksanakan migrasi meter air individu. LPHS turut merancang untuk mengadakan satu **seminar dengan kerjasama SYABAS** bertujuan menerangkan dasar dan prosedur pelaksanaan migrasi yang telah ditambahbaik kepada semua pangsapuri yang terlibat.

- c) Berdasarkan jumlah 234 kawasan pangsapuri kos rendah (65,983 unit kediaman) yang telah dikenal pasti, **peruntukan kewangan terlibat bagi program rebet air percuma setelah pelaksanaan migrasi meter air individu adalah sejumlah RM9,026,474.4 setahun.**

Manakala, bagi kawasan pangsapuri bukan kos rendah, jumlah peruntukan kewangan terlibat akan ditentukan setelah maklumat jumlah unit kediaman bagi pangsapuri berkaitan dikenal pasti dengan Unit COB di semua kawasan PBT negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PUSAT PEMINDAHAN SISA PEPEJAL DI BAWAH WORLDWIDE
HOLDING BERHAD**

5. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 muka surat 153.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status semasa Pusat Pemindahan Sisa Pepejal di Seksyen 21 Shah Alam?
- b) Berapakah jumlah kos yang ditanggung oleh Worldwide Holding Berhad sepanjang tempoh pusat tersebut tidak beroperasi?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan operasi pusat tersebut dapat berjalan lancar dan terus berdaya saing?

JAWAPAN :

- a) Tapak Pemindahan Sisa Pepejal (SATS) di Seksyen 21 Shah Alam telah mula beroperasi pada **10 Januari 2012** dari pukul 8.00 pagi sehingga 9.00 malam dengan hanya menerima sisa pepejal dari Majlis Bandaraya Shah Alam (**MBSA**) sebanyak 400tan sehari. Walau bagaimanapun, pada bulan Mac 2012 tapak SATS telah mula menerima sisa pepejal dari Majlis Perbandaran Subang Jaya (**MPSJ**) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (**MBPJ**) dengan purata sebanyak 1000tan sehingga 1100tan sehari. Semua sisa pepejal di SATS ini akan dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah Jeram.
- b) Pihak Worldwide Holdings Berhad (WHB) terpaksa menanggung kos sebanyak **RM800,000 ribu** sebelum tapak SATS di Seksyen 21 ini mula beroperasi pada 10 Januari 2012. Kos yang ditanggung ini adalah meliputi seperti membayar bil utiliti, kemudahan keselamatan dan kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan yang digunakan.
- c) Kerajaan Negeri sentiasa mencari pelbagai langkah terbaik dalam memastikan supaya tapak SATS di Seksyen 21 ini dapat berjalan dengan lancar dan terus berdaya saing. Antara langkah yang telah diambil adalah dengan meningkatkan lagi kadar penerimaan sisa pepejal agar dapat memudahkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menjalankan kerja-kerja kutipan sampah. Untuk makluman, permintaan penghantaran sisa pepejal daripada tiga (3) PBT terlibat iaitu MBSA, MBPJ & MPSJ bertambah secara mendadak sehingga

melebihi kapasitas SATS. WHB dalam perancangan untuk menambah bilangan kendaraan operasi untuk menampung jumlah sampah yang meningkat ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK: GAJI MINIMA

6. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- a) Berapa ramai pekerja di syarikat-syarikat berkaitan kerajaan negeri menikmati dasar gaji minima yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri Selangor ?
 - b) Berapa syarikat-syarikat kerajaan negeri yang tidak berupaya menjalankan polisi gaji minima?
 - c) Apakah halangan utama untuk kerajaan negeri melaksanakan dasar gaji minima kepada seluruh pekerja di bawah seliaan kerajaan negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Negeri yang di bawah MBI tidak mempraktikkan dasar gaji minima ini kerana kakitangan yang digajikan tidak kurang daripada tahap gaji minima yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Memandangkan syarikat-syarikat Kerajaan Negeri yang di bawah MBI tidak mempunyai kakitangan yang digaji di bawah polisi gaji minima, oleh yang demikian, tiada syarikat yang tidak berupaya untuk menjalankan polisi gaji minima ini.
- c) Memandangkan syarikat-syarikat Kerajaan Negeri yang di bawah MBI tidak mempunyai kakitangan yang digaji di bawah polisi gaji minima, oleh yang demikian, tiada halangan untuk mempraktikkan polisi ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: KERAJAAN NEGERI TELAH MELANCARKAN TAHUN MELAWAT
SELANGOR DENGAN TEMA SELANGOR SHINE SEBELUM INI.**

7. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah Program Selangor Shine berjaya?
 - b) Berapakah bilangan pelancong yang datang ke Selangor?
 - c) Adakah pembinaan banyak hotel bajet baru menyumbang program Selangor Shine?

JAWAPAN :

- a) Program Selangor Shines yang dilancarkan telah berjaya dilaksanakan dan mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai. Memandangkan program ini merupakan program kempen yang berterusan sejak tahun 2010 lagi, program ini telah dilihat memberikan kesan positif terhadap peningkatan kedatangan pelancong ke negeri Selangor. Malah, secara tidak langsung ia turut menyumbang kepada peningkatan ekonomi negeri Selangor khususnya bagi subsektor perkhidmatan. Oleh kerana sambutan yang sangat menggalakkan, Program Selangor Shines masih diteruskan sehingga kini.
- b) Terdapat peningkatan yang sangat memberangsangkan berkaitan dengan jumlah kedatangan pelancong ke negeri Selangor bagi tempoh dua tahun yang lalu. Perbandingan bilangan pelancong yang datang ke Selangor bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti berikut :-

	2010	2011
Bilangan pelancong	5,833,858	6,040,418

- Buat pertama kalinya, bilangan pelancong ke Selangor telah mencapai angka 6 juta orang.
- c) Tidak dapat dinafikan bahawa, pembinaan dan pertambahan hotel-hotel di negeri Selangor adalah sangat menggalakkan. Dalam hal ini, pertambahan bilangan hotel dari bajet sehingga ke 6 bintang merupakan suatu 'bonus' kepada perkembangan dan pembangunan industri pelancongan di negeri ini terutama daripada aspek kepelbagaian pilihan

penginapan kepada para pelancong. Justeru itu, Selangor Shines dan hotel memberikan sumbangan timbal balik antara satu sama lain. Kedua-duanya saling menyokong khususnya dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelancong.

Negeri Selangor mempunyai hampir 200 tapak pelancongan, dan Kerajaan Negeri telah menumpukan perhatian pada 10 produk istimewa untuk dipromosi, iaitu: Bukit Malawati, Hutan Lipur Kanching, FRIM, Sunway Lagoon, Sepang Goldcoast, kelip-kelip di Kuala Selangor, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Batu Caves, Dong Zen dan Galeri DiRaja Sultan Abdul Aziz.

Pada tahun ini, Kerajaan Negeri akan memperkukuhkan sektor pelancongan di daerah-daerah Kuala Langat, Hulu Langat, Kuala Selangor dan khususnya Sabak Bernam. Satu peruntukan khas akan disalurkan melalui Majlis Daerah Sabak Bernam untuk tujuan menaik taraf infrastruktur dan juga menjalankan aktiviti-aktiviti pelancongan. Tambahan lagi, Bulan Melawat Sekinchan dan Bulan Melawat Kuala Langat akan dianjurkan pada tahun ini. Saya akan turun ke daerah-daerah tersebut untuk berdialog dengan pengusaha-pengusaha sektor pelancongan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK: PROGRAM PREMIUM RM1,000.00

8. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- a) Berapa ramaiakah rakyat Selangor yang telah memohon untuk Program Premium RM1,000.00? Berapakah jumlah premium yang telah di terima oleh kerajaan negeri?
 - b) Sila jelaskan mengikut pecahan kaum.
 - c) Berapakah nilai premium sebenar tanah-tanah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan program bayaran premium RM1,000.00 bagi pemberimilikan tanah dalam Seksyen 76 Kanun Tanah Negara (KTN) dan program bayaran premium bagi tujuan melanjutkan tempoh pajakan bagi memberi peluang kepada rakyat Selangor menentukan sendiri kaedah pembayaran premium mengikut kemampuan masing-masing.
- i. Berikut adalah jumlah rakyat yang telah menikmati kemudahan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan dengan pilihan pembayaran premium tanah sebanyak RM1,000.00 (nominal) mengikut pecahan daerah di Negeri Selangor dan jumlah premium yang diterima berdasarkan premium tersebut :-

JUMLAH PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN YANG DILULUSKAN DENGAN BAYARAN PREMIUM RM1000 DAN PREMIUM YANG DITERIMA SEJAK DILANCARKAN PADA JUN 2011			
Bil.	Daerah	Jumlah Permohonan Yang Lulus Bayaran Premium RM1000	Jumlah Premium Yang Diterima (RM)
1.	Hulu Selangor	5	5,000.00
2.	Hulu Langat	136	136,000.00
3.	Kuala Selangor	89	89,000.00
4.	Petaling	65	65,000.00
5.	Sepang	3	3,000.00
6.	Kuala Langat	4	4,000.00
7.	Gombak	48	48,000.00
8.	Sabak Bernam	-	-
9.	Klang	6	6,000.00

JUMLAH	356	RM 356,000.00
---------------	------------	----------------------

- b) Jumlah pemohon yang telah menjelaskan bayaran premium RM1,000.00 mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut :-

Bil.	Daerah	Jumlah Permohonan Yang Lulus Bayaran Premium RM1000	Melayu	Cina	India
1.	Hulu Selangor	5	2	2	1
2.	Hulu Langat	136	125	7	4
3.	Kuala Selangor	89	80	8	1
4.	Petaling	65	12	4	49
5.	Sepang	3	-	1	2
6.	Kuala Langat	4	3	1	-
7.	Gombak	48	4	3	41
8.	Sabak Bernam	-	Tiada		
9.	Klang	6	-	6	-
JUMLAH		356	226	32	98

- c) Nilai sebenar premium tanah tersebut hanya boleh diperolehi apabila pemilik tanah yang telah memilih bayaran premium RM1,000.00 (nominal) hendak memindah milik tanah tersebut melalui proses jual beli. Nilai tanah yang akan digunakan adalah berdasarkan nilai yang dikemukakan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Selangor.

**SEKIRANYA PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN YANG DILULUSKAN
DENGAN BAYARAN PREMIUM RM1000 MENJELASKAN PREMIUM
MENGIKUT KADAR SEBENAR**

Bil.	Daerah	Jumlah Permohonan Yang Lulus Bayaran Premium RM1000	Jumlah Premium Sebenar Yang Perlu Dibayar (RM)
1.	Hulu Selangor	5	101,247.50
2.	Hulu Langat	136	1,659,640.00
3.	Kuala Selangor	89	1,089,943.30
4.	Petaling	65	758,288.70
5.	Sepang	3	75,036.00
6.	Kuala Langat	4	102,655.50
7.	Gombak	48	1,698,958.00
8.	Sabak Bernam	-	tiada
9.	Klang	6	229,583.95
JUMLAH		356	5,715,352.95

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK: PERTANIAN KOMERSIL

9. Terdapat beberapa inisiatif pertanian atau tanaman komersil baru peringkat Persekutuan seperti tanaman kenaf dan sebagainya bagi meningkatkan pendapatan petani.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar: -

- a) Apakah kerajaan negeri bercadang untuk memajukan apa-apa tanaman komersil baru di Selangor?
- b) Apakah fokus pertanian Selangor 2012 yang boleh meningkatkan pendapatan petani / pekebun?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini pihak Kementerian Pertanian masih membuat penyelidikan terhadap daya maju projek penanaman kenaf. Setakat ini kerajaan negeri belum bercadang untuk memajukan tanaman kenaf sebagai tanaman komersil di Negeri Selangor. Walau bagaimana pun dari masa ke semasa kerajaan negeri bersedia untuk memajukan tanaman-tanaman tertentu yang jelas terbukti dapat memberikan pulangan yang optimum kepada pengusaha-pengusaha.
- b) Fokus pertanian Negeri Selangor bagi tahun 2012 adalah meningkatkan pengeluaran tanaman makanan khususnya tanaman padi, sayur-sayuran dan buah-buahan. Di samping itu, kerajaan negeri juga memberikan fokus terhadap Amalan Pertanian Baik yang mensasarkan hasil pertanian yang segar, berkualiti dan selamat untuk dimakan oleh pengguna. Selain itu, fokus juga diberikan terhadap peningkatan produk-produk Industri Asas Tani dan nilai tambah serta peningkatan Amalan Pengilangan Baik (GMP).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : SIMPANAN TUNAI KERAJAAN NEGERI SELANGOR MENINGKAT

10. Syabas terhadap Kerajaan Negeri Selangor kerana berjaya meningkatkan simpanan kewangan dari RM500 juta (2007) kepada RM 1.9 bilion (Disember 2011).

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah faktor yang memberi sumbangan ke arah peningkatan simpanan tersebut?
- b) Apakah kaedah terbaik untuk menggunakan simpanan ini untuk memberi faedah kepada rakyat?
- c) Apakah sektor utama yang diberi perhatian daripada penggunaan simpanan ini?

JAWAPAN :

- a) Wang Awam Kerajaan Negeri iaitu Wang Tunai dalam bentuk Simpanan Tetap dan Pelaburan dipegang bagi Kumpulan wang Disatukan yang terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan.

Peningkatan simpanan tetap Kerajaan Negeri adalah disebabkan oleh pengurusan kewangan serta prestasi kedudukan kewangan sebenar yang baik pada tahun 2010 dan 2011.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2010 telah mencatatkan lebih semasa sebanyak RM124.24 juta menjadikan Akaun Hasil Disatukan adalah sebanyak RM732.25 juta iaitu meningkat sebanyak 20.43% berbanding tahun 2009.

Manakala kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor tahun 2011 yang berakhir pada 31 Disember 2011 menunjukkan prestasi yang baik dengan lebih semasa sebanyak RM180.50 juta dan lebih terkumpul Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM912.75 juta iaitu peningkatan sebanyak 24.65% berbanding tahun kewangan 2010.

Prestasi kutipan hasil Kerajaan Negeri yang baik pada tahun 2010 dan 2011 telah menyumbang kepada peningkatan simpanan tetap Kerajaan Negeri. Pada tahun 2010 kutipan hasil Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM1,571 juta.

Secara perbandingan kutipan hasil tahun 2010 dengan tahun 2011 pula, prestasi kutipan hasil keseluruhan berakhir 31 Disember 2011 mengalami peningkatan berjumlah RM62.50 juta, iaitu 3.97% berbanding kutipan pada tahun 2010.

Jawapan (b.) & (c.)

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Wang Awam Kerajaan Negeri iaitu Wang Tunai adalah dalam bentuk Simpanan Tetap dan Pelaburan dipegang bagi Kumpulanwang Disatukan yang terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan.

Oleh yang demikian, tidak kesemua simpanan tetap Kerajaan Negeri boleh dibelanjakan memandangkan ia adalah juga sebahagian daripada Akaun Amanah Disatukan.

Lebih rizab tunai Kerajaan Negeri pada dasarnya ia adalah bertujuan mengawal kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhannya seperti digunakan bagi menampung perbelanjaan defisit, perancangan perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan mengurus, menyediakan peruntukan tanpa perlu mencari sumber lain iaitu dengan membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan serta dijadikan sebagai perbelanjaan kecemasan atau luar jangka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK: SIASATAN KESALAHAN ALAM SEKITAR

11. Jabatan Alam Sekitar sering memulakan Kertas Siasatan terhadap pelbagai kesalahan alam sekitar.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyakkah sudah dibawa ke mahkamah dan berapakah kadar kejayaan pendakwaan?

JAWAPAN:

- a) Bilangan kes-kes pendakwaan bagi kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi tempoh lima (5) tahun lepas iaitu dari tahun 2007 sehingga tahun 2011 adalah seperti berikut:-

Kes/Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
Kes disebut dan dibicara (selesai)	130	188	126	305	194
Kes mendapat sabitan (convicted)	81	77	79	123	95
Kes AND*	35	76	14	69	42
Kes DNAA*	14	35	33	113	57

Nota:* AND : Acquitted And Discharged; DNAA : Discharged Not Amounting To An Acquittal

MAKLUMAT TAMBAHAN

Jumlah kes pendakwaan yang selesai mengikut kesalahan bagi tahun 2011 adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Kesalahan Di Bawah AKAS 1974	Jumlah Kes	Jumlah Denda (RM)
1.	Sekatan mengenai pencemaran perairan daratan [Seksyen 25(1)]	28	609,000.00
2.	Larangan terhadap penempatan, peletakan dsb. Buangan terjadual [Seksyen 34B(1)]	7	118,000.00
3.	Sekatan mengenai pencemaran udara [Seksyen 22(1)]	118	94,700.00
4.	Larangan atas pembakaran terbuka [Seksyen 29A]	13	93,000.00
5.	Premis yang ditetapkan hendaklah dilesen [Seksyen 18(1)]	2	46,000.00
6.	Pemegang lesen hendaklah mematuhi lesen [Seksyen 16(1)]	3	43,000.00
7.	Perlanggaran Notis Arahan [Seksyen 31(1)]	6	42,000.00
8.	Lain-Lain Peraturan	15	41,500.00
9.	Laporan mengesai kesan kepada alam sekeliling (EIA) akibat aktiviti yang ditetapkan [Seksyen 34A]	2	35,000.00
JUMLAH		194	1,122,200.00.

Jumlah kes pendakwaan yang selesai mengikut kesalahan bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Kesalahan Di Bawah AKAS 1974	Jumlah Kes	Jumlah Denda (RM)
1.	Sekatan mengenai pencemaran perairan daratan [Seksyen 25(1)]	70	918,000.00
2.	Larangan terhadap penempatan, peletakan dsb. Buangan terjadual [Seksyen 34B(1)]	6	39,000.00
3.	Sekatan mengenai pencemaran udara [Seksyen 22(1)]	194	190,100.00
4.	Larangan atas pembakaran terbuka [Seksyen 29A]	7	31,000.00
5.	Premis yang ditetapkan hendaklah dilesen [Seksyen 18(1)]	11	88,000.00
6.	Pemegang lesen hendaklah mematuhi lesen [Seksyen 16(1)]	5	6,000.00
7.	Perlanggaran Notis Arahan [Seksyen 31(1)]	-	-
8.	Lain-Lain Peraturan	7	19,000.00
9.	Laporan mengesai kesan kepada alam sekeliling (EIA) akibat aktiviti yang ditetapkan [Seksyen 34A]	5	55,000.00
JUMLAH		305	1,346,100.00

Jumlah kes pendakwaan yang selesai mengikut kesalahan bagi tahun 2009 adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Kesalahan Di Bawah AKAS 1974	Jumlah Kes	Jumlah Denda (RM)
1.	Sekatan mengenai pencemaran perairan daratan [Seksyen 25(1)]	43	922,000.00
2.	Larangan terhadap penempatan, peletakan dsb. Buangan terjadual [Seksyen 34B(1)]	7	255,000.00
3.	Sekatan mengenai pencemaran udara [Seksyen 22(1)]	47	59,600.00
4.	Larangan atas pembakaran terbuka [Seksyen 29A]	11	23,500.00
5.	Premis yang ditetapkan hendaklah dilesen [Seksyen 18(1)]	1	18,000.00
6.	Pemegang lesen hendaklah mematuhi lesen [Seksyen 16(1)]	5	55,000.00
7.	Perlanggaran Notis Arahan [Seksyen 31(1)]	-	-
8.	Lain-Lain Peraturan	8	32,000.00
9.	Laporan mengesai kesan kepada alam sekeliling (EIA) akibat aktiviti yang ditetapkan [Seksyen 34A]	4	130,000.00
JUMLAH		126	1,495,100.00

Jumlah kes pendakwaan yang selesai mengikut kesalahan bagi tahun 2008 adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Kesalahan Di Bawah AKAS 1974	Jumlah Kes	Jumlah Denda (RM)
1.	Sekatan mengenai pencemaran perairan daratan [Seksyen 25(1)]	70	1,375,000.00
2.	Larangan terhadap penempatan, peletakan dsb. Buangan terjadual [Seksyen 34B(1)]	4	272,000.00
3.	Sekatan mengenai pencemaran udara [Seksyen 22(1)]	90	96,500.00
4.	Larangan atas pembakaran terbuka [Seksyen 29A]	6	72,000.00
5.	Premis yang ditetapkan hendaklah dilesen [Seksyen 18(1)]	6	56,500.00
6.	Pemegang lesen hendaklah mematuhi lesen [Seksyen 16(1)]	5	45,500.00
7.	Perlanggaran Notis Arahan [Seksyen 31(1)]	-	-
8.	Lain-Lain Peraturan	6	52,000.00
9.	Laporan mengesai kesan kepada alam sekeliling (EIA) akibat aktiviti yang ditetapkan [Seksyen 34A]	1	-
JUMLAH		188	1,969,500.00

Jumlah kes pendakwaan yang selesai mengikut kesalahan bagi tahun 2007 adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Kesalahan Di Bawah AKAS 1974	Jumlah Kes	Jumlah Denda (RM)
1.	Sekatan mengenai pencemaran perairan daratan [Seksyen 25(1)]	66	2,127,000.00
2.	Larangan terhadap penempatan, peletakan dsb. Buangan terjadual [Seksyen 34B(1)]	14	435,000.00
3.	Sekatan mengenai pencemaran udara [Seksyen 22(1)]	32	18,000.00
4.	Larangan atas pembakaran terbuka [Seksyen 29A]	3	60,000.00
5.	Premis yang ditetapkan hendaklah dilesen [Seksyen 18(1)]	3	60,000.00
6.	Pemegang lesen hendaklah mematuhi lesen [Seksyen 16(1)]	10	111,500.00
7.	Perlanggaran Notis Arahan [Seksyen 31(1)]	-	-
8.	Lain-Lain Peraturan	1	6,000.00
9.	Laporan mengesai kesan kepada alam sekeliling (EIA) akibat aktiviti yang ditetapkan [Seksyen 34A]	1	40,000.00
JUMLAH		130	2,797,500.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : TAPAK TANAH PERKUBURAN ISLAM

12. Tapak tanah perkuburan orang-orang Islam yang terdapat di kawasan DUN Semenyih seperti di Sg Lalang, Ulu Semenyih, Sg Purun dan Kg Rinching telah hampir penuh.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi tapak perkuburan yang hampir penuh tersebut?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan kajian terhadap Inventori Tanah Perkuburan Dan Keperluan Perkuburan Sehingga Tahun 2060 Di Negeri Selangor yang telah dipersetujui oleh MMKN ke 24/2011 pada 6 Julai 2011 sebagai perancangan untuk mengatasi isu tapak-tapak perkuburan yang hampir atau telah penuh di Negeri Selangor.

Kajian inventori tersebut telah disediakan oleh **Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Selangor** dengan kerjasama semua **Pihak Berkuasa Tempatan** dan **Pejabat Tanah / Daerah** di negeri Selangor. Berdasarkan kajian inventori tersebut, didapati terdapat seluas **17 ekar** tapak perkuburan Islam sedia ada di Mukim Semenyih di mana anggaran tahap penghunian adalah seperti berikut:-

Bil	Tanah Perkuburan	No lot	Luas (ekar)	Tahap Penghunian	Luas kekosongan (ekar)
1.	Tanah Perkuburan Islam Batu 18, Semenyih	1068	5	Belum beroperasi	5
2.	Tanah Perkuburan Islam Kg. Sg. Purun, Semenyih	5280	5	30% telah digunakan	3.5
3.	Tanah Perkuburan Islam Semenyih, Semenyih	123	3	75% telah digunakan	0.75
4.	Tanah Perkuburan Islam Batu 3, Jalan Bangi, Semenyih	937	4	20% telah digunakan	3.2
Jumlah			17		12.45

Sumber: Kajian Inventori Tanah Perkuburan Sehingga Disember 2010 di Negeri Selangor

Oleh yang demikian, masih terdapat **anggaran seluas 12.45 ekar tanah perkuburan Islam yang masih belum dihuni di kawasan Mukim Semenyih.**

Walaupun bagaimanapun, untuk perancangan jangka panjang, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan **konsep pembangunan Perkuburan Wilayah Bersepadu (PWB) atau *Integrated Regional Cemetery*** (merujuk kepada kajian terhadap Inventori Tanah Perkuburan Dan Keperluan Perkuburan Sehingga Tahun 2060 Di Negeri Selangor yang telah dipersetujui oleh MMKN ke 24/2011 pada 6 Julai 2011) sebagai salah satu alternatif terbaik untuk dilaksanakan di negeri ini, terutamanya bagi kawasan PBT-PBT yang pesat membangun.

Salah satu daripada tapak cadangan perkuburan wilayah bersepadu yang telah dikenalpasti adalah terletak di Mukim Hulu Semenyih iaitu Tanah Perkuburan Bersepadu MPKj, Mukim Hulu Semenyih seluas **168.74 ekar (68.29 hek).**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : BANTUAN PENDIDIKAN SEKOLAH

13. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Setiap tahun kerajaan negeri memperuntukkan bantuan pendidikan yang banyak kepada SRA, SJKC, SJKT, senaraikan semua sekolah yang mendapat peruntukan sepanjang tahun 2011.
 - b) Perincikan jumlah peruntukan semua sekolah yang mendapat peruntukan ini?

JAWAPAN :

- a) Setiap tahun kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM16 Juta peruntukan bagi Program Bantuan Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil). Pemberian bantuan ini dilakukan secara berfasa pada setiap tahun. Senarai sekolah yang telah menerima bantuan sepanjang tahun 2011 seperti di lampiran.
- b) Telah dijawab bersama soalan (a).

**SENARAI PENERIMA BANTUAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR
FASA 1 TAHUN 2011
KATEGORI : SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR)**

BIL.	NAMA SEKOLAH	JUMLAH BANTUAN (RM)
1	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL AZIZ	RM 10,000.00
2	SEKOLAH AGAMA RAKYAT AL-KHAIRIAH	RM 15,000.00
3	SEKOLAH RENDAH AL-ISLAH	RM 10,000.00
4	SEKOLAH AGAMA DARUL THULAB	RM 80,000.00
5	SEKOLAH AGAMA RAKYAT AL-RASYIDIN	RM 75,000.00
6	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL-HIDAYAH	RM 15,000.00
7	SEKOLAH ISLAM AL-IMAN	RM 40,000.00
8	SEKOLAH AGAMA RAKYAT AL-FALAH PANDAN JAYA	RM 40,000.00
9	KHALIFAH MODEL SCHOOL	RM 10,000.00
10	SEKOLAH RENDAH ISLAM E TAJDID	RM 10,000.00
11	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL-FARABI	RM 150,000.00
12	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL FIRDAUS KLANG	RM 5,000.00
13	SEKOLAH RENDAH ISLAM OMAR ZUHDI	RM 10,000.00
14	SEK INTEGRASI MASJID DARUL EHSAN	RM 30,000.00
15	TAMAN PENDIDIKAN ISLAM NURUL IMAN	RM 30,000.00
16	SEKOLAH RENDAH ISLAM NURUL HIDAYAH	RM 30,000.00
17	SEKOLAH AGAMA RAKYAT TARBIAH ADDINIAH	RM 50,000.00
18	SEKOLAH MENENGAH ISLAM AL-HAJ	RM 50,000.00
19	SEKOLAH MENENGAH AGAMA (A) ILMI	RM 100,000.00
20	SEKOLAH AGAMA MENENGAH HARAPAN	RM 100,000.00
21	SEK REN ISLAM INTEGRASI IHYA' AL-AHMADI	RM 100,000.00
22	SEKOLAH MENENGAH ISLAM AL-FARABI	RM 100,000.00
23	SEKOLAH MENENGAH ISLAM PUCHONG	RM 100,000.00
24	SEKOLAH RENDAH ISLAM AS-SYAKIRIN	RM 20,000.00
25	SEKOLAH AGAMA RAKYAT TAHFIZ AL-QURAN	RM 30,000.00
26	PUSAT PENGAJIAN PONDOK BUSTANUL ARIFIN	RM 100,000.00
27	PUSAT PENGAJIAN PONDOK BUSTANUL ARIFAT	RM 150,000.00
28	AKADEMI PENDIDIKAN ZULKIFLI MUHAMMAD	RM 300,000.00
29	SEKOLAH KAFA INTEGRASI MUWAFQAQAH	RM 5,000.00
30	KAFA INTEGRASI AL-WAANI	RM 5,000.00
31	KAFA INTEGRASI AS-SYAKIRIN	RM 5,000.00
32	KAFA INTEGRASI KG. TASEK PERMAI	RM 5,000.00
33	KAFA INTEGRASI AN-NUR	RM 5,000.00
34	KAFA INTEGRASI AL-MUSTAQIMAH	RM 5,000.00
35	KAFA INTEGRASI ALHUDA	RM 5,000.00
36	KAFA INTEGRASI HIDAYATUL IMAN	RM 5,000.00
37	KAFA INTEGRASI MAMBAEIL ULOOM	RM 5,000.00
38	KAFA INTEGRASI KG. SERI KELEDANG HULU SELANGOR	RM 5,000.00
39	KAFA INTEGRASI SG. TENGI SELATAN	RM 5,000.00
40	KAFA INTEGRASI AR-RAHMAN KG SERIGALA	RM 5,000.00
41	KAFA INTEGRASI KG. ATAP	RM 5,000.00

42	KAFA INTEGRASI IMAM GHAZALI KG. BUDIMAN	RM 5,000.00
43	SEKOLAH RENDAH ISLAM AN NAJIHIN	RM 5,000.00
44	KAFA INTEGRASI SUNGAI LANG BARU	RM 5,000.00
45	SEKOLAH KAFA INTEGRASI AS-SULAMIAH	RM 5,000.00
46	KAFA INTEGRASI FASTABIQUL KHAIRAT	RM 5,000.00
47	KAFA INTEGRASI AL-RAUDHAH	RM 5,000.00
48	KAFA INTEGRASI MANBAUL ULUM	RM 5,000.00
49	KAFA INTEGRASI NURUL YAQIN	RM 5,000.00
50	KAFA INTEGRASI MASJID PROTON	RM 5,000.00
51	KAFA INTEGRASI AT-TAUFIQIAH	RM 5,000.00
52	KAFAL AL IKHLAS LEMBAGA GETAH MALAYSIA	RM 5,000.00
53	KAFA INTEGRASI HIDAYATUL ISLAMIAH	RM 5,000.00
54	KAFA INTEGRASI AL-INSANIAH	RM 5,000.00
55	KAFA INTEGRASI AL-FIRDAUS	RM 5,000.00
56	KAFA INTEGRASI AL-HIJRAH	RM 5,000.00
57	KAFA INTEGRASI AL-AZIZIAH	RM 5,000.00
58	KAFA INTEGRASI KG PINANG TUNGGAL	RM 5,000.00
59	KAFA INTEGRASI AL-ISLAH	RM 5,000.00
60	KAFA INTEGRASI AS-SYABAB	RM 5,000.00
61	KAFA INTEGRASI NURUL FALAH	RM 5,000.00
62	KAFA INTEGRASI KG. DESA PERMAI	RM 5,000.00
63	KAFA SALEHUDDIN PANCHANG BEDENA	RM 5,000.00
64	KAFA INTEGRASI NURUL EHSAN	RM 5,000.00
65	KAFA INTEGRASI AL-EHSANIAH TAMAN SERI INDAH	RM 5,000.00
66	KAFA INTEGRASI IRSYADUL IBAD	RM 5,000.00
67	KAFA INTEGRASI DARUL ULUM	RM 5,000.00
68	KAFA INTEGRASI ISLAMIAH	RM 5,000.00
69	KAFA INTEGRASI IZZATUL ISLAMIAH	RM 5,000.00
70	SEKOLAH AGAMA RAKYAT (KAFA) INTEGRASI AU4	RM 5,000.00
71	SAR KAFA INTEGRASI KLANG GATE BARU	RM 20,000.00
72	SAR KAFA INTEGRASI ARRIDHUAN HULU KELANG	RM 10,000.00
73	SEKOLAH AGAMA RAKYAT KAFA INTEGRASI KG. KEMENSAH	RM 5,000.00
74	KAFA INTEGRASI AL-IRSYAD (SAR)	RM 50,000.00
75	SEKOLAH AGAMA RAKYAT KAFA (I) AS-SOBIRIN	RM 10,000.00
76	SAR KAFA INTEGRASI AL-FURQAN	RM 50,000.00
77	SAR KAFA INTEGRASI AL-FALAH	RM 10,000.00
78	SAR KAFA INTEGRASI DARUL MUHAJIRIN	RM 10,000.00
79	SAR KAFA INTEGRASI KG. SG. SERAI	RM 10,000.00
80	SAR KAFA INTEGRASI SOLAHIYYAH DAMAI KUANG	RM 10,000.00
81	SAR KAFA INTEGRASI AL-AHMADIAH	RM 5,000.00
82	SEKOLAH AGAMA RAKYAT KAFA	RM 40,000.00
83	SEKOLAH AGAMA RAKYAT (KAFA INTEGRASI) AL-HUDA	RM 50,000.00
84	SEKOLAH AGAMA RAKYAT (INTEGRASI) AR-RAHMANIAH	RM 30,000.00
85	SAR KAFA INTEGRASI AL-MUMTAZ	RM 10,000.00
86	SAR (KAFA INTEGRASI) AL-HIDAYAH	RM 5,000.00
87	SAR KAFA INTEGRASI DARUL ULUM	RM 30,000.00
88	SAR (KAFA) INTEGRASI AL-HIDAYAH	RM 5,000.00

89	SAR (KAFA INTEGRASI) BANDAR ARMADA PUTRA	RM 5,000.00
90	SAR KAFA INTEGRASI PERIGI NENAS	RM 5,000.00
91	SAR (KAFAI) KG. PENDAMAR, KLANG	RM 30,000.00
92	SAR (KAFA INTEGRASI) DARUS SALIM	RM 30,000.00
93	SAR (KAFA INTEGRASI) AL-MINA	RM 5,000.00
94	SAR (KAFA INT) AL-FALAH KG. IDAMAN	RM 5,000.00
95	SEK AGAMA RAKYAT KAFA INTEGRASI AL-MANSURIAH	RM 5,000.00
96	SAR KAFA INTEGRASI KG. KASTAM	RM 5,000.00
97	SAR (KAFA INT) KAMPUNG PANDAN	RM 10,000.00
98	SAR (KAFA INTEGRASI) NURUL-AIN TELOK GADONG	RM 30,000.00
99	SAR KAFA INTEGRASI AL-MAARUF	RM 30,000.00
100	SAR (KAFA INTEGRASI) AL-FALAH SG. PINANG	RM 20,000.00
101	SAR (KAFA INT) SG. KAPAR INDAH	RM 10,000.00
102	SAR KAFA INTEGRASI MASJID BANDAR SULTAN SULEIMAN	RM 20,000.00
103	SAR (KAFA INTEGRASI) BANDAR SULTAN SULAIMAN	RM 5,000.00
104	SAR (KAFA INT) TELOK MENEGON	RM 10,000.00
105	SAR KAFA INTEGRASI NURUL HUDA	RM 10,000.00
106	SEKOLAH AGAMA RAKYAT KAFA INTEGRASI AL-AWWABIN	RM 5,000.00
107	SEKOLAH AGAMA RAKYAT (KAFA INTEGRASI) AL-RIDZUAN	RM 10,000.00
108	SAR (KAFAI) AL-MUHTADIN	RM 20,000.00
109	SEKOLAH AGAMA RAKYAT KAFAI DARUS SALIM	RM 5,000.00
110	SEKOLAH AGAMA RAKYAT KAFA INTEGRASI AR-RAHMAH SG. WAY	RM 30,000.00
111	SEK AGAMA RAKYAT KAFA MADRASAH AL ISLAMIAH	RM 5,000.00
112	SEKOLAH AGAMA RAKYAT (KAFA) INTEGRASI EHSANIAH	RM 10,000.00
113	SEKOLAH KAFA ANGGUR AL-AMIN	RM 10,000.00
114	SAR KAFAI AL-HIJRAH KOTA KEMUNING	RM 10,000.00
115	SAR (KAFA INT.) AL-FALAH	RM 10,000.00
116	SEK INTEGRASI MASJID DARUL EHSAN	RM 30,000.00
117	SEKOLAH AGAMA RAKYAT (KAFAI) AL MANARAH	RM 5,000.00
118	SAR KAFA INTEGRASI NURUL HIDAYAH	RM 5,000.00
119	SAR KAFA INTEGRASI AL-ISLAH	RM 20,000.00
120	SEKOLAH AGAMA RAKYAT KAFA (I) AT-TAQWA	RM 10,000.00
121	SAR KAFA INTEGRASI AN-NUR	RM 5,000.00

SENARAI PENERIMA BANTUAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR FASA 2 TAHUN 2011 KATEGORI : SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR)		
BIL.	NAMA SEKOLAH	JUMLAH BANTUAN (RM)
1	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN AL-ITQAAN, NO 11 & 11A JALAN NIRWANA 39 TAMAN NIRWANA 68000 AMPANG SELANGOR	20,000.00
2	AKADEMI SYAHADAH TAHFIZ AL FAIZIN , PT 758 JLN MELATI 3/23 BANDAR MALAWATI 45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR	10,000.00
3	PRA-TAHFIZ SEKOLAH ISLAM AL-FARABI, LOT 6595, KG. DELEK KIRI, 41250 KLANG	20,000.00
4	MAAHAD TAHFIZ DARUL ULOOM, D/A MASJID JAME' AT-TUQA PARIT SATU SG SIREH 45500 TG KARANG SELANGOR	10,000.00
5	MAAHAD TAHFIZ ISTIQOMAHTUDDIN, LOT 1381 JLN LAPIS 6 KG SEMENTA 42100 KLANG SELANGOR	10,000.00
6	MADRASAH TAHFIZ AR-RUQAIYYAH, LOT 3682 JLN RIZAB TOMI KG BKT CHERAKA 45800 JERAM SELANGOR	5,000.00
7	MAAHAD TAHFIZ UMMUL QURA, KG TEBUK MUFRAD SG AIR TAWAR 45100 SABAK BERNAM SELANGOR	10,000.00
8	MAAHAD TAHFIZ ANNUAR AL-ISLAMI , JLN MASJID BAROH KG SG TENGI KANAN 45500 TG KARANG SELANGOR	10,000.00

9	MAAHAD TAHFIZ SALEHUDDIN PANCHANG BEDENA ,MAAHAD TAHFIZ SALEHUDDIN PANCHANG BEDENA SG BESAR	10,000.00
10	PUSAT TAHFIZ AL QURAN SOFIUDDIN , LOT 3095 LRG HJ MAON KG DELEK BARU 41250 KLANG SELANGOR	10,000.00
11	MADRASAH TAHFIZ & KELAS AGAMA HIDAYATUL MUTTAQIN , NO 13 JLN KAYAK SEK 13/25 TMN TADISMA 40100 SHAH ALAM	10,000.00
12	MADRASAH TAHFIZ AL-QURAN SHAH ALAM , NO JLN GUNUNG NUANG U/11-4 BKT BANDARAYA 40170 SHAH ALAM	10,000.00
13	MAAHAD TAHFIZ NURUL HUDA HULU LANGAT, LOT 2603 BT 13 1/4 MAAHAD TAHFIZ NURUL HUDA 43100 HULU LANGAT	10,000.00
14	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN SABIL AL-RASYAD , BATU 18 3/4 JERAM 45800 K.SELANGOR	10,000.00
15	MAAHAD TAHFIZ DARUL HAFIDZIN,LOT 3151 JLN SG SAIM RANTAU PANJANG 42100 KLANG	10,000.00
16	MAAHAD TAHFIZ PUSAT ASSOLIHIN JLN SURAU SULUK BT 4 KG PANCHANG PEDENA 45300 SG BESAR SELANGOR	100,000.00
17	MA'HAD TAHFIZ YAYASAN PENDIDIKAN YADEN YPRM, JLN ABDULLAH KG SG APONG 45100 SG AYER TAWAR SELANGOR	10,000.00

18	MAAHAD TAHFIZ AL-MUNIRAH, LOT 15772 JLN JOHAN SETIA OFF JLN LANGAT 41200 KLANG	10,000.00
	PERSATUAN PENGANUT DEWA FA ZHU SHI YUN GONG	TANJUNG SEPAT	PERAYAAN ULANG TAHUN	2,500.00
	PERSATUAN PENGURUSAN TOKONG HUI LENG KONG	SUNGAI BESAR	BAIK PULIH	10,000.00
	FULL GOSPEL ASSEMBLY BHD	SUNGAI BESAR	BAIK PULIH	10,000.00
	FULL GOSPEL ASSEMBLY BHD	SUNGAI BESAR	BAIK PULIH	10,000.00
	PERSATUAN PENGANUT DEWA WAH KONG	KUALA LUMPUR DAN SELANGOR	AKTIVITI KEAGAMAAN	5,000.00
	PERSATUAN PENGANUT DEWA YOKE WONG	SERI KEMBANGAN	UBAH SUAI	5,000.00
	PERSATUAN BUDDHIST CHEMAKA	PETALING JAYA	AKTIVITI KEAGAMAAN	27,000.00
	PERSATUAN DHARMA SAKYAMUNI	PETALING JAYA	BAIK PULIH	10,000.00
	PERSATUAN PEMBANGUNAN RUMAH BERHALA LENG ENG TIAN	PETALING JAYA	BINA BARU	50,000.00

SENARAI TOKONG YANG MENERIMA PERUNTUKAN PADA TAHUN 2011

	PERSATUAN PENGANUT TOKONG THAI SIN THONG	AMPANG	BAIK PULIH	10,000.00
	PERSATUAN PENGANUT ZHEN SHAN TANG	AMPANG	BAIK PULIH	10,000.00
	PERSATUAN PENGANUT DEWA LOCK YAM FU YIN SHEN SEE	AMPANG	BAIK PULIH	5,000.00
	TOKONG TIAN DI GONG	AMPANG	BAIK PULIH	15,000.00
	HOCK TIAN KONG	SUNGAI PELEK	BAIK PULIH	30,000.00
	PERSATUAN PENGANUT YI XIANG GON	RASA	AKTIVITI PERSATUAN/ BAIK PULIH	5,000.00
	PERSATUAN PENGANUT DEWA THAM KOONG YEA ULU SELANGOR	RASA	UBAH SUAI	10,000.00
	PERSATUAN PENGANUT HWA KWANG DAI THE	K.LANGAT	BAIK PULIH	2,500.00
	PERSATUAN PENGANUT DEWANAN HAI GUANYIN SI	JENJAROM	BAIK PULIH	5,000.00
	PERSATUAN PENGANUT DEWA FUT FATT	PANDAN INDAH	BAIK PULIH	5,000.00
	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA SZE WOO SIAN SHI RASA	BATANG KALI	UBAH SUAI	10,000.00
	BAN CHUAN KONG TEMPLE	BANGI	BINA SEMULA	15,000.00
	PERTUBUHAN PENGURUSAN KUIL SUBRAMANIYAR ALAYAM	RAWANG	BINA BARU	50,000.00
	PERSATUAN PENGANUT DEWA QI XIAN NU	PUCHONG	BAIK PULIH	20,000.00
	PERSATUAN PENGANUT AGAMA BUDDHA BODDHI PUCHONG	PUCHONG	AKTIVITI KEAGAMAAN	5,000.00
	JAWATANKUASA PENGURUSAN RUMAH BERHALA TIONG SHENG KENG	KAMPUNG JAWA	BAIK PULIH	15,000.00
JUMLAH BESAR				1,429,990.00

SENARAI KUIL YANG MENERIMA PERUNTUKAN PADA TAHUN 2011

BIL	NAMA RUMAH IBADAT	LOKASI	KEGUNAAN	JUMLAH (RM)
	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN (TREMELBYE)	KLANG	UBAH SUAI	30,000.00
	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	KLANG	UBAH SUAI	15,000.00
	PERSATUAN SHIRDI SAI BABA SELANGOR	KLANG	AKTIVITI KEAGAMAAN	25,000.00
	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN (TREMELBYE)	KLANG		50,000.00
	SRI SUNDARARAJA PERUMAL TEMPLE	KLANG	NAIK TARAF/ BAIK PULIH	50,000.00
	PERSATUAN DAN PENGURUSAN KUIL ARULMIGU DEWI SRI KARAPUR ATHIRAPASAKTHI ALAYAM	KAPAR	BINA SEMULA	10,000.00
	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MARIAMMAN	KAPAR	UBAH SUAI	10,000.00
	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	KAPAR	BAIK PULIH	5,000.00
	SHRI BALATHANDAYUTHAPANI TEMPLE	KAPAR	BAIK PULIH	40,000.00
	SHRI BALATHANDAYUTHAPANI TEMPLE	KAPAR	BAIK PULIH	40,000.00
	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA BAGAWATHY AMMAN	BANTING	UBAH SUAI	15,000.00
	KUIL SRI THROBATHAI AMMAN	BANTING	UBAH SUAI	30,000.00
	KUIL ARULMIGU SRI SUBRAMANIAR	KERLING	AKTIVITI KEAGAMAAN	30,000.00
	PERTUBUHAN PENGANUT AGORA VEERABATHI SANGGILI KARUPPAR	RAWANG	BINA BARU	10,000.00
	PERSATUAN PENGANUT KUIL SRI MAHA MARIAMMAN KAMPUNG MUHIBBAH	RAWANG	BINA BARU	5,000.00
	PERTUBUHAN PENGURUSAN KUIL SUBRAMANIYAR ALAYAM	RAWANG	BINA BARU	50,000.00
	PERSATUAN PENGANUT SREE KAASI VISALATCHI VISVANATHAR	RAWANG	BINA SEMULA	10,000.00
	SRI BALA SUBRAMANIA SWAMY TEMPLE	PORT KLANG	AKTIVITI KEAGAMAAN	30,000.00
	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI SUBRAMANIAR	PORT KLANG	BAIK PULIH	20,000.00
	KOVIL SRI MAHA MARIAMMAN	PELABUHAN KLANG	BAIK PULIH	20,000.00
	KUIL SRI HARIKRISHNA SWAMY	PELABUHAN KLANG	BINAAN	20,000.00
	P P DEWASTANAM ARULMIHU SRI MAHAMARIAMMAN	SHAH ALAM	BAIK PULIH	10,000.00

SENARAI KUIL YANG MENERIMA PERUNTUKAN PADA TAHUN 2011

	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI MAHA DURGAIAMMAN	SHAH ALAM	AKTIVITI KEAGAMAAN	2,500.00
	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI MAHA DURGAIAMMAN	SHAH ALAM	BAIK PULIH	10,000.00
	JAWATANKUASA PENGURUSAN KUIL SRI MATHURAI VEERAN	SHAH ALAM	BAIK PULIH	20,000.00
	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI MAHA MARIAMMAN DESA AMAN	SUNGAI BULOH	UBAH SUAI	25,000.00
	SRI MAHA MARIAMMAN KOIL	SUNGAI BURONG	BINA SEMULA	10,000.00
	PERSATUAN PENGANUT ARULMIGU SRI THANDAYUTHABANI	RASA	UBAH SUAI	5,000.00
	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	JERAM	UBAH SUAI	30,000.00
	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	TELOK PANGLIMA GARANG	UBAH SUAI	40,000.00
	KUIL SRI SIVA SUBRAMANIAN PARIPALANA SABHAI SERDANG	SERDANG	UBAH SUAI	35,000.00
	SRI BALA GANESAR TEMPLE BATU ARANG	BATU ARANG	UBAH SUAI	10,000.00
	SRI SITHI VINAYAGAR KOVIL BUILDING	KUALA KUBU BAHRU	UBAH SUAI	50,000.00
	SRI SAKTHI VINAYAGAR ALAYAM	AMPANG	UBAH SUAI	10,000.00
	JAWATANKUASA PENGURUSAN KUIL SRI SUBRAMANIYAR	AMPANG	UBAH SUAI	10,000.00
	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MARIAMMAN DEVASTANAM	PUCHONG	UBAH SUAI	30,000.00
	KUIL SRI SRINIVASA PERUMAL DEVASTHANAM	PUCHONG	BINAAN	10,000.00
	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MARIAMMAN PUCHONG	PUCHONG	BINA	10,000.00
	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MAHESWARI KALIAMMAN	PUCHONG	BAIK PULIH	15,000.00
	PERTUBUHAN PENGURUSAN KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	PUCHONG	UBAH SUAI	10,000.00
	PER AJARAN ADVAITHA SIDDHANTA DHARMASALA	BATU CAVES	BAIK PULIH	10,000.00
	PERS PENGANUT DEWI SRI MAHA MARIAMMAN	BATU CAVES	BINA SEMULA	30,000.00
	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI AYYAPPASWAMY	BATU CAVES	UBAH SUAI	10,000.00
	JAWATANKUASA PENGURUSAN KUIL SRI MAHAMARIAMMAN	SUNGAI BESAR	AKTIVITI KEAGAMAAN	5,000.00
	SRI SUBRAMANIAN SWAMY TEMPLE	KUALA SELANGOR	BAIK PULIH	30,000.00

SENARAI KUIL YANG MENERIMA PERUNTUKAN PADA TAHUN 2011

	SRI MAHA MARIAMMAN KOIL BUKIT ROTAN	KUALA SELANGOR	BINA	50,000.00
	PERSATUAN PENGAMAL AJARAN HINDU SRI	CHERAS	BAIK PULIH	30,000.00
	KUIL SRI VARATHARAJAH PERUMAL	SUBANG JAYA	BINA SEMULA	10,000.00
	PERSATUAN KEBAJIKAN KAUM HINDU	TAMAN SENTOSA	AKTIVITI KEAGAMAAN	50,000.00
	PERSATUAN PENGANUT SRI VINAYAGAR	JENJAROM	BAIK PULIH	8,000.00
	SRI MAHA MARIAMMAN TEMPLE	LADANG TELUK MERBAU	BAIK PULIH	10,000.00
	KUIL SRI MAHAMARIAMMAN	TANJUNG SEPAT	BAIK PULIH	25,000.00
	PERSATUAN PENGANUT HINDU SRI MAHA MARIAMMAN	KUALA SELANGOR	BAIK PULIH	5,000.00
	PER PENG KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	TAMAN CUEPACS KAJANG	BINA BARU	20,000.00
	P.P DEWA SRI MEL ANGGALA PARAMESWARI AMMAN ALAYAM	JERAM	BAIK PULIH	10,000.00
	PERSATUAN PENGANUT SRI SUBRAMANIYAR ALAYAM	SUNGAI SEDU BANTING	BAIK PULIH	10,000.00
	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MARIAMMAN	SUNGAI BUAYA	BINA BARU	50,000.00
	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MARIAMMAN	SUNGAI CHOH RAWANG	BAIK PULIH	15,000.00
	PERSATUAN PENGANUT DEVI SRI MAHA MARIAMMAN	SUNGAI SEDU BANTING	BAIK PULIH	25,000.00
	PERSATUAN PENGANUT SRI MEENATCHI SOCKANATHAR	PETALING JAYA	BAIK PULIH	10,000.00
	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	BANDAR BARU BANGI	BINA BARU	10,000.00
	KUIL SRI SUBRAMANIAR	SIMPAN MORIB BANTING	BAIK PULIH	5,000.00
	PERSATUAN PENGANUT SRI SAKTHI DURGAI AMMAN ALAYAM	ARA DAMANSARA	BAIK PULIH	5,000.00
	PER PENGANUT DEWI SRI NAVA SAKTHI DURGAI	SERI KEMBANGAN	BINA BARU	50,000.00
	SRI MAHA MARIAMMAN (KK)	KOTA KEMUNING	BINA BARU	50,000.00
	SRI MAHA MARIAMMAN (KK) BLDG FUND	KOTA KEMUNING	BINA BARU	50,000.00
	MALAYSIA HINDU SANGAM	PETALING JAYA	SUMBANGAN TAHUNAN	50,000.00

SENARAI KUIL YANG MENERIMA PERUNTUKAN PADA TAHUN 2011

	PERSATUAN PENGURUSAN GURDWARA SAHIB SERDANG	SERDANG	BAIK PULIH	10,000.00
	PERSATUAN PENGURUSAN KUIL SRI MARAKATHA VINAYAGAR	SERDANG LAMA	BINA BARU	5,000.00
	JAWATANKUASA PENGURUSAN KUIL SRI MAHAMARIAMMAN ALAYAM	TANJUNG KARANG	UBAH SUAI	50,000.00
	PERSATUAN PENGURUSAN KUIL SRI MAHA MARIYAMMAN	TANJUNG KARANG	UBAH SUAI	6,000.00
	PERSATUAN AJARAN ARULMIGU SRIGURU DHAKSHINA MOORTHI ISWAMIGAI	HULU SELANGOR	BINA	10,000.00
	KUIL SRI MAHA FELDA GEDANGSA	ULU SELANGOR	UBAH SUAI	5,000.00
	KUIL SRI BALASUBRAMANIYAR	SERI KEMBANGAN	BINA	20,000.00
	SRI MAYURA NATHAR ALAYAM	DENGKIL	BINAAN	30,000.00
	PERTUBUHAN PENGURUSAN KUIL ARULMIGU DEWI SRI KARUMARIAMMAN	SUNGAI PELEK	BINAAN	30,000.00
	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI MAHA KARUMARIAMMAN	KOTA DAMANSARA	BINA SEMULA	20,000.00
	KUIL SRI MAHA MUTHU MARIAMMAN	SABAK BERNAM	BAIK PULIH	10,000.00
	THIRUMURUGAN ALAYAM	SABAK BERNAM	BAIK PULIH	50,000.00
	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	GLENMARIE	BINA BANGUNAN	10,000.00
	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MARIAMMAN	BUKIT KUDA	BAIK PULIH/ SELENGGARA	10,000.00
	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	KAMPUNG PEREPAT, KAPAR	BAIK PULIH	30,000.00
	KUIL SRI THADAYUTHAPANI	BATANG BERJUNTAI	BAIK PULIH	30,000.00
	SRI SUBRAMANIAR SWAMY ALAYAM	KG JAWA	BAIK PULIH	50,000.00
JUMLAH BESAR				1,866,500.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: BIASISWA IPT KERAJAAN NEGERI

20. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapa orang pelajar telah berjaya memperoleh tawaran Biasiswa IPT Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2011?
 - b) Nyatakan pelajar yang berjaya menikmati biasiswa negeri kerajaan mengikut pecahan kaum.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah menawarkan 1000 tempat setahun untuk pemberian kemudahan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor yang melanjutkan pengajian di peringkat ijazah Perubatan, Ijazah, Diploma dan Sijil dengan peruntukan sebanyak RM8.5 juta setahun. Pada tahun 2011, seramai 1025 orang telah ditawarkan pinjaman Kerajaan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, hanya 846 orang sahaja yang menerima tawaran pinjaman pelajaran yang ditawarkan. Perincian seperti jadual di bawah:

Jadual 1 adalah perincian maklumat Pinjaman Pelajaran bagi tahun 2011.

MAKLUMAT PINJAMAN PELAJARAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2011	JUMLAH
Ditawarkan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor	1025 orang
Menerima tawaran Pinjaman Kerajaan Negeri Selangor	846 orang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: KILANG HARAM DI SELANGOR

21. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Sepanjang Pakatan Rakyat mentadbir berapa banyakkah status "Kilang Haram" yang diselesaikan (di beri lesen)?
 - b) Bagi yang tak dapat dilesenkan apakah Kerajaan terus membenarkan mereka terus beroperasi?

JAWAPAN:

- a) Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran ini melibatkan **2250 buah** kilang. Sebanyak **857 buah** kilang telah ditukar syarat kepada industri sepanjang tempoh Pakatan Rakyat mentadbir. Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran telah di mulakan pada tahun 2006 dan sepatutnya berakhir pada tahun 2010. Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) bilangan 32/2010 pada 8 Jun 2010 telah meluluskan pelanjutan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran sehingga 30 Jun 2011. Sekali lagi pada bulan Jun 2011 MMKN (bilangan 20/2011) telah meluluskan pelanjutan tempoh Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran sehingga 31 Disember 2012. Sehingga hujung tahun 2011 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak lagi mengeluarkan Lesen sementara kepada pengusaha kilang tanpa kebenaran. PBT hanya mengeluarkan lesen sementara sehingga hujung tahun 2010. Bilangan kilang yang terlibat di dalam Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran adalah seperti di Lampiran A.

Kilang Tanpa Kebenaran tidak dapat dilesenkan disebabkan oleh keengganan pemilik tanah untuk menyertai Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran dan sebahagian lagi disebabkan permohonan mereka tidak memenuhi syarat-syarat jabatan teknikal yang terlibat dengan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah Dan Galian Selangor bercadang selepas tamatnya Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran akan mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 127 Kanun Tanah Negara.

**LAPORAN KEMAJUAN PROGRAM PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT DAERAH
(SEHINGGA MEI 2011)**

DAERAH	BIL. LOT	BIL. PERMOHONAN TUKAR SYARAT		KEPUTUSAN			PERMIT KHAS SEMENTARA				PREMIUM TAMBAHAN (RM)
				LULUS	TOLAK	TANGGUH	2007	2008	2009	2010	TELAH BAYAR
PETALING	985	469	47.61%	462	3	4	3	0	1	1	49,370,387.65
KLANG	434	256	58.99%	159		2			125	115	27,695,626.50
GOMBAK	44	31	70.45%	37	1	12	32	0	0	0	342,056.34
HULU LANGAT	467	137	29.34%	102	5	2	53	18	24	2	26,174,523.10
KUALA LANGAT	209	86	41.15%	66	12	1	90	10	35	0	6,071,780.00
SEPANG	44	17	38.64%	17	0	0	14	0	3	1	2,094,404.00
HULU SELANGOR	17	8	47.06%	4	2	0	9	8	7	1	169,026.00
KUALA SELANGOR	34	17	50.00%	10	2	5	29	17	14	0	327,390.75
SABAK BERNAM	16	0	0.00%	0	0	0	0	0	0	16	16,000.00
JUMLAH	2,250	1,021	45.38%	857	25	26	230	53	209	136	112,261,194.34

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PADAT

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah program yang telah dilaksanakan dalam tahun 2011 dan bagaimanakah prestasinya?
- b) Apakah rancangan PADAT dalam 2012?

JAWAPAN :

- a) Program yang dilaksanakan pada tahun 2011 dan prestasinya adalah sepertimana berikut :

**1. Program Jalinan Adat Budaya dan Warisan Negeri Selangor
"Memartabatkan Adat Membudayakan Warisan"**

- a) Pada tahun 2011 program ini telah dilaksanakan di empat (4) buah daerah di negeri Selangor iaitu :

1. Daerah Klang

Tarikh : 13 Mac 2011 (Ahad)
Tempat : Kampung Bukit Kapar, Klang
Bil. pengunjung : 2006 orang
Program :

Forum Perdana

Tarikh : 12 Mac 2011 (Sabtu)
Masa : 8.00 malam
Tempat : Masjid Al-Taqwa,
Kampung Bukit Kapar, Klang.

Persembahan kesenian :

Cempuling, kentrong, kompong tiga, silat, sepak raga ratus dan puisi tradisional.

Pertandingan:

Permainan gasing, gubahan sireh junjung, masakan dan kuih tradisional.

Bengkel seni

Tekad dan sulaman kelingkan.

Forum

Bicara budaya.

Pertunjukan

Permainan gasing dan layang-layang atau wau kapal dan mini pameran jabatan dan agensi daerah.

2. Daerah Sepang

Tarikh : 23 April 2011 (Sabtu)
Tempat : Bukit Bangkong, Sepang
Bil. pengunjung : 1506 orang
Program :

Forum Perdana

Tarikh : 22 April 2011 (Jumaat)
Masa : 8.00 malam
Tempat : Masjid Al-Ulum, Kg. Bukit Bangkong, Sepang

Persembahan Kesenian:

Cempuling, Kompang Tiga, Silat, Tarian Piring, Tarian Kaca, Persembahan Kesenian Orang Asli dan Persembahan Kumpulan Kesenian PADAT

Pertandingan :

Wau/Layang-Layang, Sirih Junjung, Masakan Tradisional, Kuih Tradisional dan Mewarna untuk Kanak-Kanak

Bengkel :

Kelingkan

Pameran :

Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor dan Agensi Kerajaan Daerah & NGO

3. Daerah Kuala Langat

Tarikh : 11 Jun 2011 (Sabtu)
Tempat : Dataran Morib, Kuala Langat
Bil. pengunjung : 2317 orang
Program :

Forum Perdana

Tarikh : 10 Jun 2011 (Jumaat)
Masa : 8.00 malam
Tempat : Masjid Jamiul Ehsani, Batu 8, Sijangkang
Telok Panglima Garang, Kuala Langat

Persembahan Kesenian:

Cempuling/ Cak Lempong, Kompang Jawa, Silat Cemandi,
Keroncong Asli, Tarian Kuda Kepang/ Poja

Pertandingan :

Gubahan Sirih Junjung, Masakan Tradisional (Nasi Keluban),
Kuih Tradisional (Kuih Bandau@ Kemboja), Wau Kapal,
Andaman Pengantin, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak 5-8
tahun

Forum/Seminar :

Bicara Sejarah Warisan Selangor dan Seminar Sejarah Kuala
Langat

Bengkel :

Kelingkan

Pameran :

Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor dan Agensi
Kerajaan & NGO

4. Daerah Gombak

Tarikh : 16 Julai 2011 (Sabtu)
Tempat : Taman Greenwood, Batu Caves
Bil. pengunjung : 1057 orang
Program :

Forum Perdana

Tarikh : 15 Julai 2011 (Jumaat)
Masa : 8.30 malam
Tempat : Masjid Ar-Rahimah, Taman Greenwood,
Batu Caves, Gombak

Demonstrasi :

Permainan Gasing Pangkah, Permainan Wau Kapal

Persembahan Kesenian:

Cak Lempong, Kerincingan, Kompang dan Silat Cemandi, Kuda Kepang, Muzik Asli, Kompang Berformasi Dan Persembahan Kumpulan Kesenian PADAT

Pertandingan :

Gubahan Sirih Junjung, Masakan Tradisional, Kuih Tradisional dan Mewarna untuk Kanak-kanak dan Permainan Sepak Raga Bulatan

Bengkel :

Kelingkan

Pameran :

Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor dan Agensi Kerajaan & NGO

2. Pameran

PADAT telah mengikuti beberapa pameran bergerak anjuran beberapa agensi kerajaan dan mengadakan satu pameran khas sepertimana yang berikut :

- a. Pameran sempena MATTA International Fair Selangor Umrah & Muslim Travel Destinations (MASUM) 2011, di Shah Alam Convention Centre (SACC Convec) – Januari 2011
- b. Pameran sempena Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan di Negeri Sembilan – Mei 2011
- c. Pameran sempena Keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong ke Dataran Morib, Daerah Kuala Langat – September 2011
- d. Pameran Sempena Kemerdekaan ke-54 di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Salahuddin Alam Shah, Shah Alam – September 2011
- e. Pameran Sempena Karnival 100 Tahun Batu Arang di Padang Awam, Batu Arang – Oktober 2011
- f. Pameran Khas Adat dan Waris di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam sempena cuti sekolah - Disember 2011

3. Program Konvensyen Identiti Negeri Selangor 2011

- a. Program Konvensyen Identiti Negeri Selangor telah dicetuskan oleh Y.B. Dato' Dr. Hassan bin Mohamed Ali, Mantan Pengerusi PADAT semasa sesi rumusan pada Majlis Dialog Bajet Negeri Selangor 2012 pada 28 Jun 2011 bertempat di Holiday Villa Hotel and Suites Subang Jaya. Perkara ini diajukan setelah melihat hasil dan maklum balas yang sangat baik terhadap pembentangan kertas kerja yang bertajuk "**Menonjolkan Identiti Negeri dan Program Warisan Budaya Negeri Selangor**" oleh Y.Bhg. Dato' Aidit bin Ghazali selaku Ahli Lembaga Pengarah PADAT.
- b. Program Konvensyen ini telah diadakan pada 11-12 Oktober 2011 di Holiday Villa Hotel and Suites Subang Jaya. Majlis Perasmian telah dilaksanakan oleh YAB Tan Sri Dato' Seri Menteri Besar Selangor pada 11 Oktober 2011 dengan iringan persembahan kebudayaan dan kesenian negeri yang hampir luput ditelan zaman. Konvensyen ini juga telah mengumpulkan beberapa pakar dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk memastikan pengisian Bengkel Identiti yang mana perbincangannya adalah merangkumi aspek identiti negeri seperti Tekstil dan Busana Tradisional, Makanan dan Kuih Tradisional, Senibina, Monumen dan Tapak Warisan, Muzik dan Tarian Tradisional, Jati Diri Sastera Selangor dan Pencernaan Nilai-Nilai Sejagat Negeri Selangor.

4. Bengkel Garis Panduan Penyelidikan Sainifik terhadap Penemuan dan Kajian Sumber Budaya dan Warisan

Program ini telah diadakan sepertimana berikut :

Tarikh : 17-18 Februari 2011
Tempat : Dewan Raja Lumu,
Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam
Bil. Peserta : 32 orang daripada kalangan pegawai dan kakitangan gred 22 ke atas

5. Bengkel Penerbitan Umum

Program ini telah diadakan sepertimana berikut :

Tarikh : 10 Mac 2011
Tempat : Dewan Raja Lumu,
Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam
Bil. peserta : 55 peserta daripada kalangan pegawai
dan kakitangan gred 17 ke atas

6. Bengkel Rawatan dan Konservasi Koleksi Manuskrip

Program ini telah diadakan sepertimana berikut :

Tarikh : 31 Mac -01 April 2011
Tempat : Dewan Raja Lumu,
Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam
Bil. peserta : 55 peserta daripada kalangan pegawai
dan kakitangan gred 17 ke atas

7. Bual Bicara Tokoh Ilmuwan Islam “Y. Bhg. Dato’ Haron Din”

Program ini telah diadakan sepertimana berikut :

Tarikh : 10 November 2011
Tempat : Auditorium Daeng Chelak,
Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam
Bil. peserta : 350 orang peserta

8. Bengkel Asas Konservasi Bangunan Warisan 2011

Program ini telah diadakan sepertimana berikut :

Tarikh : 30 November – 01 Disember 2011
Tempat : Dewan Raja Lumu,
Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam
Bil. peserta : 35 orang peserta

9. Program Kembara Warisan 2011

Program ini telah diadakan sepertimana berikut :

Tarikh : 03 Disember 2011
Tempat : Dewan Raja Lumu,
Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam
Bil. penyertaan : 30 kumpulan

10. Program Bicara Keris : Warisan Sepanjang Zaman

Program ini telah diadakan sepertimana berikut :

Tarikh : 20 Disember 2011
Tempat : Dewan Raja Lumu,
Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam
Bil. peserta : 170 peserta

b) PADAT telah merancang beberapa program pada tahun 2012 antaranya sepertimana berikut :

- 1. Bengkel Memahami Metodologi Penyelidikan**
- 2. Program Perarakan Sempena Maulidur Rasul 1433 H**
- 3. Perasmian Muzium Insitu Jugra, Kuala Langat**
- 4. Pameran Pantang Larang "Pesan Orang Tua"**
- 5. Lawatan Kerja Rasmi Muzium Perak, Pulau Pinang dan Kedah**
- 6. Program Muzium dan Warisan 2012 di Hulu Selangor, Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Langat**
- 7. Bengkel Busana Selangor : Teknik Pemakaian Sampin dan Tanjak**
- 8. Bengkel Asas Konservasi Bangunan Warisan 2012**
- 9. Bengkel Jahitan Kebaya Selangor**
- 10. Bengkel Pengwujudan Muzium Sukan**
- 11. Bengkel Penulisan Ilmiah dan Dokumentasi**
- 12. Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2012 Peringkat Kebangsaan di Pekan, Pahang**
- 13. Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2012 Peringkat Negeri Selangor**
- 14. Pameran Khas : Selangorku "Merentas Waktu"**
- 15. Majlis Keraian Dua Sasterawan Negara Kelahiran Anak Negeri Selangor**
- 16. Bengkel Sulaman Kelingkan**
- 17. Pelancaran Sahabat Muzium**
- 18. Bengkel Seni Tari Selangor**
- 19. Bengkel Kompang Jawa Selangor**
- 20. Bual Bicara Tokoh Ilmuwan Islam**
- 21. Bengkel Halatuju dan Cabaran Muzium di Tahun 2020**
- 22. Kembara Warisan 2012 (Shah Alam –Jugra)**
- 23. Seminar Asal Usul Melayu**
- 24. Pameran Khas : "Kenangan Zaman Kanak-Kanak"**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : TANAH KG SUNGAI BUAYA

23. Kerajaan negeri mempunyai tanah-tanah bekas peneroka FELDA di Kg Sg Buaya.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Rasional dan Apa rancangan kerajaan terhadap tanah tersebut ?
- b) Sekiranya dijual berapakah harga sehektar ?
- c) Apakah status Tanah yang dipulang balik oleh FELDA kepada kerajaan negeri yang seharusnya diberi kepada bekas peneroka seluas 2 ekar setiap orang?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman, Y.A.B Dato Menteri Besar Selangor telah mengarahkan pihak Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) untuk merancang pembangunan di atas tanah seluas 1047 ekar yang dulunya sebahagian daripada tanah pembangunan Bandar Sungai Buaya.

Pelan perancangan pembangunan semula tersebut telah disediakan dengan pembangunan berkonsepkan *Amusement City* yang akan membawa nilai tambah kepada bukan sahaja kepada Bandar Sungai Buaya malah kepada Daerah Hulu Selangor.

Perancangan ini masih di dalam tindakan Lembaga Perumahan Negeri Selangor (LPHS) untuk tindakan selanjutnya.

- b) Perlu dirujuk ke Jabatan Penilaian Perkhidmatan Harta (JPPH) apabila ada permintaan untuk urusan jual beli dibuat.
- c) Tanah Kerajaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : WI-FI PERCUMA

24. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan kemudahan wi-fi percuma di Selangor?
- b) Sila nyatakan rasional untuk jawapan (a) di atas dan langkah yang telah diambil untuk mengatasi sebarang kesulitan dalam perlaksanaannya.
- c) Berapakah anggaran kos untuk melaksanakannya?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah memperkenalkan dasar Ubiquitous Wireless Selangor (U-WiSEL) pada tahun 2009 iaitu untuk mewujudkan capaian internet secara tanpa wayar yang bersifat sejagat dan merata capaiannya di seluruh Negeri Selangor. Pada April 2010, Kerajaan Negeri Selangor telah melancarkan fasa pertama WIFI percuma. Perancangan Kerajaan Negeri adalah untuk melancarkan lebih banyak lagi inisiatif WiFi sama ada daripada inisiatif kerajaan Negeri atau pelaburan pihak swasta (PFI) dan perancangan untuk melaksanakan wifi dengan pihak swasta telah diadakan iaitu melalui projek Hywin dengan kerjasama Syarikat Telekom Malaysia.
- b) Kerajaan Negeri sedang menuju kepada taraf Liveable State yang mana salah satu cirinya peningkatan kualiti hidup rakyat melalui visi Kerajaan Negeri iaitu "*you are connected in Selangor*". Kerajaan Negeri juga telah meneliti beberapa teknologi terkini daripada pelbagai syarikat untuk di bawa masuk ke Selangor. Teknologi Hywin (Hybrid Wireless Network) umpamanya mampu menyediakan teknologi wifi yang lebih baik dan kini dalam peringkat untuk bekerjasama dengan syarikat Telekom Malaysia Berhad.
- c) Anggaran kos yang terlibat bagi tempoh setahun yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menyediakan kemudahan WiFi secara percuma adalah bergantung pada beberapa faktor seperti :
 - i. Bilangan lokasi,
 - ii. Tempoh sewaan perkhidmatan,
 - iii. Kemudahan yang boleh ditawarkan oleh Kerajaan Negeri serta

- iv. Pelan perniagaan kreatif yang boleh diberikan oleh ISP kepada kerajaan negeri dalam mewujudkan situasi menang-menang kepada semua pihak.

Walau bagaimanapun kerajaan negeri menganggarkan kos sewaan adalah sebanyak RM 10,000.00 hingga RM 30,000.00 setahun bagi satu lokasi kawasan perkhidmatan WiFi dengan kapasiti talian utama (*backhaul*) sebanyak 4Mbps.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO` HJ. ABD RAHMAN BIN HJ. PALIL
(SEMENTA)**

TAJUK : OPERASI PUSAT HIBURAN

25. Operasi pemeriksaan terhadap pusat hiburan haram perlu ditingkatkan setiap masa tanpa memilih musim khususnya di kawasan PBT-PBT.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kekerapan operasi membanteras pusat hiburan haram tersebut?
- b) Adakah YB Ahli EXCO dan ADUN-ADUN kerajaan negeri telah dan sedia turun padang mengetuai operasi tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kekerapan operasi membanteras pusat hiburan haram adalah berbeza mengikut keperluan Pihak Berkuasa Tempatan. Namun, setiap PBT mempunyai inisiatif tersendiri dan telahpun merancang operasi penguatkuasaan secara berkala yang bakal dilaksanakan bagi memastikan premis-premis pusat hiburan haram dapat dibanteras. Di samping itu juga, terdapat operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan secara ad hoc berdasarkan aduan-aduan yang diterima dan operasi yang dilaksanakan secara bersepadu bersama agensi-agensi luar seperti PDRM, JAIS, dan AADK.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, YB Ahli EXCO dan ADUN-ADUN sentiasa bersedia untuk menyertai operasi penguatkuasaan ke atas pusat hiburan haram yang terdapat di sekitar Selangor. Ini kerana, operasi penguatkuasaan secara bersepadu merupakan salah satu kaedah terbaik di dalam menangani masalah yang melibatkan pusat hiburan haram.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : AKTIVITI PEMBANGUNAN KAMPUNG

26. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 muka surat 28 –32.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap balai raya di tiga kampung di Daerah Sabak Bernam yang tidak digunakan sejak tahun 2008?
- b) Apakah status semasa berkenaan dua kampung di Daerah Sabak Bernam dan tiga kampung di Daerah Hulu Selangor yang dilaporkan tidak mempunyai sebarang kemudahan riadah dan rekreasi?
- c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap tiga kampung di Daerah Hulu Selangor, satu kampung di Daerah Sepang dan empat kampung di Daerah Sabak Bernam yang dilaporkan masih tidak mempunyai kedai PLB?

JAWAPAN :

- a) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap balai raya di tiga kampung di Daerah Sabak Bernam yang tidak digunakan sejak tahun 2008 adalah seperti berikut:
 - 1. Hasil semakan Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam mendapati bahawa balai raya di tiga buah kampung di Daerah Sabak Bernam adalah berstatus tanah persendirian / individu dan pihak pemilik tanah tersebut tidak memberikan keizinan untuk menggunakan balai raya tersebut. Pihak Pejabat Daerah tidak boleh mengambil sebarang tindakan kerana ia akan dianggap sebagai pencerobohan.
 - 2. Sebagai salah satu langkah alternatif ialah pihak Kerajaan Negeri menyediakan kabin bagi memudahkan pihak JKKK menjalankan aktiviti. Kabin tersebut diletakkan di kawasan tanah Pengerusi JKKK sehingga tamat tempoh Pengerusi JKKK tersebut memegang jawatan. Bagi memastikan aset kerajaan negeri terjamin, satu perjanjian di antara pihak JKKK dengan Pejabat Daerah dibuat bagi membolehkan pihak Pejabat Daerah mengeluarkan / mengambil alih kabin berkenaan jika perlu.

- b) Status semasa berkenaan dua kampung di Daerah Sabak Bernam yang tidak dilaporkan tidak mempunyai sebarang kemudahan riadah dan rekreasi adalah seperti berikut:
1. Tiada tapak yang sesuai (tanah kerajaan). Walau bagaimanapun, jumlah penduduk yang terlalu kecil membolehkan penduduk berkongsi kemudahan rekreasi dengan kampung bersebelahan.
 2. Surat permohonan bagi mendapatkan kemudahan riadah dan rekreasi telah dihantar ke pihak UPEN. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri dan PDT sedang berusaha mengenal pasti kemudahan rekreasi / riadah di kampung bagi memastikan penduduk kampung mendapat kemudahan sebagaimana yang dinikmati oleh penduduk di kawasan seliaan Pihak Berkuasa Tempatan.
- c) Empat buah kampung di Daerah Sabak Bernam yang tidak mempunyai kedai PLB adalah kerana tiada lagi tanah kerajaan yang sesuai untuk di bina Kedai PLB. Selain itu, tiada keperluan mendesak untuk membina baru kedai PLB memandangkan jumlah penduduk yang agak kurang. Pada masa ini, semua pengurusan kedai PLB sedia ada telah di serahkan pada pihak Majlis Daerah Sabak Bernam mulai Tahun 2005.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : TUNGGAKAN AIR PERCUMA

27. Penghuni flet telah ramai bertukar dari penggunaan meter pukal kepada meter individu dan melayakkan mereka menikmati skim air percuma.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang membayar tunggakan air percuma sejak tiga tahun lalu?
- b) Berapakah anggaran wang diperlukan untuk membuat bayaran tersebut?

JAWAPAN :

- a) Syarat utama bagi melayakkan penghuni rumah pangsa menerima skim 20 meter padu air percuma adalah mempunyai meter individu. Penghuni rumah pangsa menggunakan meter pukal di bawah nama Syarikat Pengurusan, Perbadanan Pengurusan (MC), persatuan penduduk atau pihak-pihak lain sewajarnya melaksanakan proses migrasi bagi mendapatkan bil air secara terus dari SYABAS.

Pada masa ini migrasi meter pukal tidak diwajibkan dan perlu dipohon oleh pemilik-pemilik individu. Permohonan migrasi ini akan diterima dengan adanya persetujuan daripada pengurusan dan juga permohonan dikemukakan oleh semua pemilik unit yang disertakan bersama dengan pembayaran deposit baru bagi semua akaun individu yang dipohon termasuk penyelesaian segala tunggakan ke atas akaun meter pukal dan pengecualian diberikan untuk keadaan –keadaan berikut:-

- a) Pemilik berada di luar negara
- b) Pemilik telah meninggal dunia atau menukar hakmilik premis;
- c) Pemilik terbabit sedang dalam proses lelongan atau tidak dijual;
dan
- d) Premis adalah kosong atau apa-apa keadaan yang mana dapat dipertimbangkan oleh Pembekal Air.

Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor berpandangan tidak timbul isu tunggakan air percuma kerana adalah menjadi tanggung jawab setiap penghuni rumah pangsa untuk memenuhi semua pra syarat yang telah

ditetapkan sebelum mereka layak menerima skim 20 meter padu air percuma.

- b) Anggaran bayaran tunggakan akan dikenalpasti sekiranya Kerajaan Negeri membuat perancangan untuk membayar tunggakan air percuma.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : SUKAN BOLA SEPAK

28. Untuk mengukuhkan kualiti sukan Negeri Selangor khusus bola sepak.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan untuk membantu kelab- kelab tempatan di DUN masing-masing?
- b) Apakah program bola sepak untuk kanak-kanak di bawah umur 12 tahun?.
- c) Bagaimana kerajaan Negeri menyelaraskan program bola sepak dengan Majlis-majlis Bandaran Selangor?

JAWAPAN :

- a) Menyediakan padang bolasepak dan gelanggang futsal sebanyak yang boleh.
- b) Program bola sepak untuk kanak-kanak di bawah umur 12 tahun adalah di bawah Majlis Sukan Sekolah-sekolah Selangor (MSSS) iaitu di peringkat Sekolah Rendah dan peringkat Daerah. Di samping itu Program ini turut diadakan di bawah kelab gabungan FAS seperti Kelab Bolasepak PKNS, Kelab Bolasepak PROTON, Kelab Bolasepak PNSB, Kelab Bolasepak MBPJ dengan menganjurkan program 'First Touch' pada hari Sabtu dan Ahad.
- c) Program bolasepak selaulunya diselaraskan oleh Majlis Sukan Negeri dan FAS bersama Majlis-Majlis Bandaran. Sukan Selangor yang dikenali sebagai SUKSES merupakan antara program sukan yang bertanding di Sukan Malaysia (SUKMA). Kebanyakan pasukan yang bertanding di Sukan Selangor ini diuruskan oleh Majlis-majlis Bandaran melalui Majlis Sukan Daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

**TAJUK : MAJLIS ANTIPEMERDAGANGAN MANUSIA NEGERI SELANGOR
(MAPMAS)**

29. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:
- a) Sejauh manakah keberkesanan kempen anti-pemerdagangan manusia dan sejauh manakah penguatkuasaan dan perlindungan yang boleh dilakukan oleh MAPMAS?
 - b) Berapakah bilangan kes dan jenis kes pemerdagangan manusia yang dikendalikan oleh MAPMAS mengikut pecahan PBT sehingga kini?
 - c) Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh MAPMAS dalam usaha membanteras pemerdagangan manusia di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Majlis Antipemerdagangan Manusia Negeri Selangor (MAPMAS) telah dilancarkan penubuhannya oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor pada 10 Januari 2011. Fokus utama MAPMAS ialah dalam usaha-usaha pemberdayaan komuniti dan program-program kesedaran, perlindungan mangsa dan pendakwaan. Sepanjang tahun 2011 dan suku pertama 2012, MAPMAS telah membina hubungan dengan kesemua dua belas pihak berkuasa tempatan di negeri Selangor, dua pejabat daerah, dua puluh entiti dalam sektor industri dan perkilangan, agensi & jabatan kerajaan Selangor, khususnya pihak penguatkuasa yang disebut oleh Akta Antipemerdagangan Orang 2007 (dengan pindaan 2010) – PDRM, Jabatan Tenaga Kerja dan Imigresen - badan-badan bukan kerajaan, dan kedutaan-kedutaan asing. Hubungan itu telah mewujudkan satu rangkaian usaha yang asas ke arah membanteras pemerdagangan manusia di negeri Selangor. Rangkaian hubungan itu telah meletakkan mekanisme asas yang penting untuk mengendalikan kes-kes pemerdagangan manusia di negeri Selangor.

Di peringkat PBT, Jawatankuasa Teknikal Anti-Pemerdagangan Manusia ditubuhkan bagi melaksanakan program-program kesedaran kepada rakyat, di samping meningkatkan etika dan keberkesanan mengenal pasti elemen-elemen pemerdagangan dalam operasi-operasi PBT dan dalam proses pembaharuan dan pemberian lesen-lesen perniagaan. Kebanyakan kes-kes kendalian MAPMAS melibatkan pemerdagangan tenaga kerja. Sehingga kini, kes-kes yang

telah dan sedang dikendalikan oleh aktivis MAPMAS dengan kerjasama NGO lain ialah sebanyak 80 kes yang melibatkan 513 mangsa – sebahagian besar masalahnya berpunca dari agensi tenaga kerja (outsourcing agencies). Dalam pemerdagangan seks, aduan kepada MAPMAS oleh seorang mangsa pemerdagangan seks dari sebuah negara Afrika telah berjaya menyelamatkan seramai 21 wanita warga asing dari negara tersebut. Namun, tiada penjenayah diberkas. Mangsa wanita-wanita Uganda itu telah dibawa ke Pusat Perlindungan MAPO (Majlis Antipemerdagangan Orang di peringkat nasional) dan kemudian dihantar pulang. Ada ramai lagi mangsa-mangsa yang serupa yang masih belum diselamatkan. Ketika ini, aktivis MAPMAS sedang membantu dalam perbicaraan kes pemerdagangan manusia yang melibatkan lima mangsa – kes sedang dibicarakan di Mahkamah Sesyen, Petaling Jaya. Tiga puluh dua mangsa pemerdagangan tenaga kerja Bangladesh telah dibebaskan dari pusat perlindungan di Melaka dengan mendapatkan permit kerja di bawah proses 6P. Itu adalah kes pertama seumpamanya di mana mangsa boleh bebas sementara menunggu perbicaraan kes mereka bermula. Warga Bangladesh tersebut telah berada di pusat perlindungan tersebut selama 18 bulan. Dari perspektif perlindungan mangsa dan penguatkuasaan Akta Antipemerdagangan Orang, MAPMAS tiada kuasa kecuali bekerjasama rapat dengan pihak-pihak yang telah diberi kuasa di bawah Akta tersebut, iaitu antaranya PDRM, Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Imigresen dalam usaha membanteras pemerdagangan manusia di negeri Selangor. Pihak-pihak berkuasa di negeri Selangor tersebut adalah jabatan-jabatan kerajaan di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan di bawah penyeliaan Kementerian-kementerian yang relevan yang menjadi anggota MAPO. Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai bidang kuasa (jurisdiction) ke atas jabatan-jabatan tersebut.

b) Bilangan kes pemerdagangan manusia dan jenisnya

Pihak Berkuasa Tempatan	Bilangan Mangsa Pemerdagangan Tenaga Kerja	Bilangan Mangsa Pemerdagangan Seks	Bilangan Mangsa Pemerdagangan Pembantu Rumah	Bilangan Mangsa Pemerdagangan Manusia yang tiada dikenalpasti	Kes tenaga kerja bukan pemerdagangan manusia	Jumlah Kes & Bilangan Mangsa
Majlis Bandaraya Shah Alam	1 kes (1 mangsa)		7 kes (7 mangsa)	11 kes (11 mangsa)	3 kes (63mangsa)	22 kes (82 mangsa)
Majlis Bandaraya Petaling Jaya	5 kes (13 mangsa)	3 kes (43 mangsa)	10 kes (10 mangsa)		1 kes (1mangsa)	19 kes (67 mangsa)
Majlis Perbandaran Subang Jaya	6 kes (13 mangsa)	1 kes (5 mangsa)	4 kes (4 mangsa)		4 kes (4 mangsa)	15 kes (26 mangsa)
Majlis Perbandaran Klang	13 kes (280 mangsa)		3 Kes (5 mangsa)	1 kes (1 mangsa)		17 kes (286 mangsa)
Majlis Perbandaran Kajang		1 kes (5 mangsa)				1 kes (5 mangsa)
Majlis Perbandaran Selayang			3kes (3 mangsa)			3 kes (3 mangsa)
Majlis Perbandaran Sepang	1 kes (42 mangsa)					1 kes (42 mangsa)
Majlis Perbandaran Ampang Jaya			1 kes (1 mangsa)			1 kes (1 mangsa)
Majlis Daerah Kuala Langat						
Majlis Daerah Sabak Bernam				1 kes (1 mangsa)		1 kes (1 mangsa)
Majlis Daerah Kuala Selangor						
Majlis Daerah Hulu Selangor						
JUMLAH	26 kes (349 mangsa)	5 kes (53 mangsa)	28 kes (30 mangsa)	13 kes (13 mangsa)	8 kes (68 mangsa)	80 kes (513 mangsa)

- c) Pemerdagangan manusia sering dikaitkan dengan insiden korupsi. Gerakan terhadapnya dan usaha-usaha membasminya membawa implikasi memerangi korupsi sekaligus. Ia juga memberi implikasi penting untuk sesebuah negara seperti Malaysia yang kini dalam kedudukan Tier-2 Watch List, masuk tahun kedua, di mana jika kekal ditangga tersebut, Malaysia akan mengalami sekatan ekonomi (economic sanction) dari masyarakat antarabangsa. Kebanyakan pelabur-pelabur asing antarabangsa meletakkan kriteria integriti dan tata kelola baik dalam sesebuah negara sebagai pra-syarat pelaburan di negara luar seperti Malaysia. Usaha-usaha membasmi pemerdagangan manusia dilihat sebagai usaha serius ke arah mewujudkan kriteria itu dan menatijahkan suasana pelaburan yang baik yang dikehendaki oleh pelabur asing.

MAPMAS di negeri Selangor mempunyai pelan tindakan yang komprehensif untuk membasmi pemerdagangan manusia dan telah diiktiraf dalam laporan US *Trafficking in Persons Report 2011* “...in January 2011, the state of Selangor created its own state level anti-trafficking council staffed with many leaders from the NGO community.”

Dalam pelaksanaan pelan tindakannya, MAPMAS telah berusaha untuk mewujudkan hubungan dan suatu bentuk kefahaman bersama MAPO dalam menangani isu pemerdagangan manusia di negeri Selangor, yang turut memberi kesan kepada status pemerdagangan manusia di Malaysia. Sehingga kini, MAPO belum mengiktiraf MAPMAS sebagai majlis dan badan bertindak membanteras pemerdagangan di negeri Selangor. Justru, merencatkan usaha-usaha perlindungan mangsa, akses MAPMAS terhadap mangsa dan banyak kes-kes yang disyaki pemerdagangan manusia masih tertunggak atau mengambil masa yang sangat lama untuk diselesaikan atau tidak mendapat keadilan sama sekali.

Dalam keterbatasan yang ada, mengenal pasti insiden pemerdagangan manusia dan pembanterasannya perlu diteruskan dalam bidang kuasa kerajaan negeri, khususnya di peringkat pihak berkuasa tempatan yang berkuasa menyekat, membatalkan atau tidak memperbaharui lesen-lesen perniagaan yang disyaki terlibat dalam pemerdagangan manusia. Justeru, peningkatan terhadap keupayaan pegawai dan kakitangan bahagian penguatkuasaan PBT amatlah relevan.

Melibatkan berbagai usaha antipemerdagangan manusia, khususnya program-program pemberdayaan komuniti dan pencegahan, di peringkat kawasan ADUN akan memberi kesan positif mewujudkan mekanisme *oversight* di mana rakyat boleh menjadi “ mata” dan “ telinga” kerajaan negeri dan melaporkan insiden-insiden pemerdagangan manusia. Belum ada program-program antipemerdagangan manusia dilaksanakan di peringkat DUN setakat ini.

MAPMAS mendapati bahawa banyak perkara perlu diperkemas. Yang paling utama ialah meningkatkan kemahiran dan keupayaan para pegawai dalam bidang penguatkuasaan dan pendakwaan. Kemahiran dan keupayaan itu hendaknya yang diiringi oleh nilai etika yang berpandukan hak-hak keinsanan ketika para pegawai mengendalikan kes-kes pemerdagangan manusia di mana mangsa biasanya berada dalam keadaan yang mudah diperdaya dan dianiaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK: KAWALAN ARAK

30. Kerajaan negeri dikatakan menggunakan pendekatan *self regulatory* (kawalan sendiri) oleh premis jualan bagi kawalan penjualan arak terhadap orang Islam.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah mekanisme ini berjaya dilaksanakan?
- b) Adakah ini bermaksud pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) tidak lagi berkuasa?

JAWAPAN:

- a) Hasil daripada mekanisme ini, telah mencetuskan pelbagai program yang disusun oleh Jabatan Agama Islam Selangor bagi menyedarkan masyarakat Islam kesan bahayanya arak pada setiap individu seperti program Kempen Pencegahan Arak Peringkat Negeri, Operasi Pusat Hiburan dan lain-lain.
- b) Pihak PPA JAIS akan sentiasa memantau dan mengambil tindakan sekiranya terdapat dengan jelas penjualan arak melibatkan peniaga beragama Islam. Sepanjang tahun 2011 sebanyak 20 premis yang menjual arak telah pun diambil tindakan oleh Bahagian Penguatkuasaan. Sebanyak 28 kes yang ditahan di bawah kesalahan yang berkaitan dengan arak telah dibawa ke Bahagian Pendakwaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PEMBANGUNAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU DI SELANGOR

31. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta kerajaan menyatakan jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan kepada pembangunan kampung-kampung baru di Selangor sejak tahun 2008 hingga sekarang dan berikan pecahan mengikut kampung masing-masing.

JAWAPAN :

- a) Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 5,476,000.00 kepada Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru dan sebanyak RM 3,316,987.02 telah disalurkan untuk melaksanakan projek-projek kecil kampung baru/bagan/ tersusun Negeri Selangor bagi tahun tersebut. Manakala pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 5.4 juta dan sebanyak RM 4,315,228.12 telah disalurkan kepada Pejabat Daerah/Tanah serta Pihak Berkuasa Tempatan sebagai pelaksana. Seterusnya pada tahun 2011, sebanyak RM 5 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri dan sebanyak RM 4,197,827.31 telah disalurkan bagi pembangunan kampung baru/ bagan/tersusun dan bagi tahun ini jumlah peruntukan yang sama sebanyak RM 5 juta dikekalkan bagi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru. Setakat Mac 2012, sebanyak RM 1,889,576.33 telah disalurkan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan kampung baru/bagan/ tersusun Negeri Selangor. Pecahan lengkap bagi penggunaan peruntukan pembangunan kampung baru adalah seperti di **Lampiran A**.

PECAHAN LENGKAP PENGGUNAAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU MENGIKUT KAMPUNG**A. DAERAH PETALING**

BIL	KAMPUNG	PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)			
		2009	2010	2011	2012
1	Seri Setia(Sg. Way)	25,000.00	-	-	-
2	Seri Damansara	148,870.00	-	-	-
3	Seri Sg. Buloh	66,385.00	-	-	-
4	Seri Subang	83,200.00	-	195,850.00	-
5	Kg. Chempaka	-	-	146,187.50	-
6	Seri Kembangan	219,163.56	151,708.50	-	42,950.00
7	Bt. 14 Puchong	-	-	41,900.00	-
JUMLAH		542,618.56	151,708.50	383,937.50	42,950.00

B. DAERAH KLANG

BIL	KAMPUNG	PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)			
		2009	2010	2011	2012
8	Bagan Hylam	120,000.00	43,018.28	109,305.00	-
9	Bagan Pulau Ketam	50,000.00	351,944.71	-	78,260.00
10	Bagan Sg. Lima	-	124,410.00	19,565.00	-
11	Pandamaran	49,000.00	35,000.00	-	-
JUMLAH		219,000.00	554,372.99	128,870.00	78,260.00

C. DAERAH GOMBAK

BIL	KAMPUNG	PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)			
		2009	2010	2011	2012
12	Stesyen Kuang	13,000.00	73,000.00	196,740.00	-
13	Sg. Terentang	16,300.00	8,500.00	100,000.00	79,078.94
14	Kundang	55,046.75	189,060.00	84,229.95	161,730.00
15	Kg. Dato' Lee Kim Sai	-	8,500.00	24,000.00	267,900.00
16	Kg. Lim Tan	50,000.00	13,000.00	-	82,000.00
17	Kg. Kuala Garing Selatan	-	-	-	-
18	Kg, Kuala Garing	-	-	-	-
19	Kg. Rajah	19,980.72	55,171.20	20,000.00	25,700.00
20	Kg. Rawang Tin	-	-	-	-
21	Kg. Sg. Bakau	-	8,500.00	20,000.00	-
22	Kepong Ulu	-	-	55,175.50	73,424.90
23	Kuala Ampang	-	1,500.00	48,300.75	111,882.00
24	Kg. Seri Indah A, Sg. Buloh	55,546.00	235,140.00	82,114.80	46,874.66
25	Kg. Desa Aman	-	8,527.30	-	-
JUMLAH		209,873.47	600,898.50	630,561.00	848,590.50

D. DAERAH SEPANG

BIL	KAMPUNG	PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)			
		2009	2010	2011	2012
26	Seri Dengkil	60,000.00	-	117,228.00	-
27	Salak	-	216,354.00	139,000.00	-
28	Seri Sg. Pelek	59,650.00	198,140.00	-	-
29	Sepang Jaya	37,000.00	-	-	-
JUMLAH		156,650.00	414,494.00	256,228.00	-

E. DAERAH KUALA SELANGOR

BIL	KAMPUNG	PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)			
		2009	2010	2011	2012
30	Bagan Sg. Tengkorak	148,548.57	109,494.71	114,316.12	32,110.00
31	Bagan Pasir	5,000.00	52,380.00	-	-
32	Bagan Sg. Kajang	36,998.00	78,154.76	129,744.06	48,820.00
33	Tiram Setia	49,997.87	41,758.10	38,743.01	12,484.00
34	Bagan Sg. Yu Baru	65,284.05	2,000.00	147,168.43	22,139.20
35	Bagan Pasir Penambang	75,025.85	14,997.88	13,970.00	-
36	Bagan Sasaran(Sg. Buloh)	16,860.90	89,604.65	-	-
37	Bestari Jaya(Batang Berjuntai)	-	19,970.40	-	-
38	Ijok Baru	-	-	-	-
39	Bagan Sg. Janggut	-	-	-	-
JUMLAH		397,715.24	408,360.50	443,941.62	115,553.20

F. DAERAH KUALA LANGAT

BIL	KAMPUNG	PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)			
		2009	2010	2011	2012
40	Tg. Sepat Indah	-	286,557.25	-	35,000.00
41	Sg. Jarom	15,000.00	179,240.00	209,902.80	25,806.60
JUMLAH		15,000.00	465,797.25	209,902.80	60,806.60

G. DAERAH HULU LANGAT

BIL	KAMPUNG	PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)			
		2009	2010	2011	2012
42	Ampang	22,537.84	-	-	-
43	Batu 14, Hulu Langat	-	-	-	-
44	Batu 9, Cheras	9,863.25	222,857.80	197,076.71	-
45	Kg. kenangan 18	83,599.00	-	-	148,094.03
46	Semenyih	-	51,296.95	-	-
47	Tarun/Broga	17,160.50	-	-	-
48	Bukit Angkat	90,770.00	19,810.00	176,750.42	-
49	Kwan Tung Baru	52,616.00	6,300.00	140,451.62	-
50	Sg. Chua	-	75,021.20	134,368.00	-
51	Bangi	41,031.70	53,950.00	-	-
52	Balakong	37,989.00	56,834.50	127,467.40	-
53	Batu 11 Cheras	-	-	144,312.72	-
JUMLAH		355,567.29	486,070.45	920,426.87	148,094.03

H. DAERAH HULU SELANGOR

BIL	KAMPUNG	PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)			
		2009	2010	2011	2012
54	Kg. Sejantung, Kalumpang	-	54,570.00	35,162.00	-
55	Kg. Hassan, Hulu Bernam	-	17,670.00	-	-
56	Kg. Kilang Papan, Hulu Bernam	-	75,230.00	12,578.00	-
57	Kg. Air Panas, Kerling	49,860.00	5,000.00	-	-
58	Kg. Bkt Chandang, Batang Kali	19,100.00	-	-	-
59	Kg. Chuang, Rasa	20,000.00	-	-	-
60	Kg. Asam Kumbang, K.K. Bharu	3,500.00	21,900.00	-	-
61	Kg. Stesyen, Hulu Yam Lama	-	19,948.00	4,985.00	47,248.00
62	Kg. Damai, Serendah	31,830.15	-	108,262.60	-
63	Kg. Gurney, Hulu Yam Baru	12,108.00	154,328.83	4,913.00	-
64	Kg. Menyuruk, Batang Kali	-	-	-	-
65	Kg. Datuk Harun, Serendah	23,488.40	82,291.10	26,360.82	-
66	Kg. Koskan, Serendah	-	-	-	-
JUMLAH		159,886.55	430,937.93	192,261.42	47,248.00

I. DAERAH SABAK BERNAM

BIL	KAMPUNG	PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)			
		2009	2010	2011	2012
67	Bagan Parit Baru	-	-	-	34,830.00
68	Bagan Sg. Lang	-	-	52,000.00	65,440.00
69	Bagan Sg. Pulai	165,137.00	177,686.00	51,000.00	39,898.00
70	Bagan Nakhoda Omar	171,130.06	117,979.00	187,835.00	-
71	Bagan Teluk Ru	300,106.85	-	-	18,040.00
72	Bagan Beting Kepah	-	-	-	116,600.00
73	Bagan Sg. Besar	174,073.00	151,620.00	122,427.10	-
74	Bagan Sg. Burong	350,000.00	233,013.00	19,900.00	68,706.00
75	Sekinchan Site A (Kian Sit)	5,000.00	19,800.00	54,500.00	-
76	Sekinchan Site B	20,229.00	-	180,500.00	35,000.00
77	Sekinchan SiteC	72,500.00	82,680.00	19,810.00	-
78	Bagan Seri Sekinchan	2,500.00	19,810.00	243,030.00	169,560.00
JUMLAH		1,260,675.91	802,588.00	931,002.10	548,074.00

- **Jumlah Keseluruhan mengikut tahun :**

- i) **2009 - RM 3,316,987.02**

- ii) **2010 - RM 4,315,228.12**

- iii) **2011 - RM 4,197,827.31**

- iv) **2012 - RM 1,889,576.33 (Setakat Mac 2012)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: TIADA PROJEK MEGA DALAM NEGERI SELANGOR

32. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah projek mega telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri setelah menerajui pemerintahan negeri mulai 8 Mac 2008 ?
 - b) Apakah status Projek Pembersihan Sungai Klang diwar-warkan oleh kerajaan negeri ?

JAWAPAN :

- a) Terdapat pendekatan yang jauh berbeza dari pendekatan pentadbiran BN yang lebih mengutamakan projek-projek mega walaupun terpaksa berhutang atau mengambil rakan kongsi dengan mengikat perjanjian yang merugikan kerajaan Negeri dan rakyat. Dasar yang sama juga telah mengakibatkan ratusan projek perumahan terbengkalai serta ribuan ekar tanah negeri tergadai.

Pentadbiran Pakatan Rakyat negeri Selangor memperkenalkan konsep yang asing bagi BN iaitu perbelanjaan berhemah dengan keutamaan diberikan kepada kebajikan rakyat melalui program seperti pemberian air percuma bagi 20 meter padu pertama, Skim Mesra Usia Emas, Hadiah Anak Masuk Universiti serta Skim Mikro Kredit yang melibatkan perbelanjaan tidak kurang dari RM592,909,645 sehingga Disember 2011.

- b) Projek Pemuliharaan dan Pembangunan merupakan satu projek awam yang akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta melalui Public/Private Partnership (PPP) atau Private Financing Initiative (PFI) di mana Syarikat-syarikat yang telah di senarai pendek akan membiayai kos pemuliharaan dan pembersihan sungai dan sebagai balasan, mereka perlu mengemukakan cadangan pembangunan untuk pertimbangan kerajaan negeri Selangor.

Setakat ini, 3 syarikat telah di senarai pendek oleh Kerajaan Negeri untuk terlibat dengan projek ini pada kapasiti yang berbeza. Syarikat-syarikat tersebut ialah:-

- TSS-MAKO Engineering Sdn. Bhd.
- I Berhad/Grahamtek Consortium
- GJA Engineering & Construction Sdn. Bhd.

Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil pendirian untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat melalui Projek 'River of Life' bagi menjamin synergy yang lebih baik serta mengelakkan sebarang pertindihan melalui keanggotaan dalam Jawatankuasa Pemandu 'Greater KL/Klang Valley'.

Selain itu, melalui Sub-Task Force Pembersihan Sungai di bawah Projek River of Life yang dipimpin oleh JPS, sebagai permulaan sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan kepada Selangor di mana MPAJ sebagai agensi pelaksana akan membina Sistem Rawatan Air di salur keluar sistem perparitan utama ke Sungai Klang di Taman Melawati, Hulu Klang, Daerah Gombak Selangor bagi pengawalan mutu air. Projek tersebut dijangka disiapkan pada penghujung Mac 2012.

Pada bulan Ogos 2011, Jawatankuasa Projek telah dimantapkan dengan pelantikan gabungan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, golongan profesional, penjawat awam yang dipengerusikan oleh YM Raja Idris dari Kumpulan Perangsang Selangor (KPS).

KPS sedang merangka Memorandum Kesefahaman dengan China Construction Engineering Corporation yang berminat untuk memajukan projek ini dan akan menjalankan 'Feasibility Study' bagi pemuliharaan dan rawatan Sungai Klang sebelum melabur bagi menjayakan projek ini. Kajian ini akan dijalankan dengan usaha sama universiti tempatan bagi pemindahan kepakaran.

Selain urusan pelaburan, dari sudut pihak agensi kerajaan negeri pula, Kajian Lapangan serta Inventori terperinci Guna tanah telah selesai dilakukan. Sedang disediakan ialah Pelan Tindakan Bersepadu Pihak-pihak Berkepentingan, Penyelarasan Laporan Tanah Rizab Sungai Klang dan Isu-isu Tanah (Penguatkuasaan) serta penyelarasan Sistem Saliran/ Discharge yang mengalir ke Sungai Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK: JALAN ROSAK DAN LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

33. Bandar Puncak Alam sekarang semakin pesat membangun dengan pertambahan jumlah penduduk yang terus meningkat dari masa ke semasa.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penduduk Alam Jaya mengadu berkaitan jalan masuk ke Taman Alam Jaya yang rosak teruk. Apakah langkah-langkah yang sudah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah tersebut?
- b) Lampu Jalan di jalan masuk ke Taman Alam Jaya juga tidak berfungsi dan menimbulkan kebimbangan penduduk pada waktu malam. Apakah tindakan Kerajaan Negeri setakat ini?.

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis sedang mengeluarkan tawaran sebut harga yang bermula pada 7.3.2012 dan tarikh tutup pada 19.3.2012 untuk kerja-kerja penyelenggaraan di lokasi tersebut menggunakan bagi peruntukan MARRIS Tahun 2011.
- b) Pihak MDKS telah mengenal pasti lokasi aduan kerosakan lampu di kawasan tersebut. Peringkat pertama pihak Majlis telah mengeluarkan kerja penyelenggaraan lampu jalan di lokasi tersebut iaitu di Jalan Masuk Alam Jaya dan kawasan kilang. Pada peringkat seterusnya pihak Majlis akan membuat penyelenggaraan di kawasan perumahan Taman Alam Jaya dari masa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : AKHBAR NEGERI SELANGOR

34. Kerajaan Negeri Selangor mempunyai akhbar-akhbar sendiri iaitu Selangor Kini, Selangor Times dan Selangor Indru untuk menyampaikan maklumat kepada rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah sambutan rakyat terhadap akhbar-akhbar ini?
- b) Bagaimanakah akhbar-akhbar ini disampaikan kepada rakyat?
- c) Berikan statistik tentang penambahan akhbar-akhbar ini dari sejak diterbitkan sehingga kini.

JAWAPAN :

- a) Selangorkini: Untuk memastikan keberkesanan Selangorkini, satu kajian "Perspektif pengundi terhadap Selangorkini" telah dibuat oleh Merdeka Centre pada Julai 2011. Antara kesimpulan yang didapati dari kajian tersebut, liputan Selangorkini telah meningkat dari masa ke semasa. Liputan pada tahun 2011 meningkat berbanding tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh keputusan untuk meningkatkan kekerapan edisinya dari sebulan sekali ke dua kali sebulan.

Dari segi isi kandungan atau "editorial content", tahap kepuasan dilihat agak tinggi secara umum. - 64% (Melayu), 50% (Cina) dan 82 (India). Pengundi lelaki dilihat lebih berpuas hati dan inya disebabkan capaian di kalangan ini lebih tinggi berbanding perempuan.

Menurut kecenderungan parti pula, lebih 70% mereka diatas pagar puas hati dengan isi kandungan Selangorkini. Sila lihat lampiran untuk tahu lebih lanjut.

Selangor Times: Tiada kajian khusus yang telah dilakukan. Walaubagaimanapun, tinjauan rambang yang telah dilakukan mendapati, akhbar berbahasa Inggeris dan Mandarin ini mendapat sambutan baik oleh "target audience" iaitu penduduk bandar di negeri Selangor. Mereka selalu mendapa permintaan dari orang ramai, persatuan penduduk serta pemimpin masyarakat.

Selangor Indru: Tiada kajian khusus yang telah dilakukan. Namun mengikut tinjauan pejabat ahli majlis kerajaan negeri Dr Xavier Jayakumar yang bertanggungjawab untuk pendedar akhbar bahasa Tamil tersebut,

- b) Selangorkini - Sejak awal sehingga sekarang, akhbar ini di edarkan terus kepada pejabat Dun dan penyelaras DUN seluruh Selangor. Walau bagaimana pun baru-baru ini, sebanyak 50,000 naskhah telah diedarkan melalui "professional flyer distributor" dengan kos minima di tempat-tempat yang telah ditentukan

Selangor Times – Akhbar ini diedarkan terus di 21 stesen LRT, 10 stesen komuter, tiga pusat membeli-belah dan 10 buah pasar basah di seluruh Selangor.

Selangor Indru – Akhbar ini diedarkan terus ke pejabat DUN dan penyelaras DUN seluruh Selangor mengikut keperluan.

- c) Selangorkini:
Disember 2008 – Disember 2009: Penerbitan sebulan sekali, 100,000 naskhah dicetak
Disember 2009 – Januari 2011: Dua kali sekali (100,000 naskhah)
Januari 2011 – sehingga sekarang: Seminggu sekali (120,000 naskhah)
February 2012: Seminggu sekali (150,000 naskhah)

Selangor Times

November 2010 sehingga sekarang – Seminggu sekali (100,000 naskhah)

Selangor Indru

Februari 2011 sehingga sekarang – Dua bulan sekali (50,000 - 120,000 naskhah berpandukan permintaan dan keperluan)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK: PROGRAM CERIA BANGUNAN

35. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak jumlah yang disediakan untuk program ceria bangunan yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Tetap Bangunan?
- b) Apakah aspek-aspek yang diperbaiki dalam program ceria bangunan ?
- c) Berapa banyak apartmen-apartmen yang telah terlibat dalam program ceria ?

JAWAPAN:

- a) Sejumlah RM9.7 juta telah diperuntukkan di bawah program bantuan baikpulih pangsapuri kos rendah dan sederhana rendah yang dikenali sebagai Skim CERIA (*Caring Government for Residence Improvements' Aid*). Sebuah Tabung Amanah telah ditubuhkan pada tahun 2011 bagi tujuan pelaksanaan Skim ini. Konsep perkongsian kos antara Kerajaan Negeri dan penduduk merupakan teras kepada pelaksanaan Skim ini seperti berikut:-

Pangsapuri Kos Rendah

Kerajaan Negeri	-	80%
JMB/MC/Persatuan Penduduk	-	20%

Pangsapuri Kos Sederhana Rendah

Kerajaan Negeri	-	60%
JMB/MC/Persatuan Penduduk	-	40%

- b) Program CERIA dilaksanakan bagi tujuan membaik pulih kerosakan atau kecacatan harta bersama pangsapuri seperti yang ditafsirkan di bawah peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] seperti lif, tangki air, bumbung dan sebagainya. Aspek **keselamatan**, **kebersihan** dan **keceriaan** adalah kriteria utama yang akan dilihat dalam menilai kerosakan atau kecacatan harta bersama yang akan dibaikpulih. Contoh jenis baikpulih berdasarkan kepada 3 kriteria tersebut adalah seperti berikut:-

Kriteria

Keselamatan
Kebersihan
Keceriaan

Jenis Baikpulih

Baikpulih lif, bumbung, sistem pencegah kebakaran
Baikpulih rumah sampah, sistem pembedahan
Mengecat bangunan

- c) Pelaksanaan Skim CERIA dibahagikan kepada **dua (2) fasa**. **Fasa pertama** pelaksanaannya telah melibatkan 17 buah pangsapuri kos rendah dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM2.2 juta dan memberi manfaat kepada hampir 8,000 unit kediaman. Manakala **fasa kedua** pula melibatkan 33 pangsapuri kos rendah dan 20 pangsapuri kos sederhana rendah dengan implikasi kewangan hampir RM7.2 juta serta dimanfaatkan hampir 19,000 jumlah unit kediaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : GERAN SELANGORKU

36. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah program-program dan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan di bawah geran ini?
- b) Bagaimana dan bilakah ia akan dilaksanakan?

JAWAPAN :

- a) Terdapat 17 kategori program yang boleh dilaksanakan di bawah geran ini, iaitu
 - i. Pengenalan Gaji Minima
 - ii. Program Pembasmian Rasuah & Penyelewengan
 - iii. Pemerksaan Wanita
 - iv. Dari Kebajikan Kepada Bekerja
 - v. Program Keusahawanan Muda
 - vi. Program Sokongan Pendidikan
 - vii. Infrastruktur
 - viii. Pembinaan Infrastruktur Sukan
 - ix. Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar
 - x. Program Jangkaan Kehidupan Bandar
 - xi. Program Pejabat ke Rakyat
 - xii. Program Pengukuhan Budaya
 - xiii. Program Pengukuhan Demokrasi
 - xiv. Penerangan Maklumat Negeri
 - xv. Program Peningkatan Kualiti Hidup Rakyat
 - xvi. Program Peningkatan Kemahiran Penjawat Awam
 - xvii. Penggerak Pembangunan Luar Bandar

- b) Bagi pelaksanaan segera, kerajaan negeri mensasarkan 2 projek infrastruktur di setiap DUN serta 500 masjid dibersihkan di Seluruh Selangor dalam tempoh 3 bulan. Untuk Fasa Pertama, projek-projek berikut telah dikenal pasti dan mengikut jadual kerja-kerja akan dimulakan pada 21 Mac 2012 dan dijangka siap pada 1 Jun 2012:

Bil	PBT	Senarai Projek Infrastruktur	DUN	Kawasan
1	MBSA	Cadangan kerja-kerja membaharu muka jalan dan kerja-kerja berkaitan di sebahagian Jalan di Kunci Air, Jalan Berangan dan Jalan Kundang Seksyen 17, Shah Alam	Batu Tiga	Jalan Kunci Air, Jalan Berangan dan Jalan Kundang
2	MBSA	Cadangan kerja-kerja menurap jalan di lorong Hj Yusof & laluan ke Tmn. Amir Syafikah, Jln Kebun Sek. 30 Shah Alam	Sri Andalas	Jalan Kebun
3	MPK	Pembaikan Jalan di kawasan Kampung Meru	Klang Selatan	Kampung Meru
4	MPAJ	Kerja menurap semula dan kerja-kerja berkaitan di jalan sebahagian Jalan AU5 dan Persiaran Permata, Taman Permata, Hulu Klang	Hulu Klang	Taman Permata, Hulu Klang
5	MPAJ	Kerja menurap semula dan kerja-kerja berkaitan di Jalan Desa Ampang 1 hingga 8, Taman Desa Ampang	Lembah Jaya	Taman Desa, Ampang
6	MPS	Cadangan kerja-kerja penurapan di sebahagian Jalan Lebu Utama Sri Gombak dan Jalan Permai, Taman Sri Gombak	Gombak Setia	Taman Sri Gombak
7	MPS	Cadangan kerja-kerja membina longkang U-shape di Jalan Damain Kg Melayu Bt 16 Rawang	Rawang	Rawang
8	MPKj	Kerja-kerja infrastruktur jalan dan longkang	Kajang	Sg Ramal Dalam, Kajang (Kaw. ABIM)
9	MDKS	Kerja-kerja infrastruktur jalan dan longkang	Tg. Karang	Tanjung Karang
10	MDKS	Kerja-kerja menurap semula jalan	Ijok	Ijok
11	MPKL	Cadangan membina susur keluar ke Jalan Klang-Banting & Menurap jalan masuk Sekolah SMK Sijangkang Jaya, Telok Panglima Garang, Kuala Langat	Sijangkang	Jalan Klang Banting
12	MPKL	Cadangan menurap semula kawasan tempat letak kereta awam dan medan selera di hadapan pejabat MDKL	Morib	Medan Selera
13	MPKL	Cadangan menurap semula sebahagian jalan di Taman Yayasan, Jenjarom, Kuala Langat	Telok Datok	Taman Yayasan

14	MDHS	Cadangan kerja-kerja menurap semula jalan menghala ke Sekolah Menengah Dato' Haji Kamaruddin, Kuala Kubu Bharu, Daerah Hulu Selangor	Kuala Bharu	Kubu	SMDK, Kuala Bharu	Kuala Kubu
15	MDSB	Cadangan membina longkang di Kolej Komuniti dan di tepi pasar awam serta kerja-kerja berkaitan di Pekan Sabak	Sabak Bernam		Kolej Komuniti & tepi pasar awam di Pekan Sabak	
16	MDSB	Cadangan menaiktaraf sistem pencahayaan serta kerja-kerja berkaitan di Pekan Sungai Air Tawar, Sabak Bernam	Sabak Bernam		Pekan Sungai Air Tawar, Sabak Bernam	
17	MDSB	Cadangan menurap semula jalan serta kerja-kerja berkaitan di Lorong 1 Site B, Pekan Sekinchan	Sekinchan		Lorong 1, Site B	
18	MDSB	Cadangan menurap semula jalan di pasar serta kerja-kerja berkaitan di Pekan Sekinchan	Sekinchan		Pekan (Pasar)	Sekinchan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK : SKIM PEMILIKAN TANAH KERAJAAN

37. Kerajaan bercadang melaksana Skim Pemilikan Tanah Kerajaan dengan mengenal pasti pendudukan atas tanah TOL (Temporary Accupancy License) lebih dari 10 tahun untuk diberi hak milik kekal

Bertanya kepada YAB Dato 'Menteri Besar:-

- a) Berapakah keluasan tanah TOL yang layak diberikan hakmilik di seluruh negeri Selangor mengikut Daerah dan adakah ianya termasuk kawasan rezab kiri dan kanan JPS atau JKR.?
- b) Berapakah jumlah mereka yang bakal menerima manfaat ini?
- c) Adakah kerajaan negeri bercadang mengenakan kadar premium tanah yang rendah untuk mereka yang di tawarkan?

JAWAPAN :

- a) Tidak semua tanah yang telah lama diduduki secara haram atau melalui kelulusan *Temporary Occupancy of License* (TOL) akan diberimilik. Berdasarkan Kaedah Tanah Selangor (pindaan) 2003, Pentadbir Tanah Daerah boleh menolak secara pentadbiran '*summary rejection*' bagi mana-mana permohonan tanah yang terlibat dengan:-
 - i. Tanah rizab Melayu kecuali permohonan tersebut dibuat di bawah Enakmen Tanah Rizab Melayu;
 - ii. Tanah yang telah diberimilik;
 - iii. Tanah yang telah diluluskan pemberimilikan tetapi hak milik masih belum dikeluarkan;
 - iv. Tanah yang telah dirizabkan untuk kegunaan awam;
 - v. Tanah yang telah diluluskan untuk tujuan rizab tetapi masih belum diwartakan;
 - vi. Permohonan yang tidak mematuhi syarat di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara;
 - vii. Tanah yang telah dibuat pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah, 1960;

- viii. Tanah yang telah diluluskan pajakan melombong di bawah Enakmen Mineral (Selangor) 2000; dan
 - ix. Arahan dari masa ke semasa oleh pihak yang berkuasa.
-
- b) Kerajaan Negeri telah meluluskan lebih kurang 5063 Lesen Pendudukan Sementara sehingga Januari 2012 dengan keluasan 6,695.35 ekar. Walau bagaimanapun, kelulusan untuk pemberimilikan tanah-tanah TOL yang layak diberimilik tertakluk kepada bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri.
 - c) Kadar premium tanah yang dikemukakan untuk rumah kediaman adalah mengikut formula $\frac{1}{2} \times \frac{1}{100} \times \text{nilai tanah yang diluluskan} \times 99 \text{ tahun} \times \text{luas}$. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah meminda formula tersebut dan memberi kebenaran kepada pemohon untuk membuat pilihan bagi membayar premium tersebut sama ada dengan bayaran premium RM1,000.00 (nominal) atau $\frac{1}{4} \times \frac{1}{100} \times \text{nilai tanah yang diluluskan} \times 99 \text{ tahun} \times \text{luas}$ dengan diskaun 30% sekiranya dibayar secara sekaligus.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PELABURAN

38. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah jumlah pelaburan masuk luar negara yang diperolehi tahun 2011.
 - b) Apakah kekangan yang dihadapi oleh pelabur luar Negara?
 - c) Sila senaraikan lawatan kerja keluar negara dari Januari 2010 hingga Januari 2012:
 1. Lawatan yang melibatkan YAB MB & YB EXCO.
 2. Senaraikan terperinci nama & jawatan mereka yang mengiri lawatan YAB MB & YB EXCO serta kos lawatan.

JAWAPAN :

- a) Bagi tempoh Januari hingga Disember 2011, sebanyak **263 projek perkilangan** telah diluluskan oleh MIDA/MITI di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 8,741,116,758**. Sebanyak **RM 4,504,853,012 adalah daripada pelaburan tempatan** dan sebanyak **RM 4,236,263,746 adalah daripada pelaburan asing**. Sebanyak **20,750** potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan.
- b) Antara cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelabur samada luar negara atau tempatan untuk melabur di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-
 - i. **Kekurangan sumber tenaga kerja tempatan**. Kerajaan mensyaratkan mana-mana syarikat untuk memberi keutamaan dalam pengambilan pekerja tempatan terlebih dahulu sebelum pertimbangan kelulusan untuk pengambilan pekerja asing diluluskan. Namun begitu, banyak syarikat menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerja tempatan kerana pekerja tempatan tidak berminat untuk bekerja di sektor perkilangan.
 - ii. **Kos awal pelaburan yang tinggi** di Negeri Selangor berbanding negeri-negeri lain seperti harga tanah yang tinggi, kos sambungan utiliti dan lain-lain kos yang berkaitan.

- iii. **Penyelenggaraan kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan perindustrian** seperti;-
 - i. Jalan berlubang
 - ii. Lampu jalan yang tidak berfungsi
 - iii. Longkang
 - iv. Kebersihan dan keindahan kawasan perindustrian.
 - v. tanda arah jalan kawasan industri
- iv. **Vandalisme dan kecurian kemudahan-kemudahan infra yang disediakan** di kawasan-kawasan perindustrian;-
 - i. Kabel telefon, besi penutup longkang, pagar longkang, peralatan utiliti dan sebagainya
- v. **Desakan pembangunan kawasan perumahan** dan penduduk setempat menyebabkan pihak industri terpaksa berpindah ke kawasan lain.
- vi. **Kekurangan kawasan-kawasan perindustrian baru yang strategik.**

b) Lawatan kerja ke luar negara dari Januari 2010 hingga Januari 2012 yang melibatkan YAB MB & YB EXCO adalah seperti berikut;-

Bil.	Tarikh	Lawatan	Perbelanjaan (RM)
Tahun 2010			
1.	5 – 10 Januari 2010	Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Di Dalam Program <i>Pravasi Bharatiya Divas Convention 2010</i>	148,642
2.	14 – 19 Mei 2010	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China	29,600.55
3.	30 Mei – 5 Jun 2010	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China	14,070.00
4.	11 – 16 Jun 2010	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China	16,385.00
5.	12 – 25 Jun 2010	Lawatan Teknikal Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor Ke Germany & The Netherland	232,127.66
6.	2 – 7 Julai 2010	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China	12,705.07
7.	29 Ogos - 5 Sept. 2010	Lawatan Ke Shanghai, Changchun dan Beijing, China	21,594.20
8.	3 – 8 Oktober 2010	Lawatan Ke Shanghai dan Hangzhou, China	21,928.00

9.	10 – 15 Oktober 2010	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China	40,409.27
10.	30 Okt. – 6 Nov. 2010	Lawatan Teknikal Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor Seoul, Korea	146,101.20
Tahun 2011			
11.	5 - 10 Januari 2011	Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Di Dalam Program <i>Pravasi Bharatiya Divas Convention 2011</i>	27,589.00
12.	10 - 12 Februari 2011	Lawatan Kerja Kerajaan Negeri Selangor ke Jakarta, Indonesia.	35,947.55
13.	28 Feb. – 5 Mac, 2011.	Trade Misson to Shanghai, Ningbo and Chengdu	45,672.00
14.	17 -19 Julai, 2011	Visit to Shanghai, China	10,028.30
15.	24 - 30 Julai 2011	Lawatan Promosi Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor Ke Melbourne dan Sydney, Australia	304,790.24
16.	26 Oktober – 2 November 2011	Lawatan Kerja YAB Dato' Menteri Besar Selangor Ke Wilayah Gazvin Dan Isfahan, The Islamic Republic Of Iran	32,848.00
17.	11 - 17 September 2011	Lawatan Teknikal ke Germany	317,977.35
18.	21 - 25 November 2011	Lawatan Kerja Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor Ke Ibu Pejabat Syarikat Jepun	317,977.35
Tahun 2012			
19.	5 - 10 Januari 2012	Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Di Dalam Program <i>Pravasi Bharatiya Divas Convention 2012 Jaipur, Rajasthan, India</i>	26,047.00

- Nota : Perbelanjaan yang dinyatakan adalah perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak SSIC sahaja.

Senarai ahli-ahli delegasi adalah seperti berikut:-

1. Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Di Dalam Program Pravasi Bharatiya Divas Convention, New Delhi : (5 – 9 Januari 2010)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar Arulanandam	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Ketua Delegasi)	Kerajaan Negeri Selangor
2.	Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor	Kerajaan Negeri Selangor
3.	Y.B. Tuan Manikavasagam Sundaram	Ahli Parlimen Negeri Selangor (Kapar)	
4.	Y.B. Tuan Sivarasa K. Rasiah	Ahli Parlimen Negeri Selangor (Subang)	
5.	Y.B. Tuan Manoharan Malayalam	Ahli Dewan Negeri Selangor (Kota Alam Shah)	
6.	Y.B. Tuan Muthiah Maria Pillay	Ahli Dewan Negeri Selangor (Bukit Melawati)	
7.	En. Pakiyathan Anamaly	Pegawai Khas, Hal Ehwal (Kaum India)	Kerajaan Negeri Selangor
8.	En. Chandra Mohan S Thambirajah	Ahli Majlis Perbandaran Kajang	Majlis Perbandaran Kajang
9.	En. Narayanan Perumal	Ahli Majlis Perbandaran Kajan	Majlis Perbandaran Kajang
10.	En. Ramli Mohd Tahir	Pengurus Kanan Perancang Korporat,	Kumpulan Darul Ehsan Berhad
11.	En. Noor Azmawi Abdul Aziz	Pengurus Promosi Pelaburan	SSIC Berhad
12.	En. Mohd Azri Hashim		Tourism Selangor Sdn. Bhd.

2. Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China : (14 – 19 Mei 2010)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	YB Puan Rodziah bt Ismail	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
2.	YB Tuan Dr Yaakob bin Sapari	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
3.	Tuan Shamsul Azri Bin Abu Bakar	Timbalan Pegawai Kewangan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
4.	Y. Bhg. Dato' Asmawi bin Kasbi	Pegawai Daerah	Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat
5.	Y. Bhg. Tuan Hj. Mohd Zainal bin Mohd Nor	Yang Dipertua	Majlis Daerah Sabak Bernam
6.	Y. Bhg. Tuan Hj. Zainal Abidin Aala	Pegawai Daerah	Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat
7.	Mr. Othman bin Omar	Pengurus Besar	PKNS
8.	Mr. Saharom bin Mohni	Pegawai ICT	PKNS
9.	Mr. Zahariman bin Ariffin	Setiausaha Kerja YB EXCO	
10.	Mr. Abdul Rahim bin Moin	Penasihat YB EXCO	
11.	Mr. Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor	Timbalan Pengarah, UPEN	Kerajaan Negeri Selangor
12.	Mr. Zurkimin bin Ahmad	Pegawai Khas EXCO	
13.	Mr. Mohd Rezwan bin Alias	Pegawai Khas EXCO	
14.	Mr. Wahilman bin Siwar	Setiausaha Bahagian ICT, SUK	Kerajaan Negeri Selangor

15.	Mdm. Adelin binti Abdul Latib	ICT, SUK	Kerajaan Negeri Selangor
16.	Mdm. Roslina Chiew binti Abdullah	Pengurus	SSIC Berhad
17.	Cik Shahira Johari	Eksekutif	TSSB

3. Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China, : (30 Mei – 5 Jun 2010)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	YB Teresa Kok Suh Sim	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
2.	En Patrick Lai		PKNS
3.	Puan Roslina Chew Abdulah	Pengurus	SSIC Berhad

4. Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China, : (11 – 16 Jun 2010)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	Tuan Nor Hishim b Ahmad Dahlan	Pegawai Daerah Hulu Selangor	Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor
2.	Tuan Md Nasir b Md Arshad	Timbalan Pengurus Besar	, PKNS
3.	En Mohd Syahid b Othman	Pengurus	SSIC Berhad

5. Lawatan Teknikal Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor Ke Germany & The Netherland : (12 Hingga 25 Jun 2010)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	YB Teresa Kok Suh Sim	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
2.	Y. Bhg. Dato' Mhd. Jabar Ahmad Kembali	Ketua Pegawai Eksekutif	SSIC Berhad
3.	Puan Jauriah A. Ghani	Pengarah	Malaysian Industrial Development Authority (MIDA)
4.	En Mahinder Singh Mukhtiar Singh	Pengurus	PKNS Holdings
5.	En Azmi Adnan	Pengurus Jualan	Selangor State Development Corporation
6.	En Farid Mohamad Ba'ai	Pengurus	SSIC Berhad
7.	Puan Shahira Johari	Eksekutif	Tourism Selangor Sdn Bhd

6. Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China : (2 – 7 Julai 2010)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
2.	YB Tuan Dr. Xavier Jayakumar	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
3.	En Yeo Eng Kang	Pegawai Khas EXCO	
4.	Ms. Chua Yee Ling	Pegawai Khas EXCO	
5.	Mr. Abdul Razak bin Ismail	Pegawai Khas EXCO	
6.	Mr. Mohd Azuan bin Khairoji	Pengurus	SSIC Berhad

7. Lawatan Ke Shanghai, Changchun dan Beijing, China : (29 Ogos - 5 Sept. 2010)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	YB Teresa Kok Suh Sim	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
2.	YB Hannah Yeoh	Ahli Dewan Undangan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
3.	Hajah Roziah binti Ahmad		PKNS
4.	Puan Roslina Chew Abdulah	Pengurus	SSIC Berhad

8. Lawatan Ke Shanghai dan Hangzhou, China : (3 – 8 Oktober 2010)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1	YB Puan Dr. Halimah bt. Ali	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
2	YB Tuan Ean Yong Hian Wah	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
3	YB Tuan Ir. Iskandar Bin Abdul Samad	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
4	YB Dr Ahmad Yunus b. Hairi	Ahli Dewan Undangan Negeri	
5	YB Tuan Ng Suee Lim	Ahli Dewan Undangan Negeri	
6	En. Lee Jenn Huei	Pegawai	
7	En. Hiew Kim Boon	Setiausaha Kerja	
8	Dato Mazalan b. Md Noor	Datuk Bandar	Majlis bandaraya Shah Alam
9	En Noor Hisham b. Mohd Ghouth		PKNS

10	En Engku Mohd Suhaimi b. Wan Mohd Basri		PKNS
11	En Adnan b. Mohd Haron		PKNS
12	Puan Sharifah Norfazera bt. Syeed Ahmad Nazar	Penolong Pengurus	SSIC Berhad
13	Puan Shahira Hanim bt. Johari	Eksekutif	TSSB

Bil.	Nama delegasi	Jawatan	Agensi
1.	En. Mohd Azhar b. Mohamed Ali	TP SPBT	Kerajaan Negeri Selangor
2.	En. Noriqram b. Mohd Nor	Peg. Penyelaras Standco KT	Kerajaan Negeri Selangor
3.	Dr Roslan b. Fadzil	Pengarah Jab. Perkhidmatan	
4.	Dato Mohamad Roslan b. Sakiman	Datuk Bandar	MBPJ
5.	En Ir Hj Cheremi b. Tarman	Pengarah Kejuruteraan	MBPJ
6.	En Zain Azly b. Abdul Rahman	Penolong Pengarah Perancang	MBPJ
7.	En Mislan Tugiu	Yang Dipertua	MPK
8.	En Mohd Fharulisa Md Isa	Pegawai Hal Ehwal Ekonomi	MPK
9.	En Hasrolnizam b. Shaari	Jurutera MPAJ	MPAJ
10.	Puan Zuraina bt Said	Pegawai Perancang Bandar	MPAJ
11.	En Mohd Ariffuddin b. Kamari		MPSJ
12.	En Nor Azmi b. Mohd Rosli		MPSJ

13.	Dato Zainal Abidin b. Azim	Yang Dipertua	MPS
14.	En Mokhtar Affandi b. Abdul Ghani	Arkitek Landskap	
15.	Tuan Mohd Sayuthi b Bakar	Yang Dipertua	MP Sepang
16.	Tuan Abdul Razak b. Jaafar	Yang Dipertua	MDKL
17.	En Ahmad Saifunazif b. Mat Yatim		
18.	Tuan Haris b. Kasim	Yang Dipertua	MDKS
19.	Puan Maizatul Azean bt Miskon		MDKS
20.	Tuan Tukiman b. Nail	Yang Dipertua	MDHS
21.	Tuan Arshad b. Salleh		MPKajang
22.	En Juhari b. Ahmad		MPKajang
23.	Puan Dayang Suhana bt. Shukor	Pen Penyelaras J/K Lanskap	
24.	Puan Hairulliza bt. Abdul Rahman		JPBD
25.	En Azman b. Talib		JPBD
26.	En Zamri b. Abdul Rahman		Worldwide
27.	Noor Azam b. Mastor		Worldwide
28.	En Md Saad b. Mahsah	Tour Leader	TSSB
29.	Mr Yap Fook Keong	Tour Leader	GPA
30.	Mdm Lee Yon Moi		
31.	Mdm Lim Soon Yee		
32.	Mr Goh Ah Leong		Pana Dinasti Sdn Bhd
33.	Mr Lim Kim Sai		Pana Dinasti Sdn Bhd

34.	Mr Goh Ah Beng		Pana Dinasti Sdn Bhd
35.	Mr Fong Kui Lun		
36.	Mr Lim Choo Kee		
37.	Mr Fog Kok Seng		

9. Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China : (10 – 15 Oktober 2010)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	Y. Bhg. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali	Ketua Pegawai Eksekutif	SSIC Berhad
2.	Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Jaafar b Mohd Atan	Pengarah	JPBD
3.	Mr. Marzuki bin Hussin	Pegawai Daerah	Pejabat Tanah Daerah Sabak Bernam
4.	Mr. Nor Azmie bin Diron	Timbalan Pengarah UPEN	Kerajaan Negeri Selangor
5.	Mr. Ahmad Zaharin bin Mohd Saad	Pegawai Daerah	Pejabat Tanah Daerah Gombak
6.	Mr. Hj. Mohd Misri Hj. Idris	Pegawai Daerah	Pejabat Tanah Daerah Kuala Selangor
7.	Mr. Noor Azmawi bin Abdul Aziz	Pengurus	SSIC Berhad

10. Lawatan Teknikal Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor Seoul, Korea : (30 Okt. - 6 Nov. 2010)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	YB Teresa Kok Suh Sim	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
2.	Y. Bhg. Dato' Mhd Jabar Bin Ahmad Kembali	Ketua Pegawai Eksekutif	SSIC Berhad
3.	En Ilyas Jamil	Pegawai Pembangunan Ekonomi	Pejabat Dato' Menteri Besar
4.	Puan Arfa'eza Bt Ab. Aziz	Setiausaha Akhbar	Pejabat Dato' Menteri Besar
5.	En Mohd Rozuwan Bin Abdullah	Timbalan Pengarah	JPBD
6.	En Mohd Amran Bin Husain	Pengurus Hartanah	Central Spectrum (M) Sdn Bhd
7.	En Mohamad Wazir Abdul Ghani	Pengurus Pembangunan Perniagaan	PKNS
8.	En Ir Mohamad Sharif Bin Mohd Som	Ketua Jurutera	Selangor Economic Development Corporation
9.	Puan Khuzaimah Jamaluddin	Pengurus	Tourism Selangor Sdn Bhd
10.	En Ang Chee Kian		Sepang Gold Coast
11.	En Farid Mohamad Ba'ai	Pengurus	SSIC Berhad
12.	Cik Qayyatul Izzati Hasan	Eksekutif	Tourism Selangor Sdn Bhd

11. Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Di Dalam Program *Pravasi Bharatiya Divas Convention 2011* : (5 - 10 Jan. 2011)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar Arulanandam	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor	Kerajaan Negeri Selangor
2.	Y.B. Tuan Dr. Yaakob Sapari	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor	Kerajaan Negeri Selangor
3.	En. Mohd Azuan Khairoj	Pengurus	SSIC Berhad
4.	Cik Norfaziana Zaini		Tourism Selangor Sdn. Bhd.

12. Lawatan Kerja Kerajaan Negeri Selangor ke Jakarta, Indonesia : (10 - 12 Feb. 2011).

BIL	NAMA	JAWATAN	AGENSI/SYARIKAT
1.	Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim	Dato' Menteri Besar Selangor	Kerajaan Negeri Selangor
2.	Y.B. Teresa Kok Suh Sim	EXCO Kerajaan Negeri Selangor	Kerajaan Negeri Selangor
3.	Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandam	EXCO Kerajaan Negeri Selangor	Kerajaan Negeri Selangor
4.	Y.B. Puan Dr. Halimah Ali	EXCO Kerajaan Negeri Selangor	Kerajaan Negeri Selangor
5.	Y. Bhg. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali	Ketua Pegawai Eksekutif	SSIC Berhad
6.	En. Rosli bin Ismail	Ketua Bahagian Hartanah,	Worldwide Holdings Berhad

7.	En. Zaharudin Bin Mohd Sanif	Pengurus Sumber Manusia,	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
8.	Puan Zurina Abdullah	Pengurus Pelancongan,	Tourism Selangor
9.	Mr. Satoshi Furuta	Pengarah,	Nippon Electric Glass (M) Sdn. Bhd
10.	En. Sanip b. Rahmat	Eksekutif,	Nippon Electric Glass (M) Sdn. Bhd.
11.	Mr. Ching Jew Mui	Contractor,	Nippon Electric Glass (M) Sdn. Bhd.
12.	Y.M. Tengku Maraziah binti Tengku Sulaiman	Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada Dato' Menteri Besar Selangor	Kerajaan Negeri Selangor
13	Puan Rahimah binti Kamarudin	Pegawai Koordinasi kepada Dato' Menteri Besar Selangor	Kerajaan Negeri Selangor
14	Puan Arfa'eza binti Abdul Aziz	Setiausaha Akhbar kepada Dato' Menteri Besar Selangor	Kerajaan Negeri Selangor
15	En. Noor Azmawi bin Abdul Aziz	Pengurus, SSIC Berhad	SSIC Berhad

13. Lawatan Teknikal Pelaburan Ke Shanghai, Ningbo & Chengdu, China – 28 Feb. – 5 Mac 2011

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	YB Teresa Kok Suh Sim	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
2.	Puan Norzila Sidek	Business Development Manager	PKNS
3.	Puan Roslina Chew Abdullah	Pengurus	SSIC Berhad

14. Visit to Shanghai, China (17 – 19 Julai 2011)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	YB Teresa Kok Suh Sim	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
2.	YB Puan Rodziah Ismail	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
3.	YB Dato' Dr Hassan Bin Mohd Ali	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
4	YB Tuan Ean Yong Han Wah	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
5	Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Jaafar B. Mohd Atan	Datuk Bandar	Majlis Bandaraya Shah Alam
6.	Y. Bhg. Dato' Mhd. Jabar Ahmad Kembali	Ketua Pegawai Eksekutif	SSIC Berhad
7	En Sallehudin Samsudin	Timbalan Pengarah	JPBD
8	En Noor Azmawi Bin Abdul Aziz	Pengurus	SSIC berhad
9.	Y. Bhg. Dato' Kamal Ariffin Zaharin	Pengarah	DPZ Asia

15. Lawatan Promosi Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor Ke Melbourne dan Sydney, Australia : (24 - 30 Julai 2011)

Bil.	Nama	Jawatan	Jabatan / Organisasi
1.	YB Teresa Kok Suh Sim - (Ketua Delegasi)	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kerajaan Negeri Selangor	Kerajaan Negeri Selangor
2.	Y. Bhg. Dato' Noordin Sulaiman	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Selangor	Kerajaan Negeri Selangor
3.	Y. Bhg. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali	Ketua Pegawai Eksekutif	SSIC Berhad
4.	En. Ab Rahman Ab Latif	Jurutera	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
5.	En. Mohd Muhidin Fahaudin	Jurutera	PKNS
6.	En. Mohd Haniff Hassan	Pengurus Kanan	SSIC Berhad
7.	En Farid Mohamad Ba'ai	Pengurus	SSIC Berhad
8.	Cik Adriene Leong	Pegawai Khas YB EXCO	
9.	En. Hafeezuddin Abdul Razak	Penolong Pengurus	Tourism Selangor Sdn Bhd

16. Lawatan Kerja YAB Dato' Menteri Besar Selangor Ke Wilayah Gazvin Dan Isfahan, The Islamic Republic Of Iran : (26 Okt. - 2 Nov. 2011)

Bil.	Nama	Jawatan	Jabatan / Organisasi
1.	YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim	Dato' Menteri Besar Selangor (Ketua Delegasi)	Kerajaan Negeri Selangor
2.	YB Tuan Dr. Hj. Yaakob Sapari	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
3.	YB Puan Rodziah Ismail	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
4.	YB Puan Dr. Hajjah Halimah Ali	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
5.	YB Tuan Ronnie Liu Tian Khiew	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
6.	YM Tengku Maraziah Tengku Sulaiman	Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor	Kerajaan Negeri Selangor
7.	Y. Bhg. Tuan Haji Ahmad Zakaria Mohamad Sidek	Pengarah	Jabatan Pertanian Negeri Selangor
8.	Y. Bhg. Prof. Dr Anuar Hj Ahmad	Naib Canselor	UNISEL
9.	Y. Bhg. Tuan Haji Suhaimi Kamaralzaman	Presiden	Kumpulan Darul Ehsan Berhad
10.	Y. Bhg. Tuan Othman Omar	Pengurus Besar	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
11.	Puan Rashlinda Ab Manaf	Arkitek	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
12.	En Mohd Saad Mahsah	Pengurus	Tourism Selangor Sdn Bhd
13.	Y. Bhg. Tuan Ir. Zulkefli Hj Khalid	Pengurus Besar	Selangor Industrial Corporation

14.	Y. Bhg. Tuan Mohd Zin Sarman	Pengurus Besar	PKNS Infra
15.	En Farid Mohamad Ba'ai	Pengurus	SSIC Berhad
16.	YM Raja Muhammad Hanif Raja Abdul Rahman	Eksekutif	SSIC Berhad.

17. Lawatan Teknikal ke Germany : (11 - 17 Sept. 2011)

Bil.	Nama	Jawatan	Jabatan / Organisasi
1.	YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim	Dato' Menteri Besar Selangor (Ketua Delegasi)	Kerajaan Negeri Selangor
2.	Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar Arulanandam	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor	Kerajaan Negeri Selangor
3.	Y. Bhg. Dato' Mhd. Jabar Ahmad Kembali	Ketua Pegawai Eksekutif	SSIC Berhad
4.	En Noor Azmawi Abdul Aziz	Pengurus	SSIC Berhad
5.	En Mohd Saad Mahsah	Pengurus	Tourism Selangor Sdn Bhd

18. Lawatan Kerja Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor Ke Ibu Pejabat Syarikat Jepun : (21 – 25 November 2011)

Bil.	Nama	Jawatan	Jabatan / Organisasi
1.	YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim	Dato' Menteri Besar Selangor (Ketua Delegasi)	Kerajaan Negeri Selangor
2.	YB Teresa Kok Suh Sim	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor	Kerajaan Negeri Selangor
3.	Y.Bhg. Dato' Mohd Jaafar Mohd Atan	Datuk Bandar	Majlis Bandaraya Shah Alam
4.	Y.Bhg. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali	Ketua Pegawai Eksekutif	SSIC Berhad
5.	Puan Arfa'eza Abdul Aziz	Setiausaha Akhbar Kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor	Tourism Selangor Sdn Bhd
6.	Puan Norsyamiha Abd Wahab	Penolong Pengurus	SSIC Berhad

19. Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Di Dalam Program *Pravasi Bharatiya Divas Convention 2012, Jaipur, Rajasthan, India* : (5 – 10 Jan. 2012)

BIL.	NAMA	JAWATAN	ORGANISASI
1	YB Xavier Jayakumar A/L Arulanandam	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
2.	Yb Manoharan A/L Malayalam	Ahli Dun Kota Alam Shah	
3.	Puan Dewi Dirwana Binti Munasir	Penolong Pengarah	Unit Perancang Ekonomi
4.	Puan Nurulhuda Binti Anuar	Penolong Pegawai Tadbir	Unit Perancang Ekonomi

5.	En. Mohd Azuan Bin Khairoji	Pengurus Kanan	SSIC Berhad
6.	Cik Nurliyana Binti Mohd Kamil	Eksekutif	SSIC Berhad
7.	En. Zul-Kefli@Zulkefli Bin Khalid	Timbalan Yang Dipertua	Majlis Perbandaran Kajang
8.	Haji Ismail Bin Arsat	Ahli Majlis	Majlis Perbandaran Klang
9.	Haji Noor Najhan Bin Mohd Salleh	Ahli Majlis	Majlis Perbandaran Klang
10.	En. Raju A/L Veerasamy	Ahli Majlis	Majlis Perbandaran Klang
11.	En. Nalan A/L Muniandy@Balan	Ahli Majlis	Majlis Perbandaran Klang
12.	En. Deepakaran A/L Karupiah	Ahli Majlis	Majlis Perbandaran Klang
13.	En. Sundarajoo A/L Periasamy	Ahli Majlis	Majlis Perbandaran Klang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK : PREMIS NIAGA

39. Kerajaan negeri pernah bercadang menubuhkan pusat atau premis perniagaan yang mencukupi untuk peniaga di setiap daerah.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah pusat atau premis yang telah dibina mengikut daerah?
- b) Berapa ramaikah peniaga yang telah mendapat manfaat dari penubuhannya?
- c) Apakah bentuk perniagaan yang telah terlibat menyertainya?

JAWAPAN:

- a) Bilangan pusat atau premis yang telah dibina adalah seperti berikut:

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN PREMIS NIAGA
1.	MBSA	72
2.	MBPJ	74
3.	MPK	96
4.	MPAJ	127
5.	MPSJ	129
6.	MPS	2,214
7.	MPKj	93
8.	MPSp	500
9.	MDKS	7
10.	MDHS	141
11.	MDKL	35
12.	MDSB	269
JUMLAH		3,757

- b) Melalui program menyediakan premis atau pusat perniagaan kepada usahawan di Negeri Selangor khususnya, sejumlah 424 usahawan telah mendapat manfaat daripada program tersebut. Dalam masa yang sama juga, Kerajaan Negeri sedang diperingkat menyediakan pusat-pusat pengumpulan di Daerah Sepang,

Kuala Langat, Gombak dan Hulu Langat. Apabila ianya telah siap sepenuhnya dan beroperasi, adalah dijangkakan pusat-pusat pengumpulan tersebut akan dapat membantu ramai usahawan-usahawan IKS yang beroperasi di dalam daerah tersebut dan Kerajaan Negeri menganggarkan sekurang-kurangnya 10 usahawan akan mendapat manfaat daripada program tersebut terutama sekali dari segi pengedaran dan pemasaran produk yang dihasilkan.

- c) Kebanyakan perniagaan yang dijalankan adalah dari sektor pembuatan seperti produk berasaskan pertanian (IAT) sebagai contoh produk kerepek, rempeyek, minuman kesihatan, minuman, produk herba dan lain-lain lagi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: INSTITUSI PENDIDIKAN BERTARAF ANTARABANGSA

40. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah dasar kerajaan untuk menjadikan Institusi Pengajian Tinggi di Negeri Selangor sebagai institusi pendidikan yang bertaraf antarabangsa dengan menjamin kebebasan akademik dan autonomi mahasiswa?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor secara dasarnya mengamalkan sikap yang terbuka terhadap hak kebebasan akademik dan autonomi mahasiswa. Ahli akademik di Negeri Selangor bebas menyatakan pandangan, saranan, teguran dan sebagainya kepada Kerajaan Negeri berdasarkan kepakaran masing-masing. Namun begitu sebarang saranan hendaklah disampaikan secara berhemah dengan mempertimbangkan kemaslahatan masyarakat awam.

Begitu juga dengan mahasiswa, Kerajaan Negeri juga sedia menerima sebarang kritikan, teguran, saranan dan pendapat dari pihak mahasiswa dan mereka bebas menyatakan pendapat dan pandangan mereka kepada pihak kerajaan Negeri. Tindakan disiplin atau tatatertib tidak akan dikenakan kecuali kesalahan yang melibatkan kerosakan harta benda awam dan mana-mana undang-undang lain yang berkaitan. Sebagai contoh penyertaan pelajar UNISEL bagi isu air di Negeri Selangor. Tindakan mahasiswa ini dipandang positif oleh Kerajaan Negeri kerana, Kerajaan Negeri turut menghormati suara mahasiswa sebagai di antara entiti utama di dalam masyarakat.

Namun begitu, Kerajaan Negeri juga memberi penekanan kepada penjagaan adab dan tatasusila oleh mahasiswa sekiranya bantahan atau demonstrasi ini dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK : TANAH ASRAMA YAYASAN SELANGOR

41. Kerajaan negeri melalui Yayasan Selangor tetap mahu meneruskan projek pembangunan di atas tanah Asrama Tun dr Ismail dan Toh Puan Norashikin.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah kerajaan negeri tidak prihatin dengan nasib anak-anak penghuni asrama dan bagaimanakah penempatan mereka bagi meneruskan pelajaran?
- b) Apakah bentuk pembangunan baru yang akan dibangunkan di atas tanah tersebut?
- c) Syarikat manakah yang diberikan projek pembangunan tersebut?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa prihatin dengan nasib anak-anak penghuni asrama. Kerajaan Negeri Selangor melalui Yayasan Selangor seharusnya dilihat lebih prihatin kerana melaksanakan **penempatan semula** pelajar di Asrama Yayasan Selangor Kuala Lumpur (AYSKL).

Penempatan semula dibuat kerana memandangkan keadaan persekitaran kawasan Asrama yang dirasa kian tidak kondusif kerana semakin dihimpit pembangunan yang dikhuatiri berisiko dari segi faktor keselamatan dan gangguan lain. Selain itu, faktor banyak masa yang terbuang di perjalanan pelajar daripada asrama ke sekolah setiap hari merugikan masa dan tenaga.

Justeru, atas dasar prihatin, pelan penempatan semula pelajar asrama AYSKL dibuat secara terancang dengan persetujuan ibubapa. Pelajar yang terlibat dengan penempatan semula adalah terdiri daripada pelajar Tingkatan 2 (2012) dan 4 (2012), sementara pelajar tingkatan 3 (2012) dan 5 (2012) yang terlibat dengan peperiksaan PMR dan SPM pada tahun 2012 kekal tinggal di asrama AYSKL.

Pelajar yang terlibat dengan penempatan semula diberi pilihan sama ada mahu berulang dari rumah ke sekolah lama atau ke sekolah baru atas pilihan sendiri, ataupun ditempatkan di Asrama Pusat dan Asrama Daerah lain.

Pelajar yang berulang dari rumah diberikan Biasiswa dan kemudahan tuntutan untuk bayaran kelas bimbingan (tuisyen). Pelajar di Asrama Pusat dan Daerah

akan menikmati kemudahan seperti pelajar Yayasan Selangor yang lain dan seperti yang mereka nikmati sebelum ini.

Semua sekolah yang terlibat dengan program Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor merupakan sekolah-sekolah terpilih yang dicadangkan dan diluluskan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan dan sama taraf dari segi kemudahan.

Semua pelajar yang terlibat dengan penempatan semula masih kekal sebagai pelajar Yayasan Selangor dalam program Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor dan akan terus dipantau oleh Pengurusan Yayasan Selangor dari semasa ke semasa. Maka, seharusnya tidak timbul Yayasan Selangor tidak prihatin kepada mereka.

- b) Yayasan Selangor akan memilih pemaju yang akan membina sebuah hotel di atas lot 545 secara Bina, Kendali, dan Serahkembali (*Build Operate and Transfer – BOT*). Pemaju akan membayar kadar sewaan yang akan ditentukan dalam tempoh sewaan yang juga akan ditentukan kelak mengikut jangka waktu kautsemula (*recovery period*) jumlah modal yang dilaburkan oleh pemaju. Segala kos pembangunan akan ditanggung sepenuhnya oleh pemaju.

Di atas lot 544 pula Yayasan Selangor akan membangunkan secara usahasama pembinaan campuran (*mixed development*) dengan nisbah syer 30:70 dengan pemaju yang akan dipilih. Sebahagian dari hasil jualan bahagian syer Yayasan Selangor akan diperuntukkan untuk membina sebuah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor untuk menggantikan Asrama Tun Dr. Ismail dan Toh Puan Norashikin di Kampong Pandan. Asrama di Kg. Pandan tidak akan dirobohkan sehingga SBP di Bestari Jaya itu siap dan sedia untuk diduduki.

SBP ini bakal berupaya menempatkan seramai 1,000 pelajar dan akan dilengkapi dengan segala kelengkapan yang jauh lebih baik daripada mana-mana sekolah bestari di negara ini.

- c) Projek ini sedang dalam proses tender yang bermula dari 11hb Disember 2011 dan dijangka akan ditutup pada 11hb April 2012. Tender ini telah dibuka kepada semua pemaju-pemaju dalam dan luar negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN CINA DAN INDIA.

42. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Mengapakah sehingga ke hari ini Kerajaan Negeri Selangor masih belum membuka Pusat Kebudayaan Cina dan India, walaupun terdapat banyak permintaan daripada orang ramai?
 - b) Sekiranya Pusat Kebudayaan ini dibuka kelak, apakah masalah-masalah yang bakal dihadapi oleh Kerajaan Negeri Selangor pada masa hadapan?
 - c) Dimanakah lokasi-lokasi sebenar Pusat Kebudayaan Cina dan India ini dijangka akan dibuka kelak?

JAWAPAN:

- a) Di dalam melaksanakan agenda bagi mengukuhkan kebudayaan di Negeri Selangor ini, Kerajaan Negeri perlu memastikan pelaksanaan projek ini dengan diteliti sebelum ianya dilaksanakan walaupun banyak pertanyaan dan permintaan berkenaan pusat ini. Ini adalah untuk memastikan projek ini benar-benar berjaya dan memberi manfaat kepada rakyat serta tidak menjadi projek terbengkalai atau tidak mendapat sambutan

Perlaksanaan projek ini telah pun dibincangkan di peringkat Mesyuarat MMKN dan pandangan pihak profesional juga telah diberikan. supaya kerajaan Negeri mendapat penyelesaian dan kaedah yang terbaik untuk melaksanakan projek ketiga-tiga pusat kebudayaan ini.

- b) Kerajaan Negeri bersama agensi-agensinya yang terlibat sedang mengenal pasti cabaran-cabaran yang bakal dihadapi bagi pelaksanaan projek ini diperingkat awal sejajar dengan lokasi ketiga-tiga pusat kebudayaan yang bakal ditempatkan di kawasan pusat bandar terutama sekali cabaran dalam menangani isu pengambilan tanah terutamanya yang tidak melibatkan tanah Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri sentiasa akan memastikan supaya cabaran-cabaran dalam menangani isu ini dapat ditangani dengan baik dengan tidak menyetepikan hak-hak rakyat sepanjang di pelaksanaan projek ini.

- c) Penelitian akan dibuat berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh ketiga-tiga Ahli MMKN yang bertanggungjawab dan juga cadangan daripada pihak perunding yang memantau Pembangunan Sungai Kelang. Beberapa tapak cadangan di sepanjang Sungai Kelang telah diutarakan bagi pembangunan ketiga-tiga pusat kebudayaan serta dibincangkan dan dibentangkan di dalam kepada Ahli MMKN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: BANTUAN BLUEPRINT

43. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapa mengambil masa terlalu lama untuk mendapatkan jawapan dan kelulusan sedangkan permohonan telah dibuat melalui Pejabat Daerah?

JAWAPAN:


- a) Menjawab kepada soalan yang diberikan, sejak Pentadbiran Pakatan Rakyat memerintah Negeri Selangor pada tahun 2008 dalam usaha untuk menangani permasalahan kemiskinan di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM2 juta setiap tahun, melalui Program Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor, bantuan telah diberikan kepada seramai 1139 orang penerima yang layak;


Berikut adalah pecahan kepada program tersebut:

Bil	TAHUN	BILANGAN PEMOHON	BILANGAN PENERIMA
1	2008	353	197
2	2009	2148	345
3	2010	2473	244
4	2011	1346	353
JUMLAH PENERIMA		6320	1139


Jangkamasa yang diambil bagi melaksanakan program ini bagi setiap daerah adalah selama 3 bulan dari proses kerja pertama yang diukur sejak proses temuduga dilaksanakan. Setiap permohonan Bantuan Blueprint akan melalui proses dimana ianya akan melalui beberapa peringkat seperti di carta alir berikut:

Permohonan dan Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan





Proses Selepas Mesyuarat Pemilihan



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK: KECURIAN PASIR

44. Kerajaan negeri pernah memperkenalkan insentif kepada JKKK yang berjaya memantau dan melaporkan kes-kes kecurian pasir.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik kes kecurian pasir di Selangor mengikut Daerah?
- b) Adakah insentif yang diperkenalkan membantu mengawal aktiviti kecurian pasir?
- c) Berapa jumlah insentif yang telah diberikan dan siapakah penerimanya?

JAWAPAN:

- a) Statistik kes kecurian pasir di Selangor mengikut daerah adalah seperti berikut :

Bil.	Daerah	Lokasi Dikenalpasti
1.	PTD Petaling	1
2.	PTD Gombak	2
3.	PTD Sepang	1
4.	PTD Kuala Langat	5
5.	PTD Hulu Langat	4
6.	PTD Hulu Selangor	1
JUMLAH LOKASI		14

- b) Di dalam membanteras kegiatan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah di Negeri Selangor, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 21/2010 yang diadakan pada 16 Jun 2010 telah bersetuju agar ganjaran sehingga RM5,000.00 diberikan kepada mana-mana individu atau pasukan yang berjaya merampas barang/jentera yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah. Selain itu, bagi memastikan aktiviti ini tidak berleluasa, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 38/2010 yang diadakan pada 20 Oktober 2010 telah memutuskan supaya ganjaran sebanyak RM5,000.00 hingga RM20,000.00 diberikan kepada

Pejabat Tanah Daerah yang melakukan tindakan perampasan tanah untuk pelanggaran syarat di bawah Seksyen 128 KTN 1965 bagi tanah bermilik yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah. Dengan adanya insentif ini, ianya dapat membantu di dalam tindakan penguatkuasaan dan seterusnya membanteras kegiatan ini berleluasa.

- c) Sepanjang tahun 2011, sejumlah RM475,100.00 telah diberi kepada anggota dan kakitangan Pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor sebagai insentif dalam usaha membanteras aktiviti kecurian pasir. Ganjaran tersebut juga diberikan kepada anggota Polis Di Raja Malaysia dan Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor yang membantu di dalam operasi penguatkuasaan.

Pecahan peruntukan yang diberikan mengikut Pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor adalah seperti berikut :

Bil.	Daerah	Jumlah Ganjaran (Barang Rampasan)	Jumlah Ganjaran (Rampasan Tanah)
1.	Pejabat Daerah Hulu Selangor	15,000.00	-
2.	Pejabat Daerah Sepang	-	200,000.00
3.	Pejabat Daerah Kuala Langat	35,000.00	90,000.00
4.	Pejabat Daerah Hulu Langat	35,000.00	-
5.	Pejabat Tanah Kuala Selangor	2,500.00	-
6.	Pejabat Tanah dan Galian Selangor	97,600.00	-
JUMLAH TUNTUTAN (RM)		185,100.00	290,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PELAN TINDAKAN PERUMAHAN KOMUNITI (BEKAS SETINGGAN)

45. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah strategi menangani masalah perumahan komuniti bekas setinggan (ruang letak kereta, lif, kebersihan dll) yang tinggal di pangsapuri kos rendah?

JAWAPAN:

- a) Sebenarnya, tidak wujud perumahan komuniti bekas setinggan kerana di setiap pembangunan pangsapuri kos rendah terdapat juga pembeli dari kalangan bukan penduduk setinggan. Oleh itu, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang lebih universal yang mengambil kira semua kehendak dan cita rasa golongan berpendapatan rendah di bandar dengan menetapkan satu standard perancangan pembangunan khususnya berkaitan perumahan dalam perspektif yang baru. Sebagai langkah awal, Kerajaan Negeri memberi tumpuan untuk meningkatkan infrastruktur dan kemudahan komuniti di pangsapuri kos rendah dan sederhana rendah seperti lif, bumbung, tangki air dan sebagainya melalui **Skim Bantuan Baikpulih Bangunan atau *Caring Government For Residents' Improvement Aid (CERIA)*** bertujuan meningkatkan taraf kualiti hidup di perbandaran bagi kumpulan sasar tersebut.

Untuk meringankan beban kewangan penduduk terlibat, Kerajaan Negeri bersetuju untuk membiayai kos baikpulih secara perkongsian iaitu Kerajaan Negeri (80%) dan pembeli (20%). Justifikasi kaedah perkongsian kos ini adalah seperti berikut:

- i- **Pembeli berasa kepunyaan (*sense of belonging*) ke atas kemudahan yang di baikpulih; dan**
- ii- **Pembeli tahu jumlah kos baikpulih yang telah dibiayai oleh Kerajaan Negeri di mana kos tersebut sepatutnya ditanggung pembeli.**

Operasi skim CERIA telah bermula semenjak bulan Jun tahun 2011 dan setakat ini Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM9.1 juta bagi pelaksanaan Skim CERIA seperti berikut:

i- Tahun 2010	RM2.3 juta
• Kerajaan Negeri	RM1.8 juta
• Pembeli	RM0.5 juta

ii- Tahun 2011

RM6.9 juta

- Kerajaan Negeri
- Pembeli

RM5.1 juta

RM1.8 juta

Status pelaksanaan Skim CERIA berdasarkan jenis kerja baikpulih adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Kerja Baikpulih	Jumlah Kawasan
1.	Tangki Air	5
2.	Lif	16
3.	Bumbung	24
4.	<i>Gutter</i>	2
5.	Pembentung	1
6.	Pagar	2
7.	Cat	11
8.	Jalan	1
9.	Longkang	2
10.	<i>Handrail & Landing Slab</i>	1
11.	Kotak Pendawaian Elektrik	1
12.	Sistem Pencegahan Kebakaran	1
13.	Taman Permainan	1
14.	Paip Sanitari	1
JUMLAH		69

Manakala, bagi isu ruang tempat letak kereta Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 39/2010 bertarikh 27 Oktober 2010 telah meluluskan Manual Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor yang memperuntukkan satu (1) tempat letak kereta bagi satu (1) unit kediaman pangsapuri kos rendah dengan tambahan 20% unit tempat letak kereta bagi pelawat. Sebelum ini, peruntukan tempat letak kereta bagi pangsapuri kos rendah adalah satu (1) tempat letak kereta bagi dua (2) unit rumah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT (FOIA)

46. Dewan Negeri telah meluluskan Enakmen Kebebasan Maklumat (FOIA) yang memberi ruang kepada rakyat untuk mengakses maklumat kerajaan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri susulan kelulusan enakmen tersebut?
- b) Adakah kerajaan negeri sudah melantik mereka yang terlibat dalam soal pengurusan maklumat di peringkat jabatan dan PBT?
- c) Berapakah jumlah peruntukan yang akan digunakan untuk pelaksanaan FOIA?

JAWAPAN :

- a) Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 telah diwartakan pada 25 Ogos 2011. Berikutan itu, Kerajaan Negeri telah dan sedang mengambil beberapa tindakan yang perlu sebelum Enakmen tersebut dapat dikuatkuasakan sepenuhnya. Antara tindakan-tindakan yang terlibat adalah seperti berikut:
 - a) Mengemukakan Permohonan perjawatan tambahan di setiap jabatan / agensi negeri khusus bagi pengisian Pegawai Maklumat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia(JPA). Walau bagaimanapun permohonan jawatan baru tidak dapat dipertimbangkan oleh JPA ekoran dari pembekuan pengambilan dan pengwujudan perjawatan baru dalam tempoh kajian struktur organisasi perkhidmatan awam ke arah mewujudkan perkhidmatan awam yang kejar dan merangka sistem saraan perkhidmatan awam yang baru (Saraan Baru Perkhidmatan Awam) sehingga 31 Disember 2011 yang lalu dan kemudiannya telah dilanjutkan sehingga April 2012.

b) Memandangkan proses kelulusan pewujudan perjawatan baru mengambil masa yang lama dan menyedari akan kepentingan pelantikan Pegawai Maklumat ini disegerakan maka kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk membincangkan perkara ini di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-6 / 2012 pada 15 Februari 2012 yang telah disahkan oleh MMKN Ke-7 / 2012 pada 22 Februari 2012 adalah seperti berikut:-

- i) Pegawai Maklumat hendaklah dilantik di kalangan pegawai **berstatus tetap daripada perjawatan sedia ada** di setiap Jabatan / Agensi kerajaan negeri;
- ii) Semua pegawai yang dilantik akan diwartakan melalui Warta kerajaan; dan
- iii) Semua pegawai yang dilantik perlu menjalani kursus pemahaman Enakmen yang akan dilaksanakan oleh Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri juga sedang dalam peringkat akhir melaksanakan langkah-langkah yang perlu sebelum menguatkuasakan Enakmen ini seperti berikut:-

- a) Menyediakan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang lengkap berhubung pelaksanaan Enakmen ini;
- b) Penyediaan format Borang-Borang *standard* yang diperlukan sebagaimana peruntukan Enakmen;
- c) Penetapan kadar fi yang bersesuaian sebagaimana yang diperuntukkan oleh Enakmen;

- d) Pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan maksimum enam (6) orang ahli tambahan yang menganggotai Lembaga Rayuan yang dikenali sebagai Badan Maklumat Negeri;
 - e) Penetapan kaedah-kaedah berhubung tatacara rayuan kepada Badan Maklumat Negeri dan kawal selia prosiding Badan Maklumat Negeri;
 - f) Penetapan elaun yang bersesuaian bagi Ahli-Ahli Badan Maklumat Negeri; dan
 - g) Melaksanakan kursus pemahaman Enakmen kepada semua Pegawai Maklumat.
- b) Kerajaan negeri telah mengenal pasti pegawai maklumat yang akan dilantik bagi setiap jabatan dan dalam proses mewartakan nama-nama mereka selaras dengan keputusan MMKN Ke-6 / 2012 pada 15 Februari 2012 yang telah disahkan oleh MMKN Ke-7 / 2012 pada 22 Februari 2012, iaitu Pegawai Maklumat hendaklah dilantik daripada kalangan pegawai awam berstatus tetap daripada perjawatan sedia ada di setiap Jabatan / Agensi kerajaan negeri mengikut perincian seperti jadual berikut:-

NO.	JABATAN	GRED PERJAWATAN UNTUK PELANTIKAN PEGAWAI MAKLUMAT
1.	Pejabat DYMM Sultan Selangor	M41 Pejabat DYMM Sultan Selangor
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	M48 Bahagian Korporat
3.	Perbendaharaan Negeri Selangor	M48 Bahagian Khidmat Pengurusan
4.	Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Selangor	M48 Bahagian Khidmat Pengurusan

NO.	JABATAN	GRED PERJAWATAN UNTUK PELANTIKAN PEGAWAI MAKLUMAT
5.	Jabatan Pertanian Selangor	M41 Bahagian Perkhidmatan
6.	Pejabat Tanah dan Galian Selangor	M48 Bahagian Khidmat Pengurusan
7.	Jabatan Perhutanan Selangor	G41 Bahagian Khidmat Pengurusan
8.	Jabatan Mufti Selangor	S41 Bahagian Khidmat Pengurusan
9.	Jabatan Kerja Raya Selangor	M52 Bahagian Pentadbiran/Kewangan
10.	Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor	M44 Bahagian Pentadbiran/Kewangan
11.	Jabatan Agama Islam Selangor	M52 Bahagian Khidmat Pengurusan
12.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor	S41 Bahagian Pentadbiran/Kewangan
13.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Selangor	M41 Bahagian Pentadbiran/Kewangan
14.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	N27 Bahagian Khidmat Pengurusan
15.	Pejabat Daerah/Tanah Petaling	M48 Bahagian Khidmat Pengurusan
16.	Pejabat Daerah/Tanah Gombak	M48 Bahagian Khidmat Pengurusan
17.	Pejabat Daerah/Tanah Klang	M48 Bahagian Khidmat Pengurusan
18.	Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat	M48 Bahagian Khidmat Pengurusan

NO.	JABATAN	GRED PERJAWATAN UNTUK PELANTIKAN PEGAWAI MAKLUMAT
19.	Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat	M48 Bahagian Khidmat Pengurusan
20.	Pejabat Daerah/ Tanah Sepang	M48 Bahagian Khidmat Pengurusan
21.	Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor	M48 Bahagian Khidmat Pengurusan
22.	Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor	M48 Bahagian Khidmat Pengurusan
23.	Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam	M48 Bahagian Khidmat Pengurusan
24.	Jabatan Kehakiman Syariah Selangor	LS48 Bahagian Khidmat Pengurusan

NO.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN / BADAN BERKANUN	GRED PERJAWATAN UNTUK PELANTIKAN PEGAWAI MAKLUMAT
25.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	N48 Jabatan Khidmat Pengurusan
26.	Majlis Perbandaran Klang	N48 Jabatan Khidmat Pengurusan
27.	Majlis Bandaraya Shah Alam	N48 Jabatan Khidmat Pengurusan
28.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	N48 Jabatan Khidmat Pengurusan
29.	Majlis Perbandaran Kajang	N48 Jabatan Khidmat Pengurusan
30.	Majlis Daerah Kuala Langat	N48 Jabatan Khidmat Pengurusan

NO.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN / BADAN BERKANUN	GRED PERJAWATAN UNTUK PELANTIKAN PEGAWAI MAKLUMAT
31.	Majlis Daerah Kuala Selangor	N48 Jabatan Khidmat Pengurusan
32.	Majlis Daerah Sabak Bernam	N48 Jabatan Khidmat Pengurusan
33.	Majlis Perbandaran Sepang	N48 Jabatan Khidmat Pengurusan
34.	Majlis Daerah Hulu Selangor	N48 Jabatan Khidmat Pengurusan
35.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	N48 Jabatan Khidmat Pengurusan
36.	Majlis Perbandaran Selayang	N48 Jabatan Khidmat Pengurusan
37.	Lembaga Urus Air Selangor	N48 Jabatan Khidmat Pengurusan
38.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	48 (Terbuka) Khidmat Pengurusan
39.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	N41 Bahagian Khidmat Pengurusan
40.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	N41 Bahagian Khidmat Pengurusan
41.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	N48 Perumahan
42.	Perbadanan Adat-adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	N44 Sedia Ada Bahagian Khidmat Pengurusan

Memandangkan terdapat beberapa keperluan teknikal yang perlu disiapkan sebelum Enakmen Kebebasan Maklumat ini dikuatkuasakan maka nama-nama mereka hanya akan diwartakan sebagai Pegawai Maklumat serentak dengan tarikh berkuatkuasanya Enakmen ini .

c) Pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 ini melibatkan kos-kos perbelanjaan seperti berikut:-

i- Elaun khas bulanan sebanyak **RM 500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja)** dibayar kepada semua Pegawai Maklumat sebagaimana kelulusan MMKN Ke 6/2012.

Jumlah keseluruhan pembayaran elaun selama setahun bagi 42 Pegawai Maklumat (termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun) adalah seperti berikut:-

$$\text{RM } 500.00 \times 42 \times 12 = \underline{\text{RM } 252,000.00}$$

ii- Elaun-elaun yang perlu dibayar kepada Pengerusi / Timbalan Pengerusi, Ahli-ahli dan Pendaftar Badan Maklumat Negeri seperti perincian berikut (kadar elaun masih dalam peringkat cadangan):-

JENIS ELAUN	PENGERUSI / TIMBALAN PENGERUSI (RM)	AHLI LEMBAGA (Yang terlibat dalam panel perbincaraan sahaja) (RM)
1. Elaun persidangan	3,000.00 setiap persidangan atau sebahagiannya	1,000.00 setiap persidangan atau sebahagiannya
2. Elaun Kes	1,000.00 setiap kes yang didengar dalam persidangan	500.00 setiap kes
3. Elaun Tetap Perkeranian	400.00 setiap kes	-tiada-
4. Elaun Perjalanan / Penginapan	Mengikut pegawai Gred JUSA 'A' atau seumpama	Mengikut pegawai Gred 54 atau seumpama

JENIS ELAUN	PENDAFTAR (RM)
1. Elaun kes	500.00 setiap kes
2. Elaun perbatuan	Mengikut gred jawatan awamnya atau gred 54 mengikut mana yang lebih tinggi
3. Elaun pakaian	1,000.00 sekali setiap 3 tahun

Berikut adalah anggaran jumlah perbelanjaan elaun selama setahun :-

JENIS ELAUN	PENGERUSI / TIMBALAN PENGERUSI (RM)	AHLI LEMBAGA (RM)	PENDAFTAR (RM)	JUMLAH (RM)
1. Elaun persidangan	RM 3,000.00 x 6 persidangan = RM18,000.00	RM1,000.00 x 6 persidangan x 2 ahli = RM12,000.00	-	RM 30,000.00
2. Elaun Kes	RM1,000.00 x 50 kes = RM 50,000.00	RM500.00 x 50 kes x 2 ahli = RM 50,000.00	RM500.00 x 50 kes = RM 25,000.00	RM 125,000.00
JUMLAH BESAR				RM155,000.00

- iii- Kos penerbitan bagi cetakan *Standard Operating Procedure (SOP)* dan cetakan Borang-Borang yang dianggarkan seperti berikut (untuk setahun):-

SOP: $RM10.00 \times 500 \text{ jilid} = \underline{RM 5,000.00}$

7 jenis Borang: $RM0.10 \times 7 \times 5000 \text{ naskhah} = \underline{RM 3,500.00}$

- iv- Kos pelaksanaan kursus pemahaman Enakmen kepada semua Pegawai Maklumat yang dianggarkan seperti berikut (RM500.00 / peserta dan sekali setahun):-

$$RM500.00 \times 42 = \underline{RM 21,000.00}$$

Secara keseluruhannya, anggaran perbelanjaan keseluruhan untuk tempoh setahun bagi pelaksanaan Enakmen ini (hasil campur item i,ii,iii dan iv di atas) adalah sebanyak **RM436,500 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Tiga Puluh Enam Ribu Lima Ratus).**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK: PERUNTUKAN MARRIS

47. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah keberkesanan peruntukan dari MARRIS yang berjumlah 1juta yang telah digunakan untuk projek kecil(penyelenggaraan dan baik pulih) yang di berikan kepada tiap DUN .
- b) Selain daripada itu adakah kerajaan Selangor mempunyai cadangan menambahkan peruntukan ini pada tahun-tahun hadapan atau mengeluarkan satu peruntukan khas bagi projek selenggara jalan-jalan di kawasan taman perumahan.

JAWAPAN:

- a) Keberkesanan pelaksanaan peruntukan MARRIS boleh dinilai dari beberapa aspek seperti berikut:-

- 1) Prestasi pelaksanaan projek**

Pada tahun 2011, sebanyak **RM65,939,561.82** telah disalurkan untuk pelaksanaan projek MARRIS yang melibatkan sebanyak **1065** projek. Daripada keseluruhan tajuk projek tersebut sebanyak **926 (87%)** projek telah siap dilaksanakan. Manakala bakinya sebanyak **139 (13%)** projek adalah projek yang baru diluluskan melalui peruntukan tambahan sebanyak RM1 Juta bagi setiap PBT.

- 2) Kaedah mengenal pasti projek**

Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri telah memberi kuasa kepada Ahli Dewan Negeri untuk mengenal pasti dan mengemukakan projek-projek penyelenggaraan jalan yang hendak dilaksanakan di kawasan masing-masing. Perbincangan mengenai projek tersebut dibuat bersama-sama di antara Ahli Dewan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk disenaraikan dan dilaksanakan. Kaedah ini adalah berbeza dengan kaedah yang dibuat pada tahun-tahun sebelum ini dimana peruntukan bagi penyelenggaraan jalan sebelum ini diberikan secara terus dan secara "lump-sum" kepada Pihak Berkuasa Tempatan tanpa perlu menyenaraikan projek-projek yang hendak dilaksanakan dan tidak melibatkan Ahli Dewan Negeri. Dengan kaedah baru ini, kita boleh menyatakan bahawa peruntukan bagi projek MARRIS tersebut dikawal selia bersama oleh Ahli Dewan Negeri dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Kaedah baru ini juga dapat memberi hak sama rata kepada setiap kawasan Dewan Negeri di mana setiap kawasan dapat menyenaraikan projek berdasarkan keperluan kawasan. Kaedah ini adalah berkesan untuk mengelakkan berlakunya penyelewengan dan salah guna peruntukan selain memastikan hanya projek yang mempunyai impak dan praktikal sahaja yang patut diteruskan.

3) **Prosedur**

Dari aspek prosedur, permohonan bagi pelaksanaan projek MARRIS perlulah dibincangkan bersama-sama dengan Ahli Dewan Negeri dan disenaraikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan berdasarkan kepada keperluan kawasan. Permohonan yang telah diperaku bersama dengan Ahli Dewan Negeri perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri Selangor bersama-sama dengan "*Bill of Quantity (BQ)*". "*Bill of Quantity (BQ)*" yang diterima daripada Pihak Berkuasa Tempatan akan disemak oleh Pegawai Teknikal yang berpengalaman dan semakan harga dibuat berdasarkan kepada Jadual Kadar Harga Jabatan Kerja Raya (JKR). Ia juga disemak selaras dengan dasar Kerajaan Negeri yang menetapkan kadar peratus keuntungan diturunkan kepada 12% sahaja. Peruntukan yang diluluskan akan disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk proses pelantikan kontraktor.

Prosedur ini membantu pegawai untuk memastikan peruntukan yang disalurkan digunakan dengan sebaik mungkin dan kadar harga dapat diselaraskan mengikut jadual kadar harga.

4) **Pelantikan Kontraktor**

Di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan, prosedur perolehan dibuat secara terbuka di mana bagi projek yang bernilai di bawah RM20,000.00 dilaksanakan secara undian manakala projek bernilai melebihi RM20,000.00 sehingga RM500,000.00 dilaksanakan secara sebut harga. Projek-projek yang bernilai melebihi RM500,000.00 dilaksanakan secara tender terbuka. Kaedah ini adalah selaras dengan arahan-arahan dan peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa di mana ianya menepati dasar perolehan Kerajaan Negeri iaitu mendapatkan nilai yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan (*value for money*).

5) **Audit MARRIS**

Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor juga telah menubuhkan satu pasukan audit bagi pelaksanaan kerja-kerja MARRIS yang dianggotai oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Pasukan audit ini ditubuhkan untuk menjalankan pengauditan kerja secara berterusan di PBT untuk memastikan projek yang dilaksanakan adalah menepati dasar perolehan Kerajaan Negeri iaitu nilai yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan (*value for money*). Analisa yang telah dibuat mendapati bahawa Kerajaan Negeri memperoleh penjimatan di antara 10% sehingga 15% apabila projek dilaksanakan secara sebut harga atau tender terbuka di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Dengan usaha ini, kita boleh menyatakan kepada rakyat bahawa setiap projek yang dilaksanakan oleh kontraktor terbabit di Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan wang rakyat yang nilainya setimpal dengan kerja yang dilakukan. Kerajaan Negeri juga akan dapat melihat kecekapan pengurusan projek dan keuntungan yang diperolehi kontraktor terbabit agar ia sentiasa munasabah dan memberi pulangan yang menguntungkan. Hasil penemuan Audit tersebut boleh digunakan

oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai penambahbaikan projek-projek MARRIS pada tahun 2012.

Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri masih mengekalkan pelaksanaan projek mengikut kaedah yang sama seperti tahun 2011. Bagi menghargai pencapaian cemerlang Ahli Dewan Negeri, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan peruntukan tambahan kepada Ahli Dewan Negeri yang mencapai prestasi terbaik bagi melaksanakan projek MARRIS di kawasan Dewan Negeri masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

48. Kerajaan negeri pernah mewar-warkan akan membina banyak rumah mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan rumah, jenis unit yang dibina oleh kerajaan atau anak syarikat negeri sejak 2008 hingga kini?
- b) Adakah rumah yang siap dibina dari projek asal atau projek terbengkalai?
- c) Apakah peranan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk memastikan hasrat kerajaan negeri tercapai?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat prihatin dan memandang serius terhadap golongan berpendapatan rendah dan sederhana terutamanya dalam penyediaan kediaman yang mampu dimiliki oleh golongan tersebut. Namun begitu, Projek Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru hanya dilancarkan oleh Kerajaan Negeri pada 8 Jun 2011 di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi. Oleh yang demikian, dari tahun 2008 Kerajaan Negeri masih mengguna pakai jenis rumah mampu milik seperti Rumah Kos Rendah (RM35,000.00 hingga RM42,000.00), Rumah Kos Sederhana Rendah (bawah RM72,000.00) dan Rumah Kos Sederhana (bawah RM100,000.00). Dalam tempoh tersebut, kerajaan negeri melalui anak syarikatnya Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah diamanahkan untuk menyediakan rumah- rumah mampu milik untuk memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah dan sederhana selain sebagai tanggung jawab sosial korporat (CSR).

Secara keseluruhannya, sebanyak 23,637 unit rumah mampu milik yang telah dibina oleh PNSB dan PKNS bagi tempoh April 2008 sehingga kini. Berikut adalah pecahan unit rumah mampu milik mengikut kategori yang telah siap, sedang dan akan dibangunkan di Negeri Selangor sejak April 2008 sehingga kini.

i) Kategori Rumah Kos Rendah (RM35,000.00- RM42,000.00)

Bil	Daerah	Bilangan unit	Status Projek (Unit)
1	Gombak	1,653	180 Siap dan Diduduki 694 Dalam Pembinaan 779 Belum Bina
2	Hulu Langat	708	Belum Bina
3	Klang	302	132 Dalam Pembinaan 170 Belum Bina
4	Kuala Langat	1,730	Belum Bina
5	Petaling	550	Belum Bina
6	Sepang	562	Belum Bina
7	Hulu Selangor	107	Siap dan Diduduki
8	Kuala Selangor	0	Tiada Projek
9	Sabak Bernam	0	Tiada Projek
	JUMLAH	5,612	

Bilangan Unit Siap dan Diduduki = 287 Unit

Bilangan Unit Dalam Pembinaan = 826 Unit

Bilangan Unit Belum Bina = 4,499 Unit

ii) Kategori Rumah Kos Sederhana Rendah (RM42,001.00- RM72,000.00)

Bil	Daerah	Bilangan unit	Status Projek (Unit)
1	Gombak	389	Belum Bina
2	Hulu Langat	206	16 Dalam Pembinaan 190 Belum Bina
3	Klang	0	Tiada Projek
4	Kuala Langat	1,578	Belum Bina
5	Petaling	0	Tiada Projek
6	Sepang	359	Belum Bina
7	Hulu Selangor	0	Tiada Projek
8	Kuala Selangor	0	Tiada Projek
9	Sabak Bernam	0	Tiada Projek
	JUMLAH	2,532	

Bilangan Unit Dalam Pembinaan = 16 Unit

Bilangan Unit Belum Bina = 2,516 Unit

iii) Kategori Rumah Kos Sederhana (RM72,001.00- RM100,000.00)

Bil	Daerah	Bilangan unit	Status Projek (Unit)
1	Gombak	3,912	1,947 Dalam Pembinaan 1,965 Belum Bina
2	Hulu Langat	1,385	1,023 Dalam Pembinaan 362 Belum Bina
3	Klang	1,078	524 Dalam Pembinaan 554 Belum Bina
4	Kuala Langat	7,693	900 Dalam Pembinaan 6,793 Belum Bina
5	Petaling	694	623 Dalam Pembinaan 71 Belum Bina
6	Sepang	627	493 Dalam Pembinaan 134 Belum Bina
7	Hulu Selangor	0	Tiada Projek
8	Kuala Selangor	0	Tiada Projek
9	Sabak Bernam	104	Belum Bina
	JUMLAH	15,493	

Bilangan Unit Dalam Pembinaan = 5,510 Unit

Bilangan Unit Belum Bina = 9,983 Unit

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, daripada 23,637 unit- unit rumah yang dibangunkan oleh anak syarikat kerajaan negeri, hanya 1,422 unit rumah berkembar satu tingkat di Bukit Botak yang terlibat dengan pengambilan/pemulihan projek terbengkalai oleh PKNS dari tahun 2010. Status kemajuan projek tersebut telah mencapai 72 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2012.
- c) Komitmen PKNS adalah untuk membina 10,948 unit rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun mulai tahun 2011 hingga tahun 2021. Bagi tahun 2012, jangkaan sebanyak 933 unit akan dibina dan baki 10,015 unit akan dibina pada tahun 2013 – 2021 secara berperingkat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PERBELANJAAN AM/LUAR JANGKA

49. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 muka surat 46 –50.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri terhadap Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut berbaki RM8.10 juta yang tidak pernah digunakan sejak tahun 2003?
- b) Apakah status tiga projek di bawah peruntukan P29 yang prestasi perbelanjaannya adalah tidak memuaskan iaitu antara 20.7% hingga 40.2%?
- c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap laporan bahawa peruntukan di bawah kod 60002 telah disalahgunakan bagi tujuan memperindah kawasan dan membina Medan Ikan Bakar serta Dataran Esplanade?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor mengambil maklum pandangan audit berdasarkan Kajian Khas : Pengurusan Perbelanjaan Am/Luar Jangka Tahun 2010 di mana peruntukan Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut akan digunakan terlebih dahulu bagi perbelanjaan kecemasan berdasarkan Seksyen 11 (C) Akta Prosedur Kewangan 1957 iaitu :-

“ Menteri boleh, jika ia berpuas hati bahawa ada timbul suatu keperluan segera dan tidak disangka-sangka perbelanjaan bagi maksud-maksud persekutuan baginya tidak ada peruntukan lain dan untuknya kumpulan wang tidak boleh diperuntukkan di bawah Seksyen 15 (4), membuat pendahuluan dari Kumpulan Wang Disatukan untuk menampung keperluan itu.”

Setelah Penggunaan peruntukan tersebut dilaksanakan, ia perlu dibentangkan dalam Persidangan Dewan Negeri Selangor sebagai Enakmen Perbekalan Tambahan untuk dimasukkan semula ke dalam akaun Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut.

- b) Pada November 2009, kelulusan bagi projek membaik pulih cerun Runtuh di Desa Melor, Serendah telah diberikan kepada JKR. Walau bagaimanapun, tiga (3) projek yang menggunakan peruntukan yang sama iaitu:-

- i) Menaik taraf jalan Monfort (B9) dari persimpangan politeknik ke jalan masuk TUDM Shah Alam.
- ii) Kerja-kerja membaiki cerun tanah m di kawasan Jalan Melor 10, Taman Desa Melor, Serendah, Hulu Selangor; dan
- iii) Kerja-kerja menaik taraf dan memulihara Masjid Diraja Sultan Sulaiman, Klang.

Peruntukan yang sama digunakan memandangkan projek pembangunan yang lain yang tidak dapat ditampung oleh JKR pada tahun tersebut. Projek-projek tersebut telah siap dilaksanakan pada Julai 2010 menggunakan peruntukan tahun semasa jabatan.

- c) Peruntukan memperindah kawasan dan membina Medan Ikan Bakar serta Dataran Esplanade menggunakan Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri (MARRIS) adalah tidak bertentangan dengan prosedur kewangan dan ia adalah selaras dengan Arahan Amanah Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri, Para 7 (c) di mana:-

“Wang dalam Akaun ini hendaklah dibelanjakan hanya bagi tujuan-tujuan yang berikut;

(a) Membayar kos penyelenggaraan semua jalan negeri

(b) Perbelanjaan-perbelanjaan seperti pembelian jentera, pembayaran gaji serta lain-lain imbuhan kepada pekerja yang berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti penyelenggaraan jalan ; dan

(c) Apa-apa jua perbelanjaan lain yang diluluskan oleh YB. Pegawai Kewangan Negeri.”

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil kira pandangan audit supaya peruntukan MARRIS digunakan bagi tujuan penyelenggaraan jalan dan longkang. Sehubungan itu, di masa-masa akan datang, Perbendaharaan Negeri akan lebih berhati-hati untuk menggunakan peruntukan MARRIS tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan Kerajaan dalam meningkatkan pencapaian akademik di UNISEL dan KUIS?
- b) Berapakah tanggungan perbelanjaan Kerajaan dalam pengurusan dan penyelenggaraan dua IPT tersebut?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah merancang beberapa perancangan khusus untuk meningkatkan pencapaian akademik UNISEL dan KUIS antaranya adalah seperti berikut :

Menyediakan dana untuk sebarang aktiviti penyelidikan dan pembangunan, khususnya penyelidikan yang dapat membantu meningkatkan pembangunan Negeri Selangor, dari aspek politik, sosial dan ekonomi Negeri Selangor

Berkerjasama dengan pihak IPT khususnya dari segi dana untuk meningkatkan kerjasama dengan IPT lain samada di dalam mahupun di luar negara, khususnya di dalam bidang akademik seperti aktiviti penyelidikan, program pertukaran pensyarah, pertukaran pelajar dan penambahbaikan sistem pengajaran dan pembelajaran di IPT. Antara dana yang telah dikeluarkan kepada IPT Selangor bagi tujuan kajian adalah seperti berikut :

- Dana Endowmen sebanyak RM 1 Juta kepada UNISEL dan KUIS masing-masing sebanyak RM 500,00.00 bagi tujuan kajian terhadap bioteknologi dan pementapan sistem pendidikan Islam di Selangor
- Dana bagi aktiviti penyelidikan motor UNISEL –GEMS Racing sebanyak RM 180,000.00
- Dana Penyelidikan kajian teknologi Hijau sebanyak RM 500,000.00 kepada UNISEL

- a) Menyediakan program-program pembangunan mahasiswa khusus kepada mahasiswa di UNISEL dan KUIS seperti program bersama Majlis Permuafakatan Mahasiswa Selangor (MPMS), program permentoran IPT, Program Baktasiswa, Program Motivasi meningkatkan prestasi akademik pelajar dan Program persediaan menghadapi alam kerjaya .

- b) Mempastikan tenaga pengajar di UNISEL adalah merupakan pakar di dalam bidang masing-masing dan menjadi rujukan di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

- c) Berkerjasama dengan KUIS dan UNISEL di dalam penganjuran persidangan, seminar dan wacana di peringkat nasional dan antarabangsa khusus untuk meningkatkan penguasaan ilmu di kalangan pensyarah dan pelajar di KUIS dan UNISEL, seperti berikut :
 - a) Lawatan kerja bersama Unisel ke United Kingdom dan pertemuan dengan Imperial College, London, University of Manchester dan University Of Cambridge

 - b) Lawatan kerja ke Universiti Petra, Jordan dan Universiti Kaherah dan Al-Azhar di Mesir.

 - c) Penganjuran Persidangan Antarabangsa Pendidikan Islam (INCIED) bersama KUIS

 - d) Penganjuran Persidangan antarabangsa 7th International Conference On Muslim Education (COME)

 - e) Penubuhan International Academy of Muslim Education (IAME)

 - f) Persidangan antarabangsa yang melibat Islamic World Academy Of Scineces dan International Islamic Academy of Life Sciences and Biotechnology (IIALSB)

Kerajaan Negeri juga begitu prihatin dan terbuka di dalam menerima cadangan dan saranan dari pihak Kuis dan Unisel sama ada dari pensyarah mahupun mahasiswa yang berhasrat untuk melaksanakan sebarang aktiviti atau program yang bersifat akademik. Bantuan yang sering disalurkan adalah di dalam bentuk kewangan dan kemudahan fasiliti yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri.

- b) Kerajaan Negeri secara khusus tidak menanggung kos pengurusan dan penyelenggaraan dua IPT ini. Namun begitu, bagi UNISEL terdapat masalah berupa “ hutang lapuk” kos pembinaan kampus UNISEL telah menyebabkan Kerajaan Negeri bersetuju untuk membantu UNISEL untuk membayar bali Pinjaman Ba’l Bithaman Ajil Islamic Debt Securities kepada Bank Affin sebanyak RM 150 Juta.

Perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh kegagalan pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pembinaan Pembangunan kampus UNISEL, maka PIYSB telah membiayai tanggungan hutang dengan membuat pinjaman jangka pendek (“Bridging Loan”) dari Affin Investment Bank Berhad berjumlah RM150.0 juta telah di lakukan oleh PIYSB bertujuan untuk membiayai pembayaran menyelesaikan kerja-kerja penyiapan bangunan dan pembelian peralatan pada Disember 2005 akibat kegagalan Maxisegar Sdn Bhd memenuhi obligasi pembayaran penswastan pembangunan kampus tetap UNISEL.

Pembahagian kos :

PIYS : RM61,500,854.20 - 41%
Pembinaan : RM88,449,175.80 - 59%

Selain dari pembiayaan dari PYISB, Kerajaan Negeri juga telah menyuntik sejumlah amaun untuk bayaran pendahuluan kepada beberapa kontraktor yang berjumlah **RM81,867,500.00** dengan kadar faedah sebanyak 4% setahun berdasarkan “flat rate” pada 15 Jun 2007.

Bagi pihak KUIS, tiada peruntukan khas diperuntukkan untuk penyelenggaraan dan pengurusan. Namun begitu sebahagian besar dana untuk penyelenggaraan adalah dari pihak MAIS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

51. Bertanya kepada YAB Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan bagi tujuan program Merakyatkan Ekonomi Selangor sehingga Disember 2011?
- b) Berapakah jumlah penerima bagi skim mesra usia emas (SMUE) sehingga Disember 2011?

JAWAPAN:

- a) Jumlah Perbelanjaan bagi tujuan program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor **sehingga Januari 2012** adalah sebanyak **RM 512,552,337.99**. Perincian perbelanjaan adalah seperti di **LAMPIRAN**.
- b) Jumlah penerima bagi Skim Mesra Usia Emas (SMUE) sehingga **Disember 2011** adalah seramai **26,484 orang**. Perincian penerima Faedah SMUE adalah seperti berikut:-

Bil	Tahun	Bilangan penerima faedah (Orang)
1	2008	867
2	2009	8,304
3	2010	8,674
4	2011	8,939
JUMLAH KESELURUHAN		26,484

LAMPIRAN

PERBELANJAAN PROGRAM MES BAGI TAHUN 2009 HINGGA JANUARI 2012

Bil	PROGRAM	Berakhir Disember 2009	Berakhir Disember 2010	Berakhir Disember 2011	2012 (sehingga Januari 2012)
		Belanja (RM)	Belanja (RM)	Belanja (RM)	Belanja (RM)
1	Bekalan Air Percuma bagi 20m ³	131,468,341.10	136,217,650.50	140,738,975.91	11,950,538.92
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	5,667,038.00	7,699,000.00	7,167,000.00	481,000.00
3	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	1,029,700.00	1,179,700.00	715,500.00	132,500.00
4	Skim Mesra Usia Emas	20,423,921.06	22,873,488.50	20,198,648.00	1,308,500.00
5	Pusat Khidmat Krisis Seheniti (OSCC)	458,600.00	0	-	-
6	Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang	1,358,607.00	555,508.00	928,121.00	-
Jumlah		160,406,207.16	168,525,347.00	169,748,244.91	13,872,538.92
Jumlah Keseluruhan Belanja		512,552,337.99			

* Dibayar oleh KDEB kepada SYABAS mulai Jun 2008 sehingga Febuari 2010

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PROJEK PERINTIS TANAMAN PADI

52. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;
- a) Sila nyatakan bagaimanakah perkembangan terkini projek tersebut ?
 - b) Sila nyatakan sehingga kini berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri dan bagaimanakah komitmen serta disiplin yang ditunjukkan oleh para peserta ?
 - c) Sila nyatakan apakah pelan perancangan Kerajaan Negeri secara jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi dan seterusnya meningkatkan hasil pendapatan para petani ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan projek perintis meningkatkan hasil padi melalui Program Meningkatkan Hasil Padi Negeri Selangor di mana melalui program ini Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3,013,302.00 pada tahun 2009, RM4,930,000.00 pada tahun 2010, RM3,050,000.00 pada tahun 2011 dan RM3,240,0000.00 pada tahun 2012 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor (2009-2013).
Matlamat projek perintis ini adalah :
 - I. Projek perintis akan menjadi kawasan rujukan bagi para pegawai dan petani dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran padi dari 5.1 tan/ha/musim kepada 7.5 tan/ha/musim menjelang tahun 2013.
 - II. Mempertingkatkan purata pendapatan pesawah kepada melebihi RM1,500.00 sebulan.

Melalui program meningkatkan hasil padi bagi musim 2/2009, daripada 2,408 orang pesawah yang terlibat, didapati peratusan bilangan pesawah yang berpendapatan antara RM1,000.00 – RM1,500.00 adalah 55% (1,324 pesawah).

Manakala bagi musim 1/2010, tambahan seramai 857 orang pesawah telah meningkatkan pendapatan mereka di mana bilangan pesawah yang mendapat pendapatan antara RM1,000.00 – RM1,500.00 adalah seramai 752 pesawah dan yang mendapat pendapatan melebihi RM1,500.00 adalah seramai 105 orang pesawah.

Bagi musim 1/2011, tambahan seramai 857 orang pesawah telah meningkatkan pendapatan mereka dimana bilangan pesawah yang mendapat pendapatan antara RM1,000.00 – RM1,500.00 adalah seramai 533 pesawah dan yang mendapat pendapatan melebihi RM1,500.00 adalah seramai 146 orang pesawah.

- b) Sehingga kini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM10,993,302.00 bagi Program Meningkatkan Hasil Padi dibawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor (2009-2013) ini.

Komitmen serta disiplin para petani adalah tinggi serta sentiasa mengikuti peredaran serta *trend* teknologi penanaman padi. Secara purata mereka telah mengikuti buku panduan *Rice Check* sebanyak 94.88%.

- c) Kerajaan Negeri telah merancang beberapa strategi bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi dan pendapatan petani melalui perancangan jangka pendek dan jangka panjang iaitu :

Perancangan Jangka Pendek:

- Mewujudkan semula kerja-kerja menyisir dan badai (merata) di peringkat akhir penyediaan tanah sawah.
- Menambahkan bahan organik di setiap lot sawah padi pada anggaran 2-3 tan/hektar.
- Mengadakan usaha bersepadu di dalam kerja-kerja pembersihan kawasan semak di tepi-tepi parit dan batas bagi tujuan menghapuskan sarang-sarang tikus.

Perancangan Jangka Panjang.

- Usaha-usaha untuk menghidupkan semula tanah dengan kaedah Pertanian Ekologi (*Natural Farming*) sedang dipertingkatkan di keseluruhan kawasan jelapang padi Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : HASIL DARI HUTANG TALAM

53. Semasa Ucapan Pembentangan Bajet Tahun 2009, YAB Dato Menteri Besar memberitahu Dewan bahawa Kerajaan Negeri akan memperolehi RM 392 juta sebelum pertengahan tahun 2009 hasil dari hutang TALAM.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah terkumpul dari pengiktirafan hutang TALAM yang berjaya dikutip dan telah diakaunkan di dalam Akaun MBI sehingga 31 Januari 2012?
- b) Apakah benar dakwaan sesetengah pihak bahawa sehingga 31 Januari 2012, jumlah RM 392 juta itu belum berjaya dikutip oleh MBI? Jika benar dakwaan itu, bolehkah YAB Dato Menteri Besar menjelaskan kenapa RM 392 juta itu belum dapat dikutip sepenuhnya, apakah masalah-masalah yang berlaku di sebalik pengiktirafan hutang TALAM tersebut?

JAWAPAN :

- a) Jumlah yang diiktirafkan di dalam Akaun MBI setakat 31hb Disember 2011 RM392 juta, seperti di dalam Surat Perjanjian Pengiktirafan Hutang TALAM pada 30hb November 2009.
- b) Dakwaan tidak benar, setakat Disember 2011 jumlah jualan tanah talam, di mana hasil diperolehi oleh MBI adalah sejumlah RM302,711,390. Tanah yang sedang dalam rundingan untuk jualan dengan pembeli di mana hasilnya adalah RM94.4 juta dalam proses Tandatangan Jual Beli.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : MASALAH SAMPAH

54. Pada bulan Januari – Februari 2012 kecoh hampir seluruh Selangor mengenai sampah tidak dipungut.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah punca kekecohan terbesar berlaku?
- b) Adakah unsur-unsur sabotaj dilakukan oleh pihak tertentu?
- c) Sejauh manakah masalah ini dapat diatasi?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri mengambil maklum berhubung masalah mengenai sampah yang tidak dipungut pada bulan Januari – Februari 2012 berkenaan. Masalah utama berpunca daripada berlakunya ketidakfahaman pihak kontraktor di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap tempoh interim yang dilanjutkan oleh Kerajaan Negeri sehingga bulan Februari bagi kerja-kerja kutipan sampah. Punca-punca lain adalah seperti berikut:
 - i. **Kontraktor Boikot**
Tindakan beberapa kumpulan kontraktor kutipan sampah memboikot kerja mengakibatkan kemarahan ramai penduduk. Kawasan yang terjejas adalah Shah Alam dan Kajang.
 - ii. **“Back-up” Lambat Bertindak**
Pasukan “back-up” kutipan sampah di setiap PBT tidak bertindak dengan segera untuk mengatasi aduan setempat yang bertambah.
 - iii. **Pembayaran Lewat**
Banyak aduan telah diterima daripada kontraktor berhubung kelewatan PBT membayar tuntutan kerja-kerja kutipan sampah.
- b) Kerajaan Negeri telah dimaklumkan oleh PBT bahawa terdapat unsur-unsur sabotaj. Wujud pihak yang tidak bertanggungjawab merancang untuk menggagalkan kerja-kerja kutipan sampah di Selangor dengan menghalang lori serta mengancam pekerja. Selain daripada itu, tindakan melonggokkan sampah

sejurus selepas kutipan rutin dilakukan oleh pihak kontraktor untuk tatapan media.

- c) Kerajaan Negeri melalui semua PBT akan sentiasa menjalankan aktiviti pemantauan terhadap kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam. Talian Bebas Tol Aduan Sampah (**1-800-88-2824**) yang diselaraskan oleh Bahagian Korporat SUK Selangor membuktikan komitmen penuh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan segala aduan dengan kadar segera. Tindakan daripada beberapa **pihak NGO** seperti Yayasan Amal juga harus dipuji kerana terus membantu PBT dalam memantau kawasan setempat daripada sebarang aktiviti berunsur sabotaj. Selain daripada itu, **pengambilan penuh PBT** bagi kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam sepenuhnya pada bulan **Mac 2012** diharap dapat memberi nafas baru dalam menambah baik perkhidmatan tersebut di negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK: VIRUS POKOK PISANG

55. Serangan virus penyakit "moko" telah menyebabkan kematian pokok tanaman pisang secara besar-besaran dan merugikan petani khususnya di kawasan DUN Sungai Air Tawar.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar: -

- a) Nyatakan keluasan tanaman yang terjejas dan jumlah petani tanaman pisang yang terbabit di Selangor khususnya kawasan DUN Sg. Air Tawar?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri bagi mengatasi atau meringankan beban para petani?
- c) Apakah kerajaan negeri bercadang memperkenalkan tanaman alternatif untuk membantu petani?

JAWAPAN:

- a) Keluasan tanaman pisang di Negeri Selangor yang telah diserang Penyakit Moko dianggarkan seluas 1,251 ha. Bagi DUN Sungai Air Tawar, kawasan yang diserang mengikut bancian Jabatan Pertanian dianggarkan seluas 791.30 hektar yang melibatkan seramai 467 orang petani.
- b) Pada dasarnya Kerajaan Negeri menasihatkan kepada petani untuk memusnahkan tanaman pisang dan tidak menanam pokok pisang bagi tempoh antara 1 hingga 2 tahun bagi memastikan inokulum bakteria tersebut dapat dihapuskan. Dalam masa yang sama, Jabatan Pertanian sedang dalam proses menyediakan SOP (*Standard Operating Procedure*) untuk memusnahkan pokok pisang dan mengumpulkan data kawasan tanaman yang diserang penyakit moko pisang serta mengenal pasti apakah keperluan-keperluan yang boleh membantu para petani.
- c) Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa tanaman yang sesuai dengan keadaan tanah di kawasan berkenaan dan menggalakkan tanaman seperti koko di bawah kelapa dan tanaman integrasi seperti nanas, jagung, serai dan labu manis. Walaubagaimanapun, dari masa ke semasa Jabatan Pertanian akan mengenal pasti tanaman-tanaman lain yang sesuai sebagai tanaman alternatif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PENRIZABAN BANJARAN KUARTZA KLANG

56. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah status terkini tentang penrizaban banjaran kuartza Klang?

JAWAPAN:

a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 37 / 2011 yang diadakan pada 7 Disember 2011 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 38 / 2011 pada 14 Disember 2011 yang telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Kerja Peringkat Negeri bagi mengkaji Permatang Kuarza Genting Klang sebagai Tapak Warisan Dunia.

Lanjutan daripada keputusan tersebut, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kajian Permatang Kuarza Peringkat Negeri Selangor telah diadakan pada 15 Disember 2011 yang dipengerusikan oleh Y.B. Puan Elizabeth wong (Pengerusi Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, Kerajaan Negeri Selangor). Atas faktor input kepakaran yang diperlukan, mesyuarat tersebut telah bersetuju untuk pihak Institut Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI-UKM) menjalankan kajian awalan (preliminary study) berkaitan fakta-fakta saintifik Permatang Kuarza.

Pihak JPBD Selangor telah menerima dan menyemak Kertas Cadangan Kajian Saintifik Permatang Kuarza Genting Kelang sebagai Tapak Warisan Geologi Kebangsaan dan Tapak Warisan Dunia daripada pihak SEADPRI-UKM dan bersetuju dengan kertas cadangan yang telah dikemukakan. Oleh yang demikian, proses pelantikan pihak SEADPRI-UKM akan dilakukan oleh pihak UPEN untuk menjalankan kajian tersebut bagi Fasa 1 yang akan mengambil masa selama 9 bulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : LOOK OUT POINT, HULU LANGAT

57. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Kenapa *Look Out Point* ditutup?
- b) Berapakah sewa yang dikenakan atas pengusaha *Look Out Point* setiap bulan atau setiap tahun?

JAWAPAN:

- a) Penutupan Menara Tinjau ini dibuat setelah pengusaha kompleks dikesan melakukan tambahan / pengubahsuaian yang *extensive* terhadap struktur asal dan kedudukannya berada di kawasan cerun yang berbahaya dan boleh mengancam keselamatan pengunjung dan pengusaha itu sendiri. Laporan dan penemuan awal oleh pihak IKRAM juga mendapati terdapatnya beberapa kawasan cerun yang dikenal pasti berisiko mengalami kegagalan, rekahan-rekahan kecil pada beberapa bangunan tambahan, sistem perparitan yang tidak diselenggara dengan sempurna, kerja-kerja penstabilan cerun yang tidak sempurna dan beberapa binaan bangunan yang terlalu hampir dengan cerun.

Pengusaha premis juga gagal mengemukakan sebarang permohonan pelan ataupun dokumen-dokumen berkaitan kepada MPKj walaupun telah 5 siri Notis di bawah Seksyen 70(1) dan Seksyen 72 (1)(b)(c) Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 dikeluarkan mulai 10 Ogos 2011 dan yang terakhir pada 17 Januari 2012.

Sebahagian pengusaha restoran turut dikesan beroperasi tanpa mendapatkan kelulusan lesen MPKj. Tindakan menutup Menara Tinjau ini diambil bagi mengelakkan kejadian runtuh memandangkan keseluruhan bangunan yang didirikan tidak pernah mendapat penarafan Sijil Layak Menduduki (CF) dari MPKj.

- b) Syarikat Pinang Harmoni Sdn. Bhd. (kini dikenali sebagai Pinang Harmoni Kembara Sdn. Bhd.) selaku pengusaha ALOP telah dikenakan bayaran sewaan bulanan Pengurusan ALOP sebanyak RM 3,000.00 sebulan sejak tahun 2005. Namun, ketika itu tiada sebarang kontrak perjanjian ditandatangani di antara syarikat pengurusan yang dilantik iaitu Pinang Harmoni Kembara Sdn. Bhd. Dengan Kerajaan Negeri Selangor.

Mulai Julai 2007, kadar sewaan telah dinaikkan kepada RM 5,000.00 sebulan. Selepas itu, pada Januari 2010, kadar sewaan bulanan ALOP telah dinaikkan kepada RM 20,000.00 sebulan dan menjadikan jumlah sewaan adalah sebanyak RM 240,000.00 setahun. Kenaikan ini adalah selaras dengan Perjanjian Pengurusan ALOP yang telah ditandatangani. Tempoh perjanjian pengurusan ini adalah selama 21 tahun dari keputusan MMKN ke 17/2005 bertarikh 6 Julai 2005

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : KEMUDAHAN AWAM

58. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Masih terdapat banyak kemudahan awam rosak dan belum dibaiki, apakah langkah kerajaan Negeri membendung masalah ini?
- b) Berapakah perbelanjaan yang telah dikeluarkan pada tahun 2011 dalam memperbaiki infrastruktur awam?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri sentiasa mengambil tindakan serius terhadap isu berhubung dengan kemudahan awam yang rosak ataupun yang belum dibaiki. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan kewangan bagi menjalankan kerja-kerja pembinaan dan memperbaiki kemudahan awam di seluruh Negeri Selangor. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan berkala terhadap mana-mana kemudahan awam yang memerlukan kerja-kerja pembaikan.
- b) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah **RM 27,021,476.30** pada tahun 2011 bagi mengatasi masalah kemudahan awam yang rosak mahupun yang belum dibaiki di seluruh Negeri Selangor. Pecahan peruntukan mengikut daerah adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

LAMPIRAN 1

BIL.	DAERAH / KAWASAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	PETALING	1,870,000.00
2.	KLANG	3,972,917.54
3.	GOMBAK	3,652,500.00
4.	HULU LANGAT	2,965,091.50
5.	SEPANG	2,900,100.00
6.	KUALA LANGAT	4,030,000.00
7.	KUALA SELANGOR	2,319,490.58
8.	HULU SELANGOR	2,611,000.00
9.	SABAK BERNAM	2,700,376.68
	JUMLAH KESELURUHAN	27,021,476.30

* senarai jumlah termasuk bagi Projek-Projek Kecil, Dewan, Balairaya, Kemudahan Sukan dan Bangunan PLB sehingga 2 Mac 2012

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : HOTEL BAJET BARU

59. Banyak hotel-hotel bajet dibina di seluruh negeri Selangor dan kewujudannya amat meragukan dari segi keperluan dan kelulusan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kewujudan hotel-hotel bajet perlu mendapat persetujuan masyarakat setempat?
- b) Adakah hotel-hotel bajet tersebut menepati undang-undang bangunan?
- c) Adakah semua hotel bajet selamat kerana ada dakwaan ia dibuat di bangunan tiada CF?

JAWAPAN :

- a) Secara dasarnya, tiada ketetapan telah dibuat oleh Kerajaan Negeri yang memerlukan sebarang permohonan pembinaan hotel bajet perlu mendapat persetujuan masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, setiap pengusaha yang memohon lesen premis hotel bajet perlu memenuhi syarat Kebenaran Merancang yang memerlukan pemohon mendapatkan persetujuan lot berjiran premis tersebut.
- b) Sebelum permohonan lesen hotel bajet diluluskan, pemohon perlu mematuhi peraturan-peraturan dan peruntukan yang terdapat di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) serta Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Sebarang perubahan yang dilakukan ke atas bangunan juga perlu mendapat kelulusan Kebenaran Merancang dari Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat. Selain itu, semua hotel bajet yang dibina perlu mendapatkan kelulusan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia sebelum Pelan Bangunan diluluskan oleh Jabatan Bangunan untuk kelulusan dan Perakuan Siap Kerja perlu dikemukakan oleh perunding arkitek setelah kerja-kerja siap dilaksanakan.

- c) Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, Pihak Berkuasa Tempatan tidak akan meluluskan permohonan lesen hotel bajet yang dibina di bangunan yang tidak mempunyai Sijil Layak Menduduki atau Sijil Perakuan Siap dan tindakan undang-undang akan dikenakan terhadap premis yang menjalankan aktiviti tanpa lesen.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: PINDAH MILIK TANAH

60. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan urusan pertukaran hak milik tanah di Pejabat-pejabat Tanah Negeri dan di Pejabat Tanah Galian Selangor?

JAWAPAN:

- a) Terdapat beberapa urusan pertukaran hakmilik tanah di Pejabat –Pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor. Antaranya adalah seperti yang berikut :-

i) Kebenaran Pindahmilik

ii) Pendaftaran Pindahmilik Tanah (Landed Property)

Urusan pendaftaran Pindahmilik Tanah (PMT) telah dilaksanakan dalam tempoh satu hari bermula **1 Mac 2010** di kesemua Pejabat-pejabat Tanah Daerah dan di Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

Antara langkah yang diambil bagi mempercepatkan urusan dan mencapai piagam satu hari adalah

- a) Caj Nominal Fee RM 20.00

Kaedah ini telah dilaksanakan pada 1 April 2010 dengan tujuan bagi menyelesaikan masalah perserahan yang tidak lengkap iaitu dengan membuat pendaftaran TOLAK. Dengan mengenakan caj nominal fee RM 20.00 untuk pendaftaran semula, proses ini dapat mengelakkan tunggakan Pendaftaran sekali gus mempercepatkan proses pendaftaran sejajar dengan Pendaftaran Pindah milik Tanah satu hari.

b) Pendaftaran e-Wakil

- i) Membolehkan pengesahan identiti wakil-wakil firma guaman dan syarikat kurier yang boleh berurusan dengan Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pejabat-Pejabat Tanah Daerah Negeri Selangor.
- ii) Membolehkan pemberitahuan mengenai garis panduan berkenaan tatususila semasa berurusan di kaunter PTGS/ PTD
- iii) Meningkatkan tahap keselamatan sedia ada dan mengurangkan sebarang kes penipuan.

c) Status Semakan Secara 'ONLINE'

Membolehkan status permohonan urusan niaga dan bukan urusan niaga disemak melalui nombor perserahan SPTB secara 'online' melalui laman web

- i) PTGS.
- ii) Membolehkan status pungutan Hakmilik juga boleh disemak secara 'online' melalui laman web PTGS.

d) Sistem Pungutan

- i) Membolehkan semua pengeluaran Hakmilik dan Suratcara di rekod melalui sistem sekaligus memudahkan carian dan mengelakkan kehilangan dokumen.
- ii) Membolehkan pengiraan denda 'storage fee'.
- iii) Membolehkan dokumen dapat disediakan untuk dipungut dalam masa tujuh (7) hari selepas tarikh pendaftaran.

iii) Pendaftaran Pindahmilik Tanah (Strata Title)

Permohonan Pindahmilik Tanah melibatkan hakmilik strata pada masa sekarang adalah berdasarkan kepada piagam pelanggan iaitu selama tiga bulan berdasarkan kaedah kerja yang masih bergantung kepada sistem manual. Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah mengambil inisiatif dengan membangunkan sistem pendaftaran strata berkomputer

sepertimana Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) yang diguna pakai bagi hartanah (*landed Property*) yang sedia ada sekarang.

Untuk makluman sistem tersebut dalam proses percubaan dan dijangkakan akan beroperasi pada bulan Mei sistem ini akan mula diguna pakai. Berkaitan dengan tempoh pindahmilik strata setelah sistem ini dilaksanakan sepenuhnya, dijangkakan prosesnya akan sama seperti sistem SPTB sedia ada.

iv) Pertukaran hakmilik daripada Hakmilik Sementara kepada Hakmilik Kekal

Piagam sedia ada bagi proses pertukaran hakmilik sementara (QT) kepada hakmilik Muktamad (FT) selama sebulan. Bagi mempercepatkan urusan pertukaran hakmilik QT kepada FT, langkah-langkah yang dikenal pasti adalah :

- a) Pelan Akui dan Hakmilik Muktamad terus dikeluarkan bagi setiap pendaftaran hakmilik baru tanpa mengeluarkan hakmilik sementara.
- b) Permohonan Permintaan Ukur (P.U) secara online dan menetapkan Piagam Pelanggan seperti urusan Pindahmilik 1 Hari antara Pejabat Tanah/Daerah dan pihak JUPEM.
- c) Mengurangkan jangka masa Piagam Pelanggan dari peringkat awal permohonan sehingga pendaftaran hakmilik tetap iaitu dari proses melengkapkan permohonan, penyediaan Permintaan Ukur (PU), penyediaan Pelan Akui (P.A) sehingga pendaftaran hakmilik tetap.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: PENINGKATAN PELUANG PEKERJAAN

61. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peluang pekerjaan dan peningkatannya yang telah diwujudkan setelah SSIC Berhad mensasarkan jumlah pelaburan perindustrian sebanyak RM8 bilion setahun ?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peluang pekerjaan dan peningkatannya yang telah diwujudkan setelah hasil daripada sasaran jumlah pelaburan perindustrian sebanyak RM8 bilion setahun adalah seperti berikut:-

Tahun	Peluang pekerjaan
2009	22,753
2010	27,865
2011	20,750
Jumlah	71,368

* Sumber : MIDA

Daripada jadual diatas didapati terdapat peningkatan sebanyak **20%** iaitu sebanyak **27,865** pada tahun 2010 berbanding **22,753** potensi peluang pekerjaan yang diwujudkan pada tahun 2009. Namun begitu berlaku pengurangan sebanyak 26% pada tahun 2011 di mana hanya 20,750 potensi peluang pekerjaan yang dicatatkan.

Pengurangan jumlah potensi peluang pekerjaan yang dicatatkan pada tahun 2011 ini secara langsung disebabkan oleh faktor penurunan jumlah pelaburan yang dicatatkan bagi tempoh sepanjang tahun 2011.

Selain itu, terdapat juga projek-projek perkilangan yang diluluskan menggunakan *automation* bagi proses pengeluaran mereka dan secara langsung mengurangkan jumlah pekerja yang diperlukan oleh pihak syarikat.

Perbandingan jumlah pelaburan antara tahun 2009, 2010 dan 2011 adalah seperti jadual berikut:-

Tahun	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
2009	278	22,753	2,752,526,768	4,007,064,183	6,759,590,951
2010	325	27,865	5,494,986,553	5,146,848,848	10,641,835,401
2011	263	20,750	4,504,853,012	4,236,263,746	8,741,116,758

* Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PROGRAM WARGA EMAS

62. Kerajaan negeri memberi kupon untuk Program "Jom Shopping" untuk warga emas negeri Selangor

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah wang yang telah digunakan untuk program "Jom Shopping" dan berapa orangkah yang telah menerimanya?
- b) Mengapakah program Jom Shopping melibatkan hanya mereka yang tertentu sahaja dan tidak meluas?
- c) Apakah kerajaan bercadang mengadakan program lain untuk manfaat kesihatan warga emas misalnya?

JAWAPAN:

- a) Sejumlah RM4,360,900.00 telah dibelanjakan untuk program "JOM Shopping" yang melibatkan sejumlah 43,609 orang Ahli Skim Mesra Usia Emas yang berdaftar.
- b) Oleh kerana ia merupakan program 'Nilai Tambah' untuk Ahli-ahli berdaftar, Skim Mesra Usia Emas yang masih hidup, maka hanya mereka yang berdaftar dengan skim ini sahaja yang akan dijemput dan dibawa berbelanja secara berperingkat-peringkat di pasaraya-pasaraya tertentu.
- c) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa prihatin kepada kebajikan rakyat negeri ini. Oleh itu, melalui Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor, pelbagai program telah dirancang dan akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut kesesuaian dan keperluan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : TABUNG AMANAH PERKUBURAN

63. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasional Kerajaan Negeri mensyaratkan caruman RM500 untuk tabung amanah perkuburan dalam Borang 5A?
- b) Apakah garis panduan, kuasa ataupun seksyen perundangan yang diguna pakai untuk syarat caruman Tabung Amanah Perkuburan ini?

JAWAPAN :

- a) Tabung ini berperanan untuk menyalurkan dana atau kewangan bagi membantu Kerajaan Negeri untuk menyediakan tapak-tapak perkuburan di Negeri Selangor. Syarat caruman Tabung Amanah Perkuburan juga merupakan salah satu syarat tambahan bagi kelulusan pemberimilikan dan tukar syarat kegunaan tanah kepada bangunan kediaman dan pembangunan bercampur.

Bayaran asal caruman Tabung Amanah Perkuburan ialah sebanyak RM62.50 hanya akan dikenakan apabila pembangunan yang dicadangkan **kurang daripada 100 hektar (250 ekar)** untuk tujuan bangunan kediaman sahaja. Sekiranya pembangunan yang dicadangkan melibatkan pembangunan bercampur, pengiraan hanya dikira berdasarkan kepada unit bangunan kediaman yang dibina.

Kadar caruman yang dikenakan sebanyak RM62.50 setiap petak rumah adalah terlalu rendah jika dibandingkan dengan nilai tanah semasa bagi tujuan pengambilan tanah untuk rizab kubur. Jabatan Perkhidmatan dan Penilaian Harta Negeri Selangor memaklumkan bahawa nilai tanah akan meningkat setiap enam (6) bulan. Oleh yang demikian Pihak Berkuasa Negeri telah bersetuju dengan kadar baru yang dikenakan iaitu:-

Daerah	Kadar Baru
Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat, Sepang, Kuala Langat	RM500.00 setiap petak rumah
Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Selangor	RM300.00 setiap petak rumah

Bayaran tersebut hendaklah dijelaskan secara sekali gus kepada Pentadbir Tanah Daerah terlebih dahulu sebelum hak milik boleh didaftarkan.

Tapak perkuburan merupakan salah satu kemudahan sosial yang perlu disediakan dan ia sama penting dengan keperluan sosial yang lain. Perwujudan tapak-tapak perkuburan pada masa kini bergantung kepada keperluan, kedudukan serta kesesuaian kawasan yang dicadangkan. Ini berlaku kerana ketiadaan satu dasar atau peruntukan yang jelas sebagai panduan dalam membuat perancangan pembangunan tanah kubur yang teratur dan menepati keperluan. Di samping itu perancangan yang strategik perlu diwujudkan dan meletakkan tanggungjawab bersama penyediaan tapak-tapak kubur ke atas setiap pemaju atau pemilik tanah dan Kerajaan Negeri.

Untuk tujuan di atas Pengarah Tanah dan Galian Selangor telah diminta oleh Kerajaan Negeri mencadangkan penubuhan tabung amanah perkuburan mirip wang caruman perparitan dan garis panduan bagi pengendalian dan penyelenggaraan tapak perkuburan serta langkah menampung kekurangan tapak perkuburan yang berlaku masa kini. Dalam menangani masalah tersebut semua Pejabat Tanah Daerah telah diminta mengenal pasti tapak-tapak yang sesuai untuk diambil balik di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 sebagai tapak perkuburan. Kos pengambilan balik tanah akan dibiayai daripada tabung amanah perkuburan atau dibiayai oleh pemaju atau pemilik tanah yang berkenaan.

Berdasarkan arahan dan persetujuan daripada Pihak Berkuasa Negeri, Pengarah Tanah dan Galian Selangor telah mengeluarkan Pekeliling PTG Bil.4 Tahun 2011 iaitu Penyediaan Tapak Perkuburan Islam dan Bukan Islam Dan Pengenaan Bayaran Caruman Tabung Amanah Perkuburan Di Negeri Selangor pada 14 April 2011, pekeling ini adalah penambahbaikan daripada Pekeliling PTG Bil.5 Tahun 2001 Penubuhan Tabung Amanah Perkuburan Dan Penyediaan Tapak Perkuburan Islam Dan Bukan Islam yang dikeluarkan pada 19 Oktober 2001.

**Laporan Kutipan Caruman Perkuburan
Akaun Amanah Perkuburan (65107)
Bagi Tahun 2011**

Bil	Daerah	Kod Jenis	Kod PTPK	Kutipan Caruman Perkuburan												
				(RM)												
				Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Bulan 13
1	Petaling	0215	21502000	2,682,275.50	2,759,901.00	2,766,369.75	2,767,057.25	2,767,744.75	2,773,994.75	2,775,744.75	2,797,744.75	2,836,557.25	3,262,619.75	3,473,064.75	3,478,627.25	3,478,627.25
2	Gombak	0216	21602000	1,769,147.31	1,769,147.31	1,771,022.31	1,773,334.81	1,780,334.81	1,781,084.81	1,837,209.81	1,841,197.31	1,844,391.31	1,847,328.81	1,851,078.81	1,906,203.81	1,906,203.81
3	Klang	0217	21702000	1,043,228.75	1,056,510.00	1,221,916.25	1,244,478.75	1,288,228.75	1,308,228.75	1,381,760.00	1,403,760.00	1,521,010.00	1,583,510.00	1,599,510.00	1,742,510.00	1,742,510.00
4	Kuala Langat	0218	21802000	455,145.90	456,677.15	467,177.15	468,458.40	472,145.90	482,645.90	491,645.90	555,833.40	556,833.40	565,770.90	584,770.90	621,770.90	621,770.90
5	Hulu Langat	0219	21902000	4,048,118.70	4,058,899.95	4,123,462.45	4,124,712.50	4,143,806.25	4,256,150.00	3,319,619.75	3,359,118.75	3,668,806.25	4,325,993.75	5,056,868.75	5,187,681.25	5,187,681.25
6	Sepang	0220	22002000	1,536,966.56	1,536,966.56	1,536,966.56	1,875,096.06	1,905,659.06	1,920,346.56	1,934,659.06	1,939,721.56	1,939,721.56	1,939,721.56	1,939,721.56	2,112,347.00	2,112,347.00
7	Kuala Selangor	0221	22102000	679,187.05	679,187.05	679,687.05	681,187.05	685,562.05	690,462.05	691,062.05	692,293.30	707,593.30	762,793.30	763,393.30	763,393.30	763,393.30
8	Hulu Selangor	0222	22202000	518,503.00	520,690.50	520,990.50	524,778.00	526,353.00	527,378.00	527,378.00	539,753.00	540,053.00	540,415.50	542,965.50	545,065.50	545,065.50
9	Sabak Bernam	0223	22302000	270,772.50	272,898.00	273,899.00	274,119.50	274,213.25	358,813.25	364,863.75	366,663.75	375,313.75	391,038.75	392,076.25	399,338.75	399,338.75
JUMLAH				13,003,345.27	13,110,877.52	13,361,491.02	13,733,222.32	13,844,047.82	14,099,104.07	13,323,943.07	13,496,085.82	13,990,279.82	15,219,192.32	16,203,449.82	16,756,937.76	16,756,937.76

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

**TAJUK : INDUSTRI PELANCONGAN DI KAWASAN BATANG KALI APAKAH
RANCANGAN MASA DEPAN**

64. Industri pelancongan di kawasan Batang Kali begitu pesat membangun. Pelbagai tempat-tempat pelancongan yang ada seperti Kawasan Perkelahan Sungai Sendat, Kolam Air Panas Sungai Tamu dan sebagainya.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Rancangan masa depan Industri berkenaan ?
- b) Adakah kawasan ini dipromosikan atau diiklankan supaya dapat menarik lagi pengunjung dan pelancong datang ke kawasan Batang Kali ?

JAWAPAN :

- a) Hulu Selangor merupakan antara daerah luar bandar yang dilihat telah mula berkembang sebagai salah satu destinasi percutian dan pelancongan yang sangat berpotensi. Menyedari tentang potensi besar ini, telah banyak usaha-usaha dilakukan supaya daerah ini akan terus menjadi tumpuan pelancong dan seterusnya memberikan impak yang positif kepada pembangunan pelancongan khususnya bagi jangka masa panjang. Dalam hal ini, perancangan pembangunan pelancongan dibuat secara menyeluruh bagi daerah Hulu Selangor dan tidak hanya tertumpu di sesetengah kawasan sahaja.

Batang Kali yang juga merupakan sebahagian lokasi penting di dalam daerah Hulu Selangor turut diberi peluang yang sama. Beberapa produk pelancongan seperti Kolam Air Panas Hulu Tamu, Kawasan Perkelahan dan Rekreasi Sungai Sendat dan Restoran & Spa Cholo-Cholo telah bertapak kukuh dan menjadi antara destinasi utama pilihan pelancong ke daerah Hulu Selangor. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), sentiasa memainkan peranan dalam mempromosikan destinasi-destinasi berkenaan kepada pelancong dalam dan luar negara melalui penyertaan-penyertaan dalam siri promosi dalam dan luar negara. Program ini dilaksanakan secara berterusan di samping saluran-saluran promosi lain seperti risalah, laman web, Billboard, pengiklanan di majalah, *coffee table book*, program kembara media dan beberapa program yang lain.

Menyedari potensi besar daerah Hulu Selangor, pendekatan dan pembangunan secara *in-situ* juga diberikan tumpuan. Untuk makluman, mulai tahun 2012 ini, program Daerah Fokus akan diperkenalkan dengan Sabak Bernam, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Kuala Langat menjadi daerah di bawah pelaksanaan program tersebut. Perancangan ke arah melaksanakan program

berkenaan meliputi pembangunan produk-produk pelancongan, promosi yang berterusan, penambahbaikan kemudahan sedia ada dan program-program sokongan lain seperti kerjasama bersama media dan bloggers dalam membekalkan maklumat tentang produk-produk berkenaan. Dalam hal ini, Batang Kali tidak terkecuali.

- b) Batang Kali yang menjadi sebahagian antara lokasi produk pelancongan di daerah Hulu Selangor akan terus dipromosikan. Melalui kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Kerajaan Negeri melalui TSSB telah melaksanakan pelbagai program berkaitan. Namun, seperti yang dinyatakan sebelum ini, program-program yang dilaksanakan adalah bersifat menyeluruh.

Mulai tahun 2011, TSSB dengan kerjasama semua PBT di negeri Selangor telah menerbitkan *brosure* bagi semua daerah-daerah di negeri Selangor termasuklah Hulu Selangor. *Brosure* ini merupakan antara penerbitan yang paling penting khususnya dalam mempromosikan destinasi dan produk-produk pelancongan di semua daerah di negeri ini. Bagi daerah Hulu Selangor, produk-produk pelancongan dari kawasan Batang Kali turut dimuatkan.

Selain itu, promosi bagi produk-produk pelancongan khususnya di Hulu Selangor turut meliputi penerbitan Coffe Table Book “Spectacular Selangor”, Selangor Breakaway, Directory of Selangor dan pelbagai bahan promosi lain. Malah, pihak TSSB dan MDHS telah banyak memainkan peranan penting dalam mempromosikan Hulu Selangor termasuk Batang Kali di dalam siri penyertaan program promosi dalam dan luar negara khususnya dalam rangka promosi program Selangor Shines yang bersifat berterusan.

Untuk makluman, melalui inisiatif pihak MDHS, mulai tahun 2012, pakej-pakej khas pelancongan bagi Hulu Selangor telah diwujudkan bagi memberi pilihan kepada para pelancong dan memperkenalkan Hulu Selangor sebagai antara destinasi percutian yang menarik. Usaha ini adalah sebahagian daripada rangka pelaksanaan Kempen Selangor Shines dan Daerah Fokus yang mensasarkan peningkatan keupayaan dan pembangunan pelancongan berterusan di Hulu Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: MEMARTABADKAN ISLAM

65. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah peningkatan atau langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat dalam Kemajuan Islam di Selangor?
- b) Berapa banyakkah telah dibelanjakan untuk program-program seperti ini

JAWAPAN:

- a)
 - i) Menyemarakkan program dakwah di pelbagai peringkat kumpulan sasaran yang terdiri dari :-
 - o Pelajar-pelajar Pra-Sekolah
 - o Pelajar-pelajar Sekolah Rendah
 - o Pelajar-pelajar Sekolah Menengah
 - o Mahasiswa/mahasiswi IPTA/IPTS
 - o Warga Belia
 - o Pelajar-pelajar di Sektor Industri
 - o Penjawat Awam dan kakitangan Badan Berkanun Negeri Selangor
 - o Warga Emas
 - ii) Program Dakwah yang dirancang memberi fokus khusus kepada program Tarbiyah, Pengupayaan Generasi Muda, Pembudayaan Ilmu dan meningkatkan jaringan dakwah seluas mungkin kepada kumpulan sasaran.
 - iii) Memperkasa fungsi Pertubuhan Badan Islam Bukan Kerajaan (NGO's) dalam mengerakkan aktiviti dakwah di Negeri Selangor
 - iv) Mempelbagaikan pendekatan dakwah agar tidak bersifat statik dan lebih digemari seperti pendekatan santai, dakwah Bil Hal serta penglibatan selebriti yang telah berhijrah agar program dakwah lebih interaktif.
 - v) Pelbagai program telah dilaksanakan kepada semua lapisan masyarakat dalam usaha meningkatkan kemajuan Islam di Selangor. Setiap program yang

dilaksanakan adalah mengikut kumpulan sasar yang ditetapkan iaitu penceramah/pemegang tauliah mengajar /berceramah di Selangor, orang awam,penjawat/kakitangan Kerajaan, golongan remaja dan kanak-kanak, orang-orang yang upaya dan sebagainya.

- vi) Memberi pengiktirafan kepada para huffaz di Negeri Selangor dengan memberi elaun melalui Program Isbat Hafazan
 - vii) Memperluaskan ilmu kepada masyarakat umum melalui Program Tazkirah Duha di Pasar Tani, Program Menyemarakkan Islam Selangor (PROMISE) dan Forum Perdana.
 - viii) Meningkatkan kemahiran Al-Quran di kalangan generasi muda dengan Program Tilawah Al-Quran dan Tahfiz Negeri Selangor
 - ix) Menyebarkan ilmu kepada masyarakat melalui penerbitan seperti buku, risalah, majalah, pamflet,poster dan penulisan di Laman Web JAIS
- b)

1) Perbelanjaan mengurus Tahunan JAIS 2012 Bahagian Dakwah berjumlah

RM 1,414,700.00

2) Peruntukan Lembaga Zakat Selangor berjumlah **RM 4,328,700.00**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK: MIMBAR

66. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sehingga Disember 2012 berapa ramai rakyat negeri Selangor layak dan menerima Skim Mikro Kredit Bandar (Mimbar) semenjak diperkenalkan ?
- b) Berapa peratuskah kadar bayaran balik yang telah diterima dari peminjam-peminjam ?
- c) Berapa ramai golongan muda (bawah 40 tahun) dan wanita yang telah menerima pinjaman Mimbar, sila jelaskan dari segi jumlah dan peratus ?

JAWAPAN:

- a) MiMBAR Selangor meletakkan syarat kelayakan pemohon mestilah warga negeri Selangor atau telah bermastautin di negeri Selangor melebihi tempoh masa 10 tahun. Justeru, sehingga Disember 2011, rakyat negeri Selangor yang lahir di negeri Selangor dengan nombor kad pengenalan 10 atau 43 di tengahnya yang merujuk kepada kod kelahiran negeri Selangor yang telah berjaya menerima pinjaman MiMBAR Selangor adalah seramai 1,636 orang. Walau bagaimanapun, sehingga Februari 2012, jumlah penerima rakyat Selangor meningkat kepada 1,803 orang.
- b) Seperti sedia maklum, masyarakat bandar berbeza dengan masyarakat luar bandar. Masyarakat bandar memiliki kepakaran dalam memberi pelbagai helah dan alasan semasa proses kutipan dijalankan. Sebelum pinjaman diberikan, ayat-ayat manis ditaburkan bagi mengaburi penilaian pihak MiMBAR Selangor dalam meluluskan permohonan golongan ini. Ini terjadi di awal penubuhan MiMBAR Selangor di mana ramai peserta diluluskan bagi mengejar kuantiti tetapi kurang berkualiti. Dari masa ke semasa MiMBAR Selangor semakin matang dan dapat menilai seseorang itu dan cuba untuk mengurangkan memberi kelulusan kepada pemohon yang tidak layak. MiMBAR Selangor mengakui bahawa untuk membuat penilaian ini ianya agak susah tetapi pihak MiMBAR Selangor belajar dari pengalaman dan juga menghadiri Latihan bagi memantapkan teknik-teknik penilaian ini. Rata-rata institusi Mikrokredit lain seperti AIM dan TEKUN juga menghadapi masalah yang sama dalam proses kutipan bayaran balik pinjaman di kawasan bandar. NPL yang direkodkan bagi institusi Mikrokredit kawasan Bandar adalah dalam lingkungan 30% - 50%. Peratusan bayaran balik pinjaman MiMBAR Selangor yang berjaya dikutip adalah sebanyak 71% jadi NPL MiMBAR Selangor adalah sebanyak 29%. Bagi masyarakat miskin bandar, trend pembayaran balik pinjaman ini boleh dikategorikan kepada 4 kategori iaitu:

i. Golongan cemerlang

Golongan ini adalah peserta yang sangat cemerlang bayaran balik pinjamannya yang mana tidak perlu diingatkan kepada mereka tentang bayaran balik, mereka memang sudah menyediakan duit di dalam akaun mereka untuk proses SI.

ii. Golongan yang 'manja'

Golongan ini adalah peserta yang perlu diingatkan mengenai bayaran balik pinjaman, pegawai perlu pergi berjumpa mereka untuk membuat kutipan. Rata-rata peserta MiMBAR Selangor sibuk menguruskan perniagaan mereka sehingga kadang-kadang tiada masa untuk pergi ke bank. Ada juga peserta yang memang 'manja' mahukan pegawai MiMBAR Selangor yang membuat kutipan disebabkan beberapa masalah yang mereka hadapi.

iii. Golongan yang 'Liat'

Mereka ini adalah golongan yang perlu diingatkan berkali-kali dan perlu dikunjungi berkali-kali juga untuk mendapatkan bayaran. Jika tidak mereka akan memdiamkan diri dan berpura-pura lupa untuk membuat bayaran. Sesetengah mereka ini sangat tegar tidak mahu membayar kerana bagi mereka ini adalah duit Kerajaan yang diberi kepada rakyat tanpa perlu bayar balik. Ada juga peserta yang salah faham mengenai pinjaman ini kerana mereka memaklumkan bahawa ada sesetengah Yang Berhormat telah menyatakan menyatakan bahawa duit ini adalah ehsan Kerajaan Negeri Selangor.

iv. Golongan yang bermasalah

Segelintir dari peserta MiMBAR Selangor yang termasuk dalam kategori ini, yakni mereka yang tidak dapat dikesan selepas pinjaman diberikan. Ada yang berpindah dan menukar nombor telefon.

- c) Syarat penerima permohonan mestilah berumur dari 21 tahun hingga 60 tahun. Sehingga Februari 2012 seramai 946 (39.79%) orang penerima terdiri dari golongan yang berumur kurang dari 40 tahun manakala yang selebihnya berumur 40 tahun ke atas. Seramai 804 (33.82%) orang dari jumlah keseluruhan penerima pula adalah terdiri daripada golongan wanita.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK : PEMBAIKAN JALAN-JALAN KAMPUNG

67. Bertanya kepada YAB Dato 'Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukkan pembaikan jalan-jalan kampung yang disediakan di setiap Daerah di Negeri Selangor.
- b) Bagaimanakah pelaksanaan kerja-kerja tersebut di jalankan secara undian atau sebut harga.

JAWAPAN :

- a) Lazimnya, Kerajaan Negeri tidak menyediakan sejumlah peruntukan khusus bagi tujuan penyediaan serta penyelenggaraan kemudahan asas kepada setiap daerah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan secara menyeluruh kepada semua sembilan (9) daerah di Negeri Selangor berdasarkan keperluan dan juga tahap kritikal sesuatu kawasan.

Sejak tahun 2008 hingga 2011, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan bagi tujuan membaik pulih/membina baru/menaiktaraf kemudahan infra di kawasan luar bandar berjumlah **RM 41,516,286.55 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Satu Juta Lima Ratus Enam Belas Ribu Dua Ratus Lapan Puluh Enam dan Sen Lima Puluh Lima Sahaja)**. Pelaksanaan projek-projek tersebut berdasarkan permohonan yang telah dikemukakan sama ada daripada Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), aduan penduduk serta pemantauan yang dibuat sendiri oleh Pejabat Daerah dan ianya dirujuk kepada Ahli Dewan Negeri di kawasan berkaitan. Pemilihan projek-projek tersebut adalah berdasarkan keperluan dan tahap kritikal sesuatu kawasan.

Daripada peruntukan ini, sejumlah **RM13,503,196.52 (Ringgit Malaysia: Tiga Belas Juta Lima Ratus Tiga Ribu Satu Ratus Sembilan Puluh Enam dan Sen Lima Puluh Dua Sahaja)** telah dibelanjakan bagi tujuan pelaksanaan 690 buah projek pembinaan/pembaikan jalan-jalan kampung di seluruh daerah di Negeri Selangor. Agihan peruntukan pembaikan jalan-jalan kampung mengikut daerah di Negeri Selangor bagi tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

b) Pelaksanaan kerja-kerja pembaikan jalan bagi daerah di Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2011 dijalankan berdasarkan **Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009** dan **Arahan Perbendaharaan (AP)** (Perenggan 180.2) mengikut kos-kos yang telah ditetapkan seperti berikut:

a) Nilai kerja di bawah RM20,000.00:

Pelantikan boleh dibuat secara **lantikan terus** oleh Pegawai Daerah selaku Pegawai Pengawal dikalangan kontraktor tempatan Kelas F yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) .

b) Nilai kerja melebihi RM20,000.00 hingga RM200,000.00:

Pelantikan dibuat secara **sebut harga** di kalangan **sekurang-kurangnya lima (5)** kontraktor Kelas F yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Walaupun pelantikan secara terus dibolehkan bagi kerja-kerja tidak melebihi RM20,000.00, kaedah sebut harga tetap diberikan keutamaan bagi menjamin kualiti kerja serta harga yang kompetitif berdasarkan prinsip *value for money*.

LAMPIRAN A

**SENARAI PROJEK-PROJEK KECIL BAGI DAERAH-DAERAH DI NEGERI SELANGOR
TAHUN 2008 - 2011**

(PENYELENGGARAAN JALAN KAMPUNG)

BIL.	DAERAH	2008		2009		2010		2011		JUMLAH KESELURUHAN	
		BIL. PROJEK	KOS (RM)	BIL. PROJEK	KOS (RM)	BIL. PROJEK	KOS (RM)	BIL. PROJEK	KOS (RM)	BIL. PROJEK	KOS (RM)
1	PETALING	9	170,000.00	12	375,000.00	18	408,710.00	21	709,000.00	60	1,662,710.00
2	KLANG	21	204,000.00	17	338,000.00	45	743,644.50	38	627,849.00	121	1,913,493.50
3	GOMBAK	11	171,000.00	5	130,000.00	45	801,000.00	11	310,000.00	72	1,412,000.00
4	HULU LANGAT	10	107,000.00	7	230,353.50	17	343,056.00	13	288,989.27	47	969,398.77
5	SEPANG	2	123,500.00	8	160,000.00	21	411,500.00	22	427,300.00	53	1,122,300.00
6	KUALA LANGAT	26	260,000.00	5	100,000.00	28	510,000.00	23	395,000.00	82	1,265,000.00
7	KUALA SELANGOR	8	152,000.00	6	210,000.00	21	451,189.70	32	706,353.55	67	1,519,543.25
8	HULU SELANGOR	21	230,000.00	2	40,000.00	25	500,000.00	16	424,000.00	64	1,194,000.00
9	SABAK BERNAM	13	249,980.00	10	258,680.00	50	971,556.00	51	964,535.00	124	2,444,751.00
JUMLAH		121	1,667,480.00	72	1,842,033.50	270	5,140,656.20	227	4,853,026.82	690	13,503,196.52

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : BEKALAN AIR DI SELANGOR PADA TAHUN 2016

68. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Terdapat pihak yang menyatakan bahawa Selangor akan menghadapi krisis air pada tahun 2014. Kini dikatakan ianya akan berlaku pada tahun 2016, adakah tuduhan ini benar dan mengapa?
- b) Apakah paras air semua empangan di Selangor pada masa sekarang?
- c) Apakah kadar Non Revenue Water (NRW) di Selangor dan adakah ia berada di tahap yang tidak memuaskan? Jika ya, apakah sebab-sebab kepada kadar NRW yang tinggi ini?

JAWAPAN :

- a) Beberapa kajian sebelum ini telah dijalankan bagi mengenal pasti kapasiti pengeluaran dan permintaan air di Selangor antaranya :-
 - i. Distribution Study and Strategic Planning for Water Supply in Selangor and Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1998 disediakan oleh Tetuan SMHB Sdn Bhd (dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor)
 - ii. National Resources Study 2000
 - iii. SMHB Study 2000
 - iv. ACS Study (daripada KTAK)

Dari data-data yang telah di analisa, *economic growth* merupakan salah satu faktor yang diambil kira di dalam membuat pengiraan tersebut.

Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya mempunyai penduduk dianggarkan sejumlah 7.5 juta orang menggunakan bekalan air sebanyak 3,904 JLH di mana sebanyak 61% adalah penggunaan domestik dan bakinya 39% adalah penggunaan komersial, industri dan pelancongan. Kapasiti maksimum pengeluaran dari 33 loji rawatan air adalah sebanyak 4,326 JLH.

Taburan hujan tahunan Negeri Selangor berdasarkan Kajian Semula Sumber Air Negara (2000–2050) terkini adalah sebanyak 2,190mm. Setelah diambil kira

jumlah penyejatan dan susupan semula air bumi, jumlah air larian permukaan adalah 6.38 billion meter padu setahun bersamaan 17,000 juta liter sehari (JLH).

Keperluan air di Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya bagi bekalan air awam adalah 4,037 JLH, pengairan padi adalah 1,973 JLH, pertanian adalah 99 JLH dan penternakan adalah 23 JLH maka berjumlah 6,132 juta liter sehari. 10% bagi keperluan '*environmental flow*' iaitu 1,700 juta liter sehari. Jumlah keseluruhan keperluan air adalah 7,832 juta liter air sehari.

Ini bermakna Negeri Selangor masih lagi mempunyai 9,168 juta liter sehari air larian permukaan yang masih belum dimanfaatkan, ini termasuklah air di dalam kolam tadahan banjir dan bekas lombong yang mana sebahagiannya terus mengalir ke laut. Manakala bagi sumber air bumi masih belum dimanfaatkan sepenuhnya.

Unjuran purata permintaan bekalan air dikira berdasarkan kepada pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi serta industri dengan mengambil kira zon penampakan sebanyak 10% dalam unjuran permintaan dan pengeluaran bekalan air bersih. Purata permintaan bekalan air semasa adalah sebanyak 4,113 JLH, manakala purata penggunaan sebenar mengikut rekod SYABAS adalah seperti berikut:

TAHUN	PURATA (JLH)
2005	2,296
2006	2,392
2007	2,489
2008	2,575
2009	2,650
2010	2,747
2011	2,808

Unjuran yang dibuat oleh SYABAS mengambil kira faktor pertumbuhan permintaan pada kadar 6.0% dan *buffer* sebanyak 10% setahun. Manakala pertumbuhan permintaan sebenar adalah pada kadar 1.5% - 2% setahun. Kadar pertumbuhan penggunaan air melalui pembilan adalah sebanyak 4% setahun.

Untuk tempoh 20 tahun akan datang, dijangkakan akan berlaku pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi. Pertambahan penduduk serta pertumbuhan ekonomi yang rancak secara langsung akan mendorong kepada permintaan air bersih yang lebih tinggi manakala pembekalan air tidak berubah.

Berdasarkan maklumat rasmi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), penggunaan per kapita nasional untuk penggunaan domestik bagi Semenanjung Malaysia bagi tahun 2007 dan 2008 adalah **226 liter/orang/hari**.

Kadar penggunaan per kapita nasional sebanyak 226 liter/orang/hari ini adalah jauh lebih tinggi dari Singapura sebanyak 170 liter/orang/hari, dan usaha-usaha boleh dijalankan bagi mengurangkannya.

Beberapa projek sumber air tambahan telah pun dilaksanakan bagi memastikan sumber bekalan air adalah mencukupi, antaranya adalah seperti berikut:-

i) Loji Rawatan Air Sg Labu / KLIA Alternative Water Supply Scheme

Projek ini dikendalikan oleh Pengurusan Aset Air Berhad. Kapasiti nominal Loji Rawatan Air adalah **105 Jlh**.

ii) Membaikpulih Kapasiti Loji Rawatan Air Sg Selangor Fasa 1 (SSP1)

Kerja-kerja membaikpulih kapasiti pengeluaran Loji Rawatan Air Sg Selangor Fasa 1 (SSP1) dapat meningkatkan pengeluaran dari Loji SSP1 dari 760 Jlh sediaada kepada 950 Jlh, iaitu peningkatan sebanyak **190 Jlh**.

Pada ketika ini, semua data berkenaan dengan permintaan dan pembekalan air adalah dipegang oleh SYABAS. Dari data yang telah di analisa, didapati unjuran yang dibuat oleh SYABAS adalah agak tinggi. Rawatan air pula dikendalikan oleh operator yang berlainan. Namun demikian, sekiranya berlaku krisis bekalan air, dalam apa keadaan sekalipun, Kerajaan Negeri Selangor akan dipersalahkan.

Oleh itu, salah satu tujuan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor adalah untuk memastikan industri perkhidmatan air di Selangor dikendalikan secara holistik oleh satu operator bermula dari proses rawatan proses hinggalah pengagihan kepada pengguna. Model Holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak membebankan rakyat keseluruhannya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

- b) Terdapat tujuh (7) empangan utama di Negeri Selangor yang berfungsi untuk menakung air semasa musim hujan supaya ia boleh digunakan untuk bekalan air semasa musim kemarau. Berdasarkan pemantauan pihak LUAS terhadap paras air di tujuh (7) empangan di Negeri Selangor adalah dalam keadaan yang baik di mana kesemua empangan mempunyai kapasiti simpanan maksimum 100% dan paras air empangan adalah melebihi paras air tertinggi (*Top Water Level*) pada awal tahun 2012 sehingga 29 Februari 2012. Dalam hubungan ini, kesemua

empangan berupaya membekalkan sumber air yang mencukupi kepada semua loji-loji pembersihan air di Negeri Selangor.

Air empangan adalah untuk menambah keupayaan air sungai untuk bekalan air. Daripada 33 buah loji pembersihan air, hanya 4 loji sahaja yang mengabstrak sumber air terus dari empangan dan 29 loji lagi dari sungai.

Maklumat tambahan

Kedudukan paras air empangan dan peratus kapasiti takungan air empangan sehingga 29 Februari 2012 adalah seperti berikut:

EMPANGAN	PARAS AIR MAKSIMUM (TWL, m)	KAPASITI TAKUNGAN (juta m ³)	PARAS AIR EMPANGAN (m ODL)	PERATUS KAPASITI TAKUNGAN (%)
			29 FEB 2012	29 FEB 2012
SUNGAI SELANGOR	220	235	220.15	100
SUNGAI TINGGI	59.5	114.50	59.65	100
KLANG GATES	95.22	32.0	96.23	100
BATU	102.7	30.5	102.73	100
TASIK SUBANG	38.58	3.53	38.71	100
SUNGAI LANGAT	220.96	37.5	221.0	100
SEMENYIH	111	61.735	111.1	100

- i) Berdasarkan maklumat Jabatan Meteorologi Malaysia, peralihan Monsun Timur Laut membawa cuaca lembap dan peningkatan hujan pada bulan Oktober hingga Mac 2012. Hujan pada paras purata di Negeri Selangor dijangka dari November hingga Mac 2012, dengan jumlah hujan bulanan di antara 150 – 250 mm pada Jan 2012, 140 – 160 mm pada Feb 2012 dan 200 -350 pada Mac 2012.
- ii) Pemantauan yang rapi akan terus dilaksanakan terutama melibatkan punca pencemaran dan pelepasan air empangan mengikut keperluan sahaja. Berdasarkan jangkaan Jabatan Metrologi Malaysia bahawa tahun

2012 berkemungkinan akan lebih kering berikutan peralihan fenomena antara La-Nina dan El-Nino.

- c) Semasa Perjanjian Konsesi SYABAS ditandatangani pada 15 Disember 2004, kadar Non Revenue Water (NRW) di Selangor yang dijadikan rujukan asas (*Base Reference NRW Level*) adalah pada 42.78%. Diperuntukkan di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS bahawa SYABAS bertanggung jawab untuk menurunkan kadar NRW sehingga 15% pada tahun 2018 dan mengekalkannya sehingga tamat Perjanjian Konsesi. Setakat akhir tahun 2011, kadar NRW sebenar yang dicapai oleh SYABAS adalah sebanyak 32.40%. Kadar penurunan NRW sebenar yang dicapai oleh SYABAS adalah lebih tinggi dari kadar yang disasarkan di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS.

Kadar NRW Sebenar yang dicapai oleh SYABAS	Kadar NRW yang disasarkan di bawah Perjanjian Konsesi
32.40%	27.98%

Di dalam melaksanakan kerja-kerja penurunan kadar NRW, SYABAS memberi penekanan terhadap projek infrastruktur seperti kerja-kerja pengantian paip-paip air dan penukaran meter. Kerja-kerja ini merupakan kerja yang diperuntukkan di dalam Perbelanjaan Modal (Capital Expenditure). Sebarang perbelanjaan ke atas CAPEX oleh SYABAS akan diambil kira di dalam permohonan pelarasan kadar tarif SYABAS. Kerajaan Negeri Selangor di dalam melaksanakan program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) tidak menggalakkan kepada sebarang kenaikan kadar tarif oleh SYABAS. Oleh itu, bagi mengelakkan sebarang kenaikan tarif, semua kerja CAPEX oleh SYABAS dibekukan sehingga penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor dimuktamadkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK: KUIL KOTA WARISAN

69. Pada 22hb Februari 2012 berlaku pencerobohan Kuil Maha Karumariamman Kota Warisan oleh pemaju Gema Padu Sdn. Bhd. yang telah menyebabkan ketegangan di tempat kejadian. Kerajaan negeri pernah menyatakan bahawa tidak akan ada lagi kejadian merobohkan kuil atau rumah-rumah ibadat.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap pemaju yang telah menceroboh kuil tersebut tanpa notis?
- b) Apakah ganti rugi yang kerajaan negeri beri untuk membaik pulih dan jaminan kerajaan yang kuil tersebut tidak di ceroboh lagi?
- c) Adakah cadangan tapak kekal yang baru dan digazet jika tapak yang sedia ada tidak sesuai?

JAWAPAN:

- a) Pembangunan kuil tersebut terletak di sebahagian tanah milik yang didaftarkan di bawah Syarikat Gema Padu Sdn. Bhd. yang mana syarat nyata adalah untuk kediaman. Semua tanah hakmilik adalah tertakhluk di bawah tanggungjawab pemilik tanah.
- b) Satu Mesyuarat Khas telah diadakan pada 23hb Februari 2012 bersama Pemunya Kuil, PTD Sepang, Ahli Majlis, MPSepang dan Pemaju (Gema Padu Sdn. Bhd.) bagi menangani dan membincangkan isu tersebut. Mesyuarat telah membuat ketetapan agar pihak pemaju iaitu Gema Padu Sdn. Bhd berunding dengan pemunya kuil untuk menyelesaikan isu-isu berkenaan ganti rugi, pampasan dan lain-lain isu berkaitan
- c) Melalui satu lawatan tapak bersama Pemunya Kuil, PTD Sepang, Ahli Majlis, MPSepang dan Pemaju (Gema Padu Sdn. Bhd.) pada 29 Februari 2012, pihak pemaju telah mengemukakan 2 tapak cadangan baru bagi memindahkan kuil sedia ada. Cadangan tapak tersebut masih dalam perundingan kedua-dua pihak di antara pihak pemaju dan pemunya/pertubuhan kuil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENGURUSAN HUTAN PAYA LAUT

70. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 muka surat 59 –62.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mencegah kecurian kayu bakau?
- b) Apakah tindakan yang diambil terhadap kejadian kecurian kayu bakau meningkat dengan ketara selepas bulan Julai 2010 apabila Pulau Ketam diwartakan sebagai HSK?
- c) Berapakah kehilangan hasil royalti dan ses yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri akibat kecurian kayu bakau serta kemusnahan HPL (Hutan Paya Laut)?

JAWAPAN :

- a) Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah melaksanakan beberapa langkah pencegahan kecurian kayu bakau setelah lesen pengusahasilan kayu bakau ini ditamatkan pada 1 Julai 2010 seperti berikut:
 - i. Melaksanakan operasi bersepadu dengan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Gerakan Marin PDRM Selangor, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan melaksanakan rondaan secara bersama di kawasan hutan Simpan Paya Laut yang terletak dalam kawasan Pulau di Negeri Selangor.
 - ii. Melaksanakan pemantauan melalui udara 6 kali setahun bagi mengesan aktiviti kecurian kayu bakau.
 - iii. Membuat perolehan sebuah bot ronda baru untuk Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.
 - iv. Menempatkan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor di semua jeti pendaratan kayu bakau bagi memeriksa kemasukan kayu bakau Import Indonesia dan Kayu bakau Transit daripada Negeri lain.
 - v. Menambahkan kekerapan rondaan di 25 buah hutan simpan paya laut yang berkedudukan persisir pantai dan kawasan pulau.

- vi. Membuat hebahan media kes-kes tangkapan kecurian kayu bakau bagi meningkatkan kesedaran orang awam.
- vii. Melaksanakan kempen kesedaran tanaman bakau dan spesis-spesis terancam di persisir pantai dengan kerjasama korporat, NGO dan orang awam.

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) telah membuat penandaan sempadan Luar selepas ianya diwarta sebagai Hutan Simpanan Kekal. Selain itu JPNS telah memasang papan-papan tanda hutan simpan di sepanjang sempadan. Tindakan pemasangan papan tanda ini adalah sebagai satu daripada kaedah untuk memaklumkan kepada masyarakat setempat kewujudan hutan simpan. Sehingga 29 Februari 2012 tiada sebarang kecurian kayu bakau baru dikesan dalam kawasan Hutan Simpan Pulau Ketam selepas penangkapan seorang warganegara Malaysia yang menjadi ketua sendikit di Pulau Ketam pada tahun 5 Mei 2010. Operasi bersepadu yang dilaksanakan bersama Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Gerakan Marin PDRM Selangor dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) secara berterusan telah memberikan kesan positif dan berjaya mengawal aktiviti kecurian kayu bakau di Hutan Simpan Pulau Ketam..

- c) Kehilangan Hasil Royalti dan Ses yang ditanggung kerajaan Negeri akibat kecurian kayu bakau serta kemusnahan Hutan Paya Laut (HPL) dalam kes tangkapan yang direkodkan dalam tempoh 1 Januari 2008 sehingga 28 Februari 2012 ialah sebanyak 249,393 batang dengan kehilangan hasil Royalti dan ses yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM41,149.85

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : KOMPLEKS SUKAN PKNS

71. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dikatakan telah menjual tanah Kompleks Sukan PKNS, Kelana Jaya bagi memberi laluan projek komersil.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pertimbangan dibuat tidak mengambil kira sumbangan PKNS membangunkan aspek sosial dalam bidang sukan?
- b) Apakah bentuk pembangunan dicadangkan dan apakah manfaatnya kepada penduduk setempat?
- c) Syarikat manakah yang bakal memajukan hartanah tersebut?

JAWAPAN :

- a) Dalam setiap projek pembangunan yang dijalankan, PKNS sentiasa memastikan ia dapat memberi impak positif dari pembangunan tersebut dalam semua aspek. Dalam konteks pembangunan Kompleks Sukan. Selain dari pembangunan unit-unit kediaman dan komersial, PKNS telah memperuntukkan ruang yang besar bagi penyediaan kemudahan-kemudahan sukan dan rekreasi yang lebih baik dan moden, sesuai dengan cadangan nama pembangunan ini iaitu 'Datum Sports City'. Jika sebelum ini, kompleks sukan tersebut hanyalah untuk kegunaan kakitangan PKNS sahaja, dengan pembangunan kompleks baru ini, segala kemudahan sukan dan riadah yang disediakan dibuka untuk kegunaan orang awam
- b) Komponen pembangunan yang dicadangkan adalah seperti unit kediaman (apartmen perkhidmatan dan SOHO), ruang pejabat, ruang niaga, kemudahan tempat letak kereta, dan tidak dilupakan komponen sukan dan rekreasi seperti padang bola sepak, gelanggang futsal, gimnasium, dewan serbaguna dan lain-lain lagi.

Secara keseluruhannya, pembangunan ini bakal meningkatkan nilai hartanah kawasan sekitar di samping meningkatkan kualiti kemudahan sukan di kawasan terbabit.

- c) Pembangunan ini akan dilaksanakan secara usaha sama di antara PKNS Holdings dan syarikat Bayu Melati Sdn. Bhd. dengan 70% pulangan keuntungan diserahkan kepada PKNS manakala selebihnya kepada pihak Bayu Melati.

Untuk makluman, syarikat tersebut dipilih melalui Pelawaan Mengemukakan Cadangan Pembangunan (*Request For Proposal*) secara terbuka yang mana sejumlah 40 buah syarikat telah membeli dokumen tender tersebut. 17 buah syarikat telah mengemukakan dokumen *Request For Proposal (RFP)* pada tarikh tender ditutup. Proses penilaian dokumen tender dilaksana melalui Jawatankuasa Penilai yang dianggotai oleh anggota Profesional daripada PKNS dan perunding arkitek serta perunding kewangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN MASYARAKAT ORANG ASLI

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan Kerajaan dalam meningkatkan pencapaian pendidikan anak-anak Orang Asli?
- b) Apakah usaha Kerajaan dalam menjamin kesinambungan bahasa, warisan dan budaya Orang Asli?
- c) Bagaimanakah Kerajaan memastikan masyarakat Orang Asli dapat menyara hidup khasnya komuniti yang dipindahkan ke perbandaran seperti penempatan semula di Bukit Lanjan dan Kg Air Kuning, Shah Alam?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli tidak pernah mengabaikan kepentingan pendidikan masyarakat Orang Asli dengan menyediakan pelbagai kemudahan seperti berikut:
 - i. Pejabat Pelajaran Negeri menyediakan bantuan dari kumpulan wang amanah (KWAPM) kepada pelajar miskin Orang Asli.
 - ii. Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli menyediakan perkhidmatan pengangkutan semua pelajar-pelajar orang Asli dari tempat kediaman ke Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah.
 - iii. Bantuan wang saku kepada pelajar sekolah menengah dengan kadar bayaran sebanyak 2.00 seorang sehari.
 - iv. Pelajar-pelajar orang Asli yang Berjaya memasuki Pusat Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ditawarkan Biasiswa.
 - v. Pelajar-pelajar yang memperolehi keputusan yang cemerlang ditawarkan melanjutkan pelajaran ke luar Negara melalui tajaan dari MARA.

Pelajar-pelajar Orang Asli yang berjaya memperolehi keputusan yang cemerlang dari UPSR, PMR, SPM di raikan dan diberikan hadiah kecemerlangan serta ditawarkan memasuki Sekolah berasrama penuh seperti MRSM dan Sekolah Menengah Sains.

- b) Kerajaan persekutuan melalui RTM memperuntukkan saluran siaran Orang Asli melalui Asyik FM dalam mengembangkan bahasa dan budaya.
- c) Kerajaan persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli sentiasa membuat pemantauan dengan kerjasama yang baik dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan memastikan masyarakat Orang Asli dapat menyara hidup setelah komuniti itu dipindahkan. Diharap mereka dapat mengurus dana yang diperolehi dengan pemantauan dari Pejabat Kemajuan Orang Asli peringkat Daerah dengan kerjasama JKKK.

Masyarakat Orang Asli telah menerima faedah pampasan setiap keluarga Induk seperti berikut:

- i. sebuah Rumah Banglo;
- ii. Sebuah Rumah Teres;
- iii. Sebuah Rumah Pangsa setiap anak bujang 16 tahun ke atas;
- iv.
- v. Ganti rugi Pokok dan tanah usaha;
- vi. Pelaburan ASB sebanyak RM 45,000.00 setiap keluarga;
- vii. Sara hidup selama 3 tahun RM 500.00 sebulan;
- viii. Sebelum mereka dipindahkan Jabatan dan pemaju telah memberi kursus-kursus yang bersesuaian dengan kemahiran yang diperlukan;
- viii. Pihak pemaju juga member peluang pekerjaan kepada penduduk berpandukan kelayakan; dan
- Vx. Pada masa sekarang Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia sentiasa memberikan peluang pekerjaan terutamanya golongan muda meningkatkan kualiti hidup mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : ASET PKNS

73. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah memeterai jual beli bersyarat dengan Amanah Raya Real Estate Investment Trust (ARREIT) melibatkan tiga hartanah dan menerima manfaat wang tunai.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah status jual beli tersebut?
- b) Berapakah nilai wang tunai yang telah diperolehi?
- c) Apakah perancangan pengembangan perniagaan PKNS dengan wang yang diterima?

JAWAPAN:

- a) PKNS dan CIMB Trustee (Pemegang Amanah untuk Amanah Raya REIT) telah bersetuju untuk menamatkan Perjanjian Jual Beli untuk 3 aset milik PKNS dengan menandatangani Perjanjian *Deed of Mutual Termination* yang bertarikh 1 Disember 2011.

Perjanjian ditamatkan kerana kerja-kerja menaiktaraf ketiga-tiga bangunan untuk memenuhi kehendak Suruhanjaya Sekuriti telah tergendala akibat injuksi daripada peniaga.

- b)&c) Setakat ini tiada aliran wang tunai yang diterima oleh PKNS disebabkan jual beli bangunan tidak terlaksana.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: KERJA-KERJA PENURAPAN JALAN

74. Banyak keadaan jalan yang diturap mendapat komen yang negatif terhadap kerja-kerja yang tidak memuaskan seperti kualiti tar “crushserun” yang digunakan mahupun ketebalan.

Bertanya kepada YAB Dato’ Menteri Besar :

- a) Apakah rancangan Kerajaan bagi mengatasi masalah ini?
- b) Adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu pasukan khas bagi memantau kerja-kerja penurapan jalan supaya mengikut piawaian yang ditetapkan sebelum pembayaran dibuat?

JAWAPAN:

- a) Bagi mengatasi masalah ini, pihak Kerajaan Negeri akan memastikan jalan-jalan dibina mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan seperti di dalam kontrak kerja. Untuk jalan-jalan JKR, terdapat beberapa ujian yang perlu dijalankan dan telah dimasukkan di dalam kontrak kerja bagi memastikan spesifikasi dipenuhi. Ujian-ujian tersebut adalah seperti berikut:
 - i- ‘Coring test’ untuk menentukan ketebalan crusher- run dan premix.
 - ii- Ujian ‘Density’ untuk menentukan kepadatan lapisan-lapisan jalan.
 - iii- Marshall Test untuk menentukan kandungan bitumen.Semua ujian-ujian ini perlu dilaksanakan sebelum kerja-kerja disahkan untuk bayaran.
- b) Pasukan khas yang dicadangkan adalah tidak diperlukan buat masa ini. Apa yang diperlukan adalah kerja auditan ke atas kerja-kerja yang dijalankan bagi memastikan kerja-kerja yang telah dibuat adalah mengikut syarat-syarat dan spesifikasi yang telah ditetapkan di dalam kontrak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

75. Terdapat penduduk tempatan mengadu bahawa Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) memberitahu beliau bahawa MDHS “Tiada Peruntukan Yang Cukup” untuk memperbaiki kerosakan yang dilaporkan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato’ Menteri Besar:

- a) Berapakah Cukai Taksiran yang dikutip oleh MDHS pada tahun 2012?
- b) Mengapakah MDHS menghadapi masalah peruntukan yang cukup untuk memperbaiki kerosakan yang dilaporkan oleh penduduk?
- c) Bagaimanakah MDHS menggunakan Hasil Cukai Taksiran untuk menaik taraf infrastruktur dan menyelesaikan masalah penduduk tempatan?

JAWAPAN :

- a) Jadual di bawah menerangkan kutipan cukai taksiran untuk tiga tahun terakhir dibandingkan dengan sasaran kutipan mengikut bajet.

TAHUN	BAJET (RM)	KUTIPAN (RM)	CATATAN
2012	34,312,782.00	3,934,499.00	Sehingga Januari
2011	29,002,905.00	30,240,748.00	
2010	26,550,000.00	26,469,009.00	

- b) Pihak Majlis Daerah Hulu Selangor menghadapi masalah peruntukan yang tidak cukup untuk memperbaiki kerosakan yang dilaporkan adalah disebabkan kawasan perumahan di bawah seliaan pihak Majlis Daerah Hulu Selangor adalah kawasan perumahan lama dan kawasan kampung di mana terdapat banyak kerja-kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan perlu dijalankan. Kerosakan yang dilaporkan oleh penduduk adalah aduan yang berulang dan masalah lain adalah disebabkan pertambahan kenderaan serta masalah kenderaan berat yang melalui kawasan tersebut.

- c) Majlis Daerah Hulu Selangor sentiasa menambah peruntukan setiap tahun terhadap bajet “Penyelenggaraan dan Pembaikan” selaras dengan peningkatan kutipan cukai seperti jadual di bawah :-

TAHUN	BAJET (RM)
2012	22,950,630.00
2011	16,678,530.00
2010	14,768,900.00

Diharap peningkatan peruntukan sebanyak 38% terhadap bajet “Penyelenggaraan dan Pembaikan” pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 dapat menaik taraf infrastruktur dan menyelesaikan sebahagian besar masalah penduduk tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PERUMAHAN PPR GAGAL DISELENGGARA

76. Dun Kota Damansara mempunyai 12 blok PPR. YAB Dato MB dan Exco Perumahan telah menjanjikan pelbagai bantuan untuk keselesaan penduduk.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah jenis bantuan?
- b) Setakat mana pencapaiannya?
- c) Senaraikan jadual bagi menyempurnakan bantuan ini.

JAWAPAN :

- a) Susulan daripada lawatan YAB. Dato' Menteri Besar ke PPR Kota Damansara dan PPR Putra Damai, Lembah Subang pada 23 Oktober 2011, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberi bantuan kewangan bagi membiayai kerja-kerja pembaikan lif dan penggantian pam air yang rosak sejak sekian lama. Kos pembaikan keseluruhan kerja-kerja tersebut adalah berjumlah **RM3,194,750.00**. Butiran kos-kos pembaikan lif dan pam air adalah seperti berikut :-

- (i) Lif

BIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT	Kuantiti	KOS PEMBAIKAN (RM)
1	PPRT Kota Damansara	MS Elevators Engineering Sdn. Bhd.	12	973,393.00
2	PPR Putra Damai, Lembah Subang	EITA Elevator (Malaysia) Sdn. Bhd.	3	35,400.00
		SIGMA Elevator (M) Sdn. Bhd.	14	1,900,857.00
		Jumlah Keseluruhan	29	2,909,650.00

(ii) Pam air

BIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT	Kuantiti	KOS PEMBAIKAN/ GANTIAN (RM)
1	PPRT Kota Damansara	Kompas Emas Enterprise	8 (semua pam baru)	197,600.00
	PPR Putra Damai, Lembah Subang		16 (1 pam baru)	87,500.00
Jumlah Keseluruhan			37	285,100.00

- b) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengeluarkan surat tawaran kepada syarikat-syarikat yang dilantik untuk memulakan kerja-kerja pembaikan lif dan pam di PPR Taman Putra Damai (Lembah Subang 1) dan PPRT Kota Damansara. Butiran lantikan kontraktor bagi kerja-kerja pembaikan lif dan pam adalah seperti berikut :-

(i) Lif (tarikh surat 7/12/2011)

BIL	LOKASI	NAMA SYARIKAT	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	TEMPOH SIAP
1	PPRT Kota Damansara	MS Elevators Engineering Sdn. Bhd.	9/12/2011	8/3/2011	3 bulan
2	PPR Putra Damai. Lembah Subang	EITA Elevator (Malaysia) Sdn. Bhd.	9/12/2011	7/1/2011	30 hari
3	PPR Putra Damai, Lembah Subang	SIGMA Elevator (M) Sdn. Bhd.	9/12/2011	8/4/2011	4 bulan

(ii) Pam air (Tarikh surat 8/2/2012)

BIL	LOKASI	NAMA SYARIKAT	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	TEMPOH SIAP
1	PPRT Kota Damansara	Kompas Emas Enterprise	8/2/2012	8/3/2012	30 hari

c) Jadual dan status pelaksanaan bagi kerja-kerja pembaikan lif dan pam air bagi PPRT Kota Damansara dan PPR Taman Putra Damai, Lembah Subang adalah seperti berikut :-

(i) Lif

BIL	KAWASAN	BLOK	STATUS	CATITAN
1	PPR KOTA DAMANSARA	C	Kerja-kerja pembaikan hampir siap dijalankan.	<ul style="list-style-type: none"> - Lampu di dalam car lif tidak dapat dihidupkan lagi kerana pihak Majlis sedang membuat pemasangan neutral kabel yang telah dicuri dalam bilik riser di setiap tingkat yang terlibat. - Hall call panel dan up/down indicator akan sampai minggu depan dan akan terus dipasang.
		A,B,D	Kerja-kerja pemasangan Peralatan mechanical dan elektronik	-
2	PPRT PUTRA DAMAI, LEMBAH SUBANG	A,B,C	Kerja-kerja telah siap dijalankan.	<ul style="list-style-type: none"> - Pihak kontraktor memaklumkan hanya tinggal kerja-kerja membuat adjustment pintu dan peralatan mekanikal lain sebelum lif boleh dijalankan.
		D,E,F, G,H	Kerja-kerja menukar brake system dan mechanical part untuk Blok D dan E telah siap dijalankan. Sekarang ini pihak kontraktor sedang membuat kerja-kerja tersebut di blok F	<ul style="list-style-type: none"> - Controller dan COP panel sudah ditempah daripada kilang dan dijangka akan sampai dalam minggu kedua bulan Mac ini. - Selepas kerja-kerja penggantian brake sistem dan mekanikal dijalankan, pihak kontraktor akan membuat pemasangan dan

			dan seterusnya.	<p>penyambungan bagi peralatan elektrik dan elektronik terutama di motor room dan car lif sementara controller dan COP panel yang ditempah sampai.</p> <p>- Kerja-kerja wiring tidak dibuat serentak dikhuatiri hilang atau dicuri.</p>
--	--	--	-----------------	---

(ii) Pam air

BIL	KAWASAN	BLOK	STATUS	CATITAN
1	PPR KOTA DAMANSARA	A,B,C, D	Kontraktor sedang membuat Kerja-kerja Pemasangan pam baru jenis Regaline RGV 32 (20HP) dan penggantian wiring kabel termasuk peralatan berkaitan. Kerja-kerja pemasangan dijangka siap pada 6/3/2012.	-
2	PPRT PUTRA DAMAI, LEMBAH SUBANG	A,B,C, G,H	Kerja-kerja telah siap dijalankan	-
		D,E,F	Kerja-kerja telah siap dijalankan	<p>- Berlaku kecurian kabel wiring untuk automatik di blok F pada sistem pam pada 13/2/2012.</p> <p>- Pihak kontraktor telah menggantikan kembali selepas kejadian tersebut tetapi kejadian berulang lagi.</p>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : SKIM KREDIT MIKRO

77. Skim Mikro (SKIMSEL) dan juga Skim Kredit Mikro Miskin Bandar (MIMBAR Selangor) telah lama diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri.

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah perkembangan terkini skim-skim tersebut?
- b) Bagaimanakah prestasi bayaran balik mereka yang telah menerima bantuan dari skim-skim ini?
- c) Bagaimanakah skim MIMBAR Selangor dapat membantu rakyat miskin di kawasan Pelabuhan Klang?

JAWAPAN:

- a) MiMBAR Selangor kini merancang untuk menghasilkan pelbagai produk tambahan yang diletakkan di bawah Program Bantuan Niaga yang bermatlamat memberi bantuan peralatan, produk dan ruang dalam perniagaan. Justeru, MiMBAR Selangor telah menghasilkan dua (2) jenis kiosk iaitu kiosk burger dan kiosk ice blended. Walau bagaimanapun, perkembangan terkini MiMBAR Selangor akan mengeluarkan 7 lagi jenis kiosk iaitu kiosk ayam rangup, kiosk ais krim, kiosk kebab, kiosk char kuey teow, kiosk putu bambu, kiosk serbaguna, dan kiosk aneka sup yang memudahkan peniaga kecil untuk mobilisasi tempat perniagaan mereka. Selain daripada itu, MiMBAR Selangor juga akan menghasilkan produk kopi kolagen dan barangan kecantikan wanita yang mampu membantu peserta MiMBAR Selangor menjana lebih pendapatan dengan kaedah pemasaran yang mudah selain daripada pendapatan perniagaan sedia ada. Tujuan penghasilan produk ini adalah bukan sahaja untuk menambah produk jualan peniaga akan tetapi MiMBAR Selangor dapat memberikan kelebihan dari segi harga yang mana MiMBAR Selangor tidak mengaut sebarang keuntungan malahan membantu peniaga-peniaga kecil mendapatkan stok produk yang berkualiti tinggi dengan harga yang jauh lebih murah. Selain daripada itu, melalui kajian yang diperolehi selama 12 bulan beroperasi, MiMBAR Selangor mendapati dengan nilai pinjaman yang mikro tidak dapat membantu peniaga-peniaga membawa keluar perniagaannya ke satu tahap yang lebih tinggi dalam masa yang singkat. Walau bagaimanapun, sekiranya diberikan pinjaman dalam nilai yang makro juga akan membebankan peniaga kecil untuk menanggung pembayaran balik kepada MiMBAR Selangor. Justeru, MiMBAR Selangor mengambil langkah untuk mewujudkan pinjaman

secara berperingkat yang mana pemohon yang sudah menerima pinjaman peringkat pertama dibenarkan memohon peringkat seterusnya melalui konsep dan lingkungan nilai pinjaman tertentu. Akan tetapi kelebihan ini diberikan kepada penerima yang memiliki rekod yang disiplin termasuk dapat mengembangkan perniagaannya yang sedia ada.

b) Prestasi bayaran balik mereka yang telah menerima bantuan dari skim MiMBAR Selangor dapat dibahagikan kepada 4 kumpulan:-

i. Kumpulan pemotongan S.I

Mereka ini adalah golongan yang bertanggungjawab, berdisiplin dan mengetahui proses ‘Standing Instruction’ yang digunakan bersama bank. Kumpulan ini juga merupakan kumpulan yang sangat cemerlang dari segi pembayaran balik pinjaman. Pihak MiMBAR Selangor tidak perlu risau atau mengingatkan peserta dalam kumpulan ini mengenai bayaran balik, mereka akan sentiasa menyediakan wang yang secukupnya di dalam bank masing-masing untuk pemotongan pinjaman setiap bulan. Kumpulan ini adalah golongan peserta yang betul-betul ingin memajukan diri sendiri dengan menjaga sebaik mungkin peluang yang telah diberikan kepada mereka. Kumpulan ini adalah golongan yang mendengar dan menggunakan segala ilmu yang diberi semasa Kursus Pra Kelulusan untuk memajukan diri sendiri. Selain itu mereka juga ingin terus menggunakan kemudahan MiMBAR Selangor di masa hadapan untuk pinjaman kedua dan seterusnya untuk memajukan perniagaan mereka, oleh sebab faktor itu mereka menjaga rekod pembayaran dengan baik dan dengan ini juga menunjukkan perkembangan perniagaan mereka yang stabil.

ii. Kumpulan manja.

Kumpulan ini adalah mereka yang memerlukan perhatian dan peringatan dari pegawai MiMBAR Selangor untuk membuat pembayaran balik pinjaman. Kumpulan ini tidak begitu memahami proses ‘*standing Instruction*’ yang digunakan, mereka ini adalah mereka yang tidak memberi perhatian sepenuhnya semasa taklimat diberikan. Ada juga di antara mereka yang mempunyai sikap suka menanggungkan bayaran disebabkan sibuk dengan urusan perniagaan.

iii. Kumpulan Liat.

Kumpulan ini adalah mereka yang tidak mempunyai perasaan segan silu dan hanya mementingkan diri sendiri. Mereka tidak berfikir ke hadapan yang mana boleh menguntungkan diri mereka dan orang lain. Mereka perlu dipantau dan dikejar setiap masa dan memerlukan rundingan bagi membolehkan mereka membuat bayaran. Ini termasuk memanjangkan tempoh pinjaman dan mengurangkan bayaran ansuran bulanan.

iv. Kumpulan Masalah

Mereka di dalam kumpulan ini ada yang tidak berpuas hati dengan pinjaman yang diterima, atas alasan ini mereka berpakat tidak mahu membayar. Ada juga di antara mereka yang menukar nombor telefon dan berpindah rumah. Ini menyukarkan pihak MiMBAR Selangor untuk mengesan mereka. Selain itu ada juga di antara mereka yang tidak mahu membayar kerana ingin melihat kegagalan program ini di mana mereka mendapat maklumat dan hasutan dari pihak-pihak tertentu yang mahu menjatuhkan program ini. Tidak dinafikan juga ada segelintir dari kumpulan ini di mana mereka benar-benar susah dan menghadapi masalah seperti kesihatan dan sebagainya.

NPL yang direkodkan bagi institusi Mikrokredit kawasan Bandar adalah dalam lingkungan 30% - 50%. Peratusan bayaran balik pinjaman MiMBAR Selangor yang berjaya dikutip adalah sebanyak 71% jadi NPL MiMBAR Selangor adalah sebanyak 29%.

- c) MiMBAR Selangor berperanan dalam memberi tambahan modal kepada peniaga-peniaga kecil di bandar Selangor dalam bentuk pinjaman. Program yang berbentuk pinjaman tanpa faedah atau caj tambahan ini mampu membantu rakyat di bandar Selangor termasuk di Pelabuhan Klang terutama peniaga-peniaga kecil mengembangkan keupayaan perniagaannya secara berperingkat. Pelbagai kaedah promosi telah diadakan di DUN Pelabuhan Klang untuk menyampaikan informasi dan menyebarkan maklumat berkenaan dengan MiMBAR Selangor termasuk kempen penerangan MiMBAR Selangor dan pameran di program-program kerajaan negeri. MiMBAR Selangor juga telah menyampaikan taklimat kepada semua pegawai pusat khidmat DUN supaya mereka jelas dengan kewujudan dan matlamat MiMBAR Selangor. Selain daripada itu, MiMBAR Selangor juga mengambil langkah mendekati peniaga-peniaga kecil di sekitar DUN Pelabuhan Klang supaya mereka mendapat informasi ini dengan lebih tepat. Program ini secara tidak langsung dapat membantu rakyat di Pelabuhan Klang melepasi Paras Garis Kemiskinan di bandar dengan usaha mengembangkan dan memajukan perniagaannya. Walau bagaimanapun, jumlah pemohon dari DUN Pelabuhan Klang adalah seramai 374 orang dan 100 orang telah berjaya menerima pinjaman MiMBAR Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

78. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri melalui program Merakyatkan Ekonomi Selangor sejak tahun 2008 sehingga kini?
- b) Sila nyatakan secara terperinci jumlah yang telah dibelanjakan dan berapakah jumlah penerima faedah mengikut program masing-masing.
- c) Apakah rancangan program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor yang lain yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam masa yang terdekat?

JAWAPAN :

- a) Jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri melalui program Merakyatkan Ekonomi Selangor sejak tahun 2008 sehingga Januari 2012 adalah sebanyak **RM 512,552,337.99**
- b) Perincian perbelanjaan mengikut program masing-masing adalah seperti di **LAMPIRAN.**
- c) Kerajaan Negeri telah berjaya melaksanakan program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor Fasa 1 dan Fasa 2 bermula Tahun 2008 sehingga kini. Manakala bagi program MES Fasa 3 dan Fasa 4, Kerajaan Negeri sedang melaksanakan kajian berhubung pelaksanaan perkara tersebut dan pelaksanaan akan dibuat setelah kajian berkaitan selesai.

LAMPIRAN

PERBELANJAAN PROGRAM MES BAGI TAHUN 2009 HINGGA JANUARI 2012

Bil	PROGRAM	Berakhir Disember 2009	Berakhir Disember 2010	Berakhir Disember 2011	2012 (sehingga Januari 2012)
		Belanja (RM)	Belanja (RM)	Belanja (RM)	Belanja (RM)
1	Bekalan Air Percuma bagi 20m ³	131,468,341.10	136,217,650.50	140,738,975.91	11,950,538.92
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	5,667,038.00	7,699,000.00	7,167,000.00	481,000.00
3	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	1,029,700.00	1,179,700.00	715,500.00	132,500.00
4	Skim Mesra Usia Emas	20,423,921.06	22,873,488.50	20,198,648.00	1,308,500.00
5	Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)	458,600.00	0	-	-
6	Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang	1,358,607.00	555,508.00	928,121.00	-
Jumlah		160,406,207.16	168,525,347.00	169,748,244.91	13,872,538.92
Jumlah Keseluruhan Belanja		512,552,337.99			

* Dibayar oleh KDEB kepada SYABAS mulai Jun 2008 sehingga Febuari 2010

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : GEJALA MURTAD DI NEGERI SELANGOR

79. Mengenai gejala murtad di Negeri Selangor. Mengikut kenyataan akhbar YAB pada 22 Februari 2012 bahawa YAB ragu tentang wujudnya gerak kerja mengkristiankan orang-orang Melayu/Islam di negeri ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Minta YAB Menteri Besar menjelaskan pandangan dan pendapat serta posisi yang di ambil berhubung dengan isu murtad di Negeri Selangor?
- b) Menjelaskan mengapa dalam kes DUMC YAB Menteri Besar terus membuat kenyataan memohon maaf kepada pihak gereja / Harapan Komuniti tanpa merujuk terlebih dahulu kepada mantan EXCO, MAIS dan JAIS?
- c) Apa pendapat YAB sendiri tentang terdapatnya anggota pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor yang cuba melindungi aktiviti mengkristiankan orang-orang Melayu/Islam di negeri ini?

JAWAPAN :

- a) Dijawab oleh JAIS
- b) Dijawab oleh Pejabat Menteri Besar
- c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 1 Mac 2012 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT

80. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:
- a) Senaraikan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Jawatankuasa Bandar Selamat mengikut pecahan PBT bagi tahun 2010-2012.
 - b) Apakah program-program yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Bandar Selamat bagi meningkatkan tahap keselamatan bandar dan mengurangkan kadar jenayah?

JAWAPAN:

- a) Program Bandar Selamat merupakan program di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Walau bagaimanapun, memandangkan NKRA inisiatif mengurangkan jenayah melibatkan pihak Polis, Kementerian Dalam Negeri (KDN) turut terlibat di bawah program ini dari segi penyediaan peruntukan kewangan.

Mulai tahun 2010, KDN telah menyalurkan peruntukan bagi menjayakan pelaksanaan Program Bandar Selamat di PBT. Jumlah ini melibatkan **RM13,192,055** pada tahun 2010, **RM12,350,000** pada tahun 2011 dan **RM18,050,000** pada tahun 2012. Walau bagaimanapun peruntukan kewangan bagi tahun 2010 hanya melibatkan **6 PBT 'hotspot'** yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi iaitu di kawasan **MB Shah Alam, MB Petaling Jaya, MP Klang, MP Ampang Jaya, MP Selayang dan MP Subang Jaya**. Peruntukan Kewangan Bagi Pelaksanaan Program Bandar Selamat bagi tahun 2011 dan 2012 adalah melibatkan semua PBT seperti di Lampiran 1.

- b) Semua PBT dipohon supaya memberikan komitmen yang tinggi bagi mengurangkan kadar jenayah di kawasan masing-masing dengan **melaksanakan 15 Langkah Program Bandar Selamat** yang melibatkan 3 strategi secara berfasa iaitu;

Strategi 1: Merekabentuk Persekitaran Fizikal

- 1. Pengasingan Laluan Pejalan Kaki dari Laluan Bermotor:
 - a. Penyediaan laluan pejalan kaki
 - b. Penyediaan bollard
 - c. Penyediaan rel penghadang
 - d. Penyediaan landskap sebagai pemisah
 - e. Pengasingan laluan bermotor

2. Pelaksanaan 'Crime Prevention Through Environmental Design' (CPTED)
3. Penyediaan Peta GIS Jenayah

Strategi 2: Memperkasakan Kawasan Sasaran

1. Peruntukan Ruang Bagi Police Post /Mobile Station
2. Penyediaan Cermin Keselamatan
3. Penyediaan Papan Tanda Pencegahan Jenayah
4. Penyediaan Safety Alarms (Panic Button)
5. Penyediaan Tempat Letak Motosikal Berkunci
6. Pemasangan CCTV Di Kawasan Perniagaan, Perumahan Dan Tempat Awam
7. Pencahayaan Di Tepi, Hadapan Dan Belakang Rumah/Bangunan Dan Di Kaki Lima Premis Perniagaan, Kawasan Tumpuan Awam, Kawasan Perumahan
8. Laluan Awam Tidak Terlindung Dari Pandangan
9. Tidak Membenarkan Perniagaan dan Meletak Kenderaan di Laluan Pejalan Kaki
10. Membersihkan / Mengemaskan Kawasan-kawasan Semak dan Terlindung
11. Menjana Aktiviti Perniagaan Di Kawasan Terdedah Dengan Jenayah

Strategi 3: Pengurusan, Penyertaan komuniti dan Kesedaran Awam

13. Pendidikan, Kesedaran Awam Dan Publisiti Untuk Program Bandar Selamat
14. Meningkatkan Rondaan Kawasan Perumahan Melalui Rukun Tetangga Dan Pengawal Keselamatan Swasta
15. Menjadikan Program Bandar Selamat Sebagai Agenda Tetap Di Dalam Mesyuarat Penuh PBT

Lampiran 1

JADUAL PERUNTUKAN KEWANGAN BAGI PELAKSANAAN PROGRAM BANDAR SELAMAT BAGI TAHUN 2010-2012

Pihak Berkuasa Tempatan	2010	2011	2012
1. MB Shah Alam	2,199,900	1,000,000	2,100,000
2. MB Petaling Jaya	2,191,180	1,500,000	2,100,000
3. MP Klang	2,200,000	1,500,000	2,100,000
4. MP Ampang Jaya	2,200,000	1,500,000	2,100,000
5. MP Kajang	-	1,500,000	2,100,000
6. MP Selayang	2,200,975	1,500,000	2,100,000
7. MP Subang Jaya	2,200,000	1,500,000	2,100,000
8. MP Sepang	-	500,000	800,000
9. MD Kuala Langat	-	500,000	800,000
10. MD Kuala Selangor	-	500,000	700,000
11. MD Hulu Selangor	-	500,000	650,000
12. MD Sabak Bernam	-	350,000	400,000
Jumlah keseluruhan	13,192,055	12,350,000	18,050,000

Sumber: Unit Khas NKRA Bandar Selamat, JPBD SM

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: KOS PENYELENGGARAAN KERETA RASMI AHLI MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI SELANGOR.**

81. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah jumlah perbelanjaan untuk tujuan di atas?
 - b) Sila memberikan kos penyelenggaraan mengikut tahunan.

JAWAPAN:

- a) Jumlah perbelanjaan bagi tujuan di atas adalah sebanyak RM522,275.12.
- b) Kos penyelenggaraan mengikut tahunan adalah seperti berikut:

TAHUN	KOS PENYELENGGARAAN (RM)
2009	103,372.29
2010	121,715.05
2011	288,643.88
Februari 2012	8,543.90

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: PENYEDIAAN PERKHIDMATAN WIFI

82. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status penyediaan perkhidmatan (WIFI) di Negeri Selangor dan adakah perkhidmatan ini akan turut meliputi kawasan luar bandar ?

JAWAPAN:

- a) Status penyediaan perkhidmatan WiFi di Negeri Selangor adalah seperti berikut :
- Projek *Selangor Public Integrated Services (SPINS)* telah dan sedang dilaksanakan dan sasarannya adalah untuk memberikan perkhidmatan Wifi percuma di 2000 lokasi di Negeri Selangor. Projek ini telah dilancarkan dan beroperasi di dua (2) lokasi iaitu di Dataran Anak Muda Taman Medan dan Dewan Serbaguna Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
 - Projek *Hybrid Wireless Infrastructure Network (HyWIN)* juga akan bekerjasama dengan syarikat Telekom Malaysia Berhad untuk menyedia dan memberikan perkhidmatan Wifi berbayar kepada pelanggan di lebih 340 lokasi di Negeri Selangor.
 - Kerajaan Negeri juga sedang merancang untuk menyediakan lebih kurang 120 lokasi WiFi percuma mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mana ianya akan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan negeri.

Kesemua unjuran lokasi yang dinyatakan di atas adalah meliputi kawasan luar Bandar yang mana kriteria utamanya adalah tempat tumpuan umum untuk memberikan impak positif penawaran perkhidmatan WiFi tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : JALAN ROSAK

83. Terdapat banyak aduan dalam media massa berkaitan jalan yang tidak diselenggara dengan baik oleh PBT.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status sebenar berkaitan penyelenggaraan semasa jalan di semua PBT di Selangor?
- b) Apakah PBT mempunyai kewangan yang mencukupi untuk menyelenggara jalan-jalan tersebut?
- c) Jika kewangan PBT tidak mencukupi, adakah kerajaan negeri bercadang mengemukakan bajet tambahan di Dewan Negeri?

JAWAPAN :

- a) Kerja-karya penyelenggaraan jalan di semua PBT akan sentiasa dilaksanakan **berdasarkan kepada senarai inventori jalan dan aduan yang dikemukakan**. Kebanyakan kerja-karya penyelenggaraan di semua PBT adalah dilaksanakan secara kontrak dan juga dalaman (*inhouse*). Selain daripada itu, pihak PBT juga mengambil inisiatif dengan menyenaraikan jalan-jalan yang perlu diturap semula berdasarkan tempoh pembinaan yang melebihi 10 tahun. Secara amnya semua PBT masih dapat mengatasi aduan-aduan berkaitan kerosakan jalan dan dapat melaksanakannya mengikut kepada perancangan kerja.
- b) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM4,748,723.02 kepada semua daerah bagi melaksanakan kerja-karya pembaikan dan pembinaan jalan yang rosak. Walau bagaimanapun, pihak Majlis Perbandaran Klang (**MPK**) menyatakan bahawa peruntukkan MARRIS yang diterima tidak mencukupi bagi menampung kos penyelenggaraan jalan-jalan yang rosak. Pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (**MBSA**) turut memaklumkan bahawa peruntukkan MARRIS yang diberikan pada tahun 2011 adalah menunjukkan pengurangan jika dibandingkan jumlah yang diterima pada tahun 2010 dan 2009.

- c) Kerajaan Negeri sentiasa memberikan peruntukkan yang lebih komprehensif kepada semua PBT bagi melakukan kerja-kerja berkaitan penyelenggaraan jalan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menyarankan supaya semua PBT menyelaraskan peruntukan bersama ADUN dan semua Pejabat Tanah / Daerah agar tidak wujud pertindihan dan penggunaan yang optimum.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PKPS AGRO INDUSTRIES SDN BHD.

84. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 muka surat 159 – 177.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah garis panduan Kerajaan Negeri terhadap pembayaran balik pinjaman sebanyak RM30.10 juta yang diperolehi Premium Sanitised Products Sdn Bhd bagi menguruskan Projek Pemprosesan Salad dan Jus Buah-buahan Tropika?
- b) Apakah garis panduan Kerajaan Negeri terhadap pembayaran balik pinjaman sebanyak RM10 juta yang diperolehi Premium Agro Products Sdn Bhd bagi menguruskan Projek R&D Sisa Buangan Kepada Bentuk Baja Organik?
- c) Apakah garis panduan Kerajaan Negeri terhadap pembayaran balik pinjaman sebanyak RM50.20 juta yang diperolehi Premium Bioherbs Sdn Bhd Projek Teknologi Nano Mengekstrak Bahan Aktif Herba Tempatan?

JAWAPAN :

- a) Pembayaran balik pinjaman sebanyak RM30.1 juta bagi menguruskan Projek Pemprosesan Salad dan Jus Buah-buahan Tropika

1.1 Latar Belakang

- (i) PKPS Agro Industries Sdn. Bhd. (PAISB) telah menubuhkan sebuah syarikat usaha sama iaitu Premium Sanitised Products Sdn. Bhd. (PSP) bagi mengendalikan projek pemprosesan salad dan jus buah-buahan tropika. Rakan usaha sama ialah Icor Mirak (M) Sdn. Bhd. (IM). Produk-produk yang akan dikeluarkan adalah untuk diekspor ke pasaran Negara Timur Tengah.
- (ii) Pinjaman daripada Kementerian Kewangan Malaysia berjumlah RM30.1 juta telah diluluskan kepada PAISB.
- (iii) Projek mula mengeluarkan produk salad dan jus buah-buahan tropika pada bulan Mei 2008 tetapi telah ditutup pada bulan Mac 2010 kerana faktor-faktor berikut:

- Rancangan untuk mengeksport produk-produk yang dikeluarkan ke Negara Timur Tengah tidak dapat dilaksanakan. Penjualan di pasaran tempatan pula kurang mendapat sambutan.
- Syarikat mengalami aliran tunai defisit sehingga memerlukan suntikan modal daripada PAISB untuk membiayai operasi syarikat.
- Kerugian syarikat yang berterusan sehingga berjumlah RM11.9 juta.
- Menanggung hutang sebanyak RM36.0 juta dengan pihak pembekal bahan mentah dan Kementerian Kewangan Malaysia.

1.2 Garis Panduan

- (i) Memulihkan semula projek menggunakan bangunan kilang, mesin dan peralatan sedia ada.
 - Mencari dan mengenalpasti pihak yang berkeupayaan dari segi kepakaran, modal dan pemasaran untuk bersama-sama dengan PAISB dalam memulihkan semula operasi kilang pemprosesan salad dan jus buah-buahan tropika.
 - Melaksanakan projek pemulihan melalui *Special Purpose Vehicle* (SPV) baru yang tidak dibebani dengan hutang berjumlah RM30.1 juta.
 - Pulangan kepada PAISB daripada pelaburan dalam SPV ini akan diguna untuk membayar ansuran pinjaman RM30.1 juta.
- (ii) Menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi memulihkan semula projek.
- (iii) Mencadangkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk melupuskan pinjaman RM30.1 juta atau menjadual semula pembayaran balik pinjaman tanpa dikenakan bayaran faedah tambahan.
- (iv) Akhir sekali, sekiranya semua ini gagal maka projek akan diserahkan balik kepada Kementerian Kewangan Malaysia mengikut terma perjanjian pinjaman yang ditandatangani.

- b) Pembayaran balik pinjaman sebanyak RM10.0 juta bagi menguruskan Projek R&D Sisa Buangan Kepada Bentuk Baja Organik?

2.1 Latar Belakang

- (i) PAISB telah menggunakan sebuah syarikat usaha sama sedia ada iaitu Premium Agro Products Sdn. Bhd. (PAP) bagi mengendalikan projek projek R&D sisa buangan kepada bentuk baja organik. Rakan usaha sama ialah Hidangan Mudah Keluarga GH Sdn. Bhd. (HMK).
- (ii) Pinjaman daripada Kementerian Kewangan Malaysia berjumlah RM10.0 juta telah diluluskan kepada PAISB.
- (iii) PAP memulakan operasi pengeluaran baja organik pada bulan Oktober 2006 dan menutup operasi pada bulan Mac 2010 disebabkan oleh faktor-faktor berikut:
 - Syarikat mengalami aliran tunai defisit sehingga memerlukan suntikan modal daripada PAISB untuk membiayai operasi syarikat.
 - Kerugian syarikat yang berterusan sehingga berjumlah RM2.4 juta.
 - Menanggung hutang sebanyak RM50.2 juta dengan Kementerian Kewangan Malaysia.
 - Kegagalan untuk mendapatkan pasaran bagi baja organik (kompos) yang dikeluarkan.
 - Pihak Berkuasa Tempatan telah berjanji untuk membeli balik baja organik yang dikeluarkan tetapi ini tidak berlaku.
 - Ladang PKPS menamatkan pembelian baja organik dari PAP dan mula mengunakan baja mineral untuk ladang-ladang PKPS.

2.2 Garis Panduan

- (i) Memulihkan semula projek menggunakan bangunan kilang, mesin dan peralatan sedia ada.
 - PAISB telah mengenalpasti pihak yang berkeupayaan dari segi kepakaran, modal dan pemasaran untuk bersama-sama

dengan PAISB dalam memulihkan semula operasi kilang R&D sisa buangan kepada bentuk baja organik.

- Pelaksanaan projek pemulihan akan dibuat melalui *Special Purpose Vehicle* (SPV) baru yang tidak dibebani dengan hutang berjumlah RM10.0 juta.
- Kos projek baru dianggarkan berjumlah RM34.2 juta. Bagi memulakan projek baru ini, keperluan modal saham adalah sebanyak RM10.0 juta manakala pinjaman bank pula adalah berjumlah RM29.2 juta.
- Pulangan kepada PAISB daripada pelaburan dalam SPV ini akan diguna untuk membayar ansuran pinjaman RM10.0 juta.

- (ii) Menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi memulihkan semula projek.
- (iii) Mencadangkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk melupuskan pinjaman RM10.0 juta atau menjadual semula pembayaran balik pinjaman tanpa dikenakan bayaran faedah tambahan.
- (iv) Akhir sekali, sekiranya semua ini gagal maka projek akan diserahkan balik kepada Kementerian Kewangan Malaysia mengikut terma perjanjian pinjaman yang ditandatangani.

c) Pembayaran balik pinjaman sebanyak RM50.2 juta bagi menguruskan Projek Teknologi Nano Mengekstrak Bahan Aktif Herba Tempatan?

- 3.1 PAP telah mendapat pinjaman berjumlah RM50.2 juta bagi melaksanakan projek teknologi nano mengekstrak bahan aktif herba tempatan. Pelaksanaan projek pula dilakukan melalui penubuhan sebuah syarikat usaha sama, iaitu Premium Bioherbs Sdn. Bhd. (PB), yang melibatkan PAP dan Agrotech Capital Pte. Ltd. (ACPL).
- 3.2 Pada 29 Oktober 2010, PAISB telah menjual kesemua saham-saham PAP miliknya kepada rakan usaha sama, iaitu HMK, pada jumlah harga RM10/- sahaja. Penjualan ini telah menyebabkan PAISB kerugian sebanyak RM679,990/- bagi melupuskan kesemua pelaburan dalam PAP.
- 3.3 Dengan penjualan ini maka PB tidak lagi menjadi syarikat subsidiari PAISB.

- 3.4 Penjualan ini dibuat atas asas keputusan perniagaan (*business decision*) iaitu:
- (i) PAP dan PB masing-masing mengalami aliran tunai defisit yang memerlukan suntikan modal daripada PAISB.
 - (ii) PAP dan PB masing-masing mengalami kerugian terkumpul sebanyak RM2.4 juta dan RM8.7 juta.
 - (iii) PAP mempunyai liabiliti berupaya pinjaman dengan Kementerian Kewangan Malaysia berjumlah RM50.2 juta yang mana pinjaman tersebut telah digunakan untuk membiayai projek teknologi nano mengekstrak bahan aktif herba tempatan yang dijalankan oleh PB.
 - (iv) Sehingga 29 Oktober 2010, PB masih belum mengeluarkan sebarang produk untuk dipasarkan baik di pasaran luar negara mahupun dalam negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK: BALAI RAYA

85. Pemimpin Pakatan Rakyat telah mengambil alih banyak balai-balai raya setelah memenangi Pilihan Raya Umum ke-12 lalu. Namun didapati aspek penyelenggaraannya terabai.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar: -

- a) Berapakah jumlah balai-balai raya di DUN Sungai Air Tawar yang telah diambil alih oleh Pakatan Rakyat?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah balai raya yang terabai dan tidak terselenggara dengan baik?
- c) Apakah kerajaan negeri bersedia memperbaiki dan menguruskan pentadbiran balai-balai raya tersebut secara lebih profesional?

JAWAPAN:

- a) 18 Buah Balai raya dalam DUN Sungai Air Tawar.
- b) Tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam ialah dengan mengenal pasti balai-balai raya yang tidak di selenggara dengan baik dan terabai seterusnya menggunakan peruntukan sedia ada untuk membaik pulih balai raya tersebut. Pemantauan balai-balai raya tersebut akan dilakukan secara berterusan melalui Penghulu Mukim yang dilantik sebagai wakil Kerajaan Negeri. Selain itu, teguran juga akan di buat oleh Pihak Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam kepada mana-mana JKKK yang dilantik sekiranya menyebabkan balai-balai raya tersebut terabai atau tidak diselenggara dengan baik.
- c) Pihak Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam melalui Penghulu Mukim serta Ketua Kampung yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri bertindak sebagai wakil Kerajaan Negeri yang akan memantau serta menambah baik pengurusan balai-balai raya tersebut dari masa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : PEMBINAAN PINTU GERBANG DAN MENAIKTARAF
KAWASAN LITTLE INDIA, DI JALAN TENGGU KELANA
KLANG.**

86. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Bilakah Pintu Gerbang di Kawasan Little India, di Jalan Tengku Kelana Klang akan mula dibina?
 - b) Bilakah sistem perparitan di Kawasan Little India, di Jalan Tengku Kelana Klang akan mula dinaiktaraf dan dibaiki sepenuhnya?
 - c) Bilakah Kerajaan Negeri Selangor akan mengadakan Program Pembangunan dengan menaiktaraf bagi mempromosikan Kawasan Little India, sebagai tempat pelancongan dan digazetkan sebagai Kawasan Bersejarah dalam Negeri Selangor ini?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK) masih belum mempunyai perancangan untuk membina pintu gerbang di kawasan Little India. Ianya akan dikaji dan diambil perhatian terutama dari aspek kesan kepada imej bandar, kesesuaian tapak dan reka bentuk yang menepati inspirasi pihak istana, penduduk Klang dan MPK khususnya. Namun begitu, cadangan reka bentuk telah dikemukakan kepada pihak UPEN dan pihak UPEN telah memohon agar pihak MPK menyediakan butiran kerja secara terperinci untuk pertimbangan selanjutnya. Pada masa yang sama, pembinaan pintu gerbang di kawasan Jalan Tengku Kelana perlu mendapat perkenan dan kelulusan daripada pihak Istana terlebih dahulu sebelum projek diluluskan di peringkat Kerajaan Negeri.
- b) Pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK) memaklumkan bahawa, MPK telah pun menyediakan plan dan reka bentuk bagi projek yang berkenaan. Pada masa yang sama pihak UPEN Selangor pula telah menyalurkan peruntukkan ke Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor bagi pelaksanaan Projek Tebatan Banjir Daerah Klang yang turut meliputi kawasan sekitar Jalan Tengku Kelana.
- c) Sejak tahun 2009, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Tourism Selangor telah melaksanakan pelbagai program bagi tujuan memperkenalkan dan mempromosikan kawasan Little India sebagai produk pelancongan baru negeri Selangor. Program-

program yang dilaksanakan meliputi promosi-promosi melalui media cetak, media elektronik, laman web dan blog. Selain itu, dalam rangka promosi dalam dan luar negara oleh pihak Tourism Selangor, Little India menjadi antara produk yang diberikan perhatian. Sebagai contoh, dalam beberapa siri promosi luar negara, Little India yang juga menjadi sebahagian jajaran Heritage Walk Klang telah dipromosikan secara intensif kepada pelancong.

Heritage Walk ini telah dilancarkan secara rasminya pada 25 Jun, 2010 oleh Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar Negeri Selangor. Pada majlis pelancaran itu juga, seramai lebih 40 media dalam dan luar negara telah diundang dan membuat liputan tentang kawasan tersebut. Ia juga bersempena dengan pelaksanaan program Selangor Shines Fam Tour 2010 yang antara lain telah memilih Little India dan Heritage Walk Klang sebagai lokasi program.

Pembangunan Heritage Walk Klang juga telah memberikan inspirasi kepada Kerajaan Negeri untuk menerbitkan risalah dan peta lokasi bagi keseluruhan kawasan yang diliputi oleh jajaran Heritage Walk. Ini bukan sahaja membantu dari sudut penyampaian maklumat tetapi turut menjadi panduan dan promosi berguna kepada para pelancong. Untuk makluman, Heritage Walk Klang yang turut meliputi kawasan Little India kini menjadi antara lokasi popular di kalangan para pelancong. Menyedari hal tersebut, pada tahun 2010, projek memasang papan tanda informasi bagi 18 lokasi utama bagi jajaran Heritage Walk telah dilaksanakan. Pemasangan papan tanda informasi ini adalah sebagai memenuhi keperluan dari aspek maklumat dan latar belakang lokasi yang berkenaan.

Sebagai maklumat tambahan, beberapa bangunan di dalam kawasan Heritage Walk Klang telahpun dikenal pasti dan disenaraikan oleh Jabatan Warisan Negara sebagai tapak atau bangunan warisan. Antaranya ialah, Gedung Raja Abdullah, Kota Raja Mahadi, Galeri DiRaja dan Stesyen Keretapi KTM. Dalam hal ini, saya berharap agar pihak PADAT akan terus berusaha dan mengenal pasti bangunan-bangunan lain di dalam kawasan Heritage Walk Klang dan Little India ini yang berpotensi untuk diwartakan sebagai tapak / bangunan warisan di bawah Jabatan Warisan Negara.

Program pembangunan kawasan Little India adalah bersifat jangka panjang. Seperti mana kawasan Brickfields di Kuala Lumpur, pembangunannya perlu meneliti dari semua sudut dan tidak boleh dibuat terburu-buru. Justeru itu, beberapa cadangan lain telah dan akan diberikan perhatian seperti pembinaan pintu gerbang di Jalan Tengku Kelana, mengecat semula bangunan-bangunan lama di sekitar kawasan Little India, penambahbaikan sistem saliran dan beberapa perancangan lain. Malah, kewujudan dan pengenalan serta promosi berterusan bagi

Heritage Walk Klang telah memberikan kesan yang cukup baik terutama kepada premis-premis perniagaan di kawasan berhampiran. Ramai yang memberikan maklum balas yang positif terutama berkaitan kebanyakan pelancong dan pengunjung ke kawasan tersebut. Ini bukan sahaja memberikan kesan langsung kepada industri pelancongan di Selangor bahkan juga kepada peningkatan ekonomi peniaga-peniaga kecil di kawasan berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: PEMANDANGAN LANDSKAP DI KAWASAN PBT KIAN MEROSOT

87. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri tidak mempunyai peruntukan untuk membiayai kerja-kerja Landskap di kawasan PBT ?
- a) Adakah kerajaan negeri sanggup menjejaskan imej PBT demi penjimatan peruntukan dalam membiayai kerja-kerja Landskap ?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan khusus bagi kerja-kerja landskap di kawasan PBT tetapi PBT boleh mengemukakan permohonan bagi kerja-kerja menaik taraf landskap di kawasan masing-masing untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri memandangkan peruntukan di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan adalah terhad. Semua PBT ada menyediakan peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan landskap yang disalurkan kepada Jabatan Taman dan Rekreasi sebagai jabatan yang bertanggungjawab dan menyelaraskan dalam menguruskan hal-hal berkaitan landskap di PBT masing-masing.
- b) Kerajaan Negeri memandang serius isu berkaitan landskap di Selangor ini dan masih meneruskan Program Kempen Tanam Pokok PBT Selangor di mana sasaran yang ditetapkan pada tahun ini ialah sebanyak 600,000 pokok. Untuk makluman bagi tahun 2011, Selangor telah berjaya menanam sebanyak 1,184,690 (163%) pokok dan jumlah ini telah melebihi sasaran awal iaitu 600,000 pokok sahaja. Tiada isu yang wujud dari aspek penjimatan peruntukan dalam kerja-kerja landskap terutamanya penyelenggaraan kerana ia tidak akan menjejaskan imej PBT sebaliknya ia adalah lebih kepada penilaian semula perbelanjaan yang dilaksanakan. Ini bermaksud tidak semestinya dengan peruntukan yang besar maka kualiti penyelenggaraan akan meningkat. Oleh itu, cara perbelanjaan yang berhemah berdasarkan konsep '*value for money*' adalah lebih penting yang akan menghasilkan kualiti kerja penyelenggaraan landskap yang bermutu dan secara langsung akan meningkatkan imej sesebuah PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : REMAJA DAN SUKAN DI SELANGOR

88. Berdasarkan azam kerajaan Selangor mahu menambahbaikkan kualiti pencapaian belia dan sukan di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan untuk meningkatkan prestasi remaja dan sukan di Selangor?
- b) Bagaimanakah pencapaian terkini dalam bidang tersebut?
- c) Di manakah kedudukan Selangor dalam bidang sukan berbanding dengan negeri-negeri yang lain di Malaysia.

JAWAPAN :

- a) Majlis Sukan Negeri Selangor telah merancang pelbagai program untuk meningkatkan prestasi remaja dan sukan di negeri Selangor termasuk program untuk jangka masa panjang sukan prestasi tinggi yang melibatkan peringkat tunas (akar umbi) hingga ke peringkat elit.

Antara program yang telah dirancang dan dijalankan adalah seperti berikut :

- i. Latihan sukan berterusan ;
 - ii. Menyertai kejohanan yang sesuai untuk tujuan pendedahan serta menilai tahap prestasi dan pencapaian ;
 - iii. Mengadakan bengkel-bengkel pembangunan dan kejurulatihan kepada atlet dan jurulatih (development programme) ; dan
 - iv. Menyertai kursus-kursus yang bersesuaian serta berkaitan.
- b) Pencapaian terkini dalam bidang tersebut adalah sangat subjektif mengikut jenis sukan, peringkat umur dan juga peringkat kejohanan. Secara keseluruhan, pencapaian Negeri Selangor dalam bidang sukan adalah baik di mana kita sering menjuarai atau pun sentiasa membawa pingat dalam kejohanan-kejohanan yang disertai sama ada kejohanan peringkat umur, kebangsaan dan juga antarabangsa.

- c) Kedudukan Selangor dalam bidang sukan setakat ini berbanding dengan negeri-negeri yang lain adalah di tempat ke-dua jika diukur melalui Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA). SUKMA adalah salah satu penganjuran acara sukan yang berprestasi tinggi yang dilaksanakan secara besar-besaran diperingkat Malaysia. Pelbagai jenis sukan dipertandingkan dan melibatkan penyertaan semua negeri-negeri di Malaysia. Sehubungan itu jua, Negeri Selangor adalah merupakan salah sebuah negeri yang telah berjaya melahirkan atlet cemerlang diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini terbukti dalam Temasya kejohanan Sukan SEA, Jakarta, 2011 yang lalu seramai 58 atlet negeri Selangor telah berjaya terpilih bagi mewakili Negara ke kejohanan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : PEMBERSIHAN AWAM

89. Pengurusan pembersihan awam (sampah) telah diambil alih oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri sendiri yang mana sebelum ini diurus Alam Flora Sdn Bhd dan operator dilantik.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah prestasi semua PBT setakat ini dalam menguruskan pembersihan sampah?
- b) Adakah PBT bertaraf Majlis Daerah mampu menguruskannya?
- c) Adakah strategi kewangan bagi membayar hutang kepada syarikat operator sampah yang tertunggak?

JAWAPAN :

- a) Kebanyakan PBT di Negeri Selangor memberikan **reaksi yang positif** bahawa dapat menguruskan kerja-kerja pembersihan awam dan kutipan sampah dengan lebih baik dan teratur. Hal ini dimaklumkan oleh pihak Majlis Daerah Hulu Selangor (**MDHS**) bahawa kerja-kerja di bawah seliaan pihak majlis adalah dalam keadaan yang terkawal. Walau bagaimanapun, pihak Majlis Perbandaran Klang (**MPK**) menyatakan bahawa terdapat kontraktor yang baru dilantik masih dalam proses mengenal kawasan menyebabkan beberapa kawasan yang tidak dapat dikutip sepenuhnya.
- b) Ya, semua PBT mampu melaksanakan dengan baik. Semua PBT bertaraf Majlis Daerah memberikan kenyataan yang sama bahawa mereka mempunyai kemampuan bagi melaksanakan kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam dengan sempurna. Sehubungan dengan itu, semua PBT bertaraf Majlis Daerah akan tetap terus berusaha bagi memantapkan segala urusan berkenaan.
- c) Pelbagai langkah dan strategi yang telah diambil oleh semua PBT bagi membayar tunggakan hutang yang tertunggak kepada syarikat kontraktor yang dilantik oleh pihak AFSB. Antara langkah yang dilakukan oleh pihak Majlis daerah Kuala Langat (MDKL) adalah dengan membuat pembayaran secara ansuran. Selain daripada itu, beberapa PBT telah merangka penjimatan dengan pelaksanaan kerja-kerja secara in-house. Hal demikian secara langsung membolehkan pembayaran tunggakan hutang dilangsaikan secara berperingkat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : PENGAMBILAN TANAH-TANAH UNTUK KEGUNAAN PROJEK MRT

90. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa ramaikah pemilik tanah yang telah diambil tanah untuk memberi laluan kepada Projek MRT di kawasan DUN Balakong?
- b) Berapakah jumlah pampasan yang telah dibayar atau diluluskan oleh pihak yang berkenaan?

JAWAPAN:

- a) Pengambilan tanah bagi Projek MRT melibatkan 70 lot di Fasa 1 dan 144 lot di Fasa 2. Pecahan adalah seperti berikut :-

MRT Fasa 1

Daerah	:	Hulu Langat		
Mukim	:	Cheras	=	82 orang
		Pekan Cheras	=	4 orang
		Bandar Batu 9 Cheras	=	20 orang
		Bandar Cheras	=	9 orang
		Jumlah keseluruhan	=	115 orang

Lot Terlibat Keseluruhan : **70 Lot**

- b) Sebanyak 22 lot sedang dalam proses bayaran oleh Agensi Pemohon (Jabatan Perdana Menteri) berjumlah **RM 20,197,216.46**. Permohonan bayaran pampasan telah dibuat melalui surat bertarikh 14 Feb 2012, 16 Feb 2012 dan 21 Feb 2012 kepada Agensi Pemohon. Baki 188 lot yang terlibat masih dalam proses siasatan yang dikendalikan oleh Pegawai Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Negeri Selangor (JKPTG) yang diwartakan sebagai Pentadbir Tanah.

Maklumat tambahan tentang pengambilan tanah bagi projek-projek utama di Negeri Selangor.

BIL	PROJEK	STATUS
1.	Projek LRT Fasa III	Melibatkan sebanyak 53 lot. Telah selesai pengambilan tanah sebanyak 50 lot dengan jumlah pampasan RM13,671,296.88. Baki 3 lot sambung siasatan pada 7 Mac 2012.
2.	Projek Lebuhraya Damansara – Shah Alam (DASH) - (Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960)	Kertas MMKN telah diangkat ke PTG Selangor dan masih menunggu kelulusan PBN.
3.	Projek Lebuhraya Bertingkat Sg.Besi – Ulu Kelang (SUKE) – (Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960)	Kertas MMKN telah diangkat ke PTG Selangor dan masih menunggu kelulusan PBN.
4.	<p>Projek Lebuhraya Pantai Barat (Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960)</p> <p>Daerah Klang (866 lot)</p> <p>Daerah Sabak Bernam (3075 lot)</p> <p>Daerah Petaling (1 lot)</p>	<p>Projek ini telah diwartakan di bawah Seksyen 4 bertarikh:</p> <p>27 Oktober 2011 (No.Warta : 4003)</p> <p>27 Oktober 2011 (No.warta : 4002)</p> <p>29 September 2011 (No.warta : 3652)</p>
5.	<p>Projek Lebuhraya Kuala Lumpur Outer Ring Road (KLORR) – (Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960)</p> <p>Daerah Hulu Langat (817 lot)</p> <p>Daerah Gombak (220 lot)</p> <p>Projek Lebuhraya Kuala Lumpur Outer Ring Road (KLORR) Tambahan – (Seksyen 4)</p> <p>Daerah Hulu Langat – Tambahan (378 lot)</p>	<p>Projek ini telah diwartakan di bawah Seksyen 4 bertarikh:</p> <p>17 Mac 2011 (no.warta : 1086)</p> <p>17 Mac 2011 (No.warta : 1085)</p> <p>Tunggu warta</p>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: KAKITANGAN UNISEL

91. Masalah seorang Pensyarah UNISEL pernah dibangkit dan disiasat berdasarkan satu laporan polis.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status siasatan masalah pensyarah tersebut?
- b) Bagaimanakah UNISEL menangani kakitangan yang bermasalah?

JAWAPAN:

- a) Sebenarnya tidak ada kes yang pernah dirujuk kepada UNISEL oleh mana-mana pihak yang berwajib berkenaan masalah tersebut.
- b) UNISEL mengikut prosedur perjawatan yang diterima pakai dengan teliti bagi menangani kakitangan yang bermasalah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : KEDUDUKAN RIZAB KEWANGAN NEGERI SELANGOR

92. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;
- a) Sila nyatakan dengan terperinci berapakah jumlah rizab kewangan Negeri Selangor sehingga 31/12/11 ?
 - b) Sila nyatakan berapakah jumlah lebih Belanjawan tahun 2011 jika dibandingkan dengan unjuran dan anggaran pendapatan perbelanjaan sewaktu pembentangan Belanjawan 2011 ?
 - c) Sila nyatakan secara terperinci apakah faktor utama yang mendorong Belanjawan 2011 walaupun terdapat 3 kali kelulusan Pembekalan Tambahan tetapi masih mempunyai lebih sehingga 31/12/11 ?

JAWAPAN:

- a) Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2011 adalah meningkat sebanyak 22.50% iaitu daripada RM1,586.88 juta pada tahun 2010 kepada RM1,944.01 juta pada tahun 2011. Kedudukan rizab negeri Selangor (lebih terkumpul Akaun Hasil Disatukan) seperti pada 31 Disember 2011 adalah berjumlah RM912.75 juta.

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 24.65% selaras dengan prestasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2011 yang berakhir dengan lebih sebanyak RM180.50 juta berbanding tahun 2010 dengan lebih sebanyak RM124.24 juta. Akaun Hasil Disatukan negeri Selangor pada tahun 2008, 2009 dan 2010 adalah masing-masing berjumlah sebanyak RM673.97 juta, RM608.01 juta dan RM732.25 juta.

- b) Belanjawan kemas kini bagi tahun 2011 adalah berjumlah **RM1,629,981,700.12**. Manakala perbelanjaan sebenar (sedang diaudit) berjumlah **RM 1,453,506,646.65**. Sehubungan itu, terdapat lebih belanjawan bagi tahun 2011 adalah sebanyak **RM176,475,053.47**.

- c) Perbekalan tambahan yang dibuat pada tahun 2011 adalah berdasarkan kepada projek/program yang tidak dibajetkan. Faktor-faktor utama yang mendorong terdapatnya lebih Belanjawan 2011 adalah disebabkan:
- i. Kawalan peruntukan dan perbelanjaan berdasarkan peraturan dan pekeliling-pekelling yang berkuat kuasa, sebagai contoh Pekeliling Perbendaharaan Bil 6 Tahun 2011 (Perbelanjaan Berhemah) di mana terdapat beberapa jenis perbelanjaan yang memerlukan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri Selangor;
 - ii. Pemantauan perbelanjaan yang dibuat di jabatan-jabatan , di mana Perbendaharaan Negeri Selangor akan membuat Bajet *Review* sebanyak tiga (3) setahun bagi memantau prestasi perbelanjaan jabatan;
 - iii. Penerapan budaya integriti dan berhemah kepada setiap Pegawai Pengawal melalui penekanan aspek “*value for money*” bagi setiap peruntukan yang dibelanjakan, pelaksanaan perbelanjaan berhemah mengikut keperluan dan amalan penjimatan; *dan*
 - iv. Kajian Pasaran dibuat terlebih dahulu sebelum sebarang perolehan dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 169 supaya perolehan yang dibuat yang paling sesuai dan menguntungkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : SUBSIDI AIR

93. Kerajaan negeri memberi kupon air percuma untuk subsidi air penduduk di kawasan flat yang menggunakan meter pukal.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejak bilakah kupon tersebut mula dikeluarkan ?
- b) Berapakah jumlah kewangan yang telah dikeluarkan dan siapakah atau penduduk manakah yang telah menerima kupon sepanjang tempoh tersebut ?
- c) Apakah mekanisme pemberian kupon tersebut kerana wujud dakwaan penduduk yang tidak pernah menerimanya ?

JAWAPAN :

- a) Pelaksanaan pemberian rebet air percuma melalui kupon telah dilaksanakan secara berperingkat bagi **sejumlah 234 pangsapuri kos rendah yang disenaraikan** seperti berikut:
 - i- **Fasa Pertama** bermula pada **bulan Jun tahun 2010** di Pangsapuri Sri Tanjung sebagai projek perintis selama tiga bulan;
 - ii- **Fasa Kedua** bermula **bulan Oktober 2010** melibatkan 85 kawasan pemajuan; dan
 - iii- **Fasa Ketiga** dan seterusnya **bermula bulan Mac 2011** melibatkan 148 kawasan pemajuan.
- b) Setakat **26 Februari 2012**, jumlah peruntukan kewangan yang terlibat untuk membayar tuntutan rebet air percuma adalah sejumlah **RM2,745,903.45** seperti berikut:
 - i- Tahun 2010
RM17,117.08
 - ii- Tahun 2011
RM2,155,133.47
 - iii- Tahun 2012 (Setakat bulan Januari)
RM573,653.00

Daripada keseluruhan jumlah 234 kawasan yang telah disenaraikan, sebanyak **137 kawasan telah membuat tuntutan rebet air percuma** seperti di **LAMPIRAN A**.

- c) **Ya**, mekanisme pemberian rebet air percuma melalui kupon adalah wujud dan dilaksanakan bermula bulan Jun 2010 sehingga bulan Jun 2011. Walau bagaimanapun, bermula bulan Julai 2011 mekanisme kupon telah dimansuhkan untuk memudahkan pengurusan pengagihan rebet air percuma dan digantikan dengan laporan inventori tuntutan penduduk yang kemudiannya diringkaskan kepada laporan inventori bilangan unit diduduki dan tidak diduduki bagi setiap kawasan pemajuan terlibat sebagai rekod. Mekanisme yang telah ditambahbaik ini dijangka dapat meningkatkan prestasi kawasan pangsapuri kos rendah untuk membuat tuntutan sehingga tahap 100% dan dipanjangkan kepada pangsapuri bukan kos rendah. Namun begitu, Kerajaan Negeri memutuskan supaya semua pangsapuri yang menggunakan meter air pukal melaksanakan migrasi meter air individu bagi memastikan pengagihan rebet air percuma dapat dibuat secara automatik.

LAMPIRAN A

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	SKIM PANGSAPURI KOS RENDAH
1.	MBSA (5 kawasan)	Seri Melewar Seksyen U1
		Mentari Seksyen U5
		Sunway Sinar Seksyen U9
		Rimau Indah Seksyen 32
		Seri Era Seksyen 36
2.	MBPJ (16 kawasan)	Apartment Lestari
		Desa Mentari Blok 10
		Petaling Utama Blok A & B
		Flora Damansara Blok A & B
		Desaria Fasa 5B
		Damai
		Desa Perangsang A & B
		Pelangi Damansara
		Impian Baiduri
		Desa Mentari Blok 1-8
		Taman Sri Aman
		Medan Cahaya Blok A – C
		Medan Cahaya Blok D – F
		Medan Cahaya Blok G – H
		Pelangi Ara Blok G
Desa Mentari Blok 9		
3.	MPSJ (20 kawasan)	Sri Tanjung
		Seri Kayan
		Blok Angsana, Bougenvilla, Carnation & Daisy Taman Seksyen 2
		Eggang
		Seri Begonia
		Blok F5 – F8 Puchong Permai
		Blok F9 – F10 Puchong Permai
		Sri Pulai
		Angsana Blok A
		Angsana Blok B
		Angsana Blok C
		Angsana Blok D
		Angsana Blok E
		Angsana Blok F
		Angsana Blok G
Angsana Blok H		
Pangsapuri Anggerik		
Putra Permai 1A		
Putra Permai 1B (Bakawali)		
Pangsapuri Ruselia		

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	SKIM PANGSAPURI KOS RENDAH
4.	MPAJ (29 kawasan)	700 Pandan Perdana Taman Ampang Mewah Blok A Taman Industri Lembah Jaya Sri Intan Al-Ridhuan 610, Jalan Pandan Indah Nusa Kurnia Merpati A Merpati B Desa Lembah Permai Mega Indah Taman Ampang Mewah Blok A & B Pandan Ria Pangsapuri Cemara 1 & 2 Pangsapuri Mesra Ria Pangsapuri Kenanga Pangsapuri Meranti Pandan Cahaya Pangsapuri Sri Nilam Pangsapuri Sunrise Blok Kemboja, Jalan Wawasan 3 Blok Tanjung Merdeka Villa Blok C Mutiara Tmn Sri Merdeka Blok B, Jed Tmn Sri Merdeka Blok A Delima, Tmn Sri Merdeka Pangsapuri Bukit Baru Lenbah Maju Blok Meranti Taman Cheras Hartamas Blok A1 - A7, Taman Bukit Segar Fasa 1
5.	MPKj (11 kawasan)	Taman Tasik Sungai Chua Blok A, Taman Sri Kenari Blok Indah, Taman Taming Indah Fasa 1F Bandar Damai Perdana Seri Mesra Taman Asa Jaya Sri Murni, Taman Pinggiran Sg. Long Blok A, Taman Desa Wangsa Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Alam Jaya Pangsapuri Suteramas Bandar Damai Perdana Fasa 1F1

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	SKIM PANGSAPURI KOS RENDAH
6.	MPK (35 kawasan)	Blok Mawar Blok Cempaka Mutiara Fasa 2 Bukit Raja Taman Permai Indah Blok A Taman Permai Indah Blok B Taman Permai Indah Blok C Taman Permai Indah Blok D Pangsapuri Blok A , BBT 1 Pangsapuri Blok B , BBT 1 Pangsapuri Blok C , BBT 1 Pangsapuri Blok D , BBT 1 Pangsapuri Blok E , BBT 1 Pangsapuri Blok F , BBT 1 Pangsapuri Blok G , BBT 1 Pangsapuri Blok H, BBT 1 Pangsapuri Blok J , BBT 1 Pangsapuri Blok K , BBT 1 Pangsapuri Blok A, BBT 2 Pangsapuri Blok B, BBT 2 Pangsapuri Blok C, BBT 2 Pangsapuri Blok D, BBT 2 Pangsapuri Blok E, BBT 2 Pangsapuri Blok F, BBT 2 Pangsapuri Blok G, BBT 2 Pangsapuri Blok H, BBT 2 Pangsapuri Blok I, BBT 2 Pangsapuri Blok J, BBT 2 Pangsapuri Blok K, BBT 2 Pangsapuri Blok L, BBT 2 Pangsapuri Blok M, BBT 2 Pangsapuri Blok N, BBT 2 Pangsapuri Blok O, BBT 2 Pangsapuri Blok P, BBT 2 Apartment Sri Angkasa Blok J Pangsapuri Taman Raja Uda
7.	MPS (16 kawasan)	Batai Sri Laman Blok A, Laksamana Jaya Kenanga, Taman Gombak Permai Cempaka, Taman Gombak Permai Delima, Taman Tun Teja Kenanga, Taman Tun Teja Dahlia, Taman Tun Teja Cempaka, Taman Tun Teja Blok A, Danau Rebung

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	SKIM PANGSAPURI KOS RENDAH
		Blok B, Danau Rebung Amaniah Saujana Ria Apartment Blok A & B, Jln PS 1 Prima Selayang Blok C & D, Jln PS 1 Prima Selayang Pangsapuri Selayang Sejati
8.	MPSP (1 kawasan)	Cengal
9.	MDKL (3 kawasan)	Taman Dato' Hormat Carnation D'Menara Blok G & H, Taman Langat Utama
10.	MDHS (1 kawasan)	Pangsapuri Seri Kiambang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : JAWATAN PENGARAH

94. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan jawatan pengarah yang di sandang oleh YAB MB, YB EXCO, Ex-Officio, YB ADUN, YB AHLI PARLIMEN dalam badan berkanun dan anak-anak syarikat kerajaan negeri Selangor.
- b) Sila senaraikan elaun-elaun dan juga bonus yang diterima oleh mereka yang terlibat mengikut syarikat.

JAWAPAN :

a) dan b)

Jawatan pengarah yang disandang oleh YAB MB, YB EXCO, Ex-Officio, YB ADUN, YB Ahli Parlimen dalam badan berkanun dan anak-anak syarikat kerajaan negeri Selangor serta elaun dan juga bonus yang diterima oleh mereka adalah seperti mana berikut:

Bil	Anak-Anak Syarikat	Lampiran
1.	Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB)	1
2.	MSNS Holdings Sdn Bhd	2
3.	Selangor State Investment Centre (SSIC)	3
4.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad (BBGC)	4
5.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	5
6.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	6
7.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	7
8.	Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB)	8
9.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)	9
10.	Yayasan Selangor	10
11.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	11
12.	Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB)	12
13.	Pendidikan Industri YS (PIYS)	13

LAMPIRAN 1**TOURISM SELANGOR SDN BHD (TSSB)**

Bil	Nama	Jawatan	Elaun Tahunan (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Bonus (RM)
1	YAB Tan Sri Dato' Seri Khalid bin Ibrahim Dato' Menteri Besar Selangor	Pengerusi	5,000.00	1,000.00	Tiada
2	YB Cik Elizabeth Wong Keat Ping Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Ahli	1,000.00	500.00	Tiada
3	YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi Setiausaha Kerajaan Negeri	Ahli	1,000.00	500.00	Tiada
4	YB Tuan Gwo-Burne Loh Ahli Parlimen Kelana Jaya	Ahli	1,000.00	500.00	Tiada
5	YB Haji Dr. Mohd Nasir bin Hashim ADN Kota Damansara	Ahli	1,000.00	500.00	Tiada

LAMPIRAN 2**MSNS HOLDINGS SDN BHD**

Bil	Nama	Jawatan	Elaun Tahunan (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Bonus (RM)
1	Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari ADN Batu Caves	Lembaga Pengarah	-	1,200.00	-

LAMPIRAN 3**SELANGOR STATE INVESTMENT CENTRE (SSIC)**

Bil	Nama	Jawatan	Elaun Tahunan (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Bonus (RM)
1	YAB Tan Sri Dato' Seri Khalid bin Ibrahim Dato' Menteri Besar Selangor	Lembaga Pengarah	10,000.00	3,000.00	Tiada
2	YB Dr. Yaakob Bin Sapari Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Lembaga Pengarah	8,000.00	1,500.00	Tiada
3	YB Teresa Kok Suh Sim Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Lembaga Pengarah	8,000.00	1,500.00	Tiada

LAMPIRAN 4**BUKIT BERUNTUNG GOLF & COUNTRY RESORT BERHAD (BBGC)**

Bil	Nama	Jawatan	Elaun Tahunan (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Bonus (RM)
1	Y.B. Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman Pegawai Kewangan Negeri	Pengarah	Tiada	1,000.00	Tiada
2	Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari ADN Batu Caves	Ahli	Tiada	500.00	Tiada

LAMPIRAN 5**PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)**

Bil	Nama	Jawatan	Elaun Tahunan (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Bonus (RM)
1	YAB Tan Sri Dato' Seri Khalid bin Ibrahim Dato' Menteri Besar Selangor	Jemaah Ahli PKPS	Tiada	1,000.00	Tiada
2	YB Dr. Yaakob Bin Sapari Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Jemaah Ahli PKPS	Tiada	800.00	Tiada
3	YB Dato' Haji Mohammed Kusrin bin Haji Munawi Setiausaha Kerajaan Negeri	Jemaah Ahli PKPS	Tiada	800.00	Tiada
4	Y.B. Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman Pegawai Kewangan Negeri	Jemaah Ahli PKPS	Tiada	800.00	Tiada

LAMPIRAN 6**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)**

Bil	Nama	Jawatan	Elaun Tahunan (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Insentif Tahun 2010/Bonus (RM)
1	YAB Tan Sri Dato' Seri Khalid bin Ibrahim Dato' Menteri Besar Selangor	Pengerusi	15,000.00	1. RM 2,000.00 (Mesyuarat Perbadanan)	175,00.00
2	YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi Setiausaha Kerajaan Negeri	Timbalan Pengerusi	12,000.00	1. RM 1,500.00 (Mesyuarat Perbadanan) 2. RM 1,000.00 (Mesyuarat Tawaran) 3. RM 1,000.00 (Mesyuarat Perjawatan Tatatertib C&D) 4. RM 1,000.00 (Mesyuarat Perjawatan Tatatertib A&B)	Tiada

Bil	Nama	Jawatan	Elaun Tahunan (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Insentif Tahun 2010/Bonus (RM)
				5. RM 1,000.00 (Mesyuarat Panel Sumber Manusia)	
3	Y.B. Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman Pegawai Kewangan Negeri	Ahli	10,000.00	1. RM 1,500.00 (Mesyuarat Perbadanan) 2. RM 1,000.00 (Mesyuarat Kewangan) 3. RM 800.00 (Mesyuarat Tawaran)	140,000.00
4	YB Datin Paduka Zauyah Be Binti T. Loth Khan Penasihat Undang-undang	Ahli	Tiada	1. RM 800.00 (Mesyuarat Perjawatan Tatatertib C&D) 2. RM 800.00 (Mesyuarat Perjawatan Tatatertib A&B)	70,000.00

Bil	Nama	Jawatan	Elaun Tahunan (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Insentif Tahun 2010/Bonus (RM)
5	YB Teresa Kok Suh Sim Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Ahli	10,000.00	1. RM 1,500.00 (Mesyuarat Perbadanan) 2. RM 800.00 (Mesyuarat EXCO Perbadanan)	140,000.00
6	YB Tuan Iskandar bin Samad Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Ahli	10,000.00	1. RM 1,500.00 (Mesyuarat Perbadanan) 2. RM 800.00 (Mesyuarat EXCO Perbadanan)	140,000.00
7	YB Tuan Azmin bin Ali AND Bukit Antarabangsa	Ahli	10,000.00	1. RM 1,500.00 (Mesyuarat Perbadanan) 2. RM 1,000.00 (Mesyuarat EXCO Perbadanan)	140,000.00

LAMPIRAN 7**PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)**

Bil	Nama	Jawatan	Elaun Tetap Bulanan (RM)	Yuran Pengarah (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Elaun Percutian	Bonus (RM)
1	YAB Tan Sri Dato' Seri Khalid bin Ibrahim Dato' Menteri Besar Selangor	Pengerusi	5,000.00	80,000.00	5,000.00 (Mesyuarat Lembaga Pengarah)	60,000.00	Tiada
2	Y.B. Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman Pegawai Kewangan Negeri	Lembaga Pengarah	Tiada	60,000.00	1,000.00 (Mesyuarat Lembaga Pengarah)	40,000.00	Tiada

LAMPIRAN 8**COMMUNICATION CORPORATION SDN BHD (CCSB)**

Bil	Nama	Jawatan	Elaun Tahunan (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Bonus (RM)
1	YAB Tan Sri Dato' Seri Khalid bin Ibrahim Dato' Menteri Besar Selangor	Pengerusi	Tiada	Tiada	Tiada
2	YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi Setiausaha Kerajaan Negeri	Lembaga Pengarah	Tiada	Tiada	Tiada
3	Y.B. Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman Pegawai Kewangan Negeri	Lembaga Pengarah	Tiada	Tiada	Tiada

LAMPIRAN 9**KUMPULAN SEMESTA SENDIRIAN BERHAD (KSSB)**

Bil	Nama	Jawatan	Elaun Tahunan (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Bonus (RM)
1	Y.B. Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman Pegawai Kewangan Negeri	Pengerusi	Tiada	1. RM 1,000.00 (Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah KSSB)	10,000.00 (2008) 24,000.00 (2009)
2	YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei ADN Seri Muda	Lembaga Pengarah	Tiada	1. RM 500.00 (Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah KSSB) 2. RM 500.00 (Mesyuarat J/kuasa Penilaian & Pemilihan Tender) 3. RM 500.00 (Mesyuarat EXCO KSSB)	Tiada

YAYASAN SELANGOR

Bil	Nama	Jawatan	Elaun Tahunan (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Bonus (RM)
1	YAB Tan Sri Dato' Seri Khalid bin Ibrahim Dato' Menteri Besar Selangor	Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah	Tiada	1,000.00 (Mesyuarat Pemegang Amanah)	Tiada
2	YB Dato' Haji Mohammed Kusrin bin Haji Munawi Setiausaha Kerajaan Negeri	Ahli Lembaga Pemegang Amanah	Tiada	700.00 (Mesyuarat Pemegang Amanah)	Tiada
3	Y.B. Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman Pegawai Kewangan Negeri	Ahli Lembaga Pemegang Amanah	Tiada	500.00 (Mesyuarat Pemegang Amanah)	Tiada
4	Y.B. Dr Halimah binti Ali Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan	Tiada	1. RM500.00 (Mesyuarat Pemegang Amanah) 2. RM500.00 (Mesyuarat J/Kuasa Pendidikan)	Tiada

LAMPIRAN 11

KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)

Bil	Nama	Jawatan	Yuran Pengarah (RM)	Yuran Mesyuarat (RM)	Elaun Percutian (RM)	Ganjaran Pengarah (RM)	Bonus (RM)
1	YAB Tan Sri Dato' Seri Khalid bin Ibrahim Dato' Menteri Besar Selangor	Pengerusi	100,000.00	20,000.00	100,000.00	120,000.00	Tiada
2	YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi Setiausaha Kerajaan Negeri	Pengarah	50,822.00	6,000.00	50,822.00	Tiada	Tiada
3	Y.B. Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman Pegawai Kewangan Negeri	Pengarah	70,000.00	6,000.00	70,000.00	Tiada	Tiada

RANTAIAN MESRA SENDIRIAN BERHAD (RMSB)

Bil	Nama	Jawatan	Elaun Tahunan (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Bonus (RM)
1	Y.B. Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman Pegawai Kewangan Negeri	Pengerusi	Tiada	500.00	Tiada
2	YB. Puan Hajjah Rodziah Binti Ismail Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Lembaga Pengarah	Tiada	300.00	Tiada
3	YB. Tuan Dr. Abd. Rani Bin Osman ADN Meru	Lembaga Pengarah	Tiada	300.00	Tiada

PENDIDIKAN INDUSTRI YS (PIYSB)

Bil	Nama	Jawatan	Elaun Tahunan (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Bonus (RM)
1	YAB Tan Sri Dato' Seri Khalid bin Ibrahim Dato' Menteri Besar Selangor	Pengerusi	Tiada	2,000.00	Tiada
2	Y.B. Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman Pegawai Kewangan Negeri	Lembaga Pengarah	Tiada	1,000.00	Tiada
3	YB Datin Paduka Zauyah Be Binti T. Loth Khan Penasihat Undang-undang	Lembaga Pengarah	Tiada	1,000.00	Tiada
4	Y.B. Dr Halimah binti Ali Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Lembaga Pengarah	Tiada	1,000.00	Tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: DIDAPATI BANYAK HOTEL-HOTEL BAJET DIBINA SEMENJAK
EMPAT TAHUN YANG LALU DI SELURUH NEGERI SELANGOR.**

95. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah bilangan hotel bajet yang beroperasi setakat ini mengikut kawasan PBT?
 - b) Adakah bilangan hotel bajet ini bertepatan dengan keperluan sosial dan pembangunan ekonomi negeri?
 - c) Apakah syarat-syarat dari PBT bagi kelulusan sesebuah hotel bajet?

JAWAPAN:

- a) Bilangan hotel bajet yang beroperasi di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor adalah seperti berikut :

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN HOTEL BAJET
1.	MBSA	30
2.	MBPJ	57
3.	MPK	17
4.	MPAJ	14
5.	MPSJ	10
6.	MPS	21
7.	MPKj	31
8.	MPSp	6
9.	MDKS	19
10.	MDHS	5
11.	MDKL	9
12.	MDSB	18

- b) Bilangan hotel bajet yang wujud pada hari ini dilihat bertepatan dengan keperluan sosial dan pembangunan ekonomi negeri pada hari ini berikutan permintaan terhadap hotel bajet semakin meningkat dari semasa ke semasa. Kebanyakan hotel-hotel bajet ini mempunyai permintaan yang tinggi kerana perkara-perkara yang berikut :
- i. Penginapan sementara bagi pelajar separuh masa

- ii. Kegunaan persinggahan bagi urusan kerja dalam tempoh yang singkat
- iii. Penginapan bagi keluarga yang datang melawat dalam tempoh yang singkat
- iv. Alternatif kepada golongan berpendapatan rendah

Kewujudan hotel bajet ini turut menyumbang kepada peningkatan sektor pelancongan negeri. Selain itu juga, kewujudan hotel bajet dilihat dapat membantu penduduk setempat menjana pendapatan daripada aspek peluang pekerjaan dan lain-lain perniagaan yang berkaitan, seperti perkhidmatan dobi, pengangkutan dan lain-lain.

- c) Antara syarat-syarat yang dikenakan bagi kelulusan permohonan hotel bajet adalah:

Kelulusan Kebenaran merancang

Mengemukakan permohonan kebenaran merancang perubahan material penggunaan bangunan dari kedai pejabat kepada hotel bajet. Kebenaran Merancang juga mensyaratkan keperluan-keperluan lain seperti berikut :

- i. Lot Parkir Kereta

Menyewa 5 petak tempat letak kereta daripada Majlis bagi tujuan kemudahan pengunjung.

- ii. Sokongan Bomba

Mengemukakan surat kelulusan / sokongan daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor.

- iii. Pengudaraan

Mempunyai 10% pembukaan pengudaraan semula jadi berdasarkan luas lantai atau menyediakan pengudaraan mekanikal.

- iv. Tong Sampah

Menyediakan tong sampah dan pembuangan sampah mengikut peraturan Majlis.

- v. Papan tanda

Menyediakan papan tanda alamat dalam tulisan rumi dan jawi mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Majlis.

vi. Kacau Ganggu

Memastikan aktiviti yang akan dijalankan kelak tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk sekitar. Pemohon juga perlu menjaga kebersihan tapak dan memastikan aktiviti yang dijalankan kelak bebas dari kegiatan yang menyalahi undang-undang.

vii. Pelan Tambahan Pindaan

Pengusaha dikehendaki segera mengemukakan pelan tambahan dan pindaan bangunan kepada Majlis untuk kelulusan dengan mematuhi syarat-syarat berikut :-

- Tangga Kecemasan

Struktur tangga kecemasan (sebagaimana syarat Bomba) hendaklah terletak di dalam sempadan lot premis (tidak dibenarkan didirikan di atas rizab lorong belakang)

- Surau

Menyediakan kemudahan surau untuk kegunaan lelaki dan wanita secara berasingan dengan ukuran 10' x 10' dan tambahan 4' x 2' untuk ruang wuduk.

Buku Rekod

Menyediakan buku rekod penggunaan hotel yang mengandungi maklumat :

- i. Nama Pelanggan
- ii. No. Kad Pengenalan
- iii. Alamat Pelanggan
- iv. No. Telefon

Iklan Di Premis

Tidak dibenarkan memaparkan iklan promosi yang mengelirukan dan yang boleh menimbulkan tanggapan negatif (cth: seperti promosi dengan kadar harga RM 9.99 sejam)

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

Aktiviti yang menyalahi syarat kelulusan lesen seperti urut dan seumpamanya adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Penyediaan Kaunter Perkhidmatan

Menyediakan kaunter untuk perkhidmatan kepada pelanggan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

**TAJUK: FAEDAH YANG DIJANA DARI PERUNTUKKAN SETIAP ADN
MELALUI PEJABAT TANAH**

96. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:
- a) Peruntukkan ADN RM500,000 atau RM600,000 setiap tahun akan diberi faedah apabila di simpan dalam bank. Di manakah dan siapakah yang memagang faedah itu?
 - b) Sila kemukakan faedah yang dijana di bawah peruntukkan Teratai bagi tahun 2008, 2009 , 2010 & 2011 dan siapakah yang telah simpan faedah tersebut.
 - c) Siapakah yang boleh menentukan kegunaan faedah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan ADN yang berjumlah RM500,000.00 dan ahli MMKN berjumlah RM 600,000.00 disalurkan oleh Kerajaan Negeri ke setiap Pejabat Tanah dan Daerah melalui akaun Pegawai Daerah kawasan Dewan Undangan Negeri masing-masing. Oleh yang demikian, faedah yang diberikan oleh bank dikreditkan terus ke dalam akaun Pegawai Daerah.
- b) Faedah terkumpul yang dijana di bawah peruntukkan Teratai bagi tahun 2008, 2009 , 2010 & 2011 adalah sebanyak **RM 10,067,76**. Perincian faedah tersebut mengikut tahun adalah seperti di **LAMPIRAN**. Faedah yang diberikan oleh bank dikreditkan ke dalam akaun Pegawai Daerah.
- c) Penentuan kegunaan faedah bank bagi akaun peruntukan ADN tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan Pegawai Daerah yang merupakan pengawal akaun tersebut dan ia boleh digunakan untuk kegunaan Program Mesra Rakyat ADN berkaitan.

LAMPIRAN**FAEDAH TERKUMPUL YANG DIJANA DI BAWAH PERUNTUKKAN TERATAI
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2011**

TAHUN /FAEDAH	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
JANUARI	254.99	48.50	31.82	37.29
FEBRUARI	484.25	369.21	370.38	414.89
MAC	326.31	357.64	377.94	394.88
APRIL	21.45	322.15	321.16	301.59
MEI	22.18	301.28	311.76	296.00
JUN	310.95	266.67	280.92	273.09
JULAI	307.78	264.23	197.10	277.42
OGOS	258.35	216.42	160.07	213.84
SEPTEMBER	183.09	141.03	140.40	183.29
OKTOBER	159.11	116.26	111.68	130.09
NOVEMBER	57.38	56.96	69.65	85.84
DISEMBER	48.33	32.22	37.26	122.66
JUMLAH	2,434.17	2,492.57	2,410.14	2,730.88
JUMLAH KESELURUHAN	10,067,76			

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH

97. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil alih urusan kutipan dan pengurusan sampah dari pihak operator swasta.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kos yang dikeluarkan oleh semua PBT untuk membeli alatan pembersihan seperti lori dan sebagainya ?
- b) Berapakah kos upah untuk pekerja yang mengendalikan urusan kutipan tersebut ?
- c) Adakah pendekatan ini berjaya menjimatkan kos operasi semua PBT ?

JAWAPAN :

- a) Setelah Kerajaan Negeri menyatakan keputusan bagi melakukan proses pengambilalihan bagi kerja-kerja kutipan sisa pepejal berkuat kuasa pada 16 Oktober 2011. Kebanyakan PBT telah memperuntukkan kewangan bagi membeli alatan pembersihan seperti lori dan sebagainya. Majlis Perbandaran Sepang (**MPSp**) telah membelanjakan sebanyak RM713,677.51 bagi membeli kenderaan seperti lori *compactor* dan lori RORO. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa buah PBT yang tidak mengeluarkan kos sebaliknya hanya menggunakan peralatan lama seperti Majlis Perbandaran Kajang (**MPKj**).
- b) Kos upah kepada pekerja yang mengendalikan kerja-kerja kutipan sampah bagi semua PBT adalah berlainan. Bagi pihak Majlis Perbandaran Selayang (**MPS**) hanya akan melantik pekerja secara kontrak dengan anggaran gaji sebanyak RM647.51 sebulan. Manakala pihak Majlis Perbandaran Klang (**MPK**) telah melantik seramai 50 orang pekerja dengan kadar bayaran gaji sebanyak RM1,200 sebulan.
- c) Ya. Melalui proses pengambilalihan kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam oleh semua PBT, kos operasi dapat dijitamkan. Perincian penjimatan di setiap PBT adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

LAMPIRAN 1

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	JUMLAH PENJIMATAN SETAHUN (RM)
1.	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	22,844,403.60
2.	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	15,000,000.00
3.	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	2,500,000.00
4.	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	6,000,000.00
5.	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	1,800,000.00
6.	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	6,000,000.00
7.	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	12,705,884.62
8.	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	3,121,625.76
9.	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR	6,800,000.00
10.	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	1,220,824.75
11.	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	TIADA
12.	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	2,955,477.40
	JUMLAH PENJIMATAN SETAHUN	80,948,216.13

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK: JOM SHOPPING

98. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri akan melaksanakan program jom *shooping* secara berterusan?
- b) Sehingga Disember 2011 berapa ramai warga emas yang telah menikmati program Jom *Shooping*?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, program JOM Shopping merupakan satu program yang amat popular dan menjadi sebutan ramai. Ia merupakan satu program *One Off* untuk Ahli-ahli berdaftar Skim Mesra Usia Emas. Sama ada ia diteruskan ataupun tidak akan bergantung kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
- b) Sehingga 31hb Disember 2011, sejumlah 30,193 orang Ahli Skim Mesra Usia Emas telah dijemput dan dibawa berbelanja melalui program JOM Shopping.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO` HJ. ABD RAHMAN BIN HJ. PALIL
(SEMENTA)**

TAJUK: KEMPEN JAUHI ARAK

99. Menurut Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, orang Islam tidak dibenarkan untuk bekerja di premis yang menyajikan arak.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk membuat kempen jauhi arak secara besar – besaran?
- b) Apakah status kedudukan kilang arak Carlsberg di Shah Alam yang dijanjikan oleh Pakatan Rakyat (PAS) untuk ditutup jika memenangi PRU -12?
- c) Adakah kilang arak tersebut akan kekal berada di situ atau akan dipindahkan ke kawasan lain?

JAWAPAN:

- a) Kempen Pencegahan Arak Peringkat Negeri Dan Pengenalan Simbol Anti Arak telah dilaksanakan pada 17 hingga 21 Oktober 2011 sebagai tanggungjawab kerajaan di atas kesalahan minum minuman yang memabukkan. Program ini telah dilaksanakan di seluruh negeri Selangor dan telah mendapat perhatian di kalangan masyarakat Islam yang meliputi peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, IPTA, IPTS, pengguna lebuh raya, institusi masjid, dan juga pengunjung pusat membeli belah. Program-program seperti ini akan diteruskan dari semasa ke semasa kerana ianya memberi kesan positif kepada orang awam terutamanya di kalangan masyarakat Islam. Melalui kempen ini juga mereka akan sedar tentang bahayanya arak pada setiap individu bagi mereka yang beragama Islam mahupun yang sebaliknya.
- b) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 1 Mac 2012 telah menolak soalan ini.**
- c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 1 Mac 2012 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : YURAN PENYELENGGARAAN RUMAH PANGSA, APARTMEN DAN KONDOMINIUM

100. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan bercadang mengeluarkan satu garis panduan sebagai rujukan oleh pemaju, MC dan JMB dalam menentukan yuran penyelenggaraan yang munasabah memandangkan terdapat banyak perbezaan pendapat dalam perkara ini?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri akan mengeluarkan **satu garis panduan mengenai mekanisme penetapan caj penyenggaraan** supaya kadar caj penyenggaraan yang lebih sesuai dan praktikal dilaksanakan berdasarkan perbelanjaan sebenar penyenggaraan bangunan bagi sesebuah kawasan pangsapuri. Di samping itu, jika terdapat kadar yang lebih baik, Pesuruhjaya Bangunan (COB) juga boleh membuat syor berkenaan amaun kadar caj dengan membuat perbandingan lain-lain kawasan sekeliling. Peranan COB dalam menentukan kadar caj ini adalah **selaras dengan kuasa yang diperuntukkan** di bawah **Seksyen 41A Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318]**. Sebagai perbandingan dan panduan, amalan di negara Canada, **pemaju atau *strata corporation* bertanggungjawab untuk menyediakan anggaran perbelanjaan bagi kerja-kerja penyenggaraan bangunan pada setiap tahun dan memaklumkan kepada pembeli** di bawah peruntukan *Strata Property Act* [SBC 1998].

Walaupun bagaimanapun, kadar caj yang akan dilaksanakan akan dikaji dari masa ke semasa kerana **penetapan kadar caj penyenggaraan dalam bentuk amaun yang tetap dan standard adalah sukar** disebabkan setiap skim pemajuan strata mempunyai **ciri-ciri yang berbeza** dari aspek berikut:

- i- **Keluasan kawasan, bilangan tingkat dan jumlah unit keseluruhan;**
- ii- **Jenis dan bilangan Harta bersama yang dimiliki;**
- iii- **Kaedah pengurusan sama ada secara sendiri atau melantik ejen pengurusan atau pengurus harta; dan**

- iv- Pihak pengurusan bangunan yang telah dilantik secara teratur iaitu sama ada Badan pengurusan Bersama (*Joint Management Body-JMB*) atau Perbadanan Pengurusan (*Management Corporation-MC*).

Pada tahun 2007, LPHS telah mengutarakan cadangan mengenai kadar caj bagi pangsapuri kos rendah berdasarkan kajian yang dibuat oleh Rahim & Co seperti berikut:

BIL.	BIL. UNIT	CADANGAN MENGIKUT SEN KAKI PERSEGI	PERKIRAAN MENGIKUT RM BAGI SETAHUN	CADANGAN KADAR CAJ PENYENGGARAAN
1.	0-400	RM0.64	RM0.64 x 650 k.p./ 12 bulan =RM34.60	RM35.00
2.	401- 1,000	RM0.54	RM0.54 x 650 k.p./ 12 bulan =RM29.25	RM30.00
3.	1,000 ke atas	RM0.92	RM0.92 x 650 k.p./ 12 bulan =RM49.83	RM50.00

Namun begitu, kadar caj tersebut tidak dapat digunapakai kerana keunikan pada setiap kawasan pemajuan pangsapuri kos rendah seperti ciri-ciri yang dinyatakan di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: PELANTIKAN AHLI MAJLIS PBT

101. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah pelantikan ahli majlis PBT yang baru?
- b) Mengapa pelantikan sering ditangguhkan?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: KONTRAKTOR PENURAPAN JALAN

102. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Kenapa Kerajaan tidak menyerahkan pada satu atau dua kontraktor sahaja yang mempunyai kelayakan dan kepakaran dalam mengendalikan kerja-kerja penurapan jalan seluruh Negeri Selangor supaya:
- i. Mudah bagi pihak yang berwajib memantau.
 - ii. Penjimatan kos yang tinggi berbanding dengan menggunakan kontraktor-kontraktor kecil yang banyak.

JAWAPAN:

- a) Di dalam Negeri Selangor, terdapat lebih daripada 6786 kontraktor yang mendaftar dengan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan kerja-kerja di bawah Kerajaan Negeri. Pecahan kontraktor yang mendaftar dengan Kerajaan Negeri mengikut kelas adalah seperti berikut:

Bil	Kelas	Jumlah
1	A	247
2	B	195
3	C	360
4	D	660
5	E	324
6	F	Melebihi 5000

Kerajaan Negeri tidak menyerahkan kerja-kerja penurapan jalan kepada kontraktor tertentu adalah bagi mengelakkan monopoli sesebuah syarikat serta memastikan kos penurapan dapat dijimatkan dengan melaksanakan tender terbuka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK : OPS MUNGKAR

103. Mantan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam, Adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam pernah turun padang dalam Ops Mungkar bagi membanteras premis hiburan tidak bermoral dan tidak berlesen.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan yang diambil oleh Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam baru untuk membanteras masalah moral dan maksiat di kalangan orang Islam?
- b) Adakah Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam baru sanggup turun padang menunjukkan teladan dan sikap serius?
- c) Adakah kerajaan negeri mendapat sokongan dari agensi-agensi kerajaan pusat dalam melaksanakan OPS seperti ini?

JAWAPAN:

- a) Pendekatan yang diambil melalui Jabatan Agama Islam Selangor untuk membanteras masalah moral dan maksiat di kalangan orang Islam ialah dengan memberikan tumpuan dakwah yang berterusan dan penerangan mengenai Enakmen Jenayah Syariah di peringkat akar umbi serta pendidikan diperingkat pra sekolah sehinggalah ke IPTA / IPTS. Menguatkuasakan Enakmen Jenayah Syariah Melalui Jabatan Agama Islam Selangor.
- b) Dalam hal ini, usaha akan diteruskan bagi memastikan perkara-perkara mungkar akan dapat dibanteras dan dikawal dari terus berleluasa.
- c) Kerajaan pusat sentiasa menyokong kerajaan negeri dalam melaksanakan ops bagi membanteras premis hiburan tidak bermoral dan tidak berlesen. Malah ketika melakukan ops bagi membanteras pusat hiburan, ops turut dibantu PBT dan juga kerajaan pusat seperti PDRM, Imigresen, AADK dan lain – lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : TANAH-TANAH BANGLO

104. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila berikan latar belakang dan kronologi pemberian tanah-tanah banglo di kawasan perumahan USJ 3B dan USJ 3D (seperti butir-butir kegunaan asal, tarikh permohonan, kelulusan, bayaran dan sebagainya).
- b) Sila senaraikan nama pemilik, jumlah premium tanah yang telah dibayar dan cara penjualan tanah-tanah banglo ini (sama ada melalui rundingan terus, iklan atau sebagainya).
- c) Mengapakah soalan ini tidak dijawab semasa ditanya pada tahun 2008?

JAWAPAN :

- a) Mesyuarat EXCO MTES Bil 6/2001 yang telah diadakan pada 20 Februari 2001 telah menimbang dan bersetuju meluluskan pemberimilikan tanah di Mukim Sempadan Ladang Ibor, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling kepada 100 pemohon seluas kira-kira 5123 kaki persegi hingga 6546 kaki persegi tiap-tiap plot untuk tujuan tapak rumah kediaman.
- b) Senarai seperti di lampiran.
- c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 1 Mac 2012 telah menolak soalan ini.**

Senarai Ladang Ibor Mukim Damansara

Bil	No. Fail	Nama & Alamat Pemohon	No. Geran	No. PT
1	2/DM. 47/2000	Zulkify bin Fadzil	HS(M) 9545	26113
2	2/DM. 48/2000	Lim Poh Hooi	HS(M) 9557	26089
3	2/DM. 49/2000	Syed Hanafi b. Syed Abd. Rahman	HS(M) 9517	26083
4	2/DM. 50/2000	Tee Tuan Chok	HS(M) 9558	26090
5	2/DM. 51/2000	Fatimah bt Apan (Affan)	HS(M) 9518	26084
6	2/DM. 52/2000	Yong Chiew Bi	HS(M) 9559	26091
7	2/DM. 53/2000	Ng Kim Lock	HS(M) 9560	26092
8	2/DM. 54/2000	Khadijah bt A. R. Shaharudin	HS(M) 9606	26094
9	2/DM. 55/2000	Chan Foong Lin	HS(M) 9561	26097
10	2/DM. 56/2000	Chua Mooi Hua	HS(M) 9562	26100
11	2/DM. 57/2000	Loo Ah Moy @ Loh Ng Looi	HS(M) 9563	26101
12	2/DM. 58/2000	Poh Jui Cheh	HS(M) 9564	26102
13	2/DM. 59/2000	Jaafar bin Saad	HS(M) 9832	26099
14	2/DM. 60/2000	Siow Mee Fong	HS(M) 9519	26103
15	2/DM. 61/2000	John Mohd bin Abdul Rahim	HS(M) 9520	26106
16	2/DM. 62/2000	Lee You Hin	HS(M) 9611	26104
17	2/DM. 63/2000	Pesah bt Ahmad	HS(M) 9554	26108
18	2/DM. 64/2000	Chan Yoke Yin	HS(M) 9565	26105
19	2/DM. 65/2000	Wong Fok Sew	HS(M) 9566	26114
20	2/DM. 66/2000	Ng. Kim Mooy @ Mike Ng	HS(M) 9521	26115
21	2/DM. 67/2000	Rozlan bin Omar	HS(M) 9522	26112
22	2/DM. 68/2000	Zaharah bt Ismail	HS(M) 9576	26138
23	2/DM. 69/2000	Kasthoori a/l Perumal	HS(M) 9619	26140
24	2/DM. 70/2000	Abu bakar bin Hamzah	HS(M) 9546	26141
25	2/DM. 71/2000	Low Seow Hwee	HS(M) 9523	26157
26	2/DM. 72/2000	Cheah Yoon Hoh @ Chean Fan Hoh	HS(M) 9567	26158
27	2/DM. 73/2000	Chan Kok Kiang	HS(M) 9610	26159
28	2/DM. 74/2000	Chin Kow @ Chin Cha Khean	HS(M) 9608	26160
29	2/DM. 75/2000	Lee Chin Teong	HS(M) 9568	26161
30	2/DM. 76/2000	Yap Yun Fatt	HS(M) 9569	26162
31	2/DM. 77/2000	yang Chin Fatt	HS(M) 9614	26164
32	2/DM. 78/2000	Walidah bt Salikin	HS(M)	

Bil	No. Fail	Nama & Alamat Pemohon	No. Geran	No. PT
33	2/DM. 79/2000	Shamsudin bin Hamzah	HS(M)	
34	2/DM. 80/2000	Soo Heng Chin	HS(M) 9570	26165
35	2/DM. 81/2000	Mohd Shahrin bin Hj. Ahmad	HS(M)	
36	2/DM. 82/2000	Noraaini bt Mohd Tahir	HS(M) 9845	26143
37	2/DM. 83/2000	Jamilah bt Mohd Noor	HS(M) 9846	26144
38	2/DM. 84/2000	Maria bt Mahat	HS(M) 9621	26156
39	2/DM. 85/2000	Noor Hayati bt Abdul halim	HS(M) 9644	26155
40	2/DM. 86/2000	Suriawati bt Hj. Ab. Rahman	HS(M) 9547	26154
41	2/DM. 87/2000	Yasmin bt Yusoff	HS(M) 9615	26153
42	2/DM. 88/2000	Zainab bt Sulaiman	HS(M) 9542	26152
43	2/DM. 89/2000	Wan Azmi bin Wan Adnan	HS(M) 9525	26149
44	2/DM. 90/2000	Hazrul Hisham bin Hassan	HS(M) 9526	26150
45	2/DM. 91/2000	Raja Souffi bt Raja Abdullah Omar	HS(M)	
46	2/DM. 92/2000	hamzah bin Ibrahim	HS(M) 9527	26148
47	2/DM. 93/2000	ong Siew Chin	HS(M) 9616	26088
48	2/DM. 94/2000	seripah Noli bt Syed Hussin	HS(M) 9833	26082
49	2/DM. 95/2000	Lim Chee Min	HS(M)	
50	2/DM. 96/2000	Gideon Tan	HS(M) 9572	26077
51	2/DM. 97/2000	Lim Kok Sai	HS(M) 9612	26079
52	2/DM. 98/2000	Hjh. Fatimah bt Abu Bakar	HS(M) 9819	26085
53	2/DM. 99/2000	Chin Soong Siong	HS(M) 9573	26080
54	2/DM. 100/2000	Lim Ewe Beng	HS(M) 9609	26080
55	2/DM. 101/2000	Daniel Ho Whai Ann	HS(M) 9731	26087
56	2/DM. 102/2000	Rasimah bt Deraman	HS(M) 9528	26081
57	2/DM. 103/2000	Lua Kun Eng	HS(M) 9574	26073
58	2/DM. 104/2000	Tham Tick Yee	HS(M) 9575	26072
59	2/DM. 105/2000	Wong Yoong Kong	HS(M) 9576	26074
60	2/DM. 106/2000	Wong Seow Khuang	HS(M) 9577	26116
61	2/DM. 107/2000	Ang Muai @ Wan Ai Chin	HS(M) 9578	26117
62	2/DM. 108/2000	Ngeow yeok meng	HS(M) 9579	26118
63	2/DM. 109/2000	Kamalam a/p Gopal	HS(M) 9580	26119
64	2/DM. 110/2000.	Azmi bin Ismail	HS(M) 9730	26135
65	2/DM. 111/2000	Ishah bt Mahamud	HS(M) 9555	26120

Bil	No. Fail	Nama Pemohon	No. Geran	No. PT
66	2/DM. 112/2000	Abas bin Abdullah	HS(M) 9618	26121
67	2/DM. 113/2000	Mohamed Shafiee bin Md Ali	HS(M) 9613	26122
68	2/DM. 114/2000	Shamsudin bin Uting	HS(M) 9529	26123
69	2/DM. 115/2000	Othman bin Abd. Razak	HS(M) 9743	26124
70	2/DM. 116/2000	Dr. Yati Heweh @ Heriaty Bt Mohd Noor	HS(M) 9548	26125
71	2/DM. 117/2000	Datuk Hj. Ahmad Zikri Hj. Omar	HS(M) 9623	26126
72	2/DM. 118/2000	Datuk Hj. Ahmad Zikri Hj. Omar	HS(M) 9622	26127
73	2/DM. 119/2000	Abdullah bin Mohd Salleh	HS(M) 9556	26128
74	2/DM. 120/2000	Mohammad Adnan bin Zainuddin	HS(M) 9834	26129
75	2/DM. 121/2000	Ramli bin hj. Ahmad	HS(M) 9530	26130
76	2/DM. 122/2000	Dato' Megat Najmuddin Megat Khas	HS(M) 9624	26131
77	2/DM. 123/2000	Md. Mukhtar bin Boerhannoeddin	HS(M) 9549	26132
78	2/DM. 124/2000	Thasan a/l Perumal	HS(M) 9531	26137
79	2/DM. 125/2000	Palandaram a/l Mutusamy	HS(M) 9581	26136
80	2/DM. 126/2000	Mohd Kamal bin Yusof	HS(M) 9543	26134
81	2/DM. 127/2000	Raja Shariffudin bin Raja Ahmad	HS(M) 9532	26066
82	2/DM. 128/2000	Zainun bt Sitam	HS(M) 9533	26067
83	2/DM. 129/2000	Mohd Faizal Muhammad	HS(M) 9534	26068
84	2/DM. 130/2000	Zaiemar bt Mohtar	HS(M) 9535	26069
85	2/DM. 131/2000	Mohamed bin Abd. Ghani	HS(M) 9536	26070
86	2/DM. 132/2000	Akmal Mohamed Arif	HS(M) 9537	26071
87	2/DM. 133/2000	Abu Shafian bin Abd. Hamid	HS(M) 9550	26096
88	2/DM. 3/2001	Mohamed Yusof bin Abd. Halim	HS(M)	
89	2/DM. 42/2001	Bong Nam Long & Tay Siew Yoo	HS(M) 9538	26075
90	2/DM. 44/2001	Norhuda bt Mohamad Noh	HS(M) 9540	26096
91	2/DM. 46/2001	Johar bin Che Din	HS(M) 9540	26107
92	2/DM. 48/2001	Latifah bt Abd. Rahman	HS(M) 9541	26110
93	2/DM. 50/2001	Zarina bt Minuary	HS(M) 9729	26133
94	2/DM. 51/2001	Nor Faizah bt Kachong	HS(M) 9542	26139
95	2/DM. 52/2001	Loo Pow Tick	HS(M) 9553	26147
96	2/DM. 53/2001	Lee Lai Kueu	HS(M) 9632	26163
97	2/DM. 60/2001	Mohd Mokhtar Hj. Mohamed	HS(M) 9607	26145
98	2/DM. 61/2001	Mat Aris bin Bakar	HS(M) 9617	26146
99	2/DM. 62/2001	Suzilani bt Mat Saad	HS (M) 9552	26151

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

**TAJUK: PERMOHONAN LAMPU ISYARAT DI SIMPANG 3 FASA 3
PUNCAK ALAM**

105. Bilangan kenderaan semakin bertambah dengan penambahan pengguna laluan utama jalan raya ini terutama dari penuntut-penuntut UiTM Puncak Alam, kakitangan UiTM dan penduduk dari kampung berdekatan, yang mengguna laluan ini untuk ke UiTM Puncak Alam, Meru Klang, Shah Alam dan Sg Buloh Kepong. Pejabat Saya telah berhubung dengan bahagian perancangan pembangunan bandar Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) tentang aduan penduduk berkaitan lampu isyarat dan laluan kedua ke jalan utama di Fasa 3.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk membina lampu isyarat di Persimpangan di Persiaran Puncak Alam 6, dari arah Taman Perumahan Shah Alam 2 dan Persiaran Puncak Alam 1 dari arah Taman Perumahan Fasa 2, Bandar Puncak Alam?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk membina lampu isyarat di jalan utama Taman Perumahan Fasa 3 untuk keluar masuk?
- c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk membina jalan kedua keluar masuk ke Taman Perumahan Seksyen 12, Fasa 3 Puncak Alam yang juga melibatkan penduduk Apartmen, Sekolah Rendah yang sudah setahun beroperasi dan Sekolah Menengah yang hampir siap pembinaannya?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis Daerah Kuala Selangor telah merancang dan mensyaratkan kepada pemaju untuk mengadakan lampu isyarat di kawasan tersebut dimana ianya telah disyaratkan kepada pemaju Tetuan Worldwide Holdings yang akan memajukan kawasan berhampiran persimpangan tersebut melalui pelan kelulusan infrastruktur.
- b) Pihak Majlis Daerah Kuala Selangor telah merancang dan mensyaratkan kepada pemaju untuk mengadakan lampu isyarat di Jalan Utama Fasa 3 tersebut di mana ianya telah disyaratkan kepada pemaju Tetuan Metro KL City Sdn Bhd melalui pelan kelulusan infrastruktur.

- c) Pihak Majlis Daerah Kuala Selangor telah mensyaratkan kepada pemaju Tetuan Metro KL City Sdn Bhd melalui kelulusan pelan infrastruktur yang akan membangunkan kawasan di sekitar seksyen 12 Fasa 3 Puncak Alam untuk membina jalan baru di kawasan rezab jalan sedia ada bagi laluan alternatif kedua bagi laluan keluar masuk di kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK: KOMPLEKS SUKAN PKNS KELANA JAYA

106. Kerajaan Negeri telah mengarahkan untuk PKNS untuk mengadakan dialog dengan penduduk SS 7 Kelana Jaya berhubung pembangunan semula Kompleks Sukan PKNS Kelana Jaya selepas dibangkitkan pada Sidang yang lepas.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah dialog tersebut akan diadakan?

JAWAPAN :

- a) Mesyuarat bersama Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Ahmad diadakan pada 09 Mac 2012 di Pejabat PKNS bagi membentangkan pindaan pelan pembangunan yang mana akan disusuli dengan perjumpaan dengan para penduduk SS7 Kelana Jaya yang dijadualkan pada 15 Mac 2012.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK : MITIB , KUALA LANGAT (MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SAINS DAN TEKNOLOGI ISTANA BANDAR)

107. Selepas hampir 5 tahun pembangunan MITIB di Kuala Langat

Bertanya kepada YAB Dato 'Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah pencapaian pelajar-pelajar di MITIB selepas hampir 5 tahun dibuka dan apakah penambahbaikan yang dilaksanakan sekarang.
- b) Adakah jaminan kerajaan terhadap tenaga pengajar yang masih lagi berjawatan secara kontrak untuk diserapkan ke jawatan tetap

JAWAPAN :

- a) Selepas 5 tahun di buka pencapaian pelajar di MITIB adalah seperti yang ditunjukkan pada lampiran A.

Penambahbaikan yang sedang dilaksanakan sekarang:

- i- Infranstruktur : telah selesai mengambil alih tanah di sekitarnya seluas 10 ekar lagi untuk tujuan menyediakan kemudahan pelajar termasuk membina makmal sains Tulin, makmal Kemahiran Hidup, dewan, padang-padang permainan dan lain-lain.
- ii- Kurikulum dan Ko-kurikulum : melaksanakan sistem pengajaran dan pembelajaran yang integrated dan Holistic berteras Al-quran dan Hadith, termasuk memasukkan hujah-hujah dalil Al-Quran dalam pengajaran Sains Matematik, Geografi, Sejarah, bahasa dan lain lain subjek.

Membawa tenaga pengajar dari luar termasuk dari Mesir, Sudan dan Indonesia
- iii- Menyediakan latihan guru dengan kerjasama Universiti tempatan seperti Uni.perguruan Sultan Idris (UPSI), Kolej Univ.Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Universiti Teknologi Mara

- iv- Menubuhkan Pusat Bahasa Arab dengan bantuan SESCO dan Pusat Bahasa Arab Mudul Hastum Sudan di Pusat Sumber Pendidikan JAIS (PSPJ) Klang.

- b) **Jabatan Agama Islam Selangor** telah menyiapkan kertas untuk memohon mengujudkan jawatan tetap tanpa pencen kepada Kerajaan negeri dan jawatan tetap berpencen (ke Jabatan Perkhidmatan Awam) bagi menambahbaik / upgred perjawatan guru kontrak.

LAMPIRAN A

MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SAINS DAN TEKNOLOGI ISTANA BANDAR, KUALA LANGAT

A) PERBANDINGAN PMR MITIB 2010-2011

JUMLAH CALON	TAHUN	9A	8A	7A	6A	5A	4A	3A	2A	GRD PURATA
58 Orang	2010	15	12	12	7	5	5	1	1	1.25
110 Orang	2011	54	36	11	4	4	2	-	-	1.10

Catatan :

PMR - Penilaian Menengan Rendah
* Terbaik di Daerah Kuala Langat

B) ANALISIS SMA & SMATQ MITIB 2011

PEPERIKSAAN	MUMTAZ		J.JIDDAN		JAYYID		MAQBUL	
SMA	24	43.6 %	27	49.1 %	3	5.5 %	1	1.8%
SMATQ	5	9.1 %	35	63.6 %	14	25.5 %	1	1.8%

JUMLAH CALON : 55 Orang
GRED PURATA SEKOLAH : 1.55
JUMLAH LULUS : 100%

Catatan :

SMA – Sijil Menengah Agama
SMATQ – Sijil Menengah Agama & Tahfiz Quran

C) SIJIL TAHFIZ MALAYSIA 2011

Pangkat Mumtaz : 4 Orang

D) HAFAZAN

Pelajar Khatam 30 Juzu' Sehingga 5/3/2012
Jumlah Pelajar Khatam : 28 Orang
10 Orang Pelajar Pertama Akan Dibiayai Dalam Melaksanakan Umrah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : PENCURIAN PASIR

108. Dalam usaha membanteras pencurian pasir, penguatkuasa telah pun pernah menahan beberapa 'excavator' (jentera pengorek pasir). Akan tetapi, Kerajaan Negeri dan KSSB tidak mempunyai 'loader' untuk membawa balik excavator-excavator yang dirampas. Excavator-excavator pun ditinggalkan begitu sahaja dan akhirnya diambil balik oleh pencuri pasir. Adalah difahamkan bahawa syarikat-syarikat swasta yang mempunyai 'loader' tidak berani untuk menyewa kepada Kerajaan Negeri kerana mereka telah pun diberi amaran oleh pencuri-pencuri pasir ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN :

- a) Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam Bil.2/2011 yang diadakan pada 25 Februari 2011 telah membuat keputusan bahawa pembelian *low-loader* akan dibuat oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB). Pihak KSSB telah pun mengambil tindakan dengan memohon lesen daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang dahulu dikenali sebagai Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP). Pihak Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah membuat susulan berkaitan perkara tersebut kepada pihak SPAD namun masih belum menerima sebarang maklum balas. Setelah permohonan ini diluluskan kelak, pihak KSSB akan membuat pembelian *low-loader* tersebut.

Selain menggunakan perkhidmatan daripada pihak swasta, pentadbiran tanah mendapat bantuan penggunaan *low-loader* daripada Jabatan Kerja Raya (Mekanikal) Negeri Selangor di dalam tindakan penguatkuasaan bagi aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah. Pihak Berkuasa Negeri juga telah mengenal pasti sebuah tapak yang bersesuaian untuk dijadikan sebagai tapak penyimpanan barang rampasan bagi tindakan penguatkuasaan bahan batuan.

Bagi mengatasi masalah aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah daripada berleluasa, Pejabat Tanah dan Galian Selangor serta Pejabat Tanah Daerah menjalankan pemantauan dan operasi bersepadu bersama jabatan-jabatan

teknikal seperti Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Lembaga Urus Air Selangor, RELA dan lain-lain jabatan yang berkaitan. Pejabat Tanah Daerah juga menjalankan Ops Statik dan rondaan berkala di kawasan yang berpotensi berlakunya kecurian pasir.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK: MASJID PEKAN DENGKIL

109. Masjid Pekan Dengkil telah lama dalam cadangan untuk dibina semula dan peruntukan kerajaan persekutuan sebanyak 3 juta telah diluluskan pada tahun 2010.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah pembinaan masjid tersebut akan dimulakan?
- b) Berapakah jumlah sebenar sumbangan dari kerajaan negeri untuk pembinaan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Tender untuk kontrak pembinaan masjid tersebut telah ditutup pada 26/1/12 dan pembinaannya akan dimulakan sebaik sahaja kontraktor yang berjaya, dilantik.
- b) Sumbangan Kerajaan Negeri untuk pembinaan masjid tersebut berjumlah RM2 juta sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PELABURAN SEKTOR PEMBUATAN

110. Selangor menjadi Negeri kedua tertinggi, mendapat pelaburan sektor pembuatan dalam Malaysia.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Siapakah pelabur-pelabur tersebut, adakah semua pelaburan baru atau tambahan daripada pelaburan awal?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh Januari hingga Disember 2011, sebanyak **263 projek perkilangan** telah diluluskan oleh MIDA/MITI di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 8,741,116,758 (RM 8.741 bilion)**. Sebanyak **RM 4,504,853,012 (RM 4.504 bilion)** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 4,236,263,746 (RM 4.236 bilion)** adalah daripada pelaburan asing.

Daripada jumlah ini sebanyak **171 projek merupakan projek baru** dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 4,383,755,006 (RM 4.383 bilion)**. Manakala sebanyak **92 projek merupakan projek penambahan/pengembangan pelaburan** dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 4,357,361,752 (RM 4.357 bilion)**

Status	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Projek Baru	171	12,887	2,131,830,723	2,251,924,283	4,383,755,006
Projek Pembesaran / Pengembangan Pelaburan	92	7,863	2,373,022,289	1,984,339,463	4,357,361,752
Jumlah	263	20,750	4,504,853,012	4,236,263,746	8,741,116,758

- Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK : KEMAJUAN DI HULU SELANGOR

111. Kerajaan negeri pernah mencadangkan Bernam Jaya sebagai Zon Perkhidmatan Antarabangsa antara cara memajukan daerah Hulu Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah prestasi pelaburan dan pembangunan di Hulu Selangor sekarang selaras dengan cadangan tersebut?
- b) Nyatakan jumlah pelaburan diterima, untuk sektor apa dan dari mana?
- c) Selain Bernam Jaya, apakah kerajaan bercadang membangunkan kawasan Serendah?

JAWAPAN:

- a) Selaras dengan perancangan.
- b) Tiada Pelaburan yang diterima.
- c) Rancangan Kawasan Khas Kampung Perindustrian Sungai Choh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PELAKSANAAN GAJI MINIMA DI SELANGOR

112. Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan gaji minima bagi syarikat-syarikat milikan kerajaan (GLC)

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bila keputusan ini dilaksanakan?
- b) apakah masalah yang timbul akibat tindakan ini?.
- c) Apakah saranan/ketegasan Kerajaan Negeri untuk melibatkan syarikat -syarikat swasta yang bertapak di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Keputusan ini dilaksanakan pada 1hb Januari 2012
- b) Tiada sebarang masalah yang timbul memandangkan memandangkan syarikat-syarikat Kerajaan Negeri yang di bawah MBI tidak mempunyai kakitangan yang digaji di bawah polisi gaji minima,
- c) Tiada sebarang saranan / ketegasan Kerajaan Negeri dalam mempraktikkan polisi ini kerana pelaksanaan polisi gaji minima ini hanya melibatkan Syarikat-syarikat Kerajaan Negeri sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK : GERAN SELANGORKU

113. Kerajaan negeri dalam Bajet 2012 mengumumkan Geran 'Selangorku' dengan jumlah RM300 juta bagi program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

- a) Status terkini Sistem Maklumat Tanah Secara Elektronik iaitu '*Land Bank Library System*' (LBLS) adalah seperti berikut:
 - i. Semua rekod surat cara pendaftaran hak milik *landed property* bagi tahun 2004 sehingga 2010 dan hakmilik strata (2007 - 2010) telah siap diimej iaitu melibatkan sebanyak 1,918,238 rekod surat cara.
 - ii. Sebanyak 86.80% data yang telah di imej telah dimuat turun ke dalam sistem LBLS.
- b) Sistem *Online* yang ingin dibangunkan oleh Kerajaan Negeri buat masa ini masih di peringkat kajian.
 - i. Pada masa ini, Sistem LBLS masih dalam peringkat percubaan dan dijangkakan diguna pakai sepenuhnya pada April 2012. Dengan adanya sistem LBLS, urusan permohonan salinan sah surat cara yang pada masa sekarang mengikut piagam mengambil masa satu minggu boleh diperolehi dalam tempoh masa 5 minit sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : PENUTUPAN MENARA TINJAU

135. Pihak Majlis Perbandaran Kajang telah meletakkan pengadang (barricade) di jalan masuk ke Pusat Pelancongan Menara Tinjau kepada pengunjung.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapa tindakan memasang *barricade* bagi menghalang pengunjung datang dilakukan oleh pihak MPKJ?
- b) Berapakah kerugian yang dialami oleh Pengusaha Pusat Pelancongan tersebut?

JAWAPAN :

- a) Pihak MPKj meletakkan penghadang (barricade) di jalan masuk ke Pusat Pelancongan Menara Tinjau adalah bertujuan untuk mengatasi masalah hakisan yang serius pada cerun bukit di bahagian-bahagian yang dikenal pasti sekitar kompleks tersebut, khususnya di Aras 2 (bersempadan cerun tebing tinggi TLK-Dewan makan utama), Aras 3 (tambahan struktur lantai konkrit bertetulang mengunjur dari laman restoran sedia ada bertiang dan berbumbung terbuka) dan Aras 4 (sekitar restoran - Menara Tinjau). MPKj melaksanakan tanggungjawab dan fungsi Pihak Berkuasa Tempatan seperti termaktub di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974(A133), Akta Perancangan Bandar dan Dewa 1976 (A172), Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (A171) serta Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Industri (MPKj) 2007.
- b) Kerugian yang ditaksirkan adalah melalui pihak Tourism Selangor. Pihak MPKj tidak membuat taksiran kerugian yang dialami oleh Pengusaha Pusat Pelancongan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : REBET CUKAI TAKSIRAN

136. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Memandangkan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) telah memberi rebet cukai taksiran kepada pemilik-pemilik rumah di Bukit Beruntung di mana rumah-rumah mereka tidak dapat didiami dan disewa untuk jangka masa yang lama, adakah kerajaan juga akan melaksanakan dasar ini di PBT-PBT yang lain?
- b) Adakah kerajaan juga akan memberi rebet kepada pemilik-pemilik kilang di bawah program pemutihan kerana kebanyakan pemilik menyediakan infrastruktur dengan menggunakan wang mereka sendiri? Jika tidak, apakah sebabnya?

JAWAPAN :

- a) Pemberian remisi (rebet) atau pulangan balik cukai taksiran yang telah dilaksanakan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor di Bukit Beruntung adalah berdasarkan Seksyen 162 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Seksyen 162 menyatakan sekiranya sesuatu bangunan tidak diduduki tidak kurang dari satu bulan dalam tempoh setengah tahun dan bayaran cukai taksiran telah dibayar oleh pemilik kepada Pihak Berkuasa Tempatan, sebahagian daripada cukai taksiran yang telah dibayar tersebut boleh di mohon untuk pemulangan balik. Walau bagaimanapun, tuntutan pemulangan balik cukai taksiran tersebut hendaklah dilakukan oleh pemilik bangunan dengan mengemukakan tuntutan secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Tempatan dengan membuktikan bahawa bangunan itu dalam keadaan baik dan layak diduduki serta segala usaha yang munasabah untuk mendapatkan penyewa (tenan) telah dibuat.

Kaedah pemberian remisi ini juga telah dilaksanakan di semua PBT Negeri Selangor berpandukan seksyen 162, Akta Kerajaan Tempatan. Garis panduan khusus juga telah disediakan oleh setiap PBT bagi membolehkan mana-mana pemilik bangunan yang ingin memohon remisi ke atas bangunan milik mereka yang tidak diduduki.

- b) Pemutihan Kilang Haram adalah di bawah bidang kuasa Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru Dan Penyelesaian Kilang Haram yang diuruskan oleh Pejabat Tanah Galian Negeri Selangor. Makluman yang diterima daripada urus setia memaklumkan bahawa perkara ini masih

belum dibincangkan. Namun setakat ini, Pihak Berkuasa Tempatan tidak memberikan sebarang rebet cukai taksiran kepada pemilik kilang yang terlibat dalam program pemutihan berikutan rebet hanya diberikan kepada bangunan yang kosong selaras dengan Seksyen 162, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: KEMUDAHAN LIF

137. Terdapat aduan di Pelabuhan Klang lif telah rosak berbulan-bulan sehingga menyusahkan penghuni terbabit.

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan perkara sebegini tidak berulang kembali?
- b) Apakah inisiatif dari Kerajaan Negeri untuk membantu penghuni terbabit dalam menyelesaikan permasalahan ini?
- c) Selain dari Badan Pengurusan Bersama, pihak manakah yang bertanggungjawab untuk memastikan lif dapat di selenggara dan dibaik pulih dengan baik?

JAWAPAN:

- a) Khusus bagi kawasan Pelabuhan Klang dan amnya bagi semua kawasan di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri sedang membuat bancian untuk mendapatkan maklumat mengenai tahap keselamatan penggunaan lif di semua pangsapuri-pangsapuri kediaman negeri Selangor. Tujuan bancian dibuat adalah seperti berikut:
 - i- **Mendapatkan maklumat mengenai status Sijil Perakuan Kelayakan Lif yang perlu diperbaharui setiap 15 bulan;**
 - ii- **Memastikan penyenggaraan lif hanya dibuat oleh firma kompeten yang berdaftar dengan Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP);**
 - iii- **Memastikan jadual penyenggaraan lif disediakan dan dipatuhi oleh firma kompeten terlibat; dan**
 - iv- **Mendapatkan maklumat mengenai keadaan lif sedia ada supaya lif-lif yang didapati rosak serta tidak berfungsi akan disalurkan bantuan baikpulih melalui Skim CERIA (*Caring Government For Residents' Improvement Aid*).**

- b) Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] telah memperuntukkan hakmilik tanah bagi sesebuah kawasan pemajuan strata adalah hakmilik semua pembeli di bawah satu entiti yang dikenali sebagai Perbadanan Pengurusan (*Management Corporation*). Oleh itu, **pembeli adalah bertanggungjawab untuk menyenggara dan mengurus bangunan pangsapuri mereka sendiri termasuk lif**. Walau bagaimanapun, memandangkan lif adalah komponen dan kemudahan asas yang penting dan perbelanjaan penyenggaraan lif adalah sangat tinggi untuk dibiayai oleh pembeli-pembeli yang mempunyai pendapatan yang rendah, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah pro-aktif dengan mewujudkan **Skim Bantuan Baikpulih Bangunan atau *Caring Government For Residents' Improvement Aid* (CERIA) untuk membaikpulih kemudahan komuniti termasuk lif**.

Untuk meringankan beban kewangan penduduk terlibat, Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk membiayai kos baikpulih secara perkongsian iaitu Kerajaan Negeri (80%) dan pembeli (20%). Justifikasi kaedah perkongsian kos ini adalah seperti berikut:

- i- **Pembeli berasa kepunyaan (*sense of belonging*) ke atas kemudahan yang dibaikpulih; dan**
- ii- **Pembeli tahu jumlah kos baikpulih yang telah dibiayai oleh Kerajaan Negeri di mana kos tersebut sepatutnya ditanggung pembeli.**

Kesinambungan daripada Skim CERIA, **Kerajaan Negeri mengadakan program Kempen “Pangsapuri Kita Bersih, Ceria Dan Harmoni” bertemakan “Anti Vandalisme”** bertujuan memupuk kesedaran kepada penduduk-penduduk pangsapuri untuk saling bekerjasama menjaga kemudahan komuniti khususnya lif dengan berhemah. Kerajaan Negeri juga sedang merangka satu **modul penilaian (*Star Rating*)** supaya dapat menilai impak keberkesanan Skim CERIA kepada pangsapuri yang telah menerima bantuan melalui beberapa indikator petunjuk prestasi utama (*Key Performance Indicators*) yang ditetapkan.

- c) Selain daripada Badan Pengurusan Bersama, Perbadanan Pengurusan juga merupakan pihak yang bertanggungjawab memastikan lif disenggara dan di baikpulih. Manakala, agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap perkara ini adalah Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan di bawah peruntukan Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 139].

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: SIMPANAN TUNAI SELANGOR MENINGKAT RM1.9 BILION

138. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah pecahan pendapatan kerajaan Negeri sehingga membolehkan meningkatnya Simpanan Tunai?

JAWAPAN:

- a) Peningkatan simpanan tunai Kerajaan Negeri Selangor adalah disumbangkan oleh pertumbuhan hasil tahun semasa dan peningkatan terimaan keatas Akaun Amanah Disatukan.

Pendapatan Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Berikut adalah pecahan pendapatan kerajaan negeri pada tahun 2011.

Perihal	2010 (RM)	2011 (RM)
Hasil Cukai	517,744,564.31	534,323,456.32
Hasil Bukan Cukai	674,055,368.07	791,183,353.58
Terimaan Bukan Hasil	<u>379,703,774.44</u>	<u>308,502,335.21</u>
Jumlah	1,571,503,706.82	1,634,009,145.11

Jumlah cukai yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri sehingga 31 Disember 2011 adalah sebanyak RM1.634 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM62.5 juta atau 4% berbanding kutipan tahun 2010 sebanyak RM1.571 bilion.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SEWAAN BANGUNAN OLEH SSIC BHD DAN YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (YAWAS) DI PEJABAT I-CITY BHD

139. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapa SSIC Bhd dan Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) perlu menyewa pejabat di I-City Bhd dengan kos yang tinggi sedangkan di Menara Perangsang Selangor masih banyak terdapat ruang pejabat yang lebih murah?

JAWAPAN :

- a) Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) perlu untuk menyewa pejabat di I-City adalah kerana YAWAS adalah sebuah syarikat Pengurusan Data berkaitan Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).YAWAS memerlukan kemudahan laluan internet tanpa gangguan untuk memastikan operasi berjalan lancar. I-City ada menyediakan kemudahan tersebut dengan menggunakan *Fiber Optic* yang di sokong oleh tiga syarikat iaitu Telekom, Celcom dan juga Maxis. Diatas sebab ini, I-City telah pun dipilih sebagai tempat operasi YAWAS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK

140. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perbezaan rumah mampu milik Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan?
- b) Apakah sasaran pembinaan rumah mampu milik Kerajaan Selangor
- c) Bagaimanakah prestasi pelaksanaan rumah mampu milik di Selangor

JAWAPAN:

- a) Antara Perbezaan ketara di antara rumah mampu milik yang dilaksanakan Kerajaan Negeri Selangor dengan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

Perbezaan	Kerajaan Negeri	Kerajaan Persekutuan
Nama Rumah Mampu Milik	Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru	Projek Rumah 1 Malaysia (PR1MA)
Agensi Pelaksana	Anak Syarikat Kerajaan Negeri dan Pemaju Swasta	Entiti Kerajaan Persekutuan (PR1MA)
Kelayakan Pendapatan	Pendapatan isirumah di antara RM2,500- RM5,000 sebulan	Pendapatan isirumah di bawah RM6,000 sebulan
Harga Jualan	Di bawah RM120,000 seunit	Antara RM150,000 hingga RM300,000 seunit.
Saiz Rumah	850 – 1,000 kaki persegi	850 – 1,400 kaki persegi.
Kumpulan Sasaran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak memiliki rumah kecuali bagi mereka yang memiliki RKR lebih 5 tahun. 2. Keutamaan untuk golongan berikut: <ul style="list-style-type: none"> - Golongan di bawah 35 tahun. - Warga emas. - Golongan Kelainan Upaya (OKU). 	Terbuka kepada pembeli pertama.
Kebenaran Pindah milik	Selepas 5 tahun	Selepas 10 tahun

- b) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sahaja telah mensasarkan untuk membina sejumlah kira-kira 11,000 unit Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru dalam tempoh 5 tahun dari tahun 2011 hingga tahun 2016 dan tambahan 10,000 unit lagi untuk tempoh 5 tahun yang berikutnya. Ini tidak termasuk cadangan pembinaan oleh pemaju swasta yang lain.
- c) Sebagai langkah permulaan, PKNS telah membina dan merancang sebanyak 1,948 unit manakala pihak pemaju swasta pula telah mula membina sebanyak 135 unit dan merancang untuk membina 536 unit sehingga penghujung tahun 2012. Lokasi-lokasi pembinaan Projek Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru adalah seperti berikut:

i) Projek Yang Dibangunkan Oleh PKNS

Kawasan	Jenis Perumahan	Bilangan Unit	Status Pelaksanaan
Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, Hulu Langat	Pangsapuri	124	14% Kerja-kerja di tapak
Seksyen U12, Shah Alam, Petaling (PKNS /Debbin Sdn. Bhd),	Pangsapuri	96	Menunggu Kelulusan Kebenaran Merancangdari MBSA
Seksyen U12, Shah Alam, Petaling (PKNS / Must Ehsan Sdn. Bhd.)	Pangsapuri	400	Konsep pembangunan sedang disediakan.
Antara Gapi, Hulu Selangor	Town House	128	Pindaan Pelan Susunatur telah dikemukakan kepada MDHS
Kota Puteri, Kuala Selangor	Town House	300	Konsep pembangunan sedang disediakan.
Kg. Seri Temenggong, Gombak	Pangsapuri	500	Konsep pembangunan sedang disediakan.
Taman Sains Selangor II, Sepang	Pangsapuri	400	Konsep pembangunan sedang disediakan.
Jumlah		1,948	

ii) **Projek Yang Dibangunkan oleh Pemaju Swasta**

Kawasan	Jenis Perumahan	Bilangan Unit	Status Pelaksanaan
Taman Alam Budiman Seksyen U10, Shah Alam	Pangsapuri	536	EXCO telah luluskan pada 30 Nov 2011
Bandar Sg. Long, Cheras Daerah Hulu Langat	Pangsapuri	135	Dalam pembinaan (70%)
Jumlah		671	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: INTEGRITI ADUN

141. Terdapat integriti ADUN Kerajaan Negeri dalam siasatan kes rasuah pasir.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap perkara ini?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membiayai kos guaman jika mereka terbabit didakwa di mahkamah?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : TABUNG KECEMASAN

142. Tabung Kecemasan Kerajaan Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimana Tabung ini diuruskan?
- b) Apakah syarat-syarat yang dikenakan untuk mendapat bantuan ini?.
- c) Bagaimana penglibatan kerajaan Negeri dengan agensi-agensi kerajaan lain bagi menangani masalah kecemasan?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor tidak pernah menubuhkan Tabung Kecemasan Negeri Selangor. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor ada mewujudkan tabung khusus untuk menangani bencana alam iaitu Tabung Bencana Khas Negeri Selangor.

Tabung ini telah ditubuhkan melalui resolusi Dewan Undangan Negeri mengikut peruntukan Seksyen 10(4)(a), Akta Acara Kewangan 1957. Sebarang penggunaan peruntukan daripada tabung ini adalah tertakluk kepada perbelanjaan-perbelanjaan yang dibenarkan oleh Arahan Amanah (*Trust Deeds*) tabung berkenaan iaitu:-

- i. Semua wang dari Kumpulanwang ini hanya dibenarkan untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan bagi membantu kerja-kerja menyelamatkan dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya serta mangsa-mangsa bencana, waris-waris mangsa dan mereka-mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan bencana berkenaan yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola.

Selain daripada Arahan Amanah (*Trust Deeds*) tersebut, Tabung Bencana Khas Negeri Selangor ini juga diurus berdasarkan kepada peraturan dan ketetapan yang sedang berkuat kuasa iaitu:-

- i. **Keputusan MMK.Bil.23/2004 bertarikh 15 Julai 2004** berhubung penyaluran peruntukan kewangan sebanyak RM40,000.00 kepada setiap

Tabung Bencana Daerah dan penambahan balik (rekupmen) apabila baki peruntukan di bawah amaun tersebut.

Berdasarkan kepada peraturan dan ketetapan tersebut, penyaluran bantuan bencana daripada tabung ini diurus melalui Pejabat Tanah/Daerah dalam kes-kes bencana Peringkat Daerah (Tahap 1). Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Daerah (JPBBDD) akan menilai bantuan yang wajar disalurkan kepada mangsa dengan kerjasama Penghulu Mukim dan Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Manakala dalam kes-kes bencana peringkat negeri (Tahap 2), urusetia Tabung Bencana Khas Negeri Selangor iaitu Perbendaharaan Negeri Selangor akan menyalurkan bantuan mengikut ketetapan:-

- i. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN); ATAU
- ii. YB Pegawai Kewangan Negeri selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perkara 5.2, Arahan Amanah (*Tust Deeds*) Tabung Bencana Khas Negeri Selangor.

Walaupun bagaimanapun, perlu dijelaskan bahawa bantuan di bawah maksud ini adalah semata-mata bantuan ehsan untuk meringankan penderitaan oleh mangsa dan bukan berbentuk ganti rugi atau pampasan.

Bermula tahun 2012, Perbendaharaan Negeri Selangor akan melaksanakan *modus operandi* baru di mana Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Daerah (JPBBDD) JPBBDD diberi kebenaran mengeluarkan tunai menggunakan kad ATM dengan had RM10,000.00 sehari untuk tujuan penyaluran bantuan bencana.

Keberkesanan perkara ini amat bergantung kepada kecekapan Pejabat Tanah/Daerah dalam menyalurkan bantuan bencana kepada mangsa dan mengemukakan rekupmen kepada Perbendaharaan Negeri Selangor.

Usaha penambahbaikan ini dibuat bagi memastikan bantuan kepada mangsa bencana disalurkan dengan segera sekaligus meningkatkan sistem penyampaian (*delivery system*) perkhidmatan awam dan imej Kerajaan Negeri Selangor.

- b) **Keputusan MMK.Bil.23/2004 bertarikh 15 Julai 2004** telah menetapkan syarat-syarat penerima bantuan bencana seperti berikut:-
- i. Warganegara Malaysia;
 - ii. Mangsa bencana berdasarkan kepada unit rumah;
 - iii. Bagi rumah yang disewa, hanya penyewa sahaja akan menerima bantuan dan bukan pemilik rumah;
 - iv. Mangsa bencana dikehendaki melapor kejadian bencana kepada Ketua Kampung dalam masa 3 hari selepas kejadian dan disahkan oleh Penghulu Mukim;
 - v. Mangsa bencana dikehendaki mendaftarkan diri di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri; DAN
 - vi. Mangsa bencana dikehendaki membuat laporan polis terhadap bencana dialaminya.
- c) Kerajaan Negeri sentiasa berhubung rapat dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam menangani sesuatu bencana atau masalah kecemasan seperti yang dimaksudkan. Ini kerana, pengurusan bencana alam pada dasarnya diurus selaras dengan **Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20 (Pengurusan Bencana Alam)** yang telah menggariskan dengan jelas fungsi dan peranan agensi/jabatan kerajaan dalam hal-hal berlakunya bencana sama ada ia berlaku di Peringkat Daerah (Tahap 1), Peringkat Negeri (Tahap 2) mahu pun Peringkat Pusat (Tahap 3).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO` HJ. ABD RAHMAN BIN HJ. PALIL
(SEMENTA)**

TAJUK: PORTFOLIO EXCO

143. Terdapat lantikan baru dan rombakan portfolio EXCO agama kerana perubahan dalam parti PAS Selangor selaku komponen dalam kerajaan Pakatan Rakyat Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rasional rombakan portfolio pada EXCO yang baru sehingga portfolio agama tidak lagi dipegang seperti EXCO sebelumnya?
- b) Apakah YAB Dato' Menteri Besar tidak percaya dengan parti PAS?
- c) Apakah YAB Dato' Menteri Besar mampu melaksana tugas portfolio penting yang banyak dan sekali gus dengan berkesan?

JAWAPAN:

- b) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 1 Mac 2012 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

**TAJUK : PAGAR-PAGAR PEJALAN KAKI DI JAMBATAN JALAN TENGGU
KELANA**

144. Pagar-pagar pejalan kaki di jambatan Jalan Tengku Kelana, Klang telah dicuri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?
- b) Berapakah kos keseluruhannya untuk pagar-pagar pejalan kaki di jambatan Jalan Tengku Kelana, Klang?

JAWAPAN :

- a) Pagar-pagar pejalan kaki di jambatan (Musaeiddin) Jalan Tengku Kelana telah dirosakkan oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

Kerja-kerja pemasangan pagar tersebut masih di dalam tempoh liabiliti kecacatan kontraktor sehingga Ogos 2012.

Pagar tersebut akan dipasang semula dan diperkukuhkan.

- b) RM105,310.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: PENYAMPAIAN MAKLUMAT YANG TELUS

145. Sedia maklum di Negeri Selangor kini telah banyak isu-isu sensasi yang berkaitan telah wujud dan berbangkit.

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Bagaimanakah cara serta tindakan yang akan diambil atau dijalankan Kerajaan Negeri dalam menangani isu-isu sensasi tersebut?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil dari Kerajaan Negeri dalam membendung perkara sebegini dari terus berleluasa?
- c) Apakah Kerajaan Negeri akan menyampai serta menyalurkan maklumat secara telus dan terbuka kepada rakyat di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK

146. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah kerajaan bercadang mendirikan lebih banyak Rumah Mampu Milik dan apakah terdapat teknologi yang boleh mengurangkan lagi kos pembinaan supaya dapat dijual dengan harga yang lebih murah ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri memang berhasrat untuk mendirikan lebih banyak Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru pada masa hadapan bagi memenuhi keperluan golongan belia dan eksekutif muda yang berpendapatan di antara RM2,500.00 hingga RM5,000.00 sebulan. Untuk itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah mensasarkan untuk membina sejumlah kira-kira 11,000 unit Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru dalam tempoh 5 tahun dari tahun 2011 hingga tahun 2016 dan tambahan 10,000 unit lagi untuk tempoh 5 tahun yang berikutnya.

Berkenaan pengurangan kos binaan dengan menggunakan teknologi terkini, Kerajaan Negeri sehingga kini masih lagi mencari kaedah yang terbaik bagi mengatasi masalah tersebut. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri telah bercadang untuk mengadakan Bengkel Penyediaan Dasar Perumahan Negeri Selangor. Skop bengkel tersebut termasuklah membincangkan aspek penetapan harga jualan Rumah Mampu Milik, mengenalpasti meterial dan teknologi pembinaan yang mampan, murah dan tanpa berkompromi dari aspek kualiti yang boleh diterapkan dalam pembinaan Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PELANTIKAN PENASIHAT EKONOMI NEGERI SELANGOR

147. YB Dato Seri Anwar Ibrahim telah dilantik sebagai Penasihat Ekonomi Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan sumbangan-sumbangan dan buah fikiran Penasihat Ekonomi Negeri Selangor tersebut yang telah diterapkan di dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri?
- b) Nyatakan berapakah gaji bulanan atau elaun yang diterima oleh Encik Rafizi Ramli selaku CEO di Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor?
- c) Nyatakan jumlah kos mengendali bulanan (monthly overhead cost) pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor itu?

JAWAPAN :

- a) Penasihat Ekonomi melalui program roadshow Wacana Memperkasa Fikrah Rakyat: Maqasid Syariah dan Masyarakat Majmuk di kesemua PBT Selangor telah berusaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negeri dengan penekanan terhadap keadilan sosial agar jurang kemiskinan dapat dirapatkan sebagai prinsip pemeliharaan harta.

Keprihatinan terhadap rakyat inilah yang mendorong beliau mengusulkan Projek Khas Infrastruktur Daerah Negeri Selangor 2011 dengan peruntukan khas berjumlah RM100 juta kepada sembilan (9) Daerah. Fokus pelaksanaan projek adalah tertumpu kepada projek-projek yang kritikal di kawasan luar bandar dan kampung-kampung tradisi yang melibatkan kerja-kerja seperti berikut:-

- Penyelenggaraan dan baik pulih jalan kampung ;
- Bina dan baik pulih longkang ;
- Baik pulih jambatan/titi ;
- Baik pulih balai raya ;
- Bina dan baik pulih kemudahan sukan ;
- Bina dan baik pulih gerai luar bandar ; dan
- Baik pulih Sekolah Rendah Agama (SRA).

- b) Gaji bulanan dan elaun yang diterima oleh Encik Rafizi Ramli selaku CEO di Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor seperti berikut :-

Gaji bulanan	-	RM13,000.00
Elaun	-	RM 2,000.00
Jumlah	-	RM15,000.00

- c) Kos mengendalikan bulanan (monthly overhead cost) pejabat Penasihat Ekonomi Negeri adalah sebanyak RM12,500.00, butiran seperti berikut :-

Peruntukan daripada Kerajaan Negeri setahun -	<u>RM150,000.00</u>
	12 bulan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PELBAGAI PROJEK DI BAWAH KDEB

148. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 muka surat 134 – 140.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap pengurusan Projek Selangor Halal Hub yang tidak memuaskan?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap harga jualan hartanah di Taman Malawati Jaya Kuala Selangor oleh Kumpulan Hartanah Selangor Berhad yang tidak mengikut nilai pasaran semasa?
- c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap projek usahasama Cyber Valley Commercial Centre di Mukim Dengkil yang merugikan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad?

JAWAPAN :

- a) Lembaga Pengarah Central Spectrum telah membekukan untuk sementara waktu semua jualan tanah perindustrian di Pulau Indah berkuat kuasa mulai Mei 2011, kecuali lot tanah kecil, kepada pengusaha yang sah dan berminat menjalankan perusahaan perniagaan di HHS dengan harga tidak kurang dari RM1 juta seekar, tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah.

Pada November 2011, Lembaga Pengarah Central Spectrum juga telah meluluskan model perniagaan yang baru, iaitu jualan secara pajakan berkontrak dan bukannya jualan secara terus, di mana tanah hanya dibenarkan untuk dipindah milik selepas pembangunan dijalankan mengikut tempoh masa yang ditetapkan di dalam Perjanjian Pajakan.

Pihak pengurusan sedang berusaha untuk melaksanakan aktiviti berikut:

- Makmal Penyelidikan Halal yang dijalankan secara komersial di TPPI atau HHS;
- Kemudahan Pembungkusan Halal yang dijalankan secara komersial untuk Usahawan Kecil & Sederhana di TPPI atau HHS;
- Kemudahan Simpanan/Stor Halal yang dijalankan secara komersial untuk Usahawan Kecil & Sederhana di TPPI atau HHS;
- Perkhidmatan Pemasaran & Promosi Halal yang dijalankan secara komersial di TPPI atau HHS.

- b) Berpandukan objektif untuk mengelakkan kerugian akibat permintaan yang rendah disebabkan keadaan rumah yang tidak memuaskan, Lembaga Pengarah dan Pengurusan KHSB pada masa itu telah mengambil keputusan menjual baki unit di projek tersebut dengan harga lebih rendah daripada harga jualan asal.
- c) Lembaga Pengarah KHSB telah merumuskan polisi dan tatacara yang mewajibkan penilaian bebas ke atas hartanah yang di dalam perancangan untuk jualan. Selanjutnya, proses tender diamalkan untuk sesuatu jualan hartanah.

Bagi projek usaha sama baru, Lembaga Pengarah dan Pengurusan KHSB juga telah mewajibkan kajian kebolehlaksanaan komprehensif untuk dijalankan sebelum terlibat dengan projek usaha sama. Selanjutnya, setelah dimeterai, proses kawalan serta pemantauan dilaksanakan bagi memastikan kemajuan projek usaha sama dapat dicapai.

Langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan termasuklah penilaian teliti rakan usaha sama yang berpotensi, seperti sejarah kredit, rekod prestasi, kestabilan kewangan dan lain-lain

Mulai sekarang, hartanah milik KHSB yang terlibat di dalam sesuatu projek usaha sama tidak boleh di cagarkan oleh rakan usaha sama tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN

149. Belia dan sukan diibaratkan seperti aur dengan tebing

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah pendekatan dan bentuk kerjasama Majlis Sukan Negeri Selangor dengan persatuan sukan negeri atau daerah serta pihak swasta dalam mencari dan mencungkil bakat-bakat baru belia remaja yang berpotensi dan berkualiti di dalam sukan-sukan tertentu?
- b) Sejauh manakah keberjayaan Majlis Sukan Negeri Selangor di dalam pembangunan belia dan sukan?
- c) Adakah Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah kewangan di dalam program pembangunan belia dan sukan? Sila nyatakan senarai dan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada pihak yang berkaitan.

JAWAPAN:

- a) Majlis Sukan Negeri Selangor telah merangka pelbagai kaedah atau pendekatan kerjasama dan usahasama bagi memastikan pelan program pembangunan sukan di negeri Selangor dapat memberi impak yang berkesan. Antara pendekatan dan bentuk kerjasama yang dilaksanakan adalah seperti berikut :
 - i. Mengadakan program 'Talent Identification Development' (TID) iaitu jalinan usahasama melalui Institut Sukan Negara (ISN) dibawah kendalian Unit Sukan Prestasi Tinggi (USPTN), Majlis Sukan Negara dan Unit Sains Sukan serta Persatuan-persatuan Sukan Negeri (PSN) mengikut jenis-jenis sukan berkaitan.
 - ii. Menganjur Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES). SUKSES adalah merupakan 'platform' serta medan pertandingan bagi mencungkil bakat-bakat baru serta mengetengahkan atlet sukan yang berpotensi terutama peringkat umur bawah 20 tahun. Perlaksanaan SUKSES adalah melibatkan penyertaan atlet dari seluruh daerah dalam negeri Selangor. Bermula tahun 2011 pihak majlis telah mengambil pendekatan format penganjuran SUKSES mengikut format penganjuran SUKMA. Ini bertujuan memberi fokus pada keterlibatan acara sukan yang dipertandingkan di SUKMA diaplikasi.

b) Keberjayaan Majlis Sukan Negeri dalam pembangunan SUKAN dapat diukur dengan keberhasilan pencapaian seperti berikut :

- i. Antara sebuah negeri yang berjaya melahirkan atlet diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Seramai 58 orang atlet negeri Selangor telah berjaya terpilih mewakili Negara dalam Temasya Kejohanan Sukan SEA, Jakarta 2011 yang lalui serta meraih kejayaan dengan pencapaian 19 pingat emas.
- ii. Diperingkat kejohanan kebangsaan dan peringkat umur atlet Selangor sentiasa memberi dan menjadi pesaing serta berjaya meraih pingat dalam mana kejohanan yang disertai.
- iii. Majlis Sukan Negeri Selangor tidak pernah merasa selesa dengan pencapaian tersebut. Hal ini kerana pencapaian negeri lain seperti Terengganu telah mengorak langkah dan mendominasi acara –acara sukan tertentu. Oleh itu melalui rancangan jangka panjang kerjasama antara Persatuan Sukan Negeri (PSN), Majlis Sukan Daerah (MSD) dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Selangor (MSSS) akan lebih mengukuhkan lagi badan-badan sukan di negeri Selangor dan pelbagai program pembangunan binaan serta klinik atau bengkel akan lebih kerap dilaksanakan melalui Pelan Strategik yang dirangka.

Keberjayaan Majlis Sukan Negeri dalam pembangunan BELIA dapat diukur dengan keberhasilan pencapaian seperti berikut :

- i. Melahirkan pemimpin belia yang berketerampilan hasil dari kursus-kursus Kepimpinan & Pengurusan yang telah dilaksanakan. Hasilnya segelintir pengerusi PeBT ini berjaya untuk menjawat jawatan yang lebih baik di organisasi dan di peringkat zon masing-masing.
- ii. Berjaya melahirkan dan mengetengahkan bakat –bakat baru dalam Seni dan Budaya melalui program Anugerah Bakat Muda Selangor ,Festival of Youth dan Bengkel Penulis Muda.
- iii. Melahirkan peniaga-peniaga kecil melalui program-program keusahawanan seperti program Flea Market Gen-S , Kursus dan seminar keusahawanan bumiputera yang mana ianya mendapat sambutan daripada belia lelaki dan wanita serta mahasiswa.
- iv. Berjaya mendapatkan sambutan orang ramai atau masyarakat setempat di dalam program-program kemasyarakatan seperti Youth in Community di setiap PBT.
- v. Melahirkan belia sihat dan bersukan dalam program Jelajah Futsal. Pada tahun 2011 program sukan (Futsal) mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari segi penyertaan.

c) Kerajaan negeri sememangnya telah menyediakan peruntukan sejumlah kewangan dalam program pembangunan belia dan sukan. Antara peruntukan yang disediakan adalah seperti berikut :

- i. Pembangunan Sukan Sepanjang tahun - RM2.7juta
- ii. Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) - RM4.0juta
- iii. Pembangunan Belia sepanjang tahun - RM3.3juta

(termasuk Program PeBT yang disalurkan melalui PBT)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : LESEN KAFE SIBER

150. Selepas enam tahun lesen pembukaan kafe siber ditahan, kini sekatan tersebut telah ditarik balik.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah yang mewajarkan sekatan lesen kepada kafe siber ditarik balik?
- b) Apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada peniaga?
- c) Adakah dengan syarat-syarat ini dapat menjamin tidak berlakunya gejala sosial dan perjudian?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, sekatan lesen bagi kafe siber masih dibekukan dan belum ditarik balik. Walau bagaimanapun, kelonggaran diberikan kepada premis yang dibuka berhampiran pusat pengajian tinggi bagi memenuhi keperluan pelajar untuk akses kepada kemudahan internet.
- b) Syarat-syarat yang dikenakan kepada peniaga adalah tertakluk pada Undang-undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber serta garis panduan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri. Antara syarat-syarat yang dikenakan adalah:

Aktiviti

- i. Aktiviti utama Pusat Siber dan Kafe Siber adalah dihadkan kepada aktiviti penyebaran dan mendapatkan maklumat melalui internet sahaja.
- ii. Kegiatan-kegiatan lain adalah tidak dibenarkan sama sekali khususnya kegiatan berbentuk hiburan seperti berikut:-
 - a. Permainan video;
 - b. Perjudian;
 - c. Mengakses dan muat turun gambar-gambar lucah;
 - d. Muzik (pipe music);
 - e. Penjualan bahan-bahan bercetak yang mengandungi unsur-unsur negatif; dan
 - f. Menjual atau menggunakan minuman beralkohol, rokok atau dadah berbahaya di dalam premis.

- iii. Pengusaha Pusat Siber dan Kafe Siber hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang aktiviti kurang sihat berlaku di Pusat Siber dan Kafe Siber.
- iv. Pengusaha Pusat Siber dan Kafe Siber hendaklah mendapatkan surat kelulusan/sokongan polis.

Tempoh Waktu Operasi

- i. Masa operasi bagi Pusat Siber dan Kafe Siber adalah dihadkan daripada pukul 7.00 pagi sehingga jam 12.00 tengah malam sahaja.
- ii. Bagi pengunjung di bawah umur 12 tahun, mereka hanya dibenarkan mengunjungi Pusat Siber dan Kafe Siber sehingga pukul 10.00 malam sahaja.

Had Umur Pelanggan

- i. Pusat Siber dan Kafe Siber hanya dibuka kepada pengunjung berumur 12 tahun ke atas. Walau bagaimanapun, mereka yang berumur 12 tahun dibenarkan mengunjungi Pusat Siber dan Kafe Siber dengan ditemani oleh ibu bapa ataupun penjaga yang sah.
- ii. Pelajar yang berpakaian seragam sekolah adalah dilarang memasuki Pusat Siber dan Kafe Siber.

Lokasi

- i. Pusat Siber dan Kafe Siber tidak dibenarkan beroperasi berhampiran dengan kawasan-kawasan sensitif seperti masjid, rumah ibadat dan lain-lain kawasan yang dirasakan tidak wajar oleh Pihak Berkuasa Melesen. Jarak minima yang dibenarkan sekurang-kurangnya **500 meter** daripada kawasan tersebut.
- c) Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, syarat-syarat yang dikenakan merupakan kaedah dan menjadi garis panduan untuk mengurangkan serta mengawal berlakunya gejala sosial dan perjudian di premis Kafe Siber. Gejala sosial dan perjudian dapat diatasi sekiranya pengusaha mematuhi syarat-syarat yang dikenakan. Dengan adanya syarat-syarat tersebut juga, tindakan penguatkuasaan boleh dikenakan terhadap pemilik premis seperti kompaun, penyitaan atau penutupan premis sekiranya syarat yang telah ditetapkan tidak dipatuhi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK: GEJALA-GEJALA RASUAH.

151. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah Pelapor bagi kes rasuah dan penyelewengan di dalam agensi Kerajaan Negeri Selangor berikutan adanya Program Perasmian Rasuah dan Penyelewengan?
- b) Apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan di bawah Program Perasmian Rasuah dan Penyelewengan di bawah Program Geran Selangorku?
- c) Adakah, mana-mana pelapor bagi kes rasuah dan penyelewengan ini diberikan ganjaran oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah program ini sebagai tanda terima kasih di atas sikap keprihatinan mereka di dalam membanteras gejala negatif ini?

JAWAPAN:

- a) Bagi Program Perasmian Rasuah dan Penyelewengan Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan mana-mana NGO seperti Transparency International dan setakat ini belum menerima sebarang permohonan untuk dana tersebut.
- b) Aktiviti-aktiviti di bawah program ini akan dirancang bersama dengan NGO terbabit kelak.
- c) Perkara ini tertakluk kepada Jawatankuasa Pemandu untuk membuat cadangan, walaubagaimanapun adalah diharapkan agar rakyat ke depan membuat aduan berdasarkan kesedaran diri masing-masing tanpa bergantung kepada sebarang imbuhan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PELABURAN NEGERI SELANGOR

152. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

- a) Sila kemukakan jumlah pelaburan yang diperolehi oleh Negeri Selangor sepanjang tahun 2011 secara perbandingan dengan tahun 2010 dan 2009 ?
- b) Sila nyatakan bagaimanakah prestasi dan kedudukan Negeri Selangor dalam konteks menarik pelaburan bagi tahun 2011 secara perbandingan dengan Negeri-negeri lain ?
- c) Sila nyatakan apakah perancangan secara komprehensif dan langkah-langkah proaktif yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha menarik minat pelabur asing secara konsisten membuat pelaburan ke Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pelaburan yang diperolehi oleh Negeri Selangor sepanjang tahun 2011 secara perbandingan dengan tahun 2010 dan 2009 adalah seperti berikut;-

Tahun	Projek	Peluang pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
2009	278	22,753	2,752,526,768	4,007,064,183	6,759,590,951
2010	325	27,865	5,494,986,553	5,146,848,848	10,641,835,401
2011	263	20,750	4,504,853,012	4,236,263,746	8,741,116,758
Jumlah	866	71,368	12,752,366,333	13,390,176,777	26,142,543,110

*sumber : MIDA

- b) Bagi tahun 2011, Negeri Selangor menduduki tempat kedua dari segi nilai pelaburan dengan **263 projek** yang diluluskan bernilai **RM 8,741,116,758** selepas negeri Pulau Pinang yang mencatatkan pelaburan bernilai **RM 9,106,014,669** daripada **109 projek**

Perbandingan dengan negeri-negeri lain adalah seperti jadual berikut:-

Tahun	Projek	Peluang pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Penang	109	14,293	1,960,399,225	7,145,615,444	9,106,014,669
Selangor	263	20,750	4,504,853,012	4,236,263,746	8,741,116,758
Sarawak	43	5,323	4,312,658,897	4,140,697,781	8,453,356,678
Johor	188	24,769	3,290,914,146	3,293,695,301	6,584,609,447
Kedah	42	8,064	140,272,332	5,995,746,034	6,136,018,366
Negeri Sembilan	38	6,296	1,571,110,340	4,334,302,797	5,905,413,137
Melaka	39	8,806	1,710,429,311	2,653,307,252	4,363,736,563
Pahang	25	1,392	2,054,298,861	983,677,543	3,037,976,404
Terengganu	15	2,869	305,986,444	1,806,704,744	2,112,691,188
Perak	30	4,141	894,936,273	89,968,570	984,904,843
Sabah	27	1,648	877,084,779	44,338,930	921,423,709
W. P. Kuala Lumpur	19	1,549	204,727,983	102,898,274	307,626,257
Kelantan	5	531	89,940,579	38,650,994	128,591,573
Perlis	3	102	20,310,520	3,000,000	23,310,520
W. P. Labuan					0
Jumlah	846	100,533	21,937,922,702	34,868,867,410	56,806,790,112

*Sumber : MIDA

c) Perancangan secara komprehensif dan langkah-langkah proaktif yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha menarik minat pelabur asing secara konsisten membuat pelaburan ke Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

- i. Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
- ii. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- iii. Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor.
- iv. Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
- v. Menaiktaraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
- vi. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
- vii. Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
- viii. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
- ix. Pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek yang sedang dilaksanakan.
- x. Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara
- xi. Bekerjasama dengan pihak swasta dan dewan-dewan perniagaan dalam dan luar negara bagi menarik pelaburan dan menggalakkan aktiviti pelaburan.
- xii. Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenalpasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi.

- xiii. Penubuhan Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan bagi memudahcara dan membantu para pelaburan dalam proses pelaburan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: KEMPEN ANTI ZINA

153. Gejala sosial yang melibatkan remaja semakin membimbangkan khususnya kes Khalwat.

Bertanya kepada YAB Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah tangkapan kes khalwat yang melibatkan golongan remaja?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri dalam menangani masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah tangkapan yang melibatkan golongan remaja yang berusia antara 15 hingga 20 tahun adalah seramai 314 orang yang merangkumi semua kesalahan jenayah syariah di mana majoritinya adalah tangkapan di bawah kesalahan khalwat.
- b) Langkah–langkah yang diambil oleh kerajaan negeri dalam menangani masalah ini ialah dengan menjalankan kempen seperti kempen anti arak dan kempen anti zina. Selain itu kerajaan negeri turut mengadakan program pencegahan seperti menyampaikan taklimat pemahaman undang-undang kepada orang awam seperti di sekolah, institut pengajian tinggi dan juga tempat awam. Penghebahan melalui media masa juga dilakukan seperti di radio dan juga televisyen.

Bahagian Penguatkuasaan JAIS juga turut menjalankan operasi-operasi untuk membanteras masalah ini seperti menjalankan operasi di rumah urut, operasi di hotel-hotel bajet, dan operasi pusat hiburan di seluruh negeri Selangor pada setiap bulan. Operasi khas seperti Ops Tahun Baru, Ops Valentine, Ops Merdeka dan juga Ops Hari Malaysia turut dijalankan bagi mengawal gejala sosial yang berlaku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK: LEBUH RAYA SUKE

154. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kriteria yang digunakan oleh kerajaan untuk menentukan laluan lebuhraya SUKE?
- b) Adakah bangunan yang bersejarah dalam laluan SUKE akan dipelihara dan bagaimana?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa menyambut baik terhadap sebarang perancangan berhubung pembinaan lebuhraya di dalam Negeri Selangor. Kerajaan Negeri tiada kuasa bagi menentukan laluan / jajaran SUKE kerana ia di dalam bidang kuasa pihak LLM dan konsesi terlibat. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah menetapkan beberapa kriteria yang perlu dipenuhi bagi pembinaan lebuhraya tersebut. Antara kriteria tersebut adalah supaya dilaksanakan perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu, tidak hanya memihak kepada pemegang konsesi, meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan dan memasukkan klausa penamatan awal (*early termination clause*) iaitu perjanjian haruslah ditamatkan sekiranya pemegang konsesi telah mencapai keuntungan projek dalam masa yang lebih awal daripada tempoh perjanjian yang dimuktamadkan.
- b) Setakat ini melalui perbincangan dan pemerhatian, tiada terdapat bangunan bersejarah yang terlibat dalam pembinaan lebuhraya tersebut. Jika sekiranya ada, Kerajaan Negeri akan membawa perkara ini kepada jabatan dan agensi yang berkaitan untuk semakan dan cara-cara bagi memelihara bangunan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

155. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Bagi merealisasikan program MES seluruh negeri Selangor, apakah masalah yang dihadapi oleh jabatan yang berkenaan?
- b) Bolehkah manfaat jumlah "Jom Shopping" ditingkatkan kepada jumlah yang lebih baik daripada RM100.00 setakat ini?
- c) Memandangkan program " jom shopping" mendapat sambutan yang cukup baik dari kalangan pelbagai kaum. serta pendaftaran SMUE yang meningkat. Bolehkah kerajaan negeri Selangor menimbangkan untuk menambah seorang petugas MES bergaji tetap di setiap Pusat Khidmat Masyarakat DUN. Supaya dapat lebih lancar pengurusan skim-skim di bawah MES dan Hadiah Anak Masuk IPT: Mengambil kira tanggungan keluarga anak ramai serta menjaga orang tua(warga emas). Mohon dipertimbangkan semula syarat kelayakan isi keluarga pemohon, dicadangkan kepada RM3,000.00.

JAWAPAN :

- a) Untuk Skim Mesra Usia Emas, masalah utama adalah tiadanya sokongan media arus perdana dalam menyampaikan maklumat kepada rakyat. Media alternative Kerajaan Negeri walaupun memainkan peranan cukup baik, namun gagal menembusi massa secara menyeluruh. Kesannya, maklumat berkaitan program, perlaksanaannya dan keperluan dalam melaksanakannya tidak difahami dengan jelas sehingga menimbulkan salah faham dan kekeliruan.
- b) Ia bergantung kepada perbincangan dan keputusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
- c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 1 Mac 2012 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PEMBAIKAN JALAN

156. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membantu PBT mengatasi masalah kekurangan bajet untuk kerja pembaikan dan penurapan jalan memandangkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri bertambah baik setiap tahun?

JAWAPAN :

- a) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing mempunyai tanggungjawab mereka sendiri dalam memperuntukkan sebahagian belanjawan pembangunan untuk pembaikan dan penurapan jalan. Di masa yang lalu, PBT memasukkan peruntukkan MARRIS dalam belanjawan tahunan sebagai hasil. Ini adalah tidak tepat. Dalam mengatasi masalah ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dalam mesyuarat ke 39/ 2011 bermesyuarat pada 21 Disember 2011 telah memutuskan supaya melalui penyediaan belanjawan 2012, PBT diarahkan supaya memperuntukkan sebanyak 30 peratus untuk perbelanjaan pembangunan bagi meningkatkan infrastruktur, binaan bangunan dan pengindahan kawasan masing-masing.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tetap memberikan bantuan bagi projek pembaikan jalan-jalan dan longkang-longkang di semua PBT setiap tahun. Cuma mulai tahun 2011, kaedah mengenal pasti projek-projek itu, tidak diserahkan kepada PBT tetapi kepada ADN supaya tanggungjawab ini dipikul bersama oleh ADN yang mewakili kawasan-kawasan Dewan Negeri masing-masing. Kaedah ini didapati lebih berkesan dan menjimatkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: PENGGIAT BELIA TEMPATAN PeBT.

157. Penganjur Belia Tempatan PeBT merupakan satu badan yang menjadi tunggal kepada pembangunan belia tempatan.

Bertanya kepada YAB Menteri Besar

- a) Berapakah peruntukkan yang disalurkan kepada PeBT di setiap kawasan?
- b) Nyatakan pecahan kaum yang menjawat jawatan di setiap kawasan.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 2,832,200.00 bagi tahun 2012 untuk pelaksanaan Program Penggerak Belia Tempatan (PeBT). Oleh yang demikian setiap zon menerima sebanyak RM 9,800.00 yang mana RM 5,000 adalah peruntukan program bagi setahun dan RM4,800 adalah elaun bulanan kepada Ahli Jawatankuasa Penggerak Belia Tempatan (PeBT)
- b) Sebanyak 289 Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT) telah dilantik berdasarkan 289 Zon di seluruh Selangor. Berikut adalah pecahan berdasarkan 12 Pihak Berkuasa Tempatan

Pihak Berkuasa Tempatan	Melayu	India	Cina
Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	22	1	1
Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	14	-	10
Majlis Perbandaran Klang (MPK)	16	5	4
Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	18	3	3

Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	14	3	7
Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	17	3	4
Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	21	-	3
Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang)	17	4	3
Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	14	5	5
Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	18	4	1
Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	13	5	6
Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	18	2	4

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK: PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR

158. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh kejayaan dan sambutan peniaga dan rakyat dalam program hari tanpa plastik ?
- b) Apakah program khusus lain yang dibangunkan oleh kerajaan negeri bagi meningkatkan lagi pemeliharaan alam sekitar di Selangor ?

JAWAPAN:

- a) Program Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Selangor yang dimulakan sejak tahun 2010 masih lagi giat dijalankan di seluruh Selangor. Pelbagai kempen diadakan bagi meningkatkan lagi kesedaran awam mengenai program ini. Setakat ini, pasar raya-pasar raya masih mengekalkan untuk tidak memberikan beg plastik pada hari Sabtu dan kebanyakan pengunjung membawa beg sendiri semasa membeli belah pada hari Sabtu. Program ini juga telah diperkenalkan di bangunan-bangunan Kerajaan di mana hari Jumaat dipilih sebagai hari tanpa beg plastik. Kempen ini juga telah diguna pakai di seluruh Negara setelah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan pada pertengahan tahun 2011.
- b) Terdapat pelbagai program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam mendukung Teras ke-5 Kerajaan Negeri iaitu memastikan pembangunan alam sekitar yang mampan. Antara program-program yang dilaksanakan adalah :-
 - Program Penanaman Pokok di kawasan-kawasan yang terancam
 - Kempen pengurangan penggunaan polistirena di bangunan-bangunan Kerajaan Negeri Selangor
 - Program Kitar Semula Barangan Terpakai
 - Program Pemuliharaan Habitat Kelip-kelip di Kuala Selangor
 - Program Hari Organik
 - Kempen Kesedaran Pemburuan Haram Hidupan Liar

Di samping program-program yang disebutkan di atas, Kerajaan Negeri melaksanakan pelbagai program dalam pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di Negeri Selangor sepanjang tahun bagi meningkatkan lagi kesedaran masyarakat awam mengenai tanggungjawab mereka dalam penjagaan alam sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN MELAYU DAN INDIA

159. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terbaru pembinaan kedua-dua pusat kebudayaan ini memandangkan perbincangan telah bermula sejak lebih tiga tahun yang lalu tetapi ianya masih belum ada apa-apa perkembangan terbaru?

JAWAPAN :

- a) Peringkat awal, hanya Pusat Kebudayaan Cina yang dibincangkan yang diluluskan dalam MMKN yang bersidang pada 30 November 2005 di mana pembinaan tersebut dilakukan di atas beberapa lot tanah di mukim Kapar, Klang.

Setelah Pakatan Rakyat diberi mandat pada tahun 2008, Ahli MMKN yang bermesyuarat pada 2 April 2008 telah memulakan perbincangan projek Pusat Kebudayaan Cina Negeri Selangor di atas tapak tersebut bagi menyelesaikan beberapa isu berkaitan dengan status tanah dan lain-lain.

Walaupun keputusan MMKN 321/21/2009 telah menimbang dan menengguhkan mengenai cadangan tersebut untuk dibincangkan semula oleh beberapa Ahli MMKN iaitu di bawah Pengendalian YB Kinrara, YB Sri Andalas, YB Pandamaran dan YB Bukit Lanjan termasuk mewujudkan Pusat Kebudayaan India juga.

Selaras dengan Projek Pembangunan Sungai Kelang tanpa mengganggu rancangan untuk mewujudkan Pusat Kebudayaan Cina, secara dasarnya, Kerajaan Negeri telah mempertimbangkan untuk membina bukan sahaja Pusat Kebudayaan Cina dan India, tetapi Pusat Kebudayaan Melayu juga di cadangkan secara lokasi yang berasingan.

Pada September 2011, ketiga-tiga isu Pembangunan kebudayaan ini telah dipertanggungjawabkan kepada saya selaku Pengerusi JK Tetap Kebudayaan untuk membuat dan mengetuai penyelarasan bersama di antara tiga Ahli MMKN yang dipertanggungjawabkan yang mana YB Batu Tiga menyelaras pembangunan Pusat Kebudayaan Melayu, YB Bukit Lanjan dan YB Kinrara menyelaras Pusat Kebudayaan Cina serta YB Seri Andalas untuk menyelaras Pusat Kebudayaan India.

Rasional di sebalik pengasingan ketiga-tiga pusat kebudayaan ini adalah supaya kelancaran proses perancangan dan pembangunan dan penggunaan boleh diteruskan tanpa menunggu pembangunan pusat kebudayaan yang lain (Tidak perlu serentak).

Pengasingan ketiga-tiga pusat kebudayaan ini juga bertujuan bagi mengekalkan ciri-ciri keaslian sesuatu pusat kebudayaan tersebut dan tidak bersifat campuran seperti mana yang dilihat pada keputusan awal berkenaan pusat kebudayaan bilamana diletakkan di lokasi yang sama.

Penelitian akan dibuat berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh ketiga-tiga Ahli MMKN yang bertanggungjawab dan juga cadangan daripada pihak perunding yang memantau Pembangunan Sungai Kelang. Beberapa tapak cadangan di sepanjang Sungai Kelang telah diutarakan bagi pembangunan ketiga-tiga pusat kebudayaan serta dibincangkan dan dibentangkan di dalam kepada Ahli MMKN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: 20 METER PADU AIR PERCUMA DI SELANGOR

160. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa ramai pengguna air di Selangor yang membuat permohonan untuk tidak menerima pemberian 20meter padu air percuma?
- b) Apakah usaha-usaha kerajaan negeri bagi memastikan bekalan air mencukupi dan menolak dakwaan Selangor akan menghadapi masalah air tahun 2016?

JAWAPAN:

- a) Mengikut rekod dari SYABAS, setakat ini SYABAS tidak pernah menerima sebarang permohonan daripada mana-mana individu untuk mengecualikan akaun/premis mereka daripada menerima pemberian 20 meter padu pertama air yang dibayar oleh Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Untuk tempoh 20 tahun akan datang, dijangkakan akan berlaku pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi. Pertambahan penduduk serta pertumbuhan ekonomi yang rancak secara langsung akan mendorong kepada permintaan air bersih yang lebih tinggi manakala pembekalan air tidak berubah. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil langkah positif untuk memastikan rakyat Selangor sentiasa mendapat bekalan air yang mencukupi.

Beberapa projek sumber air tambahan telah pun dilaksanakan bagi memastikan sumber bekalan air adalah mencukupi, antaranya adalah seperti berikut:-

i) Loji Rawatan Air Sg Labu / KLIA Alternative Water Supply Scheme

Projek ini dikendalikan oleh Pengurusan Aset Air Berhad. Kapasiti nominal Loji Rawatan Air adalah **105 Jlh.**

ii) Membaik pulih Kapasiti Loji Rawatan Air Sg Selangor Fasa 1 (SSP1)

Kerja-kerja membaik pulih kapasiti pengeluaran Loji Rawatan Air Sg Selangor Fasa 1 (SSP1) dapat meningkatkan pengeluaran dari Loji SSP1 dari 760 Jlh sedia ada kepada 950 Jlh, iaitu peningkatan sebanyak **190 Jlh.**

Pada ketika ini, semua data berkenaan dengan permintaan dan pembekalan air adalah dipegang oleh SYABAS. Dari data yang telah di analisa, didapati unjuran yang dibuat oleh SYABAS adalah agak tinggi. Rawatan air pula dikendalikan oleh operator yang berlainan. Namun demikian, sekiranya berlaku krisis bekalan air, dalam apa keadaan sekalipun, Kerajaan Negeri Selangor akan dipersalahkan.

Oleh itu, salah satu tujuan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor adalah untuk memastikan industri perkhidmatan air di Selangor dikendalikan secara holistik oleh satu operator bermula dari proses rawatan proses hinggalah pengagihan kepada pengguna. Model Holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak membebankan rakyat keseluruhannya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Kerajaan Negeri Selangor menyedari kepentingan pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air. Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan pengambilan balik tanah bagi untuk pelaksanaan Projek ini dan bagi tanah-tanah kerajaan yang telah dirizabkan untuk tujuan tertentu, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan pajakan selama 20 tahun.

Proses pengambilan balik tanah bagi Projek LRA 2 telah bermula semenjak tahun 2007 lagi. Keseluruhan tanah yang terlibat untuk Projek LRA 2 adalah sebanyak 462.776 hektar. Dari jumlah tersebut, 86.44 hektar adalah tanah kerajaan. Namun demikian, Kelulusan Pelan Pembangunan masih ditangguhkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sehingga persefahaman bersama dapat dicapai dengan Kerajaan Persekutuan mengenai penstrukturan semula Industri Perkhidmatan Air di Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Negeri Selangor hendaklah dibincangkan bersekali supaya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mencapai persefahaman di dalam memuktamadkan dengan segera penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor berdasarkan kepada Model Holistik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mencapai kadar tarif yang munasabah yang tidak membebankan rakyat dan pada masa yang sama tidak membebankan operator air.

Kerajaan Negeri Selangor sedia untuk mempertimbangkan kelulusan kepada pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 tertakluk kepada:-

- a. Penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor dimuktamadkan;
- b. SPV milik Kerajaan Negeri Selangor dilantik sebagai operator bagi operasi dan penyelenggaraan Loji Rawatan Air Langat 2, Loji Rawatan Air Sungai Labu dan semua loji rawatan air baru di masa hadapan; dan

- c. Pelawaan kepada syarikat milik negeri untuk menawarkan pembinaan kemudahan perawatan air Langat 2.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa bekerjasama dengan operator loji pembersihan air seperti Splash, Abass dan Puncak Niaga serta agensi yang terlibat dan Suruhanjaya Air Negara (SPAN) langkah-langkah mitigasi telah dilakukan seperti berikut:

- i) Hanya melepaskan air dari empangan berdasarkan keperluan optimum loji sahaja.
- ii) Menjalin persefahaman yang mantap bagi semua pihak berkepentingan dalam mengurus sumber air supaya bekalan air bersih tidak terganggu.
- iii) Memantau paras air di muka sauk bagi memastikan kuantiti air yang dipam adalah mencukupi dan tidak memberi kesan ke atas operasi pam air mentah hingga mengakibatkan kegagalan.
- iv) Sentiasa memantau dan bertindak sewajarnya sekiranya simpanan air mencapai tahap 50%.
- v) Masyarakat umumnya sentiasa diminta berjimat cermat terhadap penggunaan air sewaktu musim kemarau.

Selain itu, LUAS sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan air di Negeri Selangor turut mengambil kira beberapa langkah yang perlu di ambil sekiranya berlaku masalah air di Negeri Selangor. Salah satu penyelesaiannya adalah penggunaan **sumber air alternatif** iaitu menggunakan air permukaan seperti air tasik, lombong dan sebagainya untuk keperluan harian. Sumber air bumi juga merupakan penyelesaian terhadap kekurangan bekalan air di Negeri Selangor. Walaubagaimanapun, sumber air bumi masih belum meluas penggunaannya dan perlu dikomersialkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah punca masalah kegagalan kutipan sisa pepejal di PBT-PBT pada Nov & Dis 2011?
- b) Apakah rancangan Kerajaan dalam menyelesaikan masalah sampah di PBT-PBT?
- c) Adakah Kerajaan mempunyai rancangan kitar semula sisa pepejal PBT?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui PBT mengalami masalah kegagalan sisa pepejal pada bulan November dan Disember 2011 disebabkan oleh tindakan pihak AFSB yang telah **menamatkan sepenuhnya kerja-kerja kutipan sisa pepejal secara tiba-tiba** berkuat kuasa pada 15 Oktober 2011. Oleh yang demikian, semua PBT mengalami masalah dalam melakukan proses pelantikan semula kontraktor berserta dengan jumlah kontrak yang berbeza semasa di bawah kendalian pihak AFSB. Masalah juga berpunca daripada kontraktor yang dilantik apabila terpaksa melakukan pembahagian kerja semula mengikut kepada jumlah kos yang ditawarkan oleh PBT.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah sampah yang dihadapi oleh PBT. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah mengarahkan supaya dilaksanakan **pemantauan dan penguatkuasaan** yang tegas bagi memastikan kontraktor yang dilantik menjalankan tugas dengan sempurna. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri telah melancarkan **Talian Hotline Aduan Sampah (1-800-88-2824)** yang diselaraskan oleh Bahagian Korporat SUK Selangor bagi memudahkan semua pihak untuk membuat sebarang aduan berhubung dengan masalah kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dihadapi.
- c) Kerajaan Negeri melalui semua PBT telah mengadakan pelbagai program bagi mengatasi masalah sampah yang semakin meningkat seperti program kitar semula. Di antara program yang telah dilaksanakan oleh PBT adalah dengan mengadakan **ceramah** berkaitan kitar semula, **menempatkan tong kitar semula** di setiap tempat pengumpulan bahan kitar semula. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri telah melancarkan program **Hari Tanpa Beg Plastik** pada setiap hari Sabtu bagi mengurangkan penggunaan beg plastik di kalangan

pengguna dan langkah ini telah diakui keberkesanannya oleh Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PEMBERIAN TANAH KEPADA ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

162. Bertanya kepada YAB Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah tanah Kerajaan Negeri yang telah diberikan kepada Anak-anak syarikat (GLC) Kerajaan Negeri?
- b) Nyatakan Anak syarikat yang paling banyak menerima tanah daripada Kerajaan Negeri.

JAWAPAN:

- a) Jumlah tanah Kerajaan Negeri yang telah didaftarkan kepada Anak-anak syarikat (GLC) Kerajaan Negeri bermula 2008-2012 adalah sebanyak **17, 727 hakmilik** iaitu dengan keluasan **249,151,795.55 mp (61,566.0865 ekar)** (seperti di Lampiran A)
- b) Anak syarikat yang paling banyak menerima tanah daripada Kerajaan Negeri bermula tahun 2008-2012 adalah **Yayasan Selangor** iaitu sebanyak **39 hakmilik dengan keluasan 156,765,924.41mp (38,737.286 ekar)** (seperti di Lampiran A)

Pemberian Tanah Kepada Anak Syarikat Kerajaan Negeri

BIL	ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI									JUMLAH KESELURUHAN
		KDEB	YAYASAN SELANGOR	PSKS	PNSB	PKPS	PKNS	MBI		
1	JUMLAH HAKMILIK									
	TAHUN	2008	11	15	16	1075	9	6760	-	
		2009	716	9	-	1473	13	2335	-	
		2010	276	14	-	130	-	3210	1	
		2011	501	1	-	172	10	679	11	
		2012	-	-	-	-	278	5	7	
		JUMLAH	1504	39	16	2850	310	12989	19	17727
2	KELUASAN TANAH (METER PERSEGI)									
	TAHUN	2008	1,779.00	153,553,950.00	662,810.00	2,578,956.30	2,285,850.00	6,429,532.83	-	
		2009	454,502.00	1,408,862.41	-	465,669.00	11,804,240.00	2,271,927.00	-	
		2010	14,551,164.80	1,791,744.00	-	3,363,657.00	-	2,471,219.00	37,080.00	
		2011	147,133.00	11,368.00	-	184,504.00	13,789,160.00	21,715,574.00	4,743,986.00	
		2012	-	-	-	-	66,658.00	869.21	4,359,600.00	
		JUMLAH	15,154,578.80	156,765,924.41	662,810.00	6,592,786.30	27,945,908.00	32,889,122.04	9,140,666.00	249,151,795.55

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: PROGRAM CERIA

163. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah matlamat program ceria?
- b) Berapa banyakkah kawasan yang terlibat dengan program ini?
- c) Bagaimanakah prestasi pelaksanaan program Ceria ini?

JAWAPAN:

- a) Program CERIA ini merupakan Skim bantuan baikpulih yang berkonsepkan perkongsian kos antara Kerajaan Negeri dan penduduk dengan nisbah 80 : 20 bagi pangsapuri kos rendah serta 60 : 40 bagi kos sederhana rendah. Antara matlamat utama Program CERIA adalah seperti berikut:-
 - i. **Mendukung dasar Negeri Berkeadilan & Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).** Memperhebatkan lagi program MES yang berfalsafahkan "*hasil negeri untuk rakyat*"
 - ii. **Memangkin pembangunan komuniti "miskin bandar"**
Selain daripada meringankan beban ekonomi golongan berpendapatan rendah di kawasan bandar, kesan baikpulih fizikal di kawasan pangsapuri kos rendah ini turut menyumbang kepada pembangunan sosial yang lebih berkualiti dan berdaya maju.
 - iii. **Memastikan keselamatan rakyat dan menghindar rakyat daripada dibelenggu kesulitan.** Ini kerana harta bersama seperti lif dan bumbung yang mengalami kerosakan kritikal seringkali mengundang bahaya sehingga ke tahap mengancam nyawa.
 - iv. **Membina masyarakat yang mempunyai keprihatinan sosial dan persekitaran tempat kediaman.** Konsep perkongsian kos ini mampu memobilisasi masyarakat untuk bekerjasama dalam mengumpul dana yang mencukupi di samping mendidik komuniti mengenai kepentingan membayar caj penyenggaraan.
- b) Pelaksanaan Skim CERIA dibahagikan kepada **dua (2) fasa**. **Fasa pertama** pelaksanaannya telah melibatkan 17 buah pangsapuri kos rendah dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM2.2 juta dan memberi manfaat kepada

hampir 8,000 unit kediaman. Manakala **fasa kedua** pula melibatkan 33 pangsapuri kos rendah dan 20 pangsapuri kos sederhana rendah dengan implikasi kewangan hampir RM7.2 juta serta dimanfaatkan hampir 19,000 unit kediaman.

- c) Daripada 17 kawasan yang terlibat di dalam **fasa I** pada 2011, 11 kawasan telah siap dibaik pulih kerosakan harta bersama yang membabitkan lif, bumbung, saluran air hujan (*gutter*), tangki air dan pembentong. Prestasi pelaksanaannya adalah seperti berikut:-

BIL	NAMA PANGSAPURI	PBT	DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)	JUMLAH UNIT	ANGGARAN KOS (RM)	DESKRIPSI KEROSAKAN HARTA BERSAMA	KEMAJUAN KERJA
1.	Pangsapuri Ampang Mewah, Jalan Mewah 8	MPAJ	LEMBAH JAYA	428	69,300	4 unit tangki	100%
2.	Flat 700, Pandan Perdana	MPAJ	TERATAI	700	357,000	4 unit lif	5%
3.	Pangsapuri Sri Intan, Ampang	MPAJ	LEMBAH JAYA	208	120,750	1 unit lif	100%
4.	Pangsapuri Flora Damansara A & B	MBPJ	BUKIT LANJAN	651	223,400	4 unit lif	15%
5.	Pangsapuri Desa Perangsong Blok A & B	MBPJ	TAMAN MEDAN	1,157	108,475.50	2 unit lif	100%
6.	Apartment Taman Medan Jaya Blok C	MBPJ	TAMAN MEDAN	300	8,144.85	2 unit lif	100%
7.	Flat Taman Medan 32 (Blok A-E), Taman Medan Baru	MBPJ	TAMAN MEDAN	421	262,500	Salur air hujan (<i>gutter</i>) 5 blok	100%
8.	Rumah Pangsa Kos Rendah Blok 1 Desa Mentari	MBPJ	SERI SETIA	500	45,078.60	2 unit lif	100%
9.	Flat Taman Sri Aman	MBPJ	KAMPUNG TUNKU	296	138,442.50	3 unit lif	50%

10.	Tembikai & Pulasan Court	MPSJ	SERI KEMBANGAN	350	60,354	Salur air hujan (gutter)	100%
11.	Pangsapuri Kos Rendah Taman Langat Utama	MDKL	DENGKIL	480	98,595	Kerosakan bumbung yang menjejaskan 16 unit tingkat 5 Blok G	100%
12.	Flat Taman Damai Jaya	MPKj	KAJANG	80	19,005	Pembentong di Blok C	100%
13.	Pangsapuri Pinggiran Delima Blok D & E	MPKj	DUSUN TUA	214	44,205	Bumbung Blok D & E	100%
14.	Pangsapuri Mentari	MBSA	KOTA DAMANSARA	180	49,350	3 unit lif	100%
15.	Pangsapuri Blok Mawar & Cempaka	MPK	KOTA ANGGERIK	850	367,500	5 unit Lif	5%
16.	Pangsapuri Pendamar 7A	MPK	PELABUHAN KLANG	200 (anggaran-kerana JMB tiada rekod)	115,500	2 unit lif	95%
17.	Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Kosas	MPAJ	LEMBAH JAYA	617	199,500	Kerosaka Bumbung melibatkan 134 unit	JMB masih gagal menjelaskan bayaran komitmen 10%
JUMLAH				7,848	RM2,287,140.45		

Manakala bagi **fasa II**, sebanyak 30 pangsapuri telah membayar 5% komitmen bagi tujuan mula kerja. 5 daripadanya telah pun dimulakan kerja baikpulih dan selebihnya dalam peringkat akhir proses perolehan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) selaku Pengurus Projek.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PEMBERIAN LOT TANAH KEDIAMAN

164. Bancian penduduk di kawasan Taman Segar di U5, Shah Alam telah dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam dan Pejabat Daerah Petaling sejak dua tahun yang lalu. Sehingga kini tiada maklum balas langsung mengenai status permohonan mereka untuk mendapatkan geran tanah lot kediaman tersebut . Proses temuduga dan bantahan selepas bancian juga nampaknya belum dilaksanakan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri mengenai pemberian geran lot tanah kediaman bagi kawasan ini ?
- b) Apakah menyebabkan proses pemberian lot tanah kediaman ini begitu lama ?

JAWAPAN :

- a) Pentadbiran ini telah mengemukakan Kertas Ringkasan ke Pejabat Tanah dan Galian Selangor pada Tahun 2009. Walau bagaimanapun, Kertas Ringkasan tersebut telah dikembalikan oleh Pejabat Tanah Galian Selangor untuk diangkat secara berkelompok. Siasatan dan lawatan semula ke tapak perlu dilakukan sekali lagi oleh Pegawai Petempatan sebelum Kertas Ringkasan disediakan semula.
- b) Selain itu polisi Kerajaan Negeri sebelum meluluskan sesuatu pemberimilikan tanah kerajaan seperti yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN ke 27/2011) bertarikh 10 Ogos 2011 adalah seperti berikut:-
 - i. Tapak yang dipohon mestilah telah diusahakan.
 - ii. Dimestikan berumur 50 tahun ke atas.
 - iii. Telah ada bangunan kediaman di atas tapak yang dipohon.

Pejabat Tanah dan Daerah Petaling juga merupakan 'Pilot Project' bagi permohonan Lanjut Tempoh Pajakan bagi Skim Pemilikan Tanah Kerajaan untuk tujuan bangunan kediaman persendirian di Negeri Selangor mengikut pekeliling PTB Selangor bilangan 6/2011.

Syarat-syarat yang baru ini perlu dimasukkan ke dalam Kertas Ringkasan untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan dihantar ke Pejabat Tanah dan Galian Selangor pada 12 Mac 2012.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : SISA PEPEJAL

165. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri dalam pengurusan sisa pepejal selepas mengambil alih dari Alam Flora?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah-masalah tersebut?

JAWAPAN :

- a) Terdapat beberapa masalah yang dihadapi setelah proses pengambilalihan dilaksanakan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, masalah tersebut berpunca daripada **pelantikan kontraktor baru yang kurang pengetahuan** daripada segi kawasan dan jadual yang diberikan. Selain daripada itu, kurangnya pasukan pemantau juga merupakan antara masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan semua kerja dilaksanakan dengan mengikut jadual.
- b) Kerajaan Negeri melalui semua PBT telah mengambil pelbagai langkah bagi mengatasi masalah berkenaan seperti sentiasa mengadakan **perjumpaan bersama dengan kontraktor** agar dapat mengetahui masalah yang dihadapi. Selain daripada itu, semua PBT harus **senantiasa mengawasi perkhidmatan** yang diberikan oleh semua kontraktor supaya menepati syarat yang telah ditetapkan semasa proses pelantikan dilakukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN

166. Kerajaan Negeri selalu melaungkan mengenai perbelanjaan berimbang.

Bertanya kepada YAB Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan Mengurus dan perbelanjaan Pembangunan yang telah dibelanjakan sehingga Disember 2011?
- b) Sila senaraikan projek-projek yang telah dijalankan melalui perbelanjaan pembangunan di kawasan Pelabuhan Klang.

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan mengurus yang telah dikemas kini (setelah mengambil kira jumlah tambahan) adalah sebanyak **RM1,009,953,700.12**. Manakala Jumlah perbelanjaan Mengurus yang telah dibelanjakan sehingga berakhir Disember 2011 adalah berjumlah **RM 951,006,646.65**.

Jumlah peruntukan pembangunan yang telah dikemas kini (setelah mengambil kira jumlah tambahan) adalah sebanyak **RM620,028,000.00**. Manakala, jumlah perbelanjaan pembangunan yang telah dibelanjakan sehingga berakhir Disember 2011 adalah sebanyak **RM 502,378,798.91**.

Dari tahun **2008 hingga 2011**, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM 37,844,077.50 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Tujuh Juta Lapan Ratus Empat Puluh Empat Ribu Tujuh Puluh Tujuh Dan Sen Lima Puluh Sahaja)** dengan melaksanakan **67** projek pembangunan infrastruktur seperti pembinaan masjid, sekolah agama dan balai raya serta projek tebatan banjir. Selain itu, projek infrastruktur asas seperti pembaikan jalan, longkang dan parit turut dilaksanakan di kawasan **Pelabuhan Klang** oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Perhutanan dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Klang seperti **Jadual 1** (Perincian Senarai Projek Pembangunan Yang Telah Dilaksanakan Di Pelabuhan Klang Dari Tahun 2008-2011).

**JADUAL 1 : PERINCIAN SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN YANG TELAH
DILAKSANAKAN DI PELABUHAN KLANG DARI TAHUN 2008-2011**

BIL.	TAHUN	NAMA JABATAN/AGENSI	BIL. PROJEK	KOS (RM)
1	2008	JKR	1	200,000.00
2	2008	Jabatan Perhutanan	2	171,560.00
	Jumlah 2008		3	371,560.00
3	2009	JKR	1	450,000.00
4	2009	JAIS	2	14,050,000.00
5	2009	JPS	1	100,000.00
6	2009	Jabatan Perhutanan	3	162,927.20
7	2009	PTD Klang	3	47,965.60
	Jumlah 2009		10	14,810,892.80
8	2010	JKR	2	20,672,351.04
9	2010	JPS	3	459,147.66
10	2010	Jabatan Perhutanan	4	168,703.00
11	2010	PTD Klang	14	270,100.00
	Jumlah 2010		23	21,570,301.70
12	2011	JPS	2	449,990.00
13	2011	Jabatan Perhutanan	4	108,723.00
14	2011	PTD Klang	25	532,610.00
	Jumlah 2011		31	1,091,323.00
Jumlah keseluruhan			67	37,844,077.50

Perincian senarai projek pembangunan yang telah dilaksanakan di Pelabuhan Klang dari tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

BIL.	TAHUN PELAKSANAAN	NAMA JABATAN/ AGENSI	NAMA PROJEK	SKOP PROJEK	KOS (RM)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
JUMLAH KESELURUHAN 2008 - 2011					37,844,077.50
1	2008	JKR	Menaiktaraf jalan-jalan Daerah Klang - Menaiktaraf jalan di Jalan-jalan Sri Perantau, Klang		200,000.00
2	2008	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Kerja - kerja penyambungan & penyelenggaraan jeti di Sg Dua, Pelabuhan Klang	Baikpulih	79,880.00
3	2008	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Kerja- kerja pembaikan Pejabat Renjer & Kuarters Pelabuhan Klang, Selangor	Baikpulih	91,680.00
JUMLAH 2008					371,560.00
1	2009	JKR	Menaiktaraf jalan di jalan-jalan Kem, Klang		450,000.00
2	2009	JAIS	Sekolah Rendah Agama Pulau Indah	Bina Baru	4,000,000.00
3	2009	JAIS	Masjid Kg. Raja Uda	Bina Baru	10,050,000.00
4	2009	JPS	Kerja- kerja menaiktaraf Sg. Keladi Jalan Kem Pelabuhan Klang		100,000.00
5	2009	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Kerja - kerja membaikpulih & memasang lampu di Jeti Sg Dua, Pelabuhan Klang	Baikpulih	43,900.00
6	2009	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Kerja - kerja tanaman bakau & spesis - spesis yang sesuai di Pesisiran Pantai Negara di Hutan Simpan Teluk Gedung, Telok Gong, Klang	Tumbuh baru	92,207.20
7	2009	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Kerja - kerja membaikpulih pondok jaga & bangunan Pejabat Hutan Renj Pelabuhan Klang	Baikpulih	26,820.00

8	2009	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Membaikpulih Balai JKKK Kg. Telok Gong		27,965.60
9	2009	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Membaiki kerosakan jalan di sekitar Kampung Perigi Nenas, Pulau Indah		10,000.00
10	2009	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Membaiki kerosakan jalan di sekitar Kg. Sg. Kembong, Pulau Indah		10,000.00
JUMLAH 2009					14,810,892.80
1	2010	JKR	Kerja-kerja naiktaraf Jalan di Jalan Sg. Udang dan di Jalan Hassan		350,000.00
2	2010	JKR	Melebar, memperkukuh dan menurap semulajalan-jalan di Kg. Delek dan Sg. Udang		20,322,351.04
3	2010	JPS	RTB Bandar Pelabuhan Klang -Juruukur Jitu Runding		161,988.28
4	2010	JPS	Rekabentuk Terperinci Utk Projek RTB Pandamaran dan Pibhn Klang - Perunding Mustafa		208,159.38
5	2010	JPS	Sg Telok Gadong Besar - Nilai Padu Enterprise		89,000.00
6	2010	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Tanaman bakau & spesis -spesis yang sesuai di persisiran Pantai Negara di Hutan Simpan Pulau Klang (Beting Lebu Lemak) Blok A seluas ± 6.0 hektar	Tumbuh baru	77,664.00
7	2010	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Tanaman bakau & spesis -spesis yang sesuai di persisiran Pantai Negara di Hutan Simpan Pulau Klang Kompt. 29 seluas ± 5.0 hektar	Tumbuh baru	64,109.00
8	2010	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Pemasangan pendawaian semula sebuah rumah bangunan Pejabat Renjer Hutan Daerah Pelabuhan Klang	Baikpulih	17,390.00

9	2010	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Kerja - kerja menanam pokok nipah Hutan Simpan Telok Gedong, Kompt. 58, Pelabuhan Klang	Tumbuh baru	9,540.00
10	2010	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Mbaiki Jalan di Kg. Telok Nipah Pulau Indah	Baikpulih	10,100.00
11	2010	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Mbaikipulih Balai JKKK Kg. Sg. Pinang Pulau Indah	Baikpulih	15,000.00
12	2010	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Mbaikipulih Pentas di Kg. Raja Uda Pelabuhan Klang	Baikpulih	18,000.00
13	2010	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Mbaiki Kerosakan Jalan Benteng Kg. Sg. Pinang	Baikpulih	15,000.00
14	2010	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Mbaiki Kerosakan Jalan di Jalan Lingkungan Tali Air Kg. Telok Gong	Baikpulih	20,000.00
15	2010	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Mbaiki Kerosakan Jalan Kg. Telok Nipah Pulau Indah	Baikpulih	20,000.00
16	2010	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Mbaiki Kerosakan jalan ke Jeti Kg. Sg. Kembong Pulau Indah	Baikpulih	20,000.00
17	2010	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Mbaiki Kerosakan Jeti Kg. Sg. Kembong Pulau Indah	Baikpulih	7,000.00
18	2010	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Pn. Nah binti Idris Lot 15328 Kg. Baru Telok Gong 42000 Pelabuhan Klang No. K/P :340920-01-5506 75 Tahun	Program Pembasmian Kemiskinan / MBI (Bina Baru 2 Bilik)	28,000.00
19	2010	Pejabat Daerah / Tanah Klang	En. Mohd Sanif bin Md Mokil No. 2 Jalan Perajurit Kg. Telok Gong 42000 Pelabuhan Klang No. K/P :540204-10-5857 55 Tahun	Program Pembasmian Kemiskinan /MBI (Bina Baru 2 Bilik)	28,000.00

20	2010	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Pn. Kasimah binti Md. IkhrmKg. Sg Pinang42920 Pulau Indah No. K/P :190917-10-510490 Tahun	Program Pembasmian Kemiskinan /MBI (Bina Baru 1 Bilik)	25,000.00
21	2010	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Pn. Raja Hafisa binti Raja Aziz Lot 11787 Kg Nelayan Telok Gong 42000 Pelabuhan Klang No. K/P :751108-10-5574 35 Tahun	Program Pembasmian Kemiskinan /MBI (Bina Baru 3 Bilik)	30,000.00
22	2010	Pejabat Daerah / Tanah Klang	En. Padrin bin Abd. Wardi Kg. Baru Telok Gong 42000 Pelabuhan Klang No. K/P : 650818-10-5277 44 Tahun	Program Pembasmian Kemiskinan /MBI (Baik pulih)	6,000.00
23	2010	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Pn. Kamariah binti Jaafar Lot 5253, Jalan Imam Yusof Kg. Perigi Nenas 42920 Pulau Indah No. K/P : 320721-10-5764 77 Tahun	Program Pembasmian Kemiskinan /MBI (Bina Baru 2 bilik)	28,000.00
JUMLAH 2010					21,570,301.70
1	2011	JPS	Projek kawalan hakisan tebing pantai di kawasan Pelabuhan Klang		150,000.00
2	2011	JPS	Mengorek dan mendalamkan muara pengkalan nelayan - Telok Gong		299,990.00
3	2011	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Kerja - kerja persiapan kawasan untuk Program Jom Tanam Pokok di Kompt. 58, Hutan Simpan Telok Gedong, Pelabuhan Klang	Baikpulih	6,500.00

4	2011	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Kerja - kerja pembersihan & mengutip sampah di Kompt. 57, Hutan Simpan Kekal Telok Gedong, Pelabuhan Klang & Jalan Perajurit , Hutan Simpan Kekal Telok Gedong	Baikpulih	19,900.00
5	2011	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Kerja - kerja mencuci, mengukur & menanda sempadan hutan simpanan hutan dara (VJR) di Kompt. 13, Hutan Simpan Pulau Klang seluas 417 hektar	Rawatan	30,723.00
6	2011	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Kerja - kerja inventori hutan simpanan hutan dara (VJR) di Kompt. 13, Hutan Simpan Pulau Klang seluas 417 hektar	Rawatan	51,600.00
7	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Membaiki kerosakan sambungan di Jalan Ikan Bawal Cermin Telok Gong	Baikpulih	20,000.00
8	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Membaiki kerosakan jalan-jalan PLB di Kg. Pendamar Pelabuhan Klang	Baikpulih	19,000.00
9	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Membaiki kerosakan Jalan Masjid Pendamar	Baikpulih	20,000.00
10	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Membaiki kerosakan jalan-jalan PLB di Kg. Baru Telok Gong	Baikpulih	20,000.00
11	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Kerja-kerja kawalan serangga (Pest Control) dan menukar bumbung di balai JKKK Kg. Sg. Kembong Pulau Indah	Baikpulih	15,000.00
12	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Baikpulih Balai Belia Kg. Perigi Nenas Pulau Indah	Baikpulih	20,000.00
13	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Baikpulih Balai JKKK Kg. Telok Nipah Pulau Indah	Baikpulih	10,000.00

14	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Baikpulih Balai JKKK Kg. Telok Gong Pelabuhan Klang	Baikpulih	12,000.00
15	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Baikpulih Balai JKKK Kg. Pandamaran Jaya	Baikpulih	15,000.00
16	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Baikpulih Dewan JKKK Kg. Pandamaran Jaya	Baikpulih	40,000.00
17	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Baikpulih Balai JKKK di Kg. Pendamar	Baikpulih	20,000.00
18	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Baikpulih Balai JKKK dan membina tandas baru di Kg. Perigi Nenas	Baikpulih	20,000.00
19	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Menaiktaraf dewan orang ramai Kg. Telok Nipah	Baikpulih	50,000.00
20	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Membina tembok pencegah hakisan di Balai JKKK Kg. Telok Nipah	Baikpulih	20,000.00
21	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Membaikpulih gelanggang futsal di Kg. Telok Nipah	Baikpulih	20,000.00
22	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Membaikpulih Gelanggang Badminton di Kg. Telok Gong Pulau Indah	Baikpulih	12,000.00
23	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Membaikpulih Gelanggang Badminton di Kg. Pandamaran Jaya Pelabuhan Klang	Baikpulih	12,000.00
24	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Membaikpulih Gelanggang Badminton di Kg. Pendamar Pelabuhan Klang	Baikpulih	12,000.00
25	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Membaikpulih Gelanggang Badminton di Kg. Sg. Kembong Pulau Indah	Baikpulih	12,000.00
26	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Membaikpulih Gelanggang Badminton di Kg. Perigi Nenas Pulau Indah	Baikpulih	12,000.00

27	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Membaikpulih Gelanggang Badminton di Kg. Sg. Pinang Pulau Indah	Baikpulih	12,000.00
28	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Membaikpulih Gelanggang Badminton di Kg. Telok Nipah Pulau Indah	Baikpulih	12,000.00
29	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Kerja memasang pagar disekeliling gelanggang futsal Sri Perantau, Klang	Baikpulih	67,610.00
30	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Nor Anizar bintin Abdul Wahab Lot 5290 Persiaran Masjid Sultan, Kg. Perigi Nenas Klang No. K/P :540330-10-5452	Program Pembasmian Kemiskinan /MBI (Bina Baru 3 Bilik)	30,000.00
31	2011	Pejabat Daerah / Tanah Klang	Mohd Yusof bin Amat Lot 15346 Kg. Baru Telok Gong, Pelabuhan Klang No. K/P :561209-10-5947	Program Pembasmian Kemiskinan /MBI (Bina Baru 3 Bilik)	30,000.00
JUMLAH 2011					1,091,323.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : SISTEM PENUAIAN AIR HUJAN *RAIN WATER HARVESTING (SPAH)*

167. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk mempromosikan Sistem Penuaian Air Hujan atau *Rain Water Harvesting (SPAH)* seperti yang dipelopori oleh MBPJ sebagai salah satu kaedah penyediaan air alternatif ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengambil inisiatif untuk mempromosikan SPAH dengan meluluskan pemasangan sistem tersebut di dua (2) pusat komuniti iaitu :-
- i. Komuniti Al-Husna, Seksyen 20 Shah Alam.
 - ii. Komuniti Al-Bakri Bukit Naga, Seksyen 31 Shah Alam.

Air hujan yang dikumpulkan akan digunakan untuk tujuan pencucian lantai, penyiraman tanaman dan untuk air siraman tandas (flushing). Komuniti akan mendapat faedah penjimatan penggunaan air dan seterusnya mengurangkan kebergantungannya kepada bekalan air terawat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN PELANCONGAN

168. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 muka surat 18 –21.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap Rumah Rehat GAP di Bukit Fraser yang dilaporkan pada bulan September 2010 sebagai terbiar selama dua tahun?
- b) Apakah status kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf Rumah Rehat Sri Berkat di Fraser Hill?
- c) Berapakah kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri bagi menukarkan Rumah Pam GAM di Bukit Fraser kepada tandas awam?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor telah berurusan dengan Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia Negeri Selangor berkaitan projek baik pulih dan menaik taraf Rumah GAP Bukit Fraser. Untuk makluman, projek ini adalah dibawah pengendalian dan peruntukan daripada pihak Kementerian Pelancongan Malaysia.

Butiran Kerja (Bill of Quantity – B.Q) lengkap yang disediakan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) telah diserahkan kepada Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor (PPN Selangor) sebagai agensi Pelaksana. Kini, Jabatan Warisan Negara sedang meneliti semula B.Q. tersebut berdasarkan kesesuaian dan penggunaan bahan binaan memandangkan projek ini melibatkan kerja-kerja konservasi bangunan lama. Kerja-kerja ini merupakan kerja-kerja menaiktaraf Rumah Gap Fasa 2 dan pemuliharaan semula bagi kerja-kerja Fasa 1 yang telah mengalami kerosakan akibat kelewatan peruntukan diturunkan sebelum ini oleh pihak Kementerian Pelancongan Malaysia. Kelewatan ini berlanjutan sejak bulan Ogos 2010 sehingga kini iaitu kira-kira 1 tahun 5 bulan.

Walaupun bagaimanapun, pihak TSSB dan UPEN menyedari proses ini telah mengambil masa yang agak lama untuk dilaksanakan. Oleh itu, semasa di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pelancongan yang telah diadakan pada 14 Februari 2012 lalu, mesyuarat telah memutuskan agar satu tempoh akhir diberikan terhadap pelaksanaan tersebut iaitu pada 29 Februari 2012. Sekiranya tiada sebarang kemajuan, maka kerajaan negeri Selangor akan mengambil alih projek tersebut.

Memandangkan tiada sebarang maklum balas positif diterima dari pihak Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia Negeri Selangor, maka pihak TSSB akan membuat satu kertas kerja cadangan untuk diusulkan kepada pihak UPEN dan seterusnya untuk mendapatkan ulasan berkaitan cadangan pengambil alihan projek berkenaan daripada pihak kementerian yang bertanggung jawab. Sekiranya dipersetujui, kerajaan Negeri di dalam masa terdekat akan mengangkat perkara ini kepada Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) untuk permohonan peruntukan bagi kerja-kerja Menaiktaraf Rumah Gap dan seterusnya mengambil alih projek tersebut memandangkan bangunan tersebut telah lama terbiar sejak tahun 2010.

- b) Pihak UPEN telah meluluskan peruntukan bagi Kerja-kerja Menaiktaraf Rumah Rehat Sri Berkat Fasa 1 yang berjumlah RM 700 000.00. Kerja-kerja ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR Selangor) dan telah siap pada Disember 2011 yang lalu.

Namun begitu, masih terdapat keperluan bagi kerja-kerja Menaiktaraf Rumah Rehat Sri Berkat (Fasa 2) yang akan dilaksanakan bagi membaik pulih rumah tersebut secara keseluruhannya. Dari hasil lawatan yang diadakan oleh pihak TSSB bersama wakil JKR dan UPEN pada 8 Mac 2012 telah mengenal pasti antara skop kerja bagi Fasa 2 adalah seperti membaik pulih dapur, membaik pulih bilik-bilik kecil dan bilik pekerja, menaiktaraf landskap dan pengindahan RRSB, wakaf serta BBQ Pit. Kerja-kerja tersebut dijangka siap pada bulan Jun 2012.

- c) Projek Konservasi Rumah Genset Lama dan Menukar Guna Untuk DiJadikan Tandas Awam telah dilaksanakan pada 29 November, 2010 dan siap sepenuhnya pada 13 Januari, 2011 yang lalu. Ia melibatkan kerja-kerja konservasi dengan mengekalkan ciri-ciri dan struktur serta bahan binaan asal bangunan tersebut. Kos keseluruhan bagi projek tersebut ialah RM 95 800.00 melalui Peruntukan Pembangunan Menaik Taraf Produk Pelancongan Negeri Selangor tahun 2010.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : BANDAR SHAH ALAM SEBAGAI BANDAR TAMAN

169. Bandar Shah Alam adalah bandar yang terancang yang boleh disifatkan sebagai 'bandar taman'.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah misi dan visi pembinaan bandar Shah Alam sejak awal?
- b) Adakah hasrat awal itu tercapai?
- c) Apakah identiti ketara yang mahu ditonjolkan di Shah Alam.

JAWAPAN :

- a) Misi dan visi pembinaan Bandar Shah Alam pada peringkat awalnya adalah lebih fokus untuk memastikan semua aktiviti di setiap peringkat sentiasa di tahap cemerlang dalam penyediaan perkhidmatan yang berkualiti dan bersama menjadikan Shah Alam Bandaraya bestari, cemerlang dan bertaraf dunia.

Misi dan Visi Majlis Bandaraya Shah Alam ini telah dijenamakan semula pada tahun 2011 iaitu menjadikan Shah Alam Bandaraya yang berkualiti, sejahtera, kondusif dan terunggul serta meningkatkan tadbir urus MBSA sebagai organisasi yang efisien, efektif, kompeten, dinamis dan terus cemerlang. Sehubungan itu, pembinaan Bandar Shah Alam adalah merangkumi semua aspek perancangan dan pembangunan yang teratur serta terkawal selaras dengan pembangunan mampan bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang pelabur/peniaga dalam dan luar negeri.

- b) Untuk makluman, pihak Majlis sentiasa memastikan objektif dan hala tuju Majlis sebagai 'Bandar Taman' dapat dicapai mengikut piawaian dan standard yang ditetapkan. Pelan Strategik MBSA adalah berdasarkan konsep menjalinkan tiga perhubungan yang mutlak iaitu Hubungan Manusia dengan Pencipta, Hubungan Manusia dengan Manusia dan Hubungan Manusia dengan Alam Sekitar. Pada masa ini lebih dari 708,000 pokok telah ditanam di Shah Alam dan polisi-polisi semasa yang dibentuk telah memperkuatkan lagi konsep Bandar taman ini. Hasrat tersebut telah pun tercapai dengan aktiviti dan perancangan yang dianjurkan oleh Majlis bagi menonjolkan Shah Alam sebagai 'Bandar Taman'. Antara program-program yang menyokong pelaksanaan konsep Bandar Dalam Taman di Majlis Bandaraya Shah Alam adalah seperti berikut:

- 1) Dusun Komuniti
 - 2) Parameter Planting
 - 3) Dusun di Tasik
 - 4) Shah Alam Trees For Life – satu jenama yang telah sinonim dengan Shah Alam sejak 2010
 - 5) Sumbangan anggerik
 - 6) Caj ketidakpatuhan 10 kali parameter planting
 - 7) Pengwujudan Jawatankuasa Pengindahan Bandar
 - 8) Pengwujudan Penasihat Landskap Shah Alam
 - 9) Pengwujudan Badan Pemegang Amanah Taman Shah Alam
 - 10) Pengwujudan Sahabat Taman Tasik Shah Alam
 - 11) Perintis Hijau
 - 12) Taman Anggerik Sekolah-Sekolah Shah Alam
 - 13) Penanaman pokok buah-buahan - satu polisi yang ketara dalam masa 5 tahun
- c) Identiti yang ingin ditonjolkan di Shah Alam adalah sebagai sebuah bandaraya yang bertaraf dunia dan cemerlang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PROJEK PEMULIHAN RUMAH TERBENGKALAI

170. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

- a) Sila nyatakan sehingga kini berapakah jumlah bilangan Projek Rumah Terbengkalai di seluruh Negeri Selangor mengikut pecahan daerah ? sila berikan butir-butir.
- b) Sila nyatakan berapakah jumlah Projek Rumah Terbengkalai yang berjaya dipulihkan sejak 3 tahun yang lepas ?
- c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah pencegahan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri demi untuk mempertahankan hak pembeli agar tidak dibebani dengan masalah kewangan ?

JAWAPAN:

- a) Sehingga Februari 2012, sebanyak 137 buah Projek Rumah Terbengkalai di Negeri Selangor telah disenaraikan mengikut pecahan daerah seperti berikut:

NO	KAWASAN PBT	PROJEK PERUMAHAN	PROJEK KOMERSIAL	PROJEK INDUSTRI	PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG	JUMLAH PROJEK	JUMLAH UNIT
1.	MPK	27	2	1	-	30	4,088
2.	MBSA	12	3	-	-	15	5,088
3.	MBPJ	2	4	-	-	6	1,672
4.	MPSJ	10	-	-	-	10	4,919
5.	MPAJ	9	1	1	-	11	2,356
6.	MPKJ	13	-	-	-	13	4,990
7.	MPS	5	3	-	2	10	1,776
8.	MPSp	9	-	-	-	9	3,754
9.	MDKS	9	-	-	2	11	7,510

NO	KAWASAN PBT	PROJEK PERUMAHAN	PROJEK KOMERSIAL	PROJEK INDUSTRI	PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG	JUMLAH PROJEK	JUMLAH UNIT
10.	MDHS	7	1	-	5	13	4,833
11.	MDKL	7	1	-	-	8	1,020
12.	MDSB	1	-	-	-	1	32
JUMLAH		111	15	2	9	137	41,384

- b) Walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri terhad dalam memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, sehingga Februari 2012 Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan sebanyak 27 buah projek yang melibatkan 10,867 unit seperti berikut :

8 PROJEK BERLESEN DI BAWAH KPKT DISELESAIKAN

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1.	Pangsapuri Okid Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam. (MBSA)	Pemaju : Unique Creation Diambilalih : SPNB	580 Unit
2.	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9F, 12, 19 dan 21 (MPSJ)	Talam Corporation Bhd.	1,447 Unit
3.	Lagoon Perdana, Subang Jaya (MPSJ)	Pemaju : Tenaga Gagah Sdn. Bhd. Diambilalih Oleh IJM Construction	1,052 Unit
4.	Taman Bunga Ros, Klang (MPK)	Ram Developer S/B Construction Sdn. Bhd	30 unit
5.	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Gombak (MPS)	Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.	196 Unit
6.	Putra Intan Kondominium (MPSp)	Pemaju Lama : Lembah Kerjaya S/B Pelikuidasi : Rimbun Capital S/B	300 Unit

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
7.	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Kuala Selangor (MDKS)	Richmall Sdn. Bhd.	84 unit
8.	Bandar Pinggiran Cyber, Dengkil Sepang (MPSp)	Perspektif Perkasa Sdn.Bhd.	319 unit
9.	Taman Hijau Indah (MPS)	Lim Chin Hin & Sons Industries S/B Pemaju Penyelamat : ECO Dev. S/B	120 Unit
JUMLAH			4,128 unit

18 PROJEK TANPA LESEN DISELESAIKAN

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1.	Kedai Pejabat, U5, Shah Alam (MBSA)	Sama Pesona Sdn Bhd	203 Unit
2.	Pangsapuri Perkhidmatan Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam (MBSA)	Tetuan LBS Bina Group Berhad	340 unit
3.	Pusat Komersial, Seksyen 7, Shah Alam (MBSA)	Tetuan PCM Bina Sdn. Bhd	1,514 Unit
4.	Hotel Damansara (MBPJ)	Pemaju Lama : Sri Damansara S/B Pemaju Baru : Sri Damansara Hotel S/B	1 Blok
5.	Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen U5, Mukim Petaling, Daerah Petaling (MPSJ)	Tetuan Green Crescent Sdn. Bhd.	512 Unit
6.	Pusat Perniagaan dan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya. (MPSJ)	Tetuan Sanjung Utama Sdn. Bhd.	1,316 Unit
7.	Pangsapuri Perkhidmatan, Suria Kinrara, Kinrara, Puchong (MPSJ)	Sentosa Restu Sdn. Bhd.	1,131 Unit
8.	1 Blok Kompleks Perniagaan, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang. (MPK)	Transhabour Sdn Bhd	258 Unit
9.	Rumah Berkembar, Jalan Sri	URC Housing Sdn Bhd	28 Unit

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
	Banang 14, Taman Sri Andalas, Klang (MPK)		
10.	Rumah Sesebuah, Taman Hulu Langat Jaya (MPKj)	Spring Courts Sdn Bhd	36 Unit
11.	Kompleks Kota Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat (MPKj)	Tetuan Windhill Development & Construction Sdn. Bhd.	100 Unit
12.	Rumah Berkembar dan Rumah Teres, Taman Kosas, Mukim Ampang, Hulu Langat (MPKj)	Tetuan Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad	203 Unit
13.	Rumah Teres 2 Tingkat, HS (D) 56918, PT 31343, Gombak (MPS)	Tetuan Hartawan Pasifik Sdn. Bhd	387 Unit
14.	Kedai Pejabat Taman Prima Selayang, Batu, Gombak (MPS)	Kansas Corporation Sdn Bhd	220 Unit
15.	Taman Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor (MDKS)	Tetuan Radiant Hart Construction Sdn. Bhd	33 Unit
16.	Rumah Teres 2 Tingkat, Taman Yayasan, Mukim Kuala Selangor (MDKS)	Tetuan Pramax Sdn. Bhd. JV Yayasan Selangor	77 Unit
17.	Projek Pembesaran Kampung Desa Alam Ria (MDHS)	Tetuan JKKK Sg Masin & Gerak Utusan Corp. S/B	252 Unit
18.	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu Selangor (MDHS)	HRK Holdings Sdn. Bhd.	128 Unit
JUMLAH			6,739

- c) Kerajaan Negeri telah dan sedang mengambil beberapa langkah proaktif ke arah membantu pembeli-pembeli projek terbengkalai bagi mendapatkan hak sebagai pembeli dan pemilik rumah seperti berikut:
- i. Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan perlu diperoleh daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
 - ii. LPHS mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi tujuan penstrukturan semula pembiayaan pinjaman pembeli.

- iii. LPHS juga mengadakan perbincangan secara berkala dengan pemaju terbabit bersama semua jabatan teknikal termasuk pihak bank dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- iv. LPHS juga akan mengatur pertemuan dengan pembiaya-pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju menstrukturkan semula pembiayaan titian (*bridging loan*) supaya projek boleh diteruskan dan seterusnya menyelesaikan masalah kewangan pemaju. Sekiranya masih gagal dan terdapat pemaju/kontraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada KPKT untuk membuat keputusan.
- v. Sekiranya projek yang dipulihkan melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk menilai semula kos pemulihan projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek itu ingin diteruskan.
- vi. Penubuhan Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi / Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh Y.B Tuan Iskandar Abdul Samad, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Setinggalan bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini akan membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan dan seterusnya disiapkan sehingga memperolehi Sijil Layak Menduduki. Setakat ini sebanyak 11 projek terbengkalai telah dikenal pasti berpotensi untuk dipulihkan.
- vii. Kerajaan Negeri juga sebagai langkah terakhir akan mengambil tindakan perampasan tanah sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 KTN dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 KTN bagi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Selain itu, pengambilan tanah juga sebagai usaha membolehkan projek terbengkalai dipulihkan semula dan seterusnya dimajukan secara tender sebagai contoh projek Bukit Botak dan Alam Perdana.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK: KEHADIRAN MESYUARAT EXCO & MTES

171. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan kehadiran setiap EXCO dalam mesyuarat EXCO & MTES pada tahun 2010 & 2011.

JAWAPAN:

- a) Senarai kehadiran EXCO dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) bagi Tahun 2010 adalah seperti berikut:

Bil.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)	Kehadiran
1.	YAB. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim (Dato' Menteri Besar Selangor)	44
2.	Y.B. Dato' Ramli bin Mahmud (Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor)	40
3.	YB. Datin Paduka Zauyah Be Binti Loth Khan (Penasihat Undang-undang Negeri Selangor)	41
4.	YB. Dato' Mohd. Arif Bin Ab. Rahman (Pegawai Kewangan Negeri Selangor)	43
5.	YB. Puan Teresa Kok Suh Sim	41
6.	YB. Dato' Dr. Hj. Hassan Bin Mohamed Ali	42
7.	YB. Tn. Dr. Hj. Yaacob Bin Sapari	43
8.	YB. Puan Rodziah Binti Ismail	39
9.	YB. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulnandam	38
10.	YB. Puan Dr. Halimah Binti Ali	40
11.	YB. Tuan Iskandar Bin A. Samad	41
12.	YB. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew	37
13.	YB. Cik Elizabeth Wong Keat Ping	41
14.	YB. Tuan Ean Yong Hian Wah	40

* Mesyuarat MMKN bagi tahun 2010 telah diadakan sebanyak 44 kali mesyuarat.

Senarai kehadiran EXCO dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) bagi tahun 2011 adalah seperti berikut:

Bil.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)	Kehadiran
1.	YAB. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim (Dato' Menteri Besar Selangor)	40
2.	Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi (Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor) - mulai 23/2/2011	37
3.	YB. Datin Paduka Zauyah Be Binti Loth Khan (Penasihat Undang-undang Negeri Selangor)	35
4.	YB. Dato' Mohd. Arif Bin Ab. Rahman (Pegawai Kewangan Negeri Selangor)	38
5.	YB. Puan Teresa Kok Suh Sim	35
6.	YB. Dato' Dr. Hj. Hassan Bin Mohamed Ali	34
7.	YB. Tn. Dr. Hj. Yaacob Bin Sapari	32
8.	YB. Puan Rodziah Binti Ismail	36
9.	YB. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulnandam	37
10.	YB. Puan Dr. Halimah Binti Ali	37
11.	YB. Tuan Iskandar Bin A. Samad	36
12.	YB. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew	35
13.	YB. Cik Elizabeth Wong Keat Ping	37
14.	YB. Tuan Ean Yong Hian Wah	40

* Mesyuarat MMKN bagi tahun 2011 telah diadakan sebanyak 40 kali mesyuarat.

Mesyuarat EXCO-MTES ditakwimkan pada hari Khamis setiap minggu, jam 9.30 pagi . Sepanjang tahun 2010, mesyuarat MTES telah bersidang sebanyak 41 kali dan tahun 2011 pula sebanyak 36 kali.

Ringkasan kehadiran setiap EXCO dalam mesyuarat MTES adalah seperti butiran berikut:

BIL.	NAMA	JAWATAN	TAHUN 2010	TAHUN 2011
1.	YAB. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim	YAB. Dato' Menteri Besar Selangor	41	36
2.	YB. Puan Teresa Kok Suh Sim	Ahli MMKN	30	24
3.	YB. Dato' Dr. Hj. Hassan Bin Mohamed Ali	Ahli MMKN	31	28
4.	YB. Tn. Dr. Hj. Yaacob Bin Sapari	Ahli MMKN	37	30
5.	YB. Puan Rodziah Binti Ismail	Ahli MMKN	30	28
6.	YB. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulnandam	Ahli MMKN	33	30
7.	YB. Puan Dr. Halimah Binti Ali	Ahli MMKN	33	29
8.	YB. Tuan Iskandar Bin A. Samad	Ahli MMKN	25	22
9.	YB. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew	Ahli MMKN	31	29
10.	YB. Puan Elizabeth Wong Keat Ping	Ahli MMKN	27	23
11.	YB. Tuan Ean Yong Hian Wah	Ahli MMKN	18	10

Maklumat tambahan :

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat MTES turut dihadiri oleh ketua-ketua jabatan sebagai ahli tetap MTES dan ringkasan kehadiran adalah seperti butiran berikut :

BIL.	NAMA	JAWATAN	TAHUN 2010	TAHUN 2011
1.	YB. Dato' Hj. Mohammed Khusrin Bin Hj. Munawi	Setiausaha Kerajaan Negeri	36	28
2.	YB. Datin Paduka Zauyah Be Binti Loth Khan	Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor	26	21
3.	YB. Dato' Mohd. Arif Bin Ab. Rahman	Pegawai Kewangan Negeri Selangor	29	31
4.	YB. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad / Puan Faekah Binti Husin	Setiausaha Politik Kepada YAB. Dato' Menteri Besar	25	31
5.	Y. Bhg. Dato' Noordin Bin Sulaiman	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)	38	27
6.	Y. Bhg. Dato' Abdul Nasir Bin Hassan / Encik Kamarulzaman Bin Jamil	Pengarah, Pejabat Tanah & Galian Negeri Selangor	37	20
7.	Cik Tricia Yeoh Su-Wern / Encik Abdul Halim Bin Mohammed Ali	Pegawai Penyelidik Kepada YAB. Dato' Menteri Besar	29	27
8.	Encik Mohamad Yasid Bin Bidin / Encik Suliman Bin Abd. Rahman	Setiausaha Bahagian MMKN	34	27
9.	Puan Aziah Binti Kamaruddin	Penolong Pengarah (MTES)	41	36

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : MASJID & KES MURTAD

172. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berikan data terperinci berkaitan kes ini sepanjang tempoh Januari 2010 hingga Februari 2012:
1. Aduan/ laporan rasmi diterima.
 2. Aduan/ laporan media cetak, TV, Siber.
 3. Berapa kalikah siasatan yang telah dilaksanakan?
 4. Perincikan bilangan dari hasil siasatan. kes murtad yang tertangguh dan selesai tiada kes.
 5. Adakah pihak MAIS/JAIS menerima aduan kes memurtadkan secara besar besaran dan apakah tindakan siasatan telah diambil?
 6. Apakah tindakan MAIS/JAIS?
- b) Berapakah peruntukan yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk pembangunan masjid?
- c) Berapakah jumlah masjid baru dibina sepanjang tahun 2011?

JAWAPAN :

- a) 1, 2 dan 3. sahaja dijawab.
- b) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 1 Mac 2012 telah menolak soalan ini.**
- c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 1 Mac 2012 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

173. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa juta geran yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri sejak tahun 2007 (mengikut tahun)?
- b) Sila berikan butir-butir perbelanjaan geran tersebut.

JAWAPAN :

- a) Prestasi terimaan Peruntukan Pemberian Jalanraya (MARRIS) daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-

L.	TAHUN	JUMLAH TERIMAAN (RM)
.	2007	276,723,369.00
.	2008	300,966,292.00
.	2009	315,627,131.00
.	2010	351,659,938.00
.	2011	368,356,025.00
.	(Jan-Feb) 2012	61,392,670.00

- b) Kerajaan Negeri telah menubuhkan Kumpulan Amanah Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri (MARRIS) bagi tujuan memperakaukan terimaan dan bayaran Penyelenggaraan Jalan Negeri dan Jalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Tatacara bagi pengurusan Akaun Amanah tersebut adalah berdasarkan Arahan Amanah bagi Kumpulan Amanah Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri (MARRIS) yang telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Perincian perbelanjaan Akaun Amanah MARRIS bagi tahun 2007 sehingga 2011 adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A

PERINCIAN PERBELANJAAN AKAUN AMANAH MARRIS BAGI TAHUN 2007-2011

Bil	Tahun	Pecahan Perbelanjaan mengikut jabatan			Jumlah perbelanjaan (RM)
		JKR (RM)	PBT/PDT (RM)	Lain-lain jabatan (RM)	
1	2007	124,630,745.22	139,040,424.59	21,133,076.57	284,804,254.38
2	2008	150,000,000.00	229,606,203.32	0	379,606,203.32
3	2009	250,000,000.00	75,120,937.36	3,630,281.94	328,751,219.30
4	2010	172,898,366.51	61,887,960.00	8,823,961.49	243,610,288.00
5	2011	100,000,000.00	51,180,629.27	23,638,495.98	174,819,125.25

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK: PEMERKASAAN DESA

174. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah aspek yang diterapkan oleh kerajaan negeri dalam program pemerksasaan desa?
- b) Apakah kayu ukur yang digunakan bagi menilai keberkesanan program tersebut?

JAWAPAN:

- a) Program Pemerksasaan Desa merupakan majlis penerangan umum mengenai dasar-dasar terkini kerajaan Negeri serta pencapaiannya. Di dalam program ini, semua ahli JKKK diminta untuk hadir bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai perkara tersebut. Aspek yang diberi penekanan adalah kefahaman seluruh jentera akar umbi mengenai prosedur, peraturan dan kaedah pelaksanaan dasar-dasar tersebut. Turut menjadi fokus penerangan adalah model pembangunan luar bandar terkini yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar dengan nama Asset Based Community Development (ABCD). Kaedah ini akan digunapakai secara rasmi pada tahun 2012 sebagai model pembangunan luar bandar. Didalam program pemerksasaan desa, para peserta diajarkan dan diminta untuk menyiapkan Peta Aset sebagai asas pelaksanaan model tersebut.
- b) Tahap kesedaran dan kefahaman para peserta mengenai dasar-dasar kerajaan negeri diukur melalui kadar prestasi yang mereka tunjukkan pada pencapaian setiap dasar dan program MES mereka. Selain itu, peserta juga dapat diukur melalui peta aset yang telah disenaraikan sebagai asas program peningkatan hasil pendapatan masyarakat desa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : JAWATAN-JAWATAN KANAN DALAM GLC SELANGOR

175. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tatacara pemilihan dan pelantikan ke jawatan-jawatan kanan dalam GLC? Selangor?
- b) Adakah jawatan-jawatan ini akan diiklankan secara terbuka dalam media-media selain media Bahasa Malaysia?
- c) Adakah YAB Menteri Besar mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan calon yang sesuai tanpa merujuk kepada MMKN dan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat GLC berkenaan?

JAWAPAN :

- a) Tatacara pemilihan dan pelantikan ke jawatan kanan dalam GLC Selangor adalah seperti berikut;-
 - i) Pelantikan ke jawatan teraju utama syarikat tertakluk kepada peruntukan dalam Memorandum and Article of Association sesebuah syarikat sama ada pelantikan ke tahap jawatan Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengurus Besar.
 - ii) Senarai pendek nama calon dengan butiran peribadi, kelulusan akademik dan pengalaman kerja akan dikemukakan kepada mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat untuk temu duga dan pemilihan.
 - iii) Struktur gaji serta Terma dan Syarat Perkhidmatan yang ditawarkan tertakluk kepada peruntukan dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat.
 - iv) Pelantikan Pegawai Kanan Syarikat ditadbir oleh Pengurusan Syarikat kecuali terdapat peruntukan yang memerlukan perkara yang berkaitan diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah.
- b) Jawatan-jawatan ini akan diiklankan secara terbuka dalam media-media tempatan dan tidak terhad dalam Media Bahasa Malaysia sahaja.

- c) YAB. Dato' Menteri Besar tidak mempunyai kuasa mutlak untuk membuat pelantikan teraju utama syarikat GLC. Keputusan pelantikan dibuat melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat masing-masing

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: SURAT TAULIAH DARIPADA MAIS ATAU JAIS

176. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyak dan kepada siapa surat tauliah MAIS, JAIS telah dikeluarkan sejak 2008 sehingga kini?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak 2,875 kad tauliah mengajar / berceramah telah dikeluarkan kepada penceramah dan pendakwah yang membuat permohonan tauliah mengajar di Negeri Selangor selepas di luluskan permohonan mereka oleh Jawatankuasa Tauliah MAIS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: PELABURAN

177. Sektor Pelaburan adalah salah satu antara penjana pendapatan Kerajaan Negeri Selangor:

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah jenis pelaburan yang menghasilkan pendapatan tertinggi di Negeri Selangor?
- b) Huraikan jenis-jenis pelaburan baru Kerajaan Pakatan Rakyat selain pelaburan sedia ada dari Kerajaan yang dahulu?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh Januari hingga Disember 2011, sebanyak **263 projek perkilangan** telah diluluskan oleh MIDA/MITI di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 8,741,116,758**. Sebanyak **RM 4,504,853,012 adalah daripada pelaburan tempatan** dan sebanyak **RM 4,236,263,746 adalah daripada pelaburan asing**. Sebanyak **20,750** potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Industri pembuatan peralatan kenderaan merupakan industri yang mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi iaitu sebanyak **RM 2,027,405,970** daripada **52 projek perkilangan** yang diluluskan. Ini diikuti oleh industri pembuatan barangan elektrik dan elektronik sebanyak **RM 1,422,718,129** daripada **27 projek** dan industri pembuatan barangan makanan mencatatkan jumlah pelaburan ketiga tertinggi iaitu sebanyak **RM 1,328,519,955 daripada 17 projek** yang diluluskan.

Projek perkilangan yang diluluskan di Negeri Selangor mengikut industri bagi tempoh Januari hingga Disember 2011

Industri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Transport Equipment	52	4,069	1,756,521,197	270,884,773	2,027,405,970
Electronics & Electrical Products	27	4,370	182,203,111	1,240,515,018	1,422,718,129
Food Manufacturing	17	1,438	293,072,213	1,035,447,742	1,328,519,955
Basic Metal Products	13	922	383,321,003	673,162,784	1,056,483,787
Chemical & Chemical Products	22	883	632,099,513	81,280,942	713,380,455
Fabricated Metal Products	16	708	332,146,504	180,820,120	512,966,624
Rubber Products	9	2,313	396,236,658	51,565,814	447,802,472
Non-Metallic Mineral Products	10	429	70,786,114	196,131,786	266,917,900
Paper, Printing & Publishing	4	356	16,134,218	230,692,797	246,827,015
Plastic Products	24	1,304	125,849,716	88,387,596	214,237,312
Machinery & Equipment	21	684	48,897,574	99,175,742	148,073,316
Wood & Wood Products	11	852	78,240,198	20,412,652	98,652,850
Furniture & Fixtures	18	1,395	65,858,406	17,896,351	83,754,757
Miscellaneous	6	407	44,049,143	11,810,445	55,859,588
Textiles & Textiles Product	6	345	36,993,111	8,763,888	45,756,999
Beverages & Tobacco	2	101	9,090,000	25,410,000	34,500,000
Scientific & Measuring Equipment	2	63	20,745,000	0	20,745,000
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	3	111	12,609,334	3,905,296	16,514,630
Jumlah	263	20,750	4,504,853,013	4,236,263,746	8,741,116,759

- Sumber : MIDA

- b) Bagi tempoh Januari hingga Disember 2011, sebanyak 171 projek merupakan projek baru yang diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM **4,383,755,006 (RM 4.383 bilion)**. **Sebanyak 12,887** potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan. Maklumat terperinci seperti jadual di bawah:-

Projek perkilangan yang diluluskan di Negeri Selangor mengikut status bagi tempoh Januari hingga Disember 2011.

Status	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Projek Baru	171	12,887	2,131,830,723	2,251,924,283	4,383,755,006
Penambahan / Pengembangan Pelaburan	92	7,863	2,373,022,289	1,984,339,463	4,357,361,752
Jumlah	263	20,750	4,504,853,012	4,236,263,746	8,741,116,758

- Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR UNTUK ORANG KURANG
UPAYA (OKU)**

178. Sejak tahun 2008 , Kerajaan Negeri Selangor telah mengusahakan beberapa inisiatif baru untuk memastikan semua pembangunan baru dan infra yang sedia ada di Selangor dapat digunakan oleh golongan OKU. Tetapi dari segi pengimplementasiannya ,masih tidak dapat dilihat perubahan yang signifikan di sekitar bandar raya utama.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan projek -projek khas kemudahan OKU yang telah berjaya dilaksanakan di sekitar Selangor .
- b) Adakah Pihak Berkuasa Tempatan diberikan suatu tempoh tertentu untuk membaik pulih dan menaiktaraf segala kemudahan OKU di sekitar bandar terutamanya Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Bandaraya Shah Alam ?
- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menggiatkan usaha ini ?

JAWAPAN :

- a) Pada ketika ini Kerajaan Negeri bersama–sama Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan asas-asas kemudahan bagi golongan OKU di setiap bangunan PBT seperti kemudahan meletak kenderaan, papan tanda, laluan ke dalam dan keluar bangunan, laluan utama bangunan, laluan lif, bilik air, kemudahan lif untuk OKU, kemudahan telefon dan juga kemudahan ATM
- b) Pihak Kerajaan Negeri telah dan sedang bekerjasama dengan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Negeri Selangor(MAKPEMS) untuk merancang dan melaksanakan projek-projek khas kemudahan OKU antaranya ialah dengan mengadakan latihan kepada semua kakitangan PBT di bawah Jabatan Perancang Bandar dan Kejuruteraan supaya kemudahan OKU menjadi salah satu perkara yang mesti dipantau di dalam perancangan dan pembangunan yang akan dilaksanakan oleh pihak PBT.
- c) Kerajaan Negeri juga dengan kerjasama Majlis Kebajikan Pembangunan Masyarakat untuk menjalankan satu proses audit bangunan-bangunan kerajaan yang di sebut sebagai OKU Accessibility. Ini bertujuan bagi memastikan bangunan-bangunan kerajaan yang dimulakan dengan Pihak Berkuasa

Tempatan(PBT) khususnya mematuhi piawai bagi menyediakan kemudahan akses kepada OKU.

Kerajaan Negeri juga sedang melaksanakan untuk memperluaskan konsep OKU Accessibility di sekitar radius 5 kilometer dari pada Ibu Pejabat PBT masing-masing. Pihak PBT juga sedang melaksanakan supaya jawatan khas kaunselor OKU diwujudkan di setiap PBT bagi tujuan membantu PBT melaksanakan projek-projek OKU Accessibility.

Sehingga kini pihak PBT yang telah mewujudkan jawatan khas kaunselor OKU adalah di Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam manakala pihak Majlis Perbandaran Petaling Jaya sedang di dalam proses mewujudkan jawatan khas tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : BURUNG WALIT

179. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah sehingga kini Kerajaan Negeri Selangor masih belum mengeluarkan garis panduan untuk pengusahaan burung walit?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri Selangor telah pun mengeluarkan Garis Panduan Burung Walit dan telah mula berkuat kuasa pada 26 Ogos 2011 yang lalu. Garis panduan tersebut menjadi sumber rujukan bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor di dalam proses pelesenan perusahaan burung walit terutamanya bagi permohonan lesen baru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: KAMERA INTIPAN

180. Kerajaan telah sekian lama menubuhkan Jawatankuasa Siasatan dalam kes kamera intipan di pejabat YAB Dato' Menteri Besar.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status siasatan kes kamera intipan tersebut?
- b) Bilakah Kerajaan Negeri bercadang mendedahkan hasil siasatan awal Jawatankuasa tersebut?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PROGRAM AIR PERCUMA DI BAWAH KDEB

181. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 muka surat 133.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rangka tindakan Kerajaan Negeri terhadap KDEB yang tidak membayar empat pinjaman prinsipal jangka pendek berjumlah RM200 juta?
- b) Apakah Kerajaan Negeri punyai rancangan untuk mengurangkan kadar faedah ke atas pinjaman KDEB dari 4% setahun kepada % yang lebih rendah?
- c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri terhadap pinjaman KDEB berjumlah RM200 juta berserta faedah apabila Syarikat Tujuan Khas (Special Purpose Vehicle Company) diwujudkan kelak?

JAWAPAN :

- a) Pinjaman Kerajaan Negeri Selangor dengan KDEB berjumlah RM200 juta merupakan pinjaman jangka pendek di mana ianya akan diperbaharui pada setiap tamat tempoh pinjaman dengan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sehingga penstrukturan semula air dapat dimuktamadkan.
- b) Kadar faedah sebanyak 4% merupakan kadar faedah yang rendah sekiranya dibandingkan dengan kadar faedah yang dikenakan oleh bank/institusi kewangan di antara 6-8%. Ia juga merupakan kadar faedah yang sama yang digunakan bagi pinjaman-pinjaman Kerajaan Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan anak-anak syarikat.

Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk mengurangkan kadar faedah tersebut memandangkan kadar faedah tersebut telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan telah dimuktamadkan dalam perjanjian pinjaman.

- c) Memandangkan Kerajaan Negeri masih lagi dalam proses rundingan dengan Kerajaan Persekutuan berhubung penstrukturan semula industri air, terdapat pelbagai perkara yang perlu diperhalusi dan diputuskan oleh kedua-dua pihak.

Sehubungan itu, rancangan Kerajaan Negeri terhadap pinjaman KDEB berjumlah RM200 juta akan diputuskan setelah proses rundingan ini dapat dimuktamadkan terlebih dahulu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : RUMAH PANGSA TERBENGGALAI DI SUNGAI TANGKAS, KAJANG

182. Pada 3 Februari 2012 (Jumaat) YB Iskandar, Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan melawat rumah pangsa Kelisa Ria yang terbengkalai di Sungai Tangkas.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah masalah yang dihadapi pembeli-pembeli rumah pangsa Kelisa Ria Sungai Tangkas tersebut?
- b) Apakah tindakan yang boleh diambil terhadap TJ Plaza sebagai pemaju perumahan berkenaan?
- c) Bagaimanakah penyelesaian terbaik yang akan diambil?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Kelisa Ria, Sungai Tangkas merupakan salah satu projek yang termasuk dalam senarai projek terbengkalai di Negeri Selangor. Projek ini telah dimajukan oleh Tetuan T.J Plaza Sdn. Bhd dan didaftarkan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta berada di bawah pemantauan kementerian tersebut. Projek yang telah siap 80% dan melibatkan 500 unit rumah ini terletak di Jalan Reko, Kampung Keramat Tangkas, Kajang, Hulu Langat. Masalah kewangan yang dihadapi oleh pemaju dikenalpasti sebagai punca utama projek ini terbengkalai disamping masalah pengurusan projek yang akhirnya membebankan para pembeli kerana terpaksa membayar ansuran bulanan kepada pihak bank sedangkan rumah tidak dapat diduduki. Kegagalan segelintir pembeli menjelaskan bayaran bulanan tersebut kerana perlu menanggung kos kediaman sedia ada seperti sewaan dan sebagainya menyebabkan mereka disenaraihitamkan oleh pihak bank. Situasi ini mendatangkan masalah kepada para pembeli terlibat untuk meneruskan komitmen lain kerana sukar untuk membuat sebarang pinjaman dengan institusi kewangan bagi tujuan lain yang secara tidak langsung turut menjejaskan kehidupan mereka.
- b) Memandangkan projek ini berdaftar dengan KPKT maka ia dipantau secara terus oleh kementerian berkenaan. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri turut memainkan peranan dengan mengambil beberapa langkah yang perlu sejajar dengan tindakan yang diambil oleh pihak kementerian terhadap projek ini. Sebagai agensi yang bertanggungjawab secara langsung, KPKT telah

mengadakan beberapa siri mesyuarat iaitu pada 20 September 2011, 14 November 2011 dan 13 Disember 2011 bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek tersebut. Berdasarkan mesyuarat pada 13 Disember 2011, KPKT memaklumkan bahawa pemaju T.J Plaza Sdn. Bhd. tidak dapat meneruskan pemulihan projek ini melalui surat bertarikh 19 Oktober 2011. Sehubungan dengan itu, tindakan penggulungan ke atas syarikat ini akan dilakukan berikutan kegagalan syarikat untuk memulihkan projek. Bagi tujuan tersebut, pada ketika ini pihak KPKT sedang berusaha mengumpulkan butiran lengkap setiap pembeli bertujuan mengenalpasti anggaran kos pemulihan projek ini. Surat kebenaran daripada pembeli bagi tujuan membuat semakan akaun akan dikeluarkan setelah maklumat lengkap para pembeli terlibat diperolehi. Anggaran kos pemulihan projek akan disediakan oleh kontraktor penyelamat yang dilantik iaitu Syarikat Geostream Sdn. Bhd. untuk dikemukakan ini kepada KPKT. Di pihak Kerajaan Negeri pula boleh mengambil tindakan secara tidak langsung dengan menyenaraihitamkan nama-nama lembaga pengarah yang diperolehi dari SSM untuk diedarkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan turut dipaparkan dalam laman sesawang Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS). Pemaju yang disenaraihitamkan ini tidak akan dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa pembangunan di Negeri Selangor termasuk membuat permohonan untuk pembangunan tanah walaupun mereka hanya berperanan sebagai salah seorang pemilik syer sahaja di bawah syarikat pemaju lain.

- c) Selain usaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam membendung masalah projek terbengkalai, Kerajaan Negeri juga amat komited dalam usaha memulihkan projek-projek terbengkalai ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah proaktif ke arah penyelesaian projek terbengkalai di Negeri Selangor melalui pendekatan seperti berikut:

1) Kos Tambahan (Topup)

Bagi projek yang boleh dipulihkan di mana melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk menilai semula kos pemulihan projek tersebut bagi mendapatkan butiran terperinci kos tambahan yang perlu ditanggung secara bersama oleh pembeli-pembeli. Walau bagaimanapun, ia perlu mendapat persetujuan sekurang-kurangnya 85% daripada jumlah pembeli bagi tujuan pemulihan.

2) Lantikan Pemaju Penyelamat

Kerajaan Negeri melalui LPHS juga akan mengadakan perbincangan dengan pemaju terbabit bersama semua jabatan teknikal termasuk pihak bank sekiranya projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. Bagi pemaju yang menghadapi masalah kewangan, LPHS akan mengatur pertemuan dengan pembiayaan-pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam

membantu pemaju-pemaju menstrukturkan semula pembiayaan titian (*bridging loan*) supaya projek boleh diteruskan. Sekiranya masih gagal dan terdapat pemaju penyelamat/kontraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada KPKT untuk diputuskan. Bagi projek-projek yang telah diletakkan di bawah '*liquidator*'/*Pegawai Penerima*, perbincangan akan dijalankan bersama '*liquidator*'/*Pegawai Penerima* terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.

3) Perampasan Tanah dan Pengambilan Tanah

Kerajaan Negeri juga sebagai langkah terakhir akan mengambil tindakan perampasan tanah sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 KTN dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 KTN bagi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Selain itu, pengambilan tanah juga sebagai usaha membolehkan projek terbengkalai dipulihkan semula dan seterusnya dimajukan secara tender sebagai contoh projek Bukit Botak dan Alam Perdana.

4) Penubuhan Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)

Jawatankuasa ini terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setingan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi / Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini akan membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. Setakat ini terdapat 11 projek telah dikenal pasti berpotensi dipulihkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK: PROGRAM PENINGKATAN KUALITI HIDUP

183. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan setakat ini di bawah Program Peningkatan Kualiti Hidup Rakyat di bawah Program Geran Selangorku?
- b) Berapa ramaikah rakyat yang telah menikmati faedah-faedah di bawah Program yang tersebut di atas?
- c) Apakah masalah-masalah yang dihadapi semasa menjalankan program tersebut?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PEMBERIAN TANAH UNTUK TAPAK SEKOLAH

184. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

- a) Sila senaraikan jumlah bilangan tanah yang telah diluluskan oleh MMKN kepada sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina serta Tamil sejak 3 tahun yang lepas ?
- b) Sila nyatakan apakah polisi Kerajaan Negeri terhadap isu permohonan tanah untuk sekolah pelbagai aliran ?
- c) Sila nyatakan apakah Kerajaan bersedia memberikan sekeping tanah kepada Lembaga Pengurus sekolah Menengah Persendirian Cina untuk membina sebuah sekolah Baru di sekitar daerah Klang bagi menyelesaikan masalah bilangan pelajar yang bertambah sejak mutakhir ini ?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah bilangan Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil sejak 3 tahun yang lepas mengikut pecahan daerah:-

BIL	DAERAH	SAR	SJK (TAMIL)	SJK (CINA)
1.	PETALING	2	tiada	tiada
2.	KLANG	tiada	tiada	tiada
3.	GOMBAK	tiada	3	3
4.	HULU LANGAT	13	1	5
5.	KUALA LANGAT	tiada	tiada	tiada
6.	KUALA SELANGOR	tiada	tiada	1
7.	SABAK BERNAM	1	2	10
8.	HULU SELANGOR	4	2	1
9.	SEPANG	tiada	tiada	tiada
JUMLAH		20	8	20

- b) Tiada polisi kerajaan Negeri berkaitan dengan permohonan tanah untuk kegunaan sekolah pelbagai aliran. Walau bagaimanapun, penyediaan tapak untuk kegunaan sekolah bergantung kepada keperluan dan perancangan yang hendak dilaksanakan. Berdasarkan Manual Garis Panduan dan Piawai Perancangan Negeri Selangor telah menetapkan keperluan penyediaan kemudahan pendidikan adalah di Lampiran A.
- c) Pada masa ini, tiada dasar bagi kerajaan memberi tanah kepada Lembaga Pengurus Sekolah Persendirian.

Pejabat Daerah/Tanah Klang bersedia untuk memproses permohonan tukar syarat mana-mana tanah persendirian bagi tujuan pembinaan sekolah tertakluk kepada sokongan dan ulasan jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan dan akan dimajukan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

LAMPIRAN A

Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor

Jenis Kemudahan Pendidikan	Keluasan Tapak		Saiz (Maksimum)	Bilangan Penduduk	Peletakan Lokasi	Tempat Letak Kereta	Anjakan Bangunan		Komponen Kemudahan
	Permukaan Rata (Minimum)	Berbukit (Minimum)					Menghadap Jalan	Sempadan Bersama	
Sekolah Rendah	2.4 hek (6 ek)	3.2 hek (8 ek)	30 – 35 pelajar/kelas* (sek. Satu sesi)	3000 – 7500 penduduk (1 sekolah bagi 1 unit kejiranan)	<ul style="list-style-type: none"> Akses terus kepada jalan 20m (66') (dalam kawasan perumahan) 	<ul style="list-style-type: none"> 1 petak kereta/ 2 kakitangan Tambahan 20% petak kereta pelawat Tambahan 20% petak motosikal 	20m (66')	12.2m (40')	<ul style="list-style-type: none"> i. Pagar di sekeliling ii. Papan tanda nama dan alamat bangunan dalam tulisan jawi dan rumi iii. Tandas iv. Padang permainan v. Kantin & dewan vi. Tiang bendera minima 3 unit (Malaysia, Selangor dan Sekolah) vii. Gelanggang viii. Pusat Sumber ix. Surau & Wakaf x. Pondok Bas xi. Pencawang Elektrik xii. Laluan Pejalan Kaki Berbumbung xiii. 1 pintu masuk xiv. 1 pondok pengawal xv. Hentian sebelah (lebar min 3.5m) untuk bas sekolah dan kereta xvi. Padang sekolah dibenarkan untuk kegunaan komuniti
Sekolah Rendah Agama	0.8- 2 hek (2-5 ek)	0.8- 2.4 hek (2-6 ek)		5000 – 10000 penduduk	<ul style="list-style-type: none"> Mempunyai jalan perkhidmatan 12.2 m (40') Mempunyai pengangkutan awam 0.4 – 0.8km / 5 – 10 minit Perjalanan daripada rumah terjauh. Jauh daripada persimpangan 'Lay-by' untuk 'drop-off' dan 'pick-up' 				

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK: SUMBANGAN TOKONG PADA TAHUN 2011

185. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan sumbangan tokong pada tahun 2011 di setiap DUN dengan jumlah dan tujuan permohonan berkenaan.

JAWAPAN:

- a) Bantuan kewangan yang telah diberikan kepada tokong bagi tahun 2011 adalah seperti berikut:

BIL	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1	135	1,429,990.00

Bersama-sama ini disertakan **Lampiran A** berkaitan maklumat bantuan kewangan yang telah diberikan kepada kuil mengikut lokasi, jumlah dan kegunaannya bagi tahun 2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : BELIA

186. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah pelan tindakan bagi mengatasi belia berpelesiran?

JAWAPAN :

a) Kerajaan negeri sentiasa peka dan prihatin terhadap masalah golongan belia termasuklah masalah belia berpelesiran. Bagi menangani masalah tersebut. Kerajaan negeri telah menganalpasti beberapa langkah iaitu :-

i. Penganjuran aktiviti/ program

Kerajaan Negeri melalui kerjasama Majlis Sukan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan menganjurkan beberapa program seperti kejohanan Futsal Gen-S dan 'Program Youth In Community' bagi mengisi masa lapang golongan belia.

ii. Penggerak Belia Tempatan (PeBT)

Kerajaan Negeri telah menubuhkan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di setiap zon di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Penggerak Belia Tempatan (PeBT) ditubuhkan bagi menggerakkan program-program belia diperingkat akar umbi.

iii. Membaikpulih Infrastruktur Sukan

Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 800,000 bagi membaik pulih, menaiktaraf kemudahan sukan. Selain daripada itu, di bawah Program Selangorku Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak RM 30 juta untuk membina infrastruktur sukan. Dengan adanya kemudahan infrastruktur sukan yang baik akan menggalakkan penglibatan para belia dalam aktiviti sukan sebagai menangani gejala belia berpelesiran.

iv. Program Jom Kerja

Program ini dianjurkan bagi membuka peluang pekerjaan kepada para belia. Dengan adanya pekerjaan tetap di kalangan belia masa lebih banyak ditumpukan terhadap karier mereka sekaligus mengurangkan masa untuk berpelesiran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

**TAJUK : KONSORTIUM JARINGAN SELANGOR (KJS) SEBAGAI
ONE STOP AGENCY (OSA)**

187. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah KJS diberi layanan istimewa sebagai OSA untuk meluluskan permohonan infrastruktur telekomunikasi?
- b) Adakah ini selaras dengan Agenda 21 tanpa melibatkan pandangan wakil rakyat memandangkan permohonan seperti ini selalu dibantah oleh rakyat?
- c) Berapakah pendapatan yang dikutip oleh KJS setiap tahun sejak 2007 dan berapakah peratus pendapatan disalurkan kembali kepada Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui MMKN telah menimbang dan bersetuju **mengekalakan KJS sebagai One Stop Agency (OSA)**. Walau bagaimanapun, mana-mana syarikat telekomunikasi boleh berurusan secara langsung dengan pihak PBT dengan mengguna pakai kemudahan *One Stop Centre (OSC)* dalam proses pembangunan dan perancangan infrastruktur komunikasi. Melalui keputusan tersebut jelas KJS tidak diberi layanan istimewa seperti yang didakwa.
- b) Proses tersebut akan selari dengan Agenda 21 Selangor selagi mana pihak **OSA (KJS) atau OSC di PBT** memaklumkan cadangan permohonan kepada wakil rakyat setempat bagi sebarang pembinaan struktur pencawang telekomunikasi.
- c) Bermula pada tahun 2001, KJS bertanggungjawab untuk membuat bayaran levi tahunan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Bayaran ini adalah berdasarkan dari yuran pemprosesan untuk pembinaan struktur telekomunikasi bagi tahun tersebut seperti yang telah dipersetujui di dalam perjanjian konsesi di antara KJS dengan Kerajaan Negeri Selangor.

TAHUN	JUMLAH (RM)
2001	61, 117.60
2002	98, 350.00
2003	36, 500.00
2004	42, 960.00
2005	33, 580.00
2006	76, 990.00
2007	181, 500.00
2008	208,500.00
2009	161, 000.00
2010	230, 500.00
JUMLAH KESELURUHAN	1, 130, 997.60

Pihak KJS juga telah membuat bayaran dividen kepada anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor iaitu Kumpulan Darul Ehsan Berhad yang memegang 30% saham di dalam KJS sebanyak RM3,600,000.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PILIHANRAYA AHLI MAJLIS KERAJAAN TEMPATAN

188. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah cara-cara pelaksanaan pilihanraya Ahli Majlis Kerajaan Tempatan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan memandangkan kerajaan telah mengumumkannya dalam program geran "Selangorku" dan perkembangan terkini pilihanraya ini?
- b) Terdapat rungutan bahawa pelaksanaan pilihanraya ini agak perlahan berbanding dengan pilihanraya ketua JKKK? Apakah puncanya dan cara-cara penyelesaiannya?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: HARTANAH YANG DIMILIKI OLEH AHLI-AHLI DEWAN NEGERI SELANGOR

189. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status usaha kerajaan negeri menyenaraikan lengkapkan tuan-tuan punya tanah dalam negeri Selangor?
- b) Senaraikan tanah-tanah yang dimiliki oleh Ahli-ahli Dewan Negeri yang kini dan mantan serta ahli keluarga mereka?

JAWAPAN:

- a) Segala urusan tuan-tuan punya tanah akan didaftarkan dan direkod melalui Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) dan Sistem Pendaftaran Hak milik Strata (SPHS)
- b) Berikut antara senarai tanah-tanah yang dimiliki oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri dan mantan berdasarkan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer untuk hak milik Pejabat Pendaftar :-

Ahli Dewan Negeri Selangor :

BIL	NAMA	BIL HAKMILIK	NO. HAKMILIK TANAH
1	Y.A.B Tan Sri Dato' Seri Khalid Bin Ibrahim	2	a) PM 502/Lot 1200 b) GM 1109/ Lot 1486
2	Y.B Tn Ahmad Yunus bin Hairi	2	a) GM2759/ Lot 2173 b) PM1641/ Lot 3834
3	Y.B. Tuan Dr Shafie bin Abu Bakar	1	GRN73778/LOT59326
4	Y.B Pn Dr. Hjh Halimah bt Ali	2	a) GM 4685, Lot 1022 b) HSM 695, Lot 2504
5	Y.B Tn Iskandar bin Abd Samat	1	HSM 12293, Lot 194
6.	Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor	3	a) HSD 10547/ PT 414 b) HSD 132291/ PT 67686 c) HSD 3132/ PT 361
7.	Y.B. Dato' Raja Ideris bin Raja Ahmad	1	HSD 233027/ PT 4660

Mantan Ahli Dewan Negeri Selangor :

BIL	NAMA	BIL HAKMILIK	NO. HAKMILIK TANAH
1	Dato' Hj Samad bin Hj Said	1	HSD227188/PT3834
2	Chin Kek Kum	1	GRN66075/LOT 41746
3	Lee Tek Su	1	HSD65047/PT45352
4	Dato' Dounglas Kim Kui Lee	1	SL3641/PT202
5	Soong Siew Hoong	1	HSD175890/PT2
6	Y.M Raja Fuji binti Raja Kamin	1	HSD1327/PT7175
7	Choo Yoong Fatt	1	HSD160235/PT8
8	Gan Ching Yen	2	a) CT25265/LOT659 b) GRN50872/LOT690

9	Mat Ripen bin Mat Elah	1	HSD16159/PT189
10	Dato' Mohd Ghazali bin Kantan	1	HSD1437/PT779
11	Datin Meenampal A/P Shanmupam	1	HSD12642/PT162
12	Y.B Dato Hj Ramli b. Abdul Rahman	1	HSD24544/PT579
13	Sanggily @ Sellathevan A/L Muthusamy	4	a) GRN 0023093/ PT 0000795 b) HSD 0031131/ PT 0000444 c) GRN 0023094/ PT 0000801 d) HSD 0057407/ PT 0000111
14	Hj Miskon bin Sutero	2	a) HSD112878/PT2116 b) HSD39359/PT40
15	Abdul Shukur bin Haji Siraj	1	GRN122245/LOT20145
16	Dato' Mohd Azmir b. Dato' Hj Mohd. Nadzir	1	PN4226/LOT46
17	Dato' Hj Abu Siyak bin Hj Mahmud	1	HSD20675/PT14
18	Chew Ngan @ Chan Yew Koh	1	HSD238529/PT64
19	Dato Hj Abu Bakar b. Hj Abdul Hamid	1	HSD43218/PT891
20	Hjh Siti Fatimah bt. Dollah Sukini	1	GRN42158/LOT34258
21	Datin Yeoh Chui Eng	1	GRN42158/LOT23

22	Mahalingam @ Manilamane A/L Muthuk	1	HSD118879/PT50
23	Mesene Binti Ibrahim	1	HSD22947/PT93
24	Ng Thiam Hock	3	a) HSD 0022916/ PT 0000106 b) GRN 0032593/ PT 0013491 c) PN 0057252/ PT 0000055
25	Zainal Abidin bin Sakom	2	a) HSD1099/PT216 b) HSD947/PT193
26	Gopala Krishnan A/L V. Sabramaniam	1	GRN171533/LOT12438
27	Hj Megat Najmuddin b. Dr Megat Khas	1	HSD170680/PT2
28	Dato' Salamon bin Selamat	1	HSD16182/PT317
29	Hamim @ Husin bin Hj Taib	1	HSD7959/PT6413
30	Dato Saidin b. Tamby	1	PN5935/LOT4611
31	Dato Aziz bin Mohd Desa	4	a) HSD 0071457/ LOT 0000228 b) GRN 0041221/ LOT 0034529 c) HSD 0000593/ LOT 0002953 d) HSD 0000594/ LOT 0002952
32	Tan Sri Muhammad bin Muhammad Taib	2	a) HSD370/PT58 b) HSD63436/PT269
33	Liew Ah Kim	1	GRN32700/LOT13600
34	G. Vadiveloo	1	PN57224/LOT20
35	Dato Ng Soon Por	3	a) GRN117994/LOT32833 b) HSD32149/PT162 c) HSD98448/PT162
36	Hj. Ariffin Bin Hj Mat Rawi @ Hj Rawi	1	PN68361/LOT534
37	Khoo Ooi Seng	1	HSD31981/PT18578
38	Kamariah bt. Mohamad	2	a) PN92893/LOT581 b) HSD3378/PT556

BIL	NAMA	BIL HAKMILIK	NO. HAKMILIK TANAH
39	Mohamed Khalid b. Ahmad @ Khalid Hj. Ahmad	1	HSD 75998/PT1622
40	Puan Sri Zainon binti Mat Yasin	1	HSD76466/PT2091
41	Dato' Hj Mohd Sharif bin Jajang	1	PN33680/LOT17082
42	Wong Ah Taih	4	a) HSD 0003854/ PT 0000657 b) HSD 0112874/ PT 0002112 c) HSD 0112873/ PT 0002111 d) HSD 0076904/ PT 0002529
43	Datin Paduka Hajjah Rakibah bt. Abd. Manaf	1	HSD52252/PT716
44	Mailan @ Mailah bt Salehan @ Suleihman	1	HSD10562/PT687
45	Dato' Tai Chang Ying @ The Chang Ying	4	a) HSD 0068552/ LOT 0073737 b) PN 0053096/ LOT 0081556 c) HSD 0095882/ LOT 0000596 d) PN 0077693/ LOT 0017092
46	Dato' Abdul Aziz Mohd Noh	1	HSD233053/PT4686
47	Dato Chia Kim Lem	1	PN72121/LOT688
48	Dato' Mat Yasir bin Ikhsan	1	PN 64823/ LOT 291
49	Dato' Zahar bin Hashima	3	a) GRN 145079/ LOT 162 b) PN 54913/ LOT 162 c) HSD 98411/ PT 562
50	Dato' Ramli bin Norani	2	a) PN 68309/ LOT 26065 b) HSD 2028/ PT 1358
51	Dato' Ir Haji Mohd Zin Mohamed	3	a) HSD 0275377/ PT 0000578 b) HSD 0100921/ PT 0000647 c) HSD 0275377/ PT 0000578
52	Dr. Tan Seng Gian	1	HSD 20005/ PT 4723
53	Irma Daryantie	2	a) HSD 201884/ PT 7713 b) PN 75306/ LOT 51053
54	Chew Kim Swee @ Chew Too Nyaah	1	HSD 137016/ PT 17052
55	Dato' Yap Pian Hon	1	HSD 58596/ PT 1230
56	Nallamah a/p Ponnann	1	HSD 179778/ PT 1199

57	Datin Zizah bt. Ngah	3	a) HSD 97144/ PT 4180, b) HSD 215146/ PT 2861, c) HSD 215322/ PT 3037
58	Dato' Jaei bin Ismail	1	HSD 233040/ PT 4673
59	Dato' Liew Chee Khong @ Liew Chee Chong	1	HSD 31976/ PT 59
60	Dato' Haji Ismail bin Kijo	1	PN 20785/ LOT 47379
61	Dato' Lim Thuang Seng	2	a) PN 16458/ LOT 826 b) HSD 246543/ PT 11091
62	Datin Paduka Seripah Noli bt. Syed Hussin	1	HSD 232880/ PT 4521
63	Dato' Ahmad bin Bujang	1	GRN 290932/ LOT 984
64	Dato' Ahmad Kuris bin Mohd Nor	1	GRN 171034/ LOT 7196
65	Dato' Abdul Aziz bin Mohd Noh	1	HSD 233053/ PT 4686

BIL	NAMA	BIL HAKMILIK	NO. HAKMILIK TANAH
66.	Dato' The Kim Poo	5	a) HSD 0031130/ PT 0000441 b)HSD 0030504/ PT 0000443 c) HSD 0085157/ PT 0091125 d) HSD 0085158/ PT 0091126 e) HSD 0104946/ PT 0004969
67	Ching Su Chen	1	GRN 37956/ LOT 184
68	Dato' Hj. Abdul Fatah bin Haji Iskandar	3	a) PN 84340/ LOT 16529 b) PN 84341/ LOT 16530 c) PN 13207/ LOT 638
69	Kamalam a/p Annasamy	1	HSD 227176/ PT 3822
70	Dato' Ching Toh Eng	1	PN 13230/ LOT 649
71	Dato' Tang See Hang	1	HSD 173689/ PT 4448
72	Dato' Hj. Mad Aris bin Hj Mad Yusuf	3	a) HSD 74434/ PT 4545 b) HSD 108280/ PT 8987 c) HSD 107652/ PT 8602
73	Dato' Dr. Amran bin Kasimin	2	a) HSD 227139/ PT 3785 b) HSD 14764/ PT 3555
74	Dato' Hoh Hee Lee	2	a) GRN 214324/ LOT 33421 b) HSD 10119/ PT 1448
75	Liew Yuen Keong	1	HSD 240349/ PT 1624
76	Leong Yee Sam	1	HSD 21975/ 885
Jumlah hak milik yang terlibat		128	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: PERTANIAN

190. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah peningkatan pendapatan hasil pertanian di era pemerintahan pakatan rakyat jika dibandingkan dengan Kerajaan dahulu?
- b) Apakah perancangan atau sasaran pertanian di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Bagi tahun 2011 pendapatan kasar setiap petani secara purata adalah RM28,653.37 setahun (RM2,387.78 sebulan) berbanding pendapatan kasar petani pada tahun 2007 iaitu RM10,075.00 setahun (RM839.60 sebulan). Secara perbandingan peningkatan pendapatan kasar adalah sebanyak 184%.
- b) Bagi perancangan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Jabatan Pertanian telah memberi keutamaan terhadap pembangunan komoditi utama seperti padi, buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman industri, tanaman herba dan rempah ratus, florikultur serta industri asas tani. Strategi Kerajaan Negeri dalam pembangunan pertanian di Negeri Selangor adalah menambah keluasan tanaman dan meningkatkan produktiviti ladang di samping mempergiatkan usaha membangunkan kawasan-kawasan tanah bermasalah dan terbiar.

Proses pemodenan pertanian terus dilaksanakan dengan mewujudkan kawasan pembangunan, pengurusan organisasi petani yang lebih tersusun melalui pengurusan berpusat, projek pertanian berkelompok, unit peladang, syarikat dan estet mini dimana yang sesuai. Penggunaan pakej teknologi yang disyorkan akan terus ditingkatkan selaras dengan kemajuan sektor perkilangan, pemprosesan dan pembuatan. Ini adalah untuk memastikan peningkatan produktiviti dan kualiti hasil pertanian yang selamat dan mampu bersaing dengan barangan import.

Perancangan dan sasaran hasil dan nilai pengeluaran pertanian mengikut kategori tanaman oleh Jabatan Pertanian bagi tempoh RMKe-10 (2011-2015) adalah seperti berikut :

Perancangan dan sasaran pengeluaran hasil pertanian adalah seperti berikut bagi RMKe-10 (2011 – 2015) Jabatan Pertanian Negeri Selangor

Bil	Projek	Luas (Ha)	Hasil (Metrik tan)	Nilai (RM) Juta
1	Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)	1,367.85	115,500.00	118,000.00
2	Tanaman Padi	18,190.58	1,033,224	1,549,837
3	Buah-buahan (kawasan baru & pemulihan kawasan sedia ada)	566.25	7,575.00	15.15
4	Sayur-sayuran (kawasan baru)	192.00	3,840.00	7.70
5	Kelapa (tanam semula & pemulihan kawasan sedia ada)	515.00	6,250.00	5.00
6	Umbisi (kawasan sedia ada)	623.00	12,460.00	6.23
7	Florikultur	280.00	1,215	15.91
8	Industri Asas Tani	915 usahawan	56,900.00	512.50
Jumlah Besar		21,734.68	1,236,964.00	1,668,399.50

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : LEBUHRAYA BARU DAMANSARA SHAH ALAM (DASH)

191. Kerajaan Persekutuan dan Pro-lintas bercadang membina lebuhraya baru dari Mutiara Damansara sehingga ke Puncak Perdana.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah mengkaji kesan pembinaan ini kepada kawasan - kawasan perumahan , pengambilan tanah , perkampungan yang akan terbabit sepanjang laluan ini ?
- b) Sejauh manakah Kerajaan Negeri ada kuasa untuk mempengaruhi '*alignment*' lebuhraya ini dan pelan pembangunannya ?
- c) Adakah Kerajaan Negeri setuju dengan pembinaan lebuhraya ini dari segi keperluannya ?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri secara dasarnya telah menimbang dan bersetuju berhubung dengan pembinaan Lebuhraya DASH tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengarahkan supaya pihak **JPBD menyelaraskan mesyuarat** jawatankuasa teknikal bersama dengan agensi teknikal yang terlibat dalam pembinaan lebuhraya DASH berserta kajian kesan dari semua aspek. Selain daripada itu, semua PBT terlibat diarah untuk melaksanakan **Town Hall Meeting** untuk mendapatkan input dan maklumbalas daripada penduduk setempat.
- b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa bagi mengubah laluan mahupun jajaran yang telah ditetapkan oleh pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bersama dengan pihak konsesi terbabit. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengutus surat kepada pihak LLM dan UKAS supaya **sebarang bentuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam haruslah mengikut kepada kriteria dan prinsip yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.**

Kerajaan Negeri berpendirian seperti berikut :-

- i) Penswastaaan hendaklah meletakkan keutamaan atau kepentingan rakyat Malaysia amnya dan Selangor kerana ia melibatkan cukai yang dibayar oleh rakyat;

ii) Kos hendaklah dibuat secara terbuka dan tidak diswastakan, apabila projek siap maka pulangan hasil (*revenue*) yang diswastakan (*privatise the revenue, not the cost*); dan

iii) Kos juga perlu mengambil kira *international risk and return reward*.

Kerajaan Negeri juga telah mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan memberi penekanan dan mengambil langkah-langkah berikut :-

i. Perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu, tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi;

ii. Meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan;

iii. Memasukkan ke dalam perjanjian klausa penamatan awal (*early termination clause*) iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* bagi projek ini lebih awal dari tempoh konsesi tamat, maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal setelah permohonan di bawah Seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah dibuat;

LLM atau konsesi berkaitan telah diminta memaklumkan kepada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negeri kawasan berkaitan mengenai cadangan lebuhraya terlebih dahulu sebelum dimaklumkan kepada penduduk setempat bagi memudahkan wakil rakyat tempatan menjawab sebarang pertanyaan atau bantahan dari rakyat sekiranya ada.

c) Secara dasarnya melalui keputusan MMKN, Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan pembinaan Lebuhraya Damansara Shah Alam (DASH) berkenaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah menyelaraskan supaya Jabatan Perancang pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengkaji dan meneliti dengan lebih terperinci berhubung dengan pembinaan lebuhraya ini dan jajaran-jajarannya untuk diselaraskan dengan Pelan Struktur Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : PEMILIHAN AHLI-AHLI MAJLIS

192. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah JP-PBT tidak diberi mandat untuk pemilihan calon-calon Ahli Majlis?
- b) Sila nyatakan secara jelas dan terperinci apakah kaedah-kaedah yang digunakan untuk pemilihan Ahli Majlis.

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: MEMAKSIMAKAN PENDAPATAN KERAJAAN

193. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah usaha kerajaan untuk memaksimakan pendapatan kerajaan melalui kutipan hasil cukai dan urus niaga berkaitan tanah di Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan Pejabat Tanah Galian Selangor (PTGS) ?

JAWAPAN:

- a) Usaha kerajaan untuk memaksimakan pendapatan kerajaan melalui kutipan hasil cukai tanah di Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan Pejabat Tanah Galian Selangor (PTGS) adalah seperti berikut:
- i. Kerajaan Negeri telah meningkatkan sasaran pencapaian prestasi kutipan Cukai Tanah Semasa daripada 90 peratus kepada 95 peratus dan kutipan Tunggakan Cukai Tanah daripada 70 peratus kepada 75 peratus bagi Anugerah Hasil Cukai Tanah Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor. Insentif yang diberikan kepada Pejabat Daerah dan Tanah yang mencapai sasaran juga telah dinaikkan daripada RM100,000.00 kepada RM200,000.00.
 - ii. Pemantauan prestasi kutipan hasil Cukai Tanah Semasa dan Tunggakan Cukai Tanah semua Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil, Penyusunan Strategi dan Kewangan Unit Hasil Daerah yang dianggotai oleh Perbendaharaan Negeri Selangor, Pejabat Tanah dan Galian Selangor, semua Pejabat Daerah dan Tanah, dan Bahagian Teknologi Maklumat SUK Selangor.
 - iii. Meneruskan aktiviti Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah (Ops. Kutip) yang dimulakan dari tahun 2009 sehingga kini. Di antara pendekatan yang dilaksanakan melalui Ops. Kutip adalah seperti berikut:-
 - 1) Program Ketuk Pintu (Knock Door) iaitu dengan menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak-penunggak tegar;

- 2) mengadakan siri perbincangan bersama penunggak-penunggak tegar bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak;
 - 3) memberikan peluang kepada penunggak untuk membayar secara ansuran berjadual dengan syarat pembayaran dibuat secara konsisten; dan
 - 4) sekiranya penunggak tegar tersebut masih tidak menjelaskan cukai tanah tertunggak, Pejabat Tanah dan Daerah tanpa teragak-agak akan terus menguatkuasakan Notis 6A, Notis Tuntutan Hasil Tertunggak dan sekiranya dalam tempoh 3 bulan ia masih tidak dijelaskan maka seterusnya Notis 8A, Rampasan Tanah akan dilaksanakan.
- iv. Kerajaan Negeri terutamanya melalui Pejabat Tanah dan Daerah sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui beberapa kaedah iaitu:-
- 1) Mengenal pasti serta mengasingkan semua hakmilik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
 - 2) Membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi Pejabat Tanah Daerah di kawasan pedalaman;
 - 3) Membuka kaunter pada waktu rehat; dan
 - 4) Menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara online dan pusat pembayaran di kaunter PBT.
- v. Kerajaan Negeri juga membuat hebahan kepada orang awam melalui laman web Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan MySMS, Radio Hot FM, akhbar Berita Harian dan The Star bagi menggalakkan penukaran alamat di GERAN SPTB supaya Bil Cukai Tanah dapat disampaikan ke alamat terkini pemilik tanah.

Bagi meningkatkan sumbangan hasil daripada urus niaga berkaitan tanah, Kerajaan Negeri juga melaksanakan beberapa aktiviti atau program seperti berikut:-

- i. Menguatkuasakan Pekeliling Garis Panduan Pembayaran Premium dan Premium Tambahan pada tahun 2010 yang menetapkan supaya pemohon hendaklah membayar dalam tempoh 3 bulan dan tempoh pelanjutan bayaran premium hanya diberikan selama 1 bulan sahaja. Kelulusan pemberimilikan atau tukar syarat tanah tersebut terbatal

sekiranya pemohon gagal menjelaskan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan. Bagi mengelakkan kelulusan pemberimilikan tersebut terbatal, maka pemohon membayar dalam tempoh yang ditetapkan.

- ii. Program Pemutihan Kilang Haram yang dilanjutkan sehingga Disember 2012 bagi tujuan memutihkan kilang tanpa kebenaran dan mengutip Premium Geran Tanah yang sebelum ini tidak dapat dikutip.
- iii. Skim Pemilikan Tanah Kerajaan bagi tujuan Bangunan Kediaman Persendirian di Negeri Selangor akan menggalakkan bayaran premium tanah di samping:-
 - a. Menyelesaikan masalah orang ramai berkaitan ketidakmampuan menjelaskan bayaran premium tanah;
 - b. Memberi peluang kepada rakyat Negeri Selangor membuat pilihan untuk menentukan kaedah pembayaran premium mengikut kemampuan masing-masing.
 - c. Membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan isu pendudukan setingan di atas tanah Kerajaan; dan
 - d. Mempertingkatkan aspek urus tadbir dalam pentadbiran dan pengurusan tanah Negeri Selangor.
- iv. Bagi memastikan tiada ketirisan hasil kutipan royalti bahan-batuan pula, Pentadbir Tanah akan memastikan semua permohonan yang diterima diproses mengikut tatacara dan prosedur yang ditetapkan. Pentadbir Tanah juga akan mengadakan pemantauan berkala ke atas lokasi yang telah diluluskan bagi membanteras pengeluaran secara berlebihan. Hasil royalti bahan batuan (pasir) bagi tahun 2011 adalah berjumlah sebanyak RM16,971,438.08 berbanding pada tahun 2010 yang berjumlah sebanyak RM10,979,494.46.
- v. Pelaksanaan pendaftaran urusan pindah milik tanah dalam masa 1 hari bermula 1 Mac 2010, pengenaan kadar baru fi pendaftaran pindah milik tanah, denda ke atas hakmilik atau surat cara urus niaga yang lewat dipungut iaitu RM100.00 bagi satu hak milik dan peningkatan perserahan pindah milik tanah bagi projek-projek perumahan baru hasil daripada pecah sempadan juga mendorong peningkatan hasil pindah milik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PROJEK NAIK TARAF JALAN KLANG LAMA

194. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 muka surat 80 –105.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri apabila projek lewat disiapkan selama 23 bulan?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri apabila projek tidak memenuhi kriteria perolehan secara rundingan terus justeru tidak ekonomi?
- c) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap kualiti kerja yang tidak memuaskan?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah mengenakan denda (LAD) kepada pihak kontraktor selama 241 hari dengan kos keseluruhan sebanyak RM 915,800.00. Walaubagaimanapun untuk makluman kelewatan ini adalah juga disebabkan oleh kerja-kerja pengalihan utiliti seperti paip Syabas, kabel Telekom dan TNB yang terdapat di sepanjang jalan tersebut.
- b) Pihak Kerajaan Negeri buat masa ini tidak lagi memperaktiskan kerja-kerja secara rundingan terus .
- c) Bagi kerja-kerja yang tidak memuaskan, Kerajaan Negeri akan memastikan pihak yang melaksanakan kerja tersebut membaiki atau membina semula kerja-kerja berkenaan mengikut sebagaimana yang telah disyaratkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PENARIKAN PORTFOLIO YB DATO' HASAN ALI

195. Pada 18 Januari 2012, Portfolio di bawah Dato' Dr Hasan Ali telah diambil oleh YAB Dato Menteri Besar Selangor dan YB Dr Ahmad Yunus Khairi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kesalahan serius yang mewajarkan portfolio EXCO-nya ditarik?
- b) Apakah implikasi dari penarikan ini?
- c) Adakah perubahan yang berlaku ini makin memperkukuhkan kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK: PROGRAM MYSEL

196. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa ramaikah yang telah menikmati faedah daripada Program MySel yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Berapa ramaikah yang telah memperolehi sijil kelahiran, Mykad dan taraf kewarganegaraan melalui Program MySel ini?
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk membuka cawangan Perkhidmatan MySel di Seluruh Negeri Selangor pada masa hadapan?

JAWAPAN:

- a) Sehingga Disember 2011 seramai **352 orang** telah menerima perkhidmatan atau bantuan yang ditawarkan oleh Mysel iaitu bagi permohonan:
 - i. Permohonan Kerakyatan
 - ii. Permohonan Sijil Kelahiran
 - iii. Permohonan Kad Pengenalan (Mykad)
- b) Berikut ini merupakan pecahan kepada penerima bantuan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh Mysel dan mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sehingga Disember 2011:

BIL	JENIS BANTUAN/ PERKHIDMATAN	JUMLAH PENERIMA (ORANG)
1.	Permohonan Kerakyatan (Red I.C)	5
2.	Permohonan Sijil Kelahiran	17
3.	Permohonan kad pengenalan (Mykad)	16
Jumlah keseluruhan		38

- c) Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menambah cawangan bagi Pusat Perkhidmatan Mysel ke seluruh Negeri Selangor buat masa ini memandangkan permohonan yang diterima setiap bulan boleh ditangani oleh Pusat Perkhidmatan Mysel sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK: PELABURAN DI NEGERI SELANGOR

197. Pelaburan di negeri Selangor dalam tempoh Jan sehingga Jun 2011 telah mencecah RM5.2billion, iaitu yang tertinggi sejak Pakatan Rakyat memerintah.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan Selangor mempunyai rancangan tertentu supaya sektor pekerjaan juga boleh memberi faedah seiring dengan kemasukan pelaburan di negeri Selangor?
- b) Adakah kerajaan Selangor mempunyai peruntukan/bantuan bagi meningkatkan kemahiran para pekerja tempatan di negeri Selangor seiring dengan permintaan sektor perkilangan yang mahukan pekerja berkemahiran.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan sektor perindustrian mengambil pekerja di kalangan pekerja tempatan terutamanya penduduk sekitar di mana syarikat tersebut beroperasi. Pihak syarikat juga lebih gemar sekiranya mereka mendapat pekerja di kalangan pekerja yang berada di kawasan sekitarnya kerana akan mengurangkan kos operasi mereka.

Adalah tidak dinafikan bahawa seiring dengan kemasukan pelaburan ini juga, peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan telah bertambah dan secara tidak langsung meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat setempat.

- b) Secara dasarnya Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan/bantuan bagi meningkatkan kemahiran para pekerja tempatan di Negeri Selangor seiring dengan permintaan sektor perkilangan yang mahukan pekerja berkemahiran kerana insentif berbentuk kewangan telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Manusia dan MIDA.

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Manusia dan MIDA turut menggalakkan pihak syarikat menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran kakitangan dengan menyediakan insentif kewangan kepada syarikat yang layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan.

Namun begitu, Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) dalam meningkatkan kemahiran tenaga kerja di sektor perindustrian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PUSAT SIBER KAFE

198. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

- a) Sila nyatakan berapakah jumlah bilangan Pusat Siber Kafe di Negeri Selangor yang beroperasi secara sah mengikut pecahan daerah ?
- b) Sila nyatakan setakat ini bagaimanakah perkembangan terkini dengan larangan pemberian lesen Pusat siber Kafe yang baru oleh Semua PBT ?
- c) Sila nyatakan bilakah garis paduan yang khusus mengenai Pusat Siber Kafe dapat diimplementasikan dan apakah pemantauan yang dijalankan oleh pihak PBT ?

JAWAPAN:

- a) Jumlah Pusat Siber Kafe di Negeri Selangor adalah seperti berikut:

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN PUSAT SIBER KAFE
1.	MBSA	77
2.	MBPJ	42
3.	MPK	37
4.	MPAJ	56
5.	MPSJ	55
6.	MPS	114
7.	MPKj	85
8.	MPSp	17
9.	MDKS	16
10.	MDHS	19
11.	MDKL	22
12.	MDSB	22

- b) Setakat ini, pemberian lesen baru Pusat Siber Kafe masih lagi dibekukan di semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, kelonggaran diberikan kepada premis yang Pusat Siber Kafe yang dibuka berhampiran pusat pengajian tinggi bagi memenuhi keperluan pelajar. Namun, pengusaha perlu mendapatkan surat sokongan daripada pentadbiran pusat

pengajian tinggi yang berkaitan sebagai dokumen sokongan bagi permohonan lesen.

Larangan pemberian lesen Pusat Siber Kafe ini telah menyekat pertumbuhan premis Pusat Siber yang begitu banyak dan sukar dikawal sebelum ini. Larangan ini menyebabkan permohonan bagi mendapatkan lesen Pusat Siber semakin berkurangan dan tindakan penguatkuasaan terhadap premis yang tidak berlesen lebih mudah untuk dilaksanakan.

- c) Garis panduan Pusat Siber dan Kafe Siber telah pun dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 18 Januari 2012 yang lalu dan disahkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 1 Februari 2012. Pelaksanaan garis panduan tersebut masih di peringkat akhir dan dijangka akan dikuatkuasakan tidak lama lagi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

**TAJUK: KEHADIRAN MESYUARAT PENUH DAN JAWATANKUASA AHLI
MAJLIS MPAJ**

199. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan kehadiran semua Ahli Majlis MPAJ dalam mesyuarat penuh dan jawatankuasa yang berkenaan pada tahun 2011

JAWAPAN:

- a) Sila rujuk **Lampiran 1**.

KEHADIRAN MESYUARAT PENUH DAN JAWATANKUASA AHLI MAJLIS MPAJ BAGI TAHUN 2011

No	AHLI MAJLIS	Penuh			Kesihatan, Aliran Sejahtera & Kesejahteraan			Perumahan, Pengurusan Bangunan & Bilik-bilik Tersebut			Infrastruktur & Kemudahan Awam			Kawangan & Telekomunikasi			Pelestarian & Pembangunan Usahawan			Pusat Selampit			Lembaga Tabung Baitul			Perkhidmatan		
		Mejayarat	Hadir	%	Mejayarat	Hadir	%	Mejayarat	Hadir	%	Mejayarat	Hadir	%	Mejayarat	Hadir	%	Mejayarat	Hadir	%	Mejayarat	Hadir	%	Mejayarat	Hadir	%	Mejayarat	Hadir	%
1	Tn. Nik Md Zahid bin Nik Mohamed	2	10	83.3	1	11	100	11	9	81.8	12	12	100	B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A	
2	Tn. Razali Bin Ramly	12	12	100	B/A	B/A		B/A	B/A		12	12	100	12	11	91.7	12	11	91.7	20	17	85	B/A	B/A		B/A	B/A	
3	Tn. Jaman Bin Muhamad	12	10	83.3	11	8	72.7	11	11	100	B/A	B/A		B/A	B/A		12	8	50	B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A	
4	Tn. Hameed Bin Djafir	12	12	100	11	10	90.9	B/A	B/A		12	12	100	B/A	B/A		12	12	100	B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A	
5	Pn. Hajati binti Abd Samad	12	12	100	B/A	B/A		11	10	90.9	B/A	B/A		12	12	100	12	11	91.7	B/A	B/A		B/A	B/A		9	9	100
6	Tn. Tan Hua Meng	12	12	100	B/A	B/A		B/A	B/A		12	12	100	12	11	91.7	12	12	100	B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A	
7	Tn. Hafsan a/l Umarulnabik	12	11	91.7	11	9	81.8	11	8	72.7	12	7	58.3	B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A	
8	Tn. San Keng Eng	12	11	91.7	B/A	B/A		B/A	B/A		12	10	83.3	12	10	83.3	12	11	91.7	20	18	90	B/A	B/A		B/A	B/A	
9	Pn. Cheong Chye Wei	12	10	83.3	B/A	B/A		11	10	90.9	B/A	B/A		12	12	100	12	12	100	B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A	
10	Tn. Wang Khai Phun	12	9	75	B/A	B/A		B/A	B/A		12	4	33.3	12	7	58.3	12	4	33.3	B/A	B/A		5	5	100	B/A	B/A	
11	Pn. Tanee Koo Huang	12	10	83.3	11	10	90.9	B/A	B/A		12	10	83.3	12	8	66.7	B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A	
12	Tn. Abdul Jalil Bin Hassan	12	12	100	11	11	100	11	8	72.7	B/A	B/A		B/A	B/A		12	12	100	20	17	85	B/A	B/A		B/A	B/A	
13	Pn. Wan Hauria Binti Wan Razlan	12	10	83.3	B/A	B/A		B/A	B/A		12	11	91.7	12	12	100	12	11	91.7	B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A	
14	Tn. Ali Bin Ismail	12	11	91.7	11	11	100	11	11	100	B/A	B/A		B/A	B/A		12	10	83.3	B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A	
15	Tn. Meechikuan Bin Mohamed Saif	12	12	100	11	10	90.9	B/A	B/A		12	11	91.7	12	9	75	B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A	
16	Tn. Mat Jusoh Bin Dillah	12	12	100	B/A	B/A		B/A	B/A		12	12	100	12	10	83.3	12	11	91.7	B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A	
17	Tn. A. Yusoff Bin Alias	12	12	100	B/A	B/A		11	5	45.5	12	7	58.3	B/A	B/A		12	9	75	B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A	
18	Tn. Abdul Aziz Bin Ahmad	12	11	91.7	B/A	B/A		B/A	B/A		12	11	91.7	12	12	100	12	11	91.7	20	19	95	B/A	B/A		B/A	B/A	
19	Tn. Abdul Jalil Bin Saif	12	11	91.7	11	11	100	B/A	B/A		12	12	100	12	12	100	B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A	
20	Ch Lee Shui Jing	12	11	91.7	B/A	B/A		B/A	B/A		12	12	100	12	11	91.7	12	10	83.3	B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A	
21	Tn. Soria a/l Shamrugani	12	12	100	B/A	B/A		11	4	36.4	B/A	B/A		12	11	91.7	12	11	91.7	B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A	
22	Tn. Mohamed Bin Samat	12	8	66.7	11	8	72.7	11	7	63.6	B/A	B/A		B/A	B/A		12	8	66.7	B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A	
23	Tn. Mohd Saif Bin Mamatuddin	12	11	91.7	11	11	100	11	5	45.5	B/A	B/A		12	9	75	B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A	
24	Tn. Supriamany a/l Sinnapoyal	12	11	91.7	11	10	90.9	B/A	B/A		12	12	100	B/A	B/A		12	11	91.7	B/A	B/A		B/A	B/A		B/A	B/A	

PETUNJUK: B/A BUKAN AHLI JAWATANKUASA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : RUMAH TERBENGKALAI

200. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Masalah rumah terbengkalai di DUN Meru, berapakah projek yang telah di selesaikan setakat ini?
- b) Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pembeli dan kontraktor?

JAWAPAN :

- a) Sehingga Februari 2012 masih belum ada projek di Meru yang telah diselesaikan. Namun demikian, terdapat sebanyak 8 projek terbengkalai yang telah dikenal pasti untuk dipulihkan di bawah DUN Meru yang melibatkan 1,131 unit. Senarai dan prestasi pemulihan projek terbengkalai seperti berikut:

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	UNIT
1.	Cadangan Pembangunan Bercampur Kawasan Industri @ Industri Ringan di Lot 7215 Mukim Kapar, Klang	Pemaju: Tiara Etika Development (M) Sdn. Bhd. Pemaju Baru: Fabrina Sdn. Bhd.	783 unit
2.	Projek Perumahan Rumah Teres Satu Tingkat, Taman Sri Kencana, GM 3850 Lot 2757, Mukim Kapar, Daerah Klang.	Pemaju Asal: Hyrax Property & Development Sdn. Bhd. Pemaju Baru: Binalif Bina Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat: Sama Sejati Sdn. Bhd.	35 Unit

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	UNIT
3.	Projek Perumahan Bagi Pembinaan Rumah Berkembar 1 Tingkat Diatas GM 64, Lot 3756, Jalan Kopi, Taman Meru 1, Mukim Kapar, Daerah Klang.	Pemaju Asal : Hyrax Property & Development Sdn. Bhd. Pemaju Baru : Binalif Bina Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat: Sama Sejati Sdn. Bhd.	24 Unit
4.	Cadangan Membina Rumah Teres 1 Tingkat di atas PT 48173 - PT 48210 dan 1 Pencawang Elektrik di atas PT 48212 di atas Lot 3750, Jalan Jambu Air 24/KU 10, Taman Meru Ria 2 (KU 10), Meru, Mukim Kapar, Klang	Pemaju Asal : Hyrax Property & Development Sdn. Bhd. Pemaju Baru : Binalif Bina Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat: Sama Sejati Sdn. Bhd.	38 Unit
5.	Cadangan Mendirikan Rumah Deret 1 Tingkat di atas Lot 13567, 13568, 13569,13570, 13571 hingga 13579, Taman Bukit Kapar, Klang	Pemaju : Decor Mewah Sdn. Bhd.	13 Unit
6.	Cadangan Membina Rumah Teres 2 Tingkat, Jalan Pasar malam, Bukit Kapar, Klang	Pemaju : Atlaw Housing Sdn. Bhd.	30 Unit
7.	Projek Perumahan 12 Unit, Jalan Dusun Meru, di bawah Hakmilik No. EMR 4548, No. Lot 2754, Mukim Kapar, Daerah Klang	Pemaju : Ikhtiar Corporation Sdn. Bhd.	54 Unit

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	UNIT
8.	Projek Perumahan Taman Cahaya, Batu 5 1/2, Jalan Meru Di Atas EMR No 3469, Lot 2129, Mukim Kapar, Klang	Pemaju : Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd.	154 Unit

- c) Untuk makluman Yang Berhormat, antara masalah-masalah yang dihadapi oleh pembeli dan kontraktor adalah seperti:

Masalah Pembeli

- i) Bebanan hutang bank
- ii) Disenaraihitamkan oleh pihak bank dan diisytiharkan muflis serta berhadapan dengan implikasi perundangan
- iii) Menanggung kos sewaan untuk rumah yang diduduki
- iv) Tidak dapat memiliki rumah yang dibeli walaupun telah membuat bayaran ke atas pembelian rumah tersebut
- v) Tidak berpeluang membeli rumah lain kerana semua simpanan telah dilaburkan untuk membeli rumah yang terbengkalai di samping pinjaman seterusnya dengan pihak bank ditolak

Masalah kontraktor

- i) Bayaran untuk kerja-kerja yang telah dijalankan tidak dibayar
- ii) Bayaran gaji pekerja tidak dapat dijelaskan
- iii) Hutang dengan pihak syarikat pembekal bagi bahan-bahan binaan semakin bertambah
- iv) Reputasi syarikat terjejas
- v) Akhirnya terdapat syarikat kontraktor digulung kerana tidak berkeupayaan untuk membayar semua hutang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : BAJET EMOLUMEN MBI

201. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah emolumen yang dibayar setiap bulan dan setiap tahun untuk MBI?
- b) Berikan butir-butir.

JAWAPAN :

- a) Tiada sebarang emolumen yang dibayar untuk MBI
- b) Tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH PERKUBURAN MASYARAKAT CINA

202. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan mempunyai apa-apa tabung untuk tujuan pembangunan tanah perkuburan masyarakat Cina di Selangor?
- b) Bagaimana pengurusan tanah-tanah perkuburan masyarakat Cina di Selangor pada masa sekarang dan adakah kerajaan akan menetapkan supaya pewartaan tanah-tanah perkuburan untuk masyarakat ini dijalankan dengan proaktif dan efisien?
- c) Apakah status permohonan pewartaan tanah perkuburan untuk Petaling Jaya Chinese Cemetery Association (PJCCA) di Kampung Tunku (Nombor fail PTDP: PTDP08/40/PB01/08/122008)?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri tiada menyediakan sebarang peruntukan tabung khas bagi pembangunan tanah perkuburan bagi sesuatu kaum. Walau bagaimanapun, pada tahun 2001, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Tabung Amanah Perkuburan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri dan dianggotai oleh Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri, Y.B Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS), Bendahari Negeri dan semua Pentadbir Tanah Daerah.

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi membolehkan Kerajaan Negeri menguruskan caruman perkuburan yang dikutip daripada pemaju atau pemilik tanah yang membangunkan tanah bagi tujuan pembangunan perumahan / kediaman atau pembangunan bercampur **sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 4/2011** mengikut keluasan seperti berikut:

- i. **Pembangunan seluas 100 hektar (250 ekar) dan ke atas**

Pembangunan perumahan / kediaman atau pembangunan bercampur bagi kawasan **seluas 100 hektar (250 ekar) dan ke atas, pemaju atau pemilik tanah diwajibkan menyediakan tapak perkuburan (Islam dan Bukan Islam)** dalam kawasan yang dibangunkan untuk diserahkan

kepada Kerajaan Negeri dan dirizabkan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya pemaju enggan atau keberatan menyediakan tapak perkuburan dalam kawasan pembangunan yang dilaksanakan, mereka dikehendaki membiayai kos pengambilan balik tanah di tapak lain mengikut keluasan yang sama sebagaimana yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri

ii. **Pembangunan kurang daripada 100 hektar (250 ekar)**

Pembangunan perumahan / kediaman atau pembangunan bercampur bagi kawasan **kurang daripada 100 hektar (250 ekar), pemaju atau pemilik tanah tidak diwajibkan menyediakan tapak kubur** dalam kawasan pembangunan mereka **tetapi diwajibkan menyumbang kepada Tabung Amanah Perkuburan** yang berperanan untuk menyalurkan dana atau kewangan bagi membantu Kerajaan Negeri menyediakan tapak-tapak perkuburan di negeri Selangor.

Bayaran ini hanya dikenakan kepada pembangunan untuk tujuan kediaman sahaja. Sekiranya melibatkan pembangunan bercampur, pengiraan hanya berdasarkan kepada unit bangunan kediaman yang dibina berdasarkan kadar berikut

Daerah	Kadar Yang Diluluskan
i. Petaling ii. Klang iii. Gombak iv. Hulu Langat v. Sepang vi. Kuala Langat	RM500.00 setiap petak rumah
i. Kuala Selangor ii. Sabak Bernam iii. Hulu Selangor	RM300.00 setiap petak rumah

Dalam hal ini, pemaju atau pemilik tanah dikehendaki membayar caruman tersebut secara sekali gus kepada Pentadbir Tanah Daerah dan caruman ini akan dikreditkan ke dalam Akaun Amanah Perkuburan dan dikawal oleh Unit Perancang ekonomi Negeri (UPEN) Selangor yang mana tujuan penggunaan tabung ini adalah untuk:

- i. Perbelanjaan bagi membiayai penyediaan tapak perkuburan atau kos pengambilan tanah bagi perkuburan Orang Islam dan Bukan Islam atau urusan pembayaran yang berkaitan dengannya; dan
- ii. Lain-lain perbelanjaan yang berkaitan pengurusan dan pembangunan perkuburan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Akaun.

Pada masa kini, pengurusan tanah-tanah perkuburan masyarakat Cina di Selangor diuruskan secara persendirian oleh persatuan-persatuan NGO yang ditubuhkan untuk menguruskan tanah-tanah perkuburan awam bagi masyarakat Cina, dan secara swasta bagi taman-taman perkuburan Cina swasta.

Selaras dengan kajian terhadap Inventori Tanah Perkuburan Dan Keperluan Perkuburan Sehingga Tahun 2060 Di Negeri Selangor yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, proses pewartaan tanah-tanah perkuburan awam bagi penganut Islam dan selain Islam sedia ada di seluruh negeri Selangor akan diwartakan oleh Pejabat Tanah yang berkaitan bagi memastikan isu pengurangan tanah perkuburan atas desakan pembangunan dapat diatasi.

Berdasarkan Kajian Inventori Tanah Perkuburan Sehingga Disember 2010 di Negeri Selangor, jumlah tapak perkuburan Cina (awam) yang telah diwartakan di Negeri Selangor adalah **seluas 223.34 hektar** (551.89 ekar) daripada jumlah keseluruhan tapak perkuburan Cina (awam) seluas **415.22 hektar** (1026.03 ekar) iaitu sebanyak **53.79%**.

- b) Jadual berikut menunjukkan taburan jumlah keluasan tapak perkuburan Cina (awam) mengikut PBT;

PBT	Keluasan Tapak Jirat Cina (hek)	Keluasan Tapak Jirat Cina Yang Diwartakan (hek)
1. MBSA	69.6	13.78
2. MBPJ	8.09	-
3. MPSJ	8.27	4.12
4. MPSpg	20.27	18.71
5. MPKjg	47.28	28.14
6. MPAJ	14.87	-
7. MPK	38.17	38.17
8. MPS	64.66	11.54
9. MDKS	23.89	20.20
10. MDKL	36.86	35.21
11. MDHS	78.61	50.52
12. MDSB	4.65	2.95
JUMLAH	415.22	223.34

Sumber: Kajian Inventori Tanah Perkuburan Sehingga Disember 2010 di Negeri Selangor

- c) Untuk tindakan PTD Petaling

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PROGRAM DAN LATIHAN KEUSAHAWANAN

203. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan program dan latihan keusahawanan yang telah diadakan serta bilangan peserta yang mengikutinya bersama perbelanjaan yang dikeluarkan setiap satu.

JAWAPAN:

- a) Sepanjang tahun 2011, Kerajaan Negeri telah menganjurkan sebanyak 12 program Seminar Pemerkasaan Usahawan di setiap PBT seluruh Selangor yang melibatkan sejumlah 2,917 peserta dengan jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM119,597.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

204. Kini Kerajaan Negeri Selangor sedang mengusahakan beberapa projek rumah mampu milik untuk menangani keperluan rakyat yang berpendapatan di antara RM 2000 hingga RM 3000.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan lokasi dan berapa unit Rumah Mampu Milik akan dibina di sekitar Selangor dalam perancangan ini
- b) Adakah ini bermaksud Kerajaan Negeri tidak akan membina rumah kos rendah, RM 42,000 lagi ?
- c) Adakah pihak PKNS diberikan tanggungjawab sepenuhnya untuk membina Rumah Mampu Milik harga < RM 100,000 ini atau adakah pemaju swasta juga akan diberikan kuota pembinaannya ?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah mensasarkan untuk membina sejumlah kira-kira 11,000 unit Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru dalam tempoh 5 tahun dari tahun 2011 hingga tahun 2016 dan tambahan 10,000 unit lagi untuk tempoh 5 tahun yang berikutnya. Sebagai langkah permulaan, PKNS telah merancang untuk membina sebanyak 1,948 unit sehingga penghujung tahun 2012 dengan lokasi-lokasi adalah seperti berikut:

Kawasan	Jenis Perumahan	Bilangan Unit	Status Pelaksanaan
Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, Hulu Langat	Pangsapuri	124	10% Kerja-kerja di tapak
Seksyen U12, Shah Alam, Petaling (PKNS /Debbin Sdn. Bhd),	Pangsapuri	96	Menunggu Kelulusan Kebenaran Merancangdari MBSA

Seksyen U12, Shah Alam, Petaling (PKNS / Must Ehsan Sdn. Bhd.)	Pangsapuri	400	Konsep pembangunan sedang disediakan.
Antara Gapi, Hulu Selangor	Town House	128	Pindaan Pelan Susunatur telah dikemukakan kepada MDHS
Kota Puteri, Kuala Selangor	Town House	300	Konsep pembangunan sedang disediakan.
Kg. Seri Temenggong, Gombak	Pangsapuri	500	Konsep pembangunan sedang disediakan.
Taman Sains Selangor II, Sepang	Pangsapuri	400	Konsep pembangunan sedang disediakan.
Jumlah		1,948	

Disamping Projek Rumah Mampu Milik yang dilaksanakan oleh PKNS, Kerajaan Negeri juga telah menerima beberapa permohonan daripada pemaju untuk melaksanakan Projek Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru. Sehingga kini terdapat 671 unit rumah yang akan dibina. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

Kawasan	Jenis Perumahan	Bilangan Unit	Status Pelaksanaan
Taman Alam Budiman Seksyen U10, Shah Alam	Pangsapuri	536	EXCO telah luluskan pada 30 Nov 2011
Bandar Sg. Long, Cheras Daerah Hulu Langat	Pangsapuri	135	Dalam pembinaan (70%)
Jumlah		671	

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, disamping memperkenalkan Projek Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru, Kerajaan Negeri masih lagi komited untuk meneruskan penyediaan Rumah Kos Rendah pada harga RM42,000 atau RM35,000 seunit bergantung sama ada ia dibangunkan dalam kawasan Lembah Klang atau luar Lembah Klang. Ini kerana matlamat bagi penyediaan kedua-dua jenis rumah tersebut adalah untuk golongan yang berbeza yang mana Rumah Kos Rendah (RKR) adalah difokuskan untuk golongan berpendapatan rendah yang berpendapatan di bawah RM2,500 sebulan, manakala Rumah Mampu Milik Selangor ini adalah disasarkan kepada golongan berpendapatan diantara RM2,500 hingga RM5,000 sebulan.
- c) Dalam menjayakan Projek Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru ini selain daripada PKNS, Kerajaan Negeri juga telah mengenal pasti di mana kawasan yang kurangnya permintaan Rumah Kos Rendah atau penyediaan Rumah Kos Rendah yang telah melebihi keperluan bagi sesuatu kawasan yang boleh dipertimbangkan untuk digantikan dengan Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan harga jualan di antara RM85,000 hingga RM120,000 seunit. Melalui pendekatan ini ia bukan sahaja membantu Kerajaan Negeri dalam menyediakan keperluan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah tetapi juga golongan pertengahan khususnya golongan belia untuk memiliki rumah.

Bagi tujuan tersebut, setiap pemohon yang layak perlu berdaftar dengan LPHS bagi ditapis oleh sebuah Jawatankuasa Pemilihan Nama yang telah ditubuhkan sebelum ditawarkan kepada pemohon yang layak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PERUNTUKAN GERAN SELANGORKU

205. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peruntukan geran Selangorku yang telah digunakan untuk membantu syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang tidak berkemampuan untuk melaksanakan gaji minima dan nyatakan GLC berkenaan ?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan Geran Selangorku untuk membantu GLC dalam pelaksanaan gaji minima adalah RM10 juta ringgit. Peruntukan ini adalah untuk kegunaan GLC yang tidak mampu dan memerlukan bantuan kewangan untuk melaksanakan program ini dan setakat ini belum ada permintaan dari mana-mana GLC memohon dana ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PERLANTIKAN AHLI BARU MAJLIS PERBANDARAN

206. Pelantikan ahli majlis seluruh Selangor akan diketahui pada 1 Mac 2012.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah prestasi keseluruhan ahli majlis perbandaran seluruh Selangor?
- b) Mengapakah sesetengah ahli majlis perbandaran gagal bekerjasama dengan ahli dewan negeri Pakatan Rakyat?
- c) Apakah pembaikan-pembaikan yang ditekankan bagi ahli-ahli majlis yang dilantik.

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK: PROGRAM KEUSAHAWANAN MUDA

207. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa ramaikah Usahawan Muda, mengikut komposisi kaum yang telah menikmati kejayaan daripada Program Keusahawanan Muda di bawah Program Geran Selangorku?
- b) Berapa jumlah peruntukan kewangan yang telah disalurkan kepada setiap usahawan-usahawan muda yang berjaya dipilih bagi mengikuti program bantuan di atas?
- c) Apakah kategori-kategori perniagaan yang diberi tumpuan di bawah Program tersebut di atas?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

**TAJUK : PROGRAM BERKEBAJIKAN PAKATAN RAKYAT (AGENDA
MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR)**

208. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah jenis bantuan dan peruntukan baru yang bakal dinikmati oleh rakyat Selangor selain bantuan-bantuan yang sedia ada bagi meningkatkan program negeri berkebajikan Pakatan Rakyat (Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor)?
- b) Adakah kerajaan Selangor bercadang untuk meneruskan program 'Jom Shopping' setiap tahun?
- c) Adakah kerajaan Selangor akan memperkenalkan program sampingan selain program 'Jom Shopping'?

JAWAPAN:

- a) Dijawab oleh Pejabat Menteri Besar.
- b) Ia bergantung kepada perbincangan dan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.
- c) Keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor terhadap kebajikan rakyatnya adalah sentiasa ditahap paling utama, oleh itu pelbagai program baru serta program nilai tambah terhadap program sedia ada sedang dirancang dan akan dilaksanakan secara berperingkat dan mengikut keperluan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : SYARIKAT KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)

209. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

- a) Sila senaraikan kedudukan kewangan Syarikat KDEB bagi tahun 2010 dan 2011 ?
- b) Sila nyatakan senaraikan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat KDEB yang terkini dan juga anak-anak syarikatnya ?
- c) Sila berikan butiran terperinci mengenai aktiviti-aktiviti perniagaan utama syarikat KDEB ?

JAWAPAN:

- a) Di peringkat kumpulan KDEB, bagi tahun berakhir 31 Disember 2011, pendapatan dicatat adalah sebanyak RM466.142 juta berbanding tahun 2010 sebanyak RM463.736 juta dengan perbezaan positif sebanyak RM2.406 juta. Pendapatan sebelum audit yang tertinggi adalah daripada sektor infrastruktur dan Utiliti sebanyak RM 207 juta serta Pembangunan Hartanah sebanyak RM 170 juta. Sila rujuk Jadual 1 di bawah untuk butiran pendapatan mengikut sektor

JADUAL 1: Pendapatan Mengikut Sektor

Sektor	2011* RM'000	2010 RM'000	Per'zaan RM'000
Infrastruktur dan utiliti	207,364	149,875	57,489
Pembangunan Hartanah	170,367	205,161	(34,794)
Pembinaan	7,206	28,200	(20,994)
Perniagaan	38,464	37,907	557
Hotel dan Rekreasi	35,625	35,987	(362)
Pegangan Pelaburan	7,116	6,606	510
Jumlah	466,142	463,736	2,406

* Sebelum Audit

Sektor	2011* RM'000	2010 RM'000	Per'zaan RM'000
Infrastruktur dan utiliti	207,364	149,875	57,489
Pembangunan Hartanah	170,367	205,161	(34,794)
Pembinaan	7,206	28,200	(20,994)
Perniagaan	38,464	37,907	557
Hotel dan Rekreasi	35,625	35,987	(362)
Pegangan Pelaburan	7,116	6,606	510
Jumlah	466,142	463,736	2,406

* Sebelum Audit

Bahagian keuntungan syarikat bersekutu adalah sebanyak RM48.313 juta berbanding tahun 2010 sebanyak RM74.150 juta dengan perbezaan negatif sebanyak RM25.837 juta. Perbezaan negatif ini adalah disebabkan oleh rosot nilai penerimaan perniagaan sebanyak RM67.746 juta daripada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd oleh syarikat bersekutu, iaitu SPLASH. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2011, Kumpulan mencatat keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM1.378 juta berbanding tahun 2010 keuntungan sebanyak RM56.470 juta dengan perbezaan negatif sebanyak RM55.092 juta.

- b) Senarai ahli Lembaga Pengarah Syarikat KDEB dan anak-anak syarikat adalah seperti berikut:

Kumpulan Darul Ehsan Berhad

1. YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Ibrahim
2. YB Dato' Mohammed Khusrin Haji Munawi
3. YB Dato' Mohd Arif Ab Rahman
4. YM Raja Idris Raja Kamarudin
5. Encik Suhaimi Kamaralzaman

Kumpulan Perangsang Selangor Berhad

1. YM Raja Idris Raja Kamarudin
2. Encik Suhaimi Kamaralzaman
3. YBhg Dato' Haji Abd Halim Mohyiddin
4. Encik Mustaffa Kamil Ayub
5. YB Dato' Kamarul Baharin Abbas
6. YB Sivarasa a/l Rasiah
7. YB Dato' Dr Mohamed Ariffin Aton
8. Encik Mohamed Ross @ Rosely Mohd Din

Kumpulan Hartanah Selangor Berhad

1. YM Raja Idris Raja Kamarudin
2. Encik Suhaimi Kamaralzaman
3. Encik Lee Siew Choong
4. YBhg Dato' Haji Ibrahim Md Yusof
5. YBhg Dato' Shamshudin Nor
6. Encik Abdul Hamid Mohamed Ghows

- c) Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) adalah syarikat pemegangan pelaburan yang terlibat dalam perniagaan sektor air, hartanah, perhotelan dan rekreasi, alam sekitar dan pelaburan.

KDEB memiliki dua buah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia, iaitu Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) dan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB).

Aktiviti utama KDEB adalah seperti berikut:

i. Sektor Air

Perangsang Selangor, anak syarikat KDEB; memegang saham dalam perniagaan air seperti;

- Konsortium ABASS Sdn Bhd (90.83%) melalui Titisan Modal (M) Sdn Bhd,
- Syarikat Pengeluar Air Holdings Berhad (30%) melalui Viable Chip (M) Sdn Bhd,
- Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (30%),
- Aquaflow Sdn Bhd (60%) dan Chemindus Sdn Bhd (25%) melalui Hydrovest Sdn Bhd (60%)

ii. Sektor Hartanah

Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB) memegang ekuiti dalam dua buah anak syarikat iaitu;

- Central Spectrum Sdn Bhd (76.67%), pemaju utama Pulau Indah dan Hab Halal Selangor
- SAP Holdings Bhd (100%), pemaju pelbagai pembangunan

iii. Sektor Perhotelan & Rekreasi

Perniagaan perhotelan dan rekreasi termasuk kelab golf melalui Cash Band (M) Bhd, yang memiliki 3 buah hotel (Quality Hotel City Centre, Quality Hotel Shah Alam dan Brisdale International Hotel), Kelab Golf Perangasang Templer dan KDE Recreation Berhad.

iv. Sektor Alam Sekitar

KDEB melalui anak syarikat, KDEB Waste Management Sdn Bhd menyediakan perkhidmatan kutipan sampah (sisa pepejal) di beberapa buah kawasan bandaran di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

v. Sektor Pelaburan

KDEB juga terlibat dalam pembangunan lebuh raya melalui Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (20%).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK: AKAUN JKP DI MPAJ (BUKAN PERUNTUKKAN TETAP AHLI MAJLIS)

210. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Atas sebab apa MPAJ tidak kemukakan Akaun JKP (bukan peruntukkan tetap ahli majlis)
- b) Pihak manakah boleh menyemak akaun JKP?

JAWAPAN:

- a) JKP merupakan satu entiti bukan kerajaan (NGO) dan mempunyai jawatankuasa untuk mentadbir dan menguruskan aktiviti dan program yang dirancang. Bendahari JKP bertanggungjawab terhadap urusan kewangan dan akaun JKP. Pemeriksa kira-kira pula bertanggungjawab untuk menyediakan laporan pemeriksaan dan mengesahkan ke atas laporan kewangan JKP yang disediakan oleh Bendahari JKP.
- b) Bendahari JKP bertanggungjawab terhadap urusan kewangan dan akaun JKP. Pemeriksa kira-kira pula bertanggungjawab untuk menyediakan laporan pemeriksaan dan mengesahkan ke atas laporan kewangan JKP yang disediakan oleh Bendahari JKP.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : MASALAH PASAR BESAR KLANG

211. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan MPK bagi menghapuskan peniaga asing dan mengalibabakan lesen perniagaan?
- b) Apakah masalah yang besar, yang dihadapi oleh MPK bagi menguruskan pasar ini kepada yang lebih baik?

JAWAPAN :

- a) Tindakan pihak MPK ialah dengan membatalkan peruntukan tapak perniagaan dan membatalkan lesen perniagaan bagi mana-mana peniaga yang mengalibabakan lesen dan memberikan pada peniaga asing.
- b) Masalah utama yang dihadapi oleh pihak Majlis bagi menguruskan pasar ini adalah lebih kepada sikap peniaga-peniaga sendiri. Peniaga sentiasa melanggar arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak Majlis. Walaubagaimanapun pihak Majlis melalui persatuan-persatuan sedia ada seringkali bermesyuarat bersama untuk mencari jalan bagi setiap isu yang ditimbulkan bagi tujuan menguruskan pasar ini kepada yang lebih baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : BORANG PENDAFTARAN KONTRAKTOR

212. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasional untuk keperluan tandatangan wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat dalam borang pendaftaran kontraktor yang disediakan oleh Kerajaan Negeri?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menghentikan syarat (a) di atas? Sila berikan sebab-sebab?

JAWAPAN :

- a) Keperluan tandatangan wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat dalam borang pendaftaran adalah merupakan cadangan daripada Y.B. EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam terdahulu yang meminta supaya diadakan ruangan tersebut. Beliau berpendapat melalui tandatangan tersebut wakil rakyat akan dapat mengetahui dengan lebih lanjut berhubung maklumat kontraktor yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri di kawasan masing-masing.
- b) Ya. Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang masalah bagi menghentikan ruangan yang meminta supaya mewajibkan tandatangan wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat di dalam borang pendaftaran kontraktor berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

213. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan projek-projek penyelenggaraan jalan raya yang telah dijalankan dengan peruntukan MARRIS di Selangor mengikut DUN pada tahun 2011.
- b) Memandangkan sesetengah PBT mendapat jumlah peruntukan MARRIS yang lebih rendah pada tahun 2011 berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini, adakah kerajaan akan memberi peruntukan tambahan kepada PBT-PBT ini untuk memantapkan kerja-kerja penyelenggaraan jalan masing-masing? Jika tidak, apakah sebab-sebabnya?

JAWAPAN :

- a) Senarai bilangan projek penyelenggaraan jalan raya yang telah dijalankan mengikut Kawasan Dewan Negeri pada tahun 2011 adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Ya, pada tahun 2011, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM1 juta lagi kepada setiap Pihak Berkuasa Tempatan untuk pelaksanaan projek-projek MARRIS.

**PERUNTUKAN MARRIS TAHUN 2011 MENGIKUT PECAHAN PIHAK
BERKUASA TEMPATAN**

BIL	PBT	JUMLAH TELAH SALUR (RM)
1	MPAJ	4,837,669.00
2	MPSp	2,129,767.00
3	MBPJ	5,570,749.85
4	MPSJ	4,050,200.00
5	MPKj	4,923,072.00
6	MBSA	3,288,050.00
7	MPS	5,743,440.22
8	MDKL	3,794,471.20
9	MPK	8,319,652.00
10	MDKS	4,920,414.00
11	MDSB	3,971,339.60
12	MDHS	2,765,946.00
JUMLAH KESELURUHAN		54,314,770.87

Disediakan oleh,

Disahkan oleh,

(ROZZANA BINTI RAHMAT)

Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri
Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset

(Y.B. DATO' MOHD ARIF AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh : Mac 2012

**PERUNTUKAN MARRIS TAHUN 2011 MENGIKUT PECAHAN KAWASAN
DEWAN NEGERI SETAKAT 29 FEB 2012**

BIL	DUN	JUMLAH TELAH SALUR
1	Kota Damansara	941,681.00
2	Kampung Tunku	999,834.00
3	Taman Medan	933,900.00
4	Seri Setia	980,458.85
5	Bukit Gasing	848,397.00
6	Damansara Utama	925,113.00
7	Bukit Lanjan	897,136.00
8	Sri Muda	972,550.00
9	Paya Jaras	992,780.00
10	Batu Tiga	975,915.00
11	Kota Anggerik	983,168.00
12	Sri Andalas	994,410.00
13	Subang Jaya	947,255.00
14	Kinrara	976,800.00
15	Sri Serdang	971,170.00
16	Seri Kembangan	979,875.00
17	Balakong	999,460.00
18	Bangi	995,702.00
19	Kajang	970,940.00
20	Semenyih	999,610.00
21	Dusun Tua	957,360.00
22	Batu Caves	960,508.40
23	Taman Templer	997,007.48

**PERUNTUKAN MARRIS TAHUN 2011 MENGIKUT PECAHAN KAWASAN
DEWAN NEGERI SETAKAT 29 FEB 2012**

24	Gombak	977,413.14
25	Rawang	976,862.10
26	Kuang	950,889.10
27	Hulu Kelang	999,993.00
28	Bukit Antarabangsa	999,895.00
29	Lembah Jaya	975,106.00
30	Cempaka	997,072.00
31	Teratai	865,603.00
32	Pandamaran	925,817.00
33	Kota Alam Shah	985,082.00
34	Meru	949,946.00
35	Sungai Pinang	963,401.00
36	Selat Klang	991,781.00
37	Pelabuhan Klang	978,017.00
38	Sementa	994,925.00
39	Dengkil	992,950.00
40	Sungai Pelek	968,882.00
41	Tanjung Sepat	972,917.00
42	Sungai Burong	993,740.00
43	Malawati	929,079.00
44	Ijok	999,210.00
45	Jeram	1,000,000.00
46	Permatang	998,385.00
47	Telok Datok	994,776.20

**PERUNTUKAN MARRIS TAHUN 2011 MENGIKUT PECAHAN KAWASAN
DEWAN NEGERI SETAKAT 29 FEB 2012**

48	Sijangkang	1,000,000.00
49	Morib	994,713.00
50	Sekinchan	997,522.35
51	Sungai Panjang	995,701.60
52	Sabak	990,792.20
53	Sungai Air Tawar	987,323.45
54	Hulu Bernam	811,240.00
55	Kuala Kubu Bharu	954,706.00
56	Batang kali	1,000,000.00
JUMLAH KESELURUHA		54,314,770.87

PERUNTUKAN TAMBAHAN MARRIS TAHUN 2011

BIL	PBT	JUMLAH TELAH SALUR (RM)
1	MPAJ	999,955.50
2	MPSp	936,410.95
3	MBPJ	996,999.00
4	MPSJ	940,700.00
5	MPKj	886,636.00
6	MBSA	988,980.00
7	MPS	962,404.50
8	MDKL	981,570.00
9	MPK	988,010.00
10	MDKS	999,581.00
11	MDSB	984,044.00
12	MDHS	959,500.00
JUMLAH KESELURUHAN		11,624,790.95

PERUNTUKAN MARRIS 2011(RM)	54,314,770.87
PERUNTUKAN TAMBAHAN MARRIS	11,624,790.95
JUMLAH TELAH SALUR (RM)	65,939,561.82

Disediakan oleh,

Disahkan oleh,

(ROZZANA BINTI RAHMAT)

Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri
Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset

(Y.B. DATO' MOHD ARIF AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh : Mac 2012

LAMPIRAN A

SENARAI BILANGAN PROJEK MARRIS TAHUN 2011 MENGIKUT KAWASAN DEWAN NEGERI

BIL	PBT	DUN	BIL PROJEK	JUMLAH KESELURUHAN PROJEK
1	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	Kota Damansara	6	104
		Kampung Tunku	7	
		Taman Medan	45	
		Seri Setia	20	
		Bukit Gasing	6	
		Damansara Utama	7	
		Bukit Lanjan	6	
		Projek Tambahan PBT	7	
2	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Kota Damansara	6	33
		Sri Muda	5	
		Paya Jaras	5	
		Batu Tiga	5	
		Kota Anggerik	8	
		Sri Andalas	1	
		Projek Tambahan PBT	3	
3	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	Sri Muda	2	86
		Batu Tiga	1	
		Seri Andalas	6	
		Pandamaran	6	
		Kota Alam Shah	6	
		Meru	6	
		Sungai Pinang	6	
		Selat Klang	22	
		Pelabuhan Klang	6	
		Sementa	6	
		Kota Anggerik	8	
		Projek Tambahan PBT	11	
		4	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	
Batu Tiga	1			
Subang Jaya	2			
Kinrara	4			
Sri Serdang	4			
Seri Kembangan	4			
Projek Tambahan PBT	4			
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Hulu Kelang	2	54
		Bukit Antarabangsa	6	
		Lembah Jaya	23	
		Cempaka	12	
		Teratai	5	
		Projek Tambahan PBT	6	
6	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	Balakong	7	59
		Bangi	10	
		Kajang	10	
		Semenyih	7	
		Dusun Tua	8	
		Projek Tambahan PBT	17	

LAMPIRAN A

7	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	Paya Jaras	1	141
		Bukit Lanjan	8	
		Batu Caves	10	
		Taman Templer	26	
		Gombak	23	
		Rawang	19	
		Kuang	33	
Projek Tambahan PBT	21			
8	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	Dengkil	51	100
		Sg Pelek	31	
		Tanjong Sepat	2	
		Projek Tambahan PBT	16	
9	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	Telok Datok	42	122
		Sijangkang	21	
		Morib	21	
		Tanjong Sepat	24	
		Projek Tambahan PBT	14	
10	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Hulu Bernam	17	88
		Kuala Kubu Bharu	27	
		Batang Kali	31	
		Projek Tambahan PBT	13	
11	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	Sg Air Tawar	18	99
		Sabak	14	
		Sungai Panjang	33	
		Sekinchan	21	
		Projek Tambahan PBT	13	
12	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	Sungai Burong	40	159
		Permatang	31	
		Malawati	18	
		Ijok	32	
		Jeram	24	
		Projek Tambahan PBT	14	
JUMLAH				1065

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PENGURUSAN TANAH MILIK KERAJAAN NEGERI

214. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah dasar baru pengurusan tanah bawah kerajaan yang baru sejak tahun 2008, serta kebaikannya?

JAWAPAN:

- a) Dasar baru pengurusan tanah di bawah Kerajaan yang baru sejak tahun 2008 hingga sekarang adalah seperti berikut :-

Bil.	Tarikh Berkuatkuasa	Dasar Baru	Kebaikan
1.	6 Nov 2008	<p>Pekeliling PTG Bil.4/2008 : Penurunan Kuasa Kepada Pentadbir Tanah Untuk Membuat Keputusan Ke Atas Sebahagian Permohonan Kebenaran Pindahmilik Dan Lain-Lain Perkara Yang Berkaitan Dengan Kebenaran Pindahmilik</p> <p><u>1. Penurunan Kuasa Kepada YAB. Dato' Menteri Besar Selangor</u></p> <p>i. Permohonan Kebenaran Pindahmilik individu Bumiputera kepada individu bukan Bumiputera;</p> <p>ii. Permohonan Kebenaran Pindahmilik individu Bumiputera kepada syarikat (bukan Bumiputera);</p> <p>iii. Permohonan Kebenaran Pindahmilik syarikat Bumiputera kepada syarikat bukan Bumiputera;</p>	<p>Penurunan kuasa dan panduan-panduan lain berkaitan kebenaran pindahmilik ini dibuat atas hasrat untuk mempertingkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam di Negeri Selangor dan inisiatif ke arah penambahbaikan secara berterusan.</p>

Bil.	Tarikh Berkuatkuasa	Dasar Baru	Kebaikan
		<p>iv. Permohonan Kebenaran Pindahmilik Secara Menyeluruh (<i>Blanket Approval</i>); dan</p> <p>v. Rayuan Semula ke atas Permohonan Kebenaran Pindahmilik yang telah ditolak.</p> <p>2. <u>Penurunan Kuasa Kepada Pengarah Tanah dan Galian Selangor</u></p> <p>i. Permohonan Kebenaran Pindahmilik warganegara asing dan penduduk tetap; dan</p> <p>ii. Permohonan Kebenaran Pindahmilik secara menyeluruh “<i>Blanket Consent</i>” yang melibatkan lot-lot industri di Negeri Selangor tanpa sebarang syarat kuota.</p> <p>3. <u>Penurunan Kuasa Kepada Pentadbir Tanah Daerah</u></p> <p>i. Permohonan kebenaran pindahmilik antara anggota keluarga (kasih sayang);</p> <p>ii. Permohonan kebenaran pindahmilik individu Bumiputera kepada individu Bumiputera;</p> <p>iii. Permohonan kebenaran pindahmilik individu bukan Bumiputera kepada individu bukan Bumiputera;</p> <p>iv. Permohonan Kebenaran Pindahmilik individu bukan Bumiputera kepada</p>	

Bil.	Tarikh Berkuatkuasa	Dasar Baru	Kebaikan
		<p>individu Bumiputera;</p> <p>v. Permohonan Kebenaran Pindahmilik individu bukan Bumiputera kepada syarikat Bumiputera / bukan Bumiputera;</p> <p>vi. Permohonan Kebenaran Pindahmilik syarikat Bumiputera kepada syarikat Bumiputera;</p> <p>vii. Permohonan Kebenaran Pindahmilik syarikat bukan Bumiputera kepada syarikat bukan Bumiputera; dan</p> <p>viii. Permohonan Kebenaran Pindahmilik syarikat bukan Bumiputera kepada syarikat Bumiputera.</p>	
2.	1 Ogos 2009	<p>Pekeliling PTG Bil.3/2009 : Garis panduan Pengeluaran Permit Bahan Batuan (Borang 4C) Di Bawah Seksyen 72 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 Bagi Tujuan Perlombongan Pasir Di Atas Tanak Millik</p> <p>a. Kerajaan Negeri akan melantik KSSB sebagai badan penyelaras bagi permohonan permit di atas tanah hakmilik;</p> <p>b. Permit pasir (Borang 4c) dikeluarkan atas nama KBBS;</p> <p>c. KSSB berperanan memantau dan memastikan semua operasi mematuhi syarat-syarat kelulusan permit;</p> <p>d. KSSB akan menubuhkan satu panel penilaian untuk menilai sesuatu</p>	<p>Penglibatan tuan tanah persendirian dalam industri perlombongan pasir perlulah dibuat secara teratur dan bersyarat bagi menggalakkan aktiviti perlombongan pasir yang sistematik dan terkawal serta menepati objektif berikut:</p> <p>i. Memberi peluang kepada tuan tanah menceburi industri pasir serta meningkatkan taraf hidup mereka;</p> <p>ii. Dapat</p>

Bil.	Tarikh Berkuatkuasa	Dasar Baru	Kebaikan
		<p>permohonan yang diterima;</p> <p>e. Pemohon yang layak akan menjalani sesi temuduga untuk menjelaskan syarat-syarat yang akan dikenakan oleh PNB dan KSSB;</p> <p>f. Setelah syarat-syarat dipersetujui, permohonan berkenaan akan diangkat kepada MMKN untuk mendapatkan kelulusan dasar;</p>	<p>memanjangkan tempoh hayat rizab pasir di tanah Kerajaan dan tanah anak syarikat Kerajaan Negeri;</p> <p>iii. Memastikan aktiviti perlombongan pasir dilaksanakan mengikut syarat-syarat kelulusan permit dan mesra alam sekitar; dan</p> <p>iv. Pembukaan lombong pasir di atas tanah milik akan dapat mengurangkan aktiviti pengeluaran pasir secara haram serta kemasukan pasir dari negeri jiran seperti Negeri Sembilan dan Perak.</p>
3.	1 Oktober 2009	<p>Pekeliling PTG Bil.6/2009 : Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran.</p> <p>Garis panduan yang dikeluarkan adalah untuk membuat penambahbaikan ke atas garis panduan sedia ada.</p>	<p>Menggalakkan Pemilik Kilang Haram di Negeri Selangor mengikuti Program yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri iaitu Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran.</p>

4.	22 Jun 2011	<p>Pekeliling PTG Bil.9/2011 : Perwakilan Kuasa Bagi Mempertimbangkan Pengecualian Denda Lewat Bayaran Cukai Tanah</p> <p>ii. Pentadbir Tanah Daerah diberikan kuasa untuk mempertimbangkan sehingga 100% kriteria yang ditetapkan.</p> <p>iii. Setiap hak milik hanya boleh diberi pertimbangan sekali sahaja kecuali bagi Badan Berkanun Kerajaan (Non-Governmental Organization (NGO)) atau persatuan yang setaraf dengannya.</p> <p>iv. Tiada bayaran Fi Pejabat dikenakan.</p>	<p>Penurunan kuasa yang dibuat atas hasrat untuk mempertingkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam di Negeri Selangor dan inisiatif ke arah penambahbaikan secara berterusan.</p>
5.	20 April 2010	<p>Pekeliling PTG Bil.6/2010 : Dasar Pelupusan Tanah Kerajaan Melalui Kaedah Jualan Di Negeri Selangor</p> <p>a. Pemberimilikan tanah adalah bagi pemohon yang menetap di kawasan tersebut dan mendirikan rumah kediaman, premium dikenakan berdasarkan premium sedia ada. Manakala bagi pemohon yang mengusahakan tanah untuk tujuan komersil (bagi tujuan pembangunan bercampur, perniagaan dan industri) adalah ditawarkan untuk membeli tanah tersebut dengan harga pasaran.</p> <p>b. Dua (2) kaedah pelupusan akan digunakan iaitu:-</p> <p>i. Pelupusan tanah secara jualan terus; atau</p> <p>ii. Pelupusan tanah secara tender.</p>	<p>Memastikan hanya pemohon yang benar-benar layak sahaja membangunkan tanah Kerajaan.</p>

		<p>c. Penentuan mengikut harga pasaran akan ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.</p>	
6.	17 Jun 2010	<p>Pekeliling PTG Bil.8/2010 : Memasukan Kaveat Pendaftar Ke Atas Hakmilik Tanah Yang Disyaratkan Untuk Kegunaan Awam Tetapi Tidak Diserahkan</p> <p>a. PBT berkaitan dicadangkan supaya mengemukakan permohonan kepada Pentadbir Tanah Daerah atau Pendaftar Hakmilik bagi memasukkan Kaveat Pendaftar bagi menghalang tanah-tanah tersebut daripada sebarang urusan niaga atau pembangunan.</p> <p>b. Selepas kaveat pendaftar didaftarkan, sekiranya pemilik tanah tersebut bersetuju secara sukarela untuk menyerahkan tanah berkaitan kepada Kerajaan Negeri, PTG berpandangan adalah wajar sekiranya cukai tanah dan tunggakan cukai (jika ada) yang telah dikenakan kepada pemohon dikecualikan sepenuhnya.</p> <p>c. Dan sekiranya pemohon enggan atau gagal untuk menyerahkan tanah tersebut kepada Kerajaan Negeri dalam masa yang ditetapkan, Kerajaan Negeri akan mengambil tanah tersebut melalui proses pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dengan bayaran pampasan ditetapkan sebanyak RM10.00 nominal.</p>	Menjaga kepentingan tanah-tanah tersebut daripada digunakan oleh pemilik tanah selain daripada tujuan kegunaan awam

7.	16 Jun 2010	<p>Pekeliling PTG Bil.9/2010 : Dasar Tuntutan Cukai Tanah Terhadap Pemilikan Tanah Yang Dilupuskan Untuk Tujuan Institusi Dan Bangunan Kemasyarakatan Serta Mendapati Cukai Tanah Tertunggak Selama Lima (5) Tahun Berturut-Turut Atau Lebih</p> <p>Banyak tanah yang dilupuskan oleh Kerajaan Negeri kepada pihak berkenaan untuk tujuan institusi atau bangunan kemasyarakatan tetapi masih belum dibangunkan. Oleh yang demikian, timbul masalah apabila pihak yang berkenaan tidak menjelaskan cukai tanah yang telah ditetapkan sehingga cukai tersebut tertunggak melebihi lima (5) tahun.</p>	<p>Memastikan pembayar cukai tersebut tidak mengabaikan tanggungjawab terhadap masyarakat dan Negeri.</p>
8.	4 Ogos 2011	<p>Pekeliling PTG Bil.8/2010 : Garis Panduan Kegunaan Tanah Untuk Tujuan Rumah Ibadat Bukan Islam di Negeri Selangor</p> <p>Setiap permohonan pewartaan tanah kerajaan atau mengubah kategori syarat nyata tanah untuk tujuan Rumah Ibadat Bukan Islam perlu perakuan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor.</p>	<p>Pembangunan yang dibuat mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.</p>
9.	3 Januari 2011	<p>Pekeliling PTG Bil.16/2010 : Pelaksanaan Kadar Baru Fi Pejabat Bagi Pendaftaran Pindahmilik Tanah dan Pengenaan Denda Ke Atas Hakmilik Atau Suratcara Urusniaga Yang Lewat Dipungut</p> <p>Selaras dengan matlamat di bawah Program “Ease Of Registering Property in Malaysia” yang dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya pendaftaran urusan pindahmilik tanah dalam masa satu (1) hari dilaksanakan bermula 1 Mac 2010.</p>	<p>Pendaftaran urusan pindahmilik tanah dapat dilaksanakan dalam masa satu (1) hari.</p> <p>Menyelesaikan masalah penyimpanan dokumen di Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pejabat Tanah Daerah.</p>

		<p>Pengenaan denda ke atas hakmilik atau suratcara urusan yang lewat dipungut untuk menyelesaikan masalah penyimpanan dokumen di Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pejabat Tanah Daerah.</p>	
10.	1 April 2011	<p>Pekeliling PTG Bil.3/2011 : Garis Panduan Perolehan Hartanah dan Paras Harga Baru Oleh Warga Asing/ Penduduk Tetap/ Syarikat Asing Di Negeri Selangor</p> <p>Kerajaan Negeri telah menetapkan paras harga bagi semua jenis perolehan Oleh Warga Asing/ Penduduk Tetap/ Syarikat Asing Di Negeri Selangor adalah RM500,000.00.</p>	<p>Dasar perolehan hartanah oleh warganegara asing/penduduk tetap bagi tujuan bangunan kediaman di negeri Selangor kerana melibatkan perubahan kepada paras harga (threshold) hartanah yang terlibat.</p>
11.	1 Januari 2011	<p>Pekeliling PTG Bil.4/2011 : Penyediaan Tapak Perkuburan Islam dan Bukan Islam Serta Pengenaan Bayaran Caruman Tabung Amanah Perkuburan</p> <p>Keluasan penyediaan tapak perkuburan Islam dan bukan Islam bagi sesuatu pembangunan telah berubah daripada 500 ekar (250 hektar) kepada 250 ekar (100 hektar).</p> <p>Perubahan dari segi bayaran caruman tabung amanah perkuburan bagi pembangunan yang berkeluasan 250 ekar (100 hektar) juga telah berubah daripada RM62.50 setiap petak/ unit kediaman kepada RM500.00 bagi Daerah Petaling/ Klang/ Gombak/ Hulu Langat/ Sepang/ Kuala Langat dan RM300.00 bagi Daerah Kuala Selangor/ Sabak Bernam/ Hulu Selangor.</p>	<p>Memastikan pemaju menyediakan tapak perkuburan/ wang yang mencukupi bagi membiayai penduduk di kawasan tersebut.</p>

12.	13 Jun 2011	<p>Pekeliling PTG Bil.5/2011 : Pengeluaran Surat Hakmilik Kepada Menteri Besar Selangor (Perbadanan) Bagi Tanah-tanah Kerajaan Di Negeri Selangor</p> <p>Merujuk kepada Kanun Tanah Negara, tanah Kerajaan yang boleh diberimilik adalah merangkumi semua tanah dalam negeri berkenaan termasuk sebanyak mana dasar mana-mana sungai, dan tepi pantai, dan dasar laut yang termasuk dalam wilayah negeri itu atau batas perairan wilayah selain daripada tanah milik, tanah lombong, tanah rizab dan tanah hutan.</p>	<p>Langkah Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pemantauan dan kawal selia aset Kerajaan Negeri yang mana meliputi tanah-tanah Kerajaan. Melalui pengeluaran hakmilik kepada pihak tertentu, Kerajaan Negeri berhasrat untuk memastikan tiada tanah Kerajaan yang terbiar dan sebaliknya dimajukan mengikut syarat guna tanah yang dibenarkan (<i>zoning</i>).</p>
13.	1 Jun 2011	<p>Pekeliling PTG Bil.6/2011 : Skim Pemilikan Tanah Kerajaan Untuk Tujuan Bangunan Kediaman Persendirian Di Negeri Selangor</p> <p>Menawarkan bayaran premium pada kadar RM1,000.00 nominal</p>	<p>- Membantu semua rakyat di Negeri Selangor, menduduki dan memiliki tanah Kerajaan secara sah dengan hakmilik dikeluarkan atas nama individu yang berkenaan. Kebanyakan rakyat di Negeri Selangor keberatan atau enggan untuk mengemukakan permohonan tanah kerana premium yang dikenakan terlalu tinggi dan individu berkenaan tidak mampu untuk</p>

			<p>menjelaskan premium yang dikenakan;</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menyelesaikan permasalahan orang ramai berkaitan ketidakmampuan menjelaskan bayaran premium tanah; - Memberi peluang kepada rakyat Negeri Selangor membuat pilihan untuk menentukan kaedah pembayaran premium mengikut kemampuan masing-masing; dan - Membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan isu pendudukan setinggan di atas tanah Kerajaan.
14.	20 Julai 2011	<p>Pekeliling PTG Bil.7/2011 : Garis Panduan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) Tanah Kerajaan Di Negeri Selangor</p> <p>a. Kuasa untuk mempertimbangkan permohonan LPS ialah Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor.</p> <p>b. Kadar bayaran LPS dikira berdasarkan:</p> <p>Nilaian sewaan tanah semasa x 12 bulan @</p>	Keputusan mempertimbangkan lebih adil dan saksama tanpa ada perbezaan kedudukan, bangsa dan agama.

		tempoh mengikut bulan sebelum tahun semasa berakhir x luas	
15.	20 Julai 2011	<p>Arahan PTGS Bil.2/2011 : Garis Panduan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan Untuk Tujuan Bangunan Kediaman Persendirian Di Negeri Selangor (Maklumat Tambahan Kepada Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bil.6/2011)</p> <p>Tempoh bayaran premium</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Notis Borang 5A : 6 bulan ii. Notis Borang 7G : 3 bulan + 1 bulan (secara pentadbiran di Pejabat Tanah Daerah dengan pengenaan caj tambahan 3% daripada premium yang dikenakan) 	Mengemaskini tempoh sedia ada agar lebih seragam dan teratur.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS 'FREE TRADE AGREEMENT'

215. Kini Kerajaan Persekutuan sedang giat mengadakan rundingan dengan Amerika melalui rundingan Trans Pacific Partnership (TPP) /FTA dengan Malaysia . Pada masa yang sama juga Kesatuan Eropah (European Union) juga mengadakan rundingan dua hala dengan Malaysia dengan harapan menandatangani perjanjian perdagangan bebas (FTA) dalam masa terdekat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Pernahkan Kerajaan Negeri Selangor dijemput oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk memberikan pandangan mengenai Perjanjian Perdagangan Bebas(FTA) ini ?
- b) Adalah difahami bahawa , walaupun perjanjian ini ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan tetapi ianya mempunyai implikasi kepada Kerajaan Negeri mahupun ke tahap Kerajaan Tempatan . Adakah Kerajaan Negeri Selangor membuat apa jua kajian mengenai implikasi FTA dan kajian 'cost benefit analysis' kepada Kerajaan Negeri
- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menangani kesan –kesan pembukaan pasaran dan pengurangan tarif *import* akibat perjanjian perdagangan bebas ini (FTA) ?

JAWAPAN :

- a) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) masih di dalam proses rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) *Trans Pacific Partnership* (TPP) dengan Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah (*European Union*). Di dalam pelaksanaan proses rundingan tersebut, pihak MITI telah menjemput persatuan – persatuan industri dari pelbagai sektor ekonomi berkepentingan menyertai sesi konsultasi tersebut bagi mendapatkan pandangan yang lebih tepat dan relevan terutama melibatkan syarat-syarat dan terma yang harus dimasukkan demi menjaga kepentingan pemain – pemain industri tempatan. Sehingga sekarang, pihak MITI belum memanggil mana – mana Kerajaan Negeri termasuk Selangor untuk memberikan pandangan berhubung FTA kerana ia masih di dalam proses penyediaan dan rundingan antara negara – negara terlibat.

- b) Di dalam memastikan Kerajaan Negeri mendapatkan maklumat yang lebih jelas berkaitan perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang masih di peringkat perundingan antara Kerajaan Persekutuan dengan Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah, baru – baru ini EXCO Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan telah mengambil inisiatif dengan menjemput dan mendapatkan pandangan dari pakar – pakar ekonomi dari *Third World Network* yang merupakan sebuah Persatuan Bukan Kerajaan (NGO) berpusat di Switzerland berhubung isu FTA tersebut. Di dalam taklimat tersebut telah dinyatakan berhubung kebaikan dan keburukan yang bakal dinikmati dan ditanggung Malaysia dan negeri – negeri termasuk Selangor sekiranya perjanjian perdagangan bebas tersebut dilaksanakan. Antaranya implikasi FTA kepada Kerajaan Negeri adalah dari segi *ownership of land* , pelaburan dan kesan langsung dan tidak langsung kepada Kerajaan Negeri, kepentingan anak- anak syarikat Kerajaan Negeri dalam bersaing dengan syarikat - syarikat asing, prosedur tender terbuka yang mungkin terpaksa dikaji semula, serta eksploitasi atau rampasan cukai syarikat – syarikat luar kepada hasil negeri Selangor.
- c) Memandangkan perjanjian perdagangan bebas (FTA) ini masih di peringkat perbincangan dan kajian lanjut Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor boleh memainkan peranan memaklumkan kepada rakyat berhubung situasi menang – menang (*win – win situation*) yang akan dihadapi rakyat, pemain industri dan syarikat – syarikat tempatan secara amnya. Pengurangan tarif import yang mungkin akan dilaksanakan kelak adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia, tetapi Kerajaan Negeri seharusnya memaklumkan tentang kelebihanannya kepada industri tempatan dan bukan menjadikan ia sebagai satu bebanan. Sekiranya Kerajaan Negeri berjaya memberikan sebaran maklumat dengan tepat dan jelas, nescaya industri dan syarikat tempatan di negeri Selangor akan memperoleh manfaat dari FTA yang bakal dilaksanakan kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : STATUS KEWANGAN PBT

216. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sehingga Disember 2011 manakah PBT-PBT yang masih mengalami masalah defisit?
- b) Sila nyatakan jumlah defisit mengikut PBT-PBT.
- c) Apakah sebab-sebab utama PBT-PBT ini masih mengalami masalah defisit dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah-masalah ini?

JAWAPAN :

- a) Sehingga 31 Disember 2011 Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Sepang mengalami defisit bagi Penyata Kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2011.
- b) Jumlah defisit bagi Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Sepang adalah sebanyak RM 3.69 juta dan RM 0.82 juta.
- c) Kedudukan kewangan defisit berlaku disebabkan oleh perbelanjaan yang melebihi hasil atau belanjawan yang disediakan adalah belanjawan defisit. Perbelanjaan yang melebihi hasil normal berlaku di atas perkara-perkara yang tidak dijangka seperti bayaran guaman ,projek pembangunan dan bencana alam di mana PBT perlu menampung perbelanjaan tersebut dengan menggunakan simpanan. Walau bagaimanapun perbelanjaan defisit terurus (manageable deficit) adalah dibenarkan bergantung pada kedudukan simpanan PBT sekiranya berkemampuan namun sekiranya kedudukan defisit berterusan ianya akan memberi kesan yang kurang baik.

Pihak Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan bagi menangani permasalahan ini dengan menggalakkan PBT meningkatkan hasil dan mengurangkan perbelanjaan dengan mengeluarkan pekeliling perbelanjaan berhemah. Selain itu beberapa inisiatif lain juga telah diambil di antaranya:

- Mesyuarat Jawatankuasa Tunai Negeri oleh Perbendaharaan Negeri Selangor bagi membantu PBT mendapatkan kadar pelaburan yang maksima untuk meningkatkan hasil.

- Pemantauan hasil kutipan cukai secara bulanan bagi memantau kutipan cukai di PBT.

Selain itu PBT juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kutipan cukai di antaranya:

- I. Menjalankan “personal approach” bagi syarikat, pemaju dan individu yang mempunyai tunggakan yang tinggi.
- II. Mewujudkan Jawatankuasa Hasil/ Task Force yang berfungsi untuk memantau prestasi kutipan dan isu-isu tunggakan cukai yang tinggi.
- III. Memberi kemudahan bayaran secara ansuran bagi menggalakkan bayaran cukai tunggakan.
- IV. Mempelbagaikan saluran bayaran melalui perkhidmatan bank secara online .
- V. Menyediakan kaunter bergerak di lokasi-lokasi strategik bagi mempermudah bayaran.
- VI. Mengadakan operasi sita secara berkala seperti diperuntukkan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : MASALAH PENGANGGURAN DI KALANGAN BELIA NEGERI SELANGOR

217. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah program-program yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan melalui Penggerak Belia Tempatan (PeBT) untuk mengurangkan masalah pengangguran di kalangan belia Negeri Selangor

JAWAPAN:

- a) Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan sentiasa membuka peluang kepada para belia untuk meningkatkan taraf hidup melalui ekonomi bagi mengelakkan pengangguran. Pelbagai program sedia ada telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa ini dan lain-lain Jawatankuasa seperti berikut :

1. Kursus-kursus Usahawan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tetap Usahawan yang mana Jawatankuasa ini melalui Penggerak Belia Tempatan (PeBT) harus menyediakan peserta di kalangan belia;
2. Program Jom Kerja yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tetap Pendidikan untuk para belia yang ingin mencari kerja dan Jawatankuasa ini terlibat dalam program tersebut; dan
3. Program-program kemahiran yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa lain.

Pada tahun ini, Jawatankuasa ini turut membantu pelaksanaan Selangorku bagi program Usahawan Muda yang mempunyai geran sebanyak RM30juta. Kerajaan Negeri percaya melalui pelaksanaan program Usahawan Muda di bawah Selangorku ini, ramai belia di Negeri Selangor dapat dibantu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : MASALAH-MASALAH PENGANGKUTAN AWAM

218. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah pengangkutan awam di Negeri Selangor pada masa kini?
- b) Adakah kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk menaiktaraf dengan menyediakan kemudahan Pengangkutan Awam yang lebih efisien dan moden demi kesejahteraan rakyat pada masa hadapan?
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai cadangan seperti menyediakan kemudahan Transit Aliran Ringan (LRT) di sekitar kawasan Bandar DiRaja Klang umpamanya pada masa hadapan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri memberikan komitmen penuh dengan membantu Kerajaan Persekutuan bagi memberikan kemudahan kepada penduduk di Negeri Selangor. Sebagai contoh untuk projek *Mass Rapid Transit (MRT)*, Kerajaan Negeri mempermudah proses Kebenaran Merancang melalui **pelan rundingan** yang diselaraskan oleh pihak Jabatan Perancang bandar dan Desa (JPBD). Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui PBT bertindak sebagai **moderator** dalam menyelesaikan isu / masalah cadangan projek Transit Aliran Ringan (LRT) dan *Bus Rapid Transit (BRT)*.
- b) Ya. Kerajaan Negeri sentiasa memikirkan cara terbaik bagi mengatasi masalah pengangkutan awam yang dihadapi di Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri senantiasa **memberikan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan** dalam semua bentuk projek bagi menaiktaraf sistem kemudahan awam yang terdapat di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menyatakan pendirian supaya sebarang projek dapat memberikan keuntungan kepada kedua-dua belah pihak dan memberi kesejahteraan kepada semua pengguna.

- c) Ya. Kerajaan Negeri telah membangkitkan kepada Kerajaan Persekutuan bagi menyediakan kemudahan pengangkutan awam seperti Transit Aliran Ringan (LRT) di sekitar Bandar Diraja Klang pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, segala bentuk pembangunan yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan adalah melalui pihak **Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : INDUSTRI PELOMBONGAN PASIR

219. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

- a) Sila kemukakan butiran terperinci jumlah keuntungan daripada hasil pasir secara perbandingan sejak 5 tahun yang lalu ?
- b) Sila nyatakan berapakah jumlah royalti yang dibayar oleh Kumpulan Semester Sdn Bhd (KSSB) kepada Kerajaan Negeri sejak ia mula beroperasi ?
- c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam usaha membanteras kecurian pasir sehingga ke tahap minima ?

JAWAPAN:

- a) Untung sebelum cukai KSSB semenjak mula beroperasi pada September 2008 sehingga akhir 2011 adalah seperti berikut;

Untung Sebelum Cukai KSSB (RM)				
2008 (Sept - Dis)	2009	2010 (Akaun Pengurusan)	2011 (Akaun Pengurusan)	Jumlah
1,187,394	8,815,507	22,470,832	26,359,358	58,833,091

- b) Rekod bayaran royalti pasir oleh KSSB dari tahun 2008 (September – Disember) hingga 2012 (Januari&Februari) adalah seperti berikut;

Jumlah Royalti Dibayar Oleh KSSB (RM)					
2008 (Sept - Dis)	2009	2010	2011	2012 (Jan & Feb)	Jumlah
525,000	5,132,887	10,796,494	16,051,806	1,352,592	33,858,780

- c) Tindakan penguatkuasaan adalah dibawah bidangkuasa Pejabat Tanah/Daerah dan Pejabat Tanah &Galian Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK: KEMPEN TANGKAP TIKUS 2011

220. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan perbelanjaan dan jumlah tikus yang ditangkap dalam kempen tangkap tikus yang dilancarkan oleh MPAJ pada tahun 2011 mengikut Zon.

JAWAPAN:

- a) Program Menangkap Tikus di kawasan pentadbiran MPAJ berjaya memperolehi **623 ekor** tikus pada tahun 2011. Setiap tikus yang berjaya ditangkap dan diserahkan akan dibayar **RM3.00**. Jumlah keseluruhan yang dibelanjakan ialah **RM1,869.00** sahaja. Sila rujuk **lampiran 1**.

LAMPIRAN 1**PROGRAM TIKUS (RM 3.00) TAHUN 2011**

BIL	TARIKH	LOKASI PROGRAM	BIL EKOR
1.	05-18 MAC 2011	TAMAN MELAWATI	0
2.	11-22 APRIL 2011	PEKAN AMPANG	14
3.	27-11 MEI 2011	TAMAN PERMATA	6
4.	07-29 JUN 2011	KG. CHERAS BARU	124
5.	12-26 JUL. 2011	TAMAN CEMPAKA	135
6.	19-29 JUL. 2011	KG. AMPANG INDAH	0
7.	15-26 OGOS 2011	TAMAN PUTRA	111
8.	20-30 SEPT 2011	KUALA AMPANG	53
9.	24-04 NOV 2011	ANGSANA HILIR	179
10.	05-16 DIS 2011	AU2A/3, TMN KERAMAT PERMAI	623
JUMLAH		623 EKOR x RM 3.00 = RM 1, 869.00	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : SAMPAH HARAM

221. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah PBT bercadang untuk mempertingkatkan penguatkuasaan masalah pembuangan sampah secara haram?
- b) Apakah keberkesanan kempen anti kutu sampah yang telah dilaksanakan oleh MBPJ?
- c) Berapakah tan sampah haram yang telah dikutip untuk tahun 2010 mengikut PBT?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri memandang serius berhubung masalah pembuangan sampah haram yang semakin meningkat pada masa kini. Sehubungan dengan itu, pelbagai langkah telah diambil bagi mengatasi masalah berkenaan melalui semua PBT. Pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah meningkatkan penguatkuasaan dengan menjalankan **intipan pada waktu malam** serta **menyita kenderaan** yang ditangkap semasa membuang sampah haram. Selain daripada itu, pihak Majlis Perbandaran Selayang (MPS) melakukan aktiviti pemantauan secara berkala dan menyediakan pasukan khas berkaitan sampah haram.
- b) Kempen anti kutu sampah yang telah dilaksanakan oleh pihak MBPJ telah menunjukkan kesan yang positif. Antara keberkesanan program tersebut adalah :-
 - i. Kempen Kutu Sampah diadakan di sekitar Seksyen 52 untuk Fasa 1. Orang ramai lebih prihatin dan berhati-hati ketika hendak membuang sampah kerana penguatkuasaan yang tegas seperti mengeluarkan kompaun kepada pesalah.
 - ii. Sampah terutama sekali sampah kecil berkurangan dengan drastik terutamanya di kawasan menunggu seperti perhentian bas, di hadapan bank dan sebagainya kerana banyak operasi diadakan.
 - iii. Orang ramai mula prihatin terhadap kawasan sekitar dengan memberikan kerjasama melalui aduan sekiranya terdapat jiran-jiran atau orang awam yang membuang sampah di tempat yang dilarang.

- c) Masalah pembuangan sampah haram semakin menunjukkan peningkatan yang semakin ketara pada masa kini. Oleh yang demikian, jumlah tan sampah haram yang dikutip oleh semua PBT dapat dilihat seperti di **LAMPIRAN 1**.

LAMPIRAN 1

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	JUMLAH SAMPAH HARAM (TAN)
1.	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	23,141.80
2.	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	30,000.00
3.	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	1,314.35
4.	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	45,000.00
5.	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	40,000.00
6.	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	18,000.00
7.	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	3,000.00
8.	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	250.00
9.	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR	1,200.00
10.	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	216.00
11.	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	3,000.00
12.	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	300.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : TUNGGAKAN KEPADA KONTRAKTOR-KONTRAKTOR
KUTIPAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN**

222. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak tunggakan yang PBT masih berhutang dengan kontraktor-kontraktor kutipan sampah dan pembersihan semasa zaman Alam Flora sehingga sekarang? Nyatakan amaun dan PBT berkenaan?
- b) Apakah tren keseluruhan pembayaran kepada kontraktor oleh setiap PBT? Adakah tunggakan ini semakin bertambah atau semakin berkurangan?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan keputusan mesyuarat yang dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, semua PBT diarahkan supaya menjelaskan segala tunggakan hutang kepada pihak AFSB dengan kadar segera. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa kebanyakan PBT telah menjelaskan semua tunggakan yang dinyatakan oleh pihak AFSB pada 15 Disember 2011. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa PBT yang masih berhutang dengan pihak AFSB seperti Majlis Daerah Kuala Langat (**MDKL**) sebanyak **RM2,215,506.19**, Majlis Daerah Kuala Selangor (**MDKS**) sebanyak **RM6,400,000.00** dan Majlis Daerah Sabak Bernam (**MDSB**) sebanyak **RM6,913,392.99**.
- b) Masalah tunggakan tersebut disebabkan oleh pihak AFSB yang melambatkan proses pembayaran kepada kontraktor. Walau bagaimanapun, jumlah tunggakan oleh PBT kepada pihak kontraktor AFSB **adalah semakin berkurangan** setelah proses pengambilalihan dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Antara *trend* pembayaran yang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) adalah dengan mengikut kepada piagam yang telah ditetapkan iaitu selama 2 minggu daripada tarikh penerimaan. Manakala pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan menjelaskan pembayaran setelah pihak kontraktor mengemukakan dokumen tuntutan bayaran pada atau sebelum 5hb setiap bulan. Ini menunjukkan bahawa proses pembayaran yang dilaksanakan oleh PBT adalah lebih memuaskan dari AFSB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: INDUSTRI KECIL

223. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan dasar kerajaan negeri terhadap industri kecil terutama di kawasan luar Bandar, yang mampu menjadi sumber pendapatan, menyediakan peluang pekerjaan serta menarik pelaburan di kawasan berkaitan.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat menggalakkan pertumbuhan usahawan-usahawan industri kecil di kawasan luar Bandar khususnya usahawan yang terlibat di dalam sektor pembuatan makanan. Sehingga kini, kerajaan negeri telah membelanjakan hampir RM10.1 juta sejak dari tahun 1998 hingga ke 2011 yang melibatkan sejumlah 1,331 penerima yang terdiri daripada usahawan-usahawan kecil luar Bandar pemberian bantuan berbentuk mesin-mesin pemprosesan. Melalui program tersebut juga, ianya telah memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk di sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: KUTIPAN SAMPAH DAN SISA PEPEJAL

224. Pelupusan Sisa Pepejal Kerajaan membuat keputusan supaya ianya diurus oleh PBT

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah sebenarnya yang berlaku ketika peralihan di beberapa buah PBT sehingga menggambarkan kegagalan dalam pengurusan kutipan sampah?
- b) Apakah tindakan yang diambil kepada kontraktor-kontraktor sampah yang gagal memungut sisa pepejal mengikut jadual?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui PBT menyatakan bahawa kegagalan yang dihadapi adalah berpunca daripada **penyesuaian kontraktor baru**. Pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya (**MPSJ**) memaklumkan kontraktor yang telah dilantik gagal mengikut jadual yang telah ditetapkan. Kenyataan tersebut turut diakui oleh pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (**MBSA**) menyatakan bahawa kegagalan tersebut berlaku disebabkan kontraktor yang baru terpaksa mengambil masa untuk mahir dengan laluan dan jadual kutipan di lokasi yang baru.
- b) Pihak **MBSA** memaklumkan bahawa tindakan pengeluaran Notice To Correct (NTC) dengan nilai RM500/NTC akan diberikan kepada kontraktor yang gagal mengutip sampah mengikut kepada jadual. Manakala pihak **MPSJ** turut melakukan perkara yang sama dengan membuat pemotongan bayaran bagi mana-mana kontraktor yang gagal mengikut kepada jadual yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : RIZAB NEGERI SELANGOR

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

225. Sejak negeri Selangor di perintah oleh Pakatan Rakyat rizab negeri Selangor telah meningkat ke RM\$1.9 ribu juta pada akhir 2011

- a) Apakah Kerajaan negeri mempunyai rancangan supaya rizab ini di gunakan dan di nikmati untuk rancangan Merakyatkan Ekonomi Selangor.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan negeri tidak mempunyai perancangan yang khusus bagi penggunaan lebih rizab tunai kerana lebih ini adalah bertujuan mengawal kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhannya seperti digunakan bagi menampung perbelanjaan defisit serta dijadikan sebagai perbelanjaan kecemasan atau luar jangka. Walau bagaimanapun, peruntukan rancangan Merakyatkan Ekonomi Selangor telah pun disediakan dan diperuntukkan di dalam Bajet 2012.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK: MASALAH-MASALAH BANJIR KILAT

226. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah masalah banjir kilat di beberapa Kawasan di dalam Negeri Selangor masih belum dapat diatasi sepenuhnya, walaupun telah berpuluh tahun masalah ini berlarutan?
- b) Apakah langkah proaktif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi membantu dan mengatasi masalah-masalah banjir kilat ini pada masa hadapan?
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai satu Laporan Pakar yang terperinci bagi seluruh kawasan di Negeri Selangor untuk membantu mengatasi serta mengawal kejadian banjir kilat ini?

JAWAPAN:

- a) Di antara punca utama berlakunya banjir kilat adalah penerimaan hujan yang melebihi reka bentuk struktur saluran sedia ada. Di samping itu pembangunan yang pesat menyumbang kepada kenaikan air larian hujan. Oleh itu, diharap dengan adanya pelan induk saluran ini akan dapat membantu mengawal aliran air sedia ada. Penyelesaian secara menyeluruh melibatkan banyak pihak bukan sahaja dari kerajaan negeri malah pihak pemaju swasta dan juga masyarakat setempat.
- b) Di samping melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir sedia ada, Kerajaan Negeri juga sedang giat melaksanakan pelan Kajian Induk Saliran bagi kawasan lain yang telah dikenal pasti. di antara kawasan yang telah untuk dilaksanakan di dalam RMK10 adalah
 - 1) Batu9, Sijangkang,
 - 2) Banting,
 - 3) Selayang
 - 4) Rawang
 - 5) Kuala Selangor
- c) Sehingga ke hari ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah melaksanakan sebanyak 4 laporan terperinci bagi mengatasi masalah banjir secara bersepadu. Laporan ini diguna pakai oleh kesemua agensi utama yang berkaitan bagi mengatasi masalah banjir seperti Pihak

Berkuasa Tempatan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran. Keempat laporan tersebut adalah Pelan Induk Saliran Bandar Klang, Pelan Induk Saliran Bandar Sungai buloh Pelan Induk Saliran Bandar Seri Kembangan dan Sungai Besi dan Pelan Induk Saliran Bandar Kajang. Dalam usaha memantapkan perancangan Kerajaan negeri kini sedang dalam proses melaksanakan kajian yang seterusnya melibatkan kawasan Banting dan Batu 9, Sijangkang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : UCAPAN BAJET BELANJAWAN SELANGOR 2012

227. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Di dalam ucapan Bajet Belanjawan Selangor 2012, kerajaan telah berjanji akan melaksanakan Program Keusahawanan Muda dengan geran RM50juta. Apakah perkembangan rancangan ini
- b) Apakah matlamat dan strategi kerajaan Selangor di dalam Program Keusahawanan Muda ini?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan sebenar Geran ini ialah sebanyak RM30juta dan setakat 7 Mac 2012, sebanyak 3 permohonan bagi Geran tersebut telah diterima berjumlah RM32,666,000.00 dan dalam proses penilaian oleh Jawatankuasa Pemandu Geran Selangorku.
- b) Matlamat Geran ini ialah untuk membantu belia berdikari bagi menjana sumber pendapatan melalui program-program kemahiran, skim mikro kredit serta penyediaan tapak-tapak perniagaan.